

**DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGGAL PERTAMA  
MESYUARAT KETIGA**

---

---

---

Bil. 50

Rabu

4 Disember 2013

---

**K A N D U N G A N**

<b>USUL MENARIK BALIK DAN MENANGGUHKAN BACAAN KALI YANG KEDUA DAN KETIGA RANG UNDANG-UNDANG DI BAWAH P.M. 62</b>	(Halaman 1)
<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 1)
<b>USUL MENAGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M 18(1):</b>	
■ Status Keputusan Peperiksaan SPM 2013 - YB. Tuan Wong Tien Fatt @Wong Nyuk Foh (Sandakan)	(Halaman 24)
<b>RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT</b>	(Halaman 40)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b>	
Rang Undang-undang Kewangan (No.2) 2013	(Halaman 41)
Rang Undang-undang Fi (Jabatan Muzium Malaysia) (Pengesahan) 2013	(Halaman 105)
Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan) 2013	(Halaman 142)
<b>USUL:</b>	
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 41)

**MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGGAL PERTAMA  
MESYUARAT KETIGA  
Rabu, 4 Disember 2013**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**USUL**

**MENARIK BALIK DAN MENANGGUH BACAAN KALI KEDUA DAN KETIGA  
RANG UNDANG-UNDANG DI BAWAH P.M. 62**

**10.04 pg.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 62, saya mohon menarik balik Rang Undang-undang Rumah Perjudian Terbuka (Pindaan) 2013, Rang Undang-undang Loteri (Pindaan) 2013 dan Rang Undang-undang Pertaruhan Pool (Pindaan) 2013 seperti yang tertera di nombor 6, 7 dan 8 dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini.”

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

**10.05 pg**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 62, saya mohon menarik balik D.R. 15/2013, Rang Undang-undang Lambang dan Nama (Mencegah Penggunaan Tak Wajar) (Pindaan) 2013 seperti yang tertera di nombor 9 dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini.”

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

**10.06 pg**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Puan Hajah Nancy binti Shukri]:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim, Assalammualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 62, saya mohon menarik balik D.R. 10/2013, Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2013 dan D.R

12/2013, Rang Undang-undang Keterangan (Pindaan) 2013 seperti yang tertera di nombor 10 dan 11 dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini.”

“Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 62, D.R. 23/2013, Rang Undang-undang Saran Hakim (Pindaan) 2013 dan D.R. 13/2013, Rang Undang-undang Bahan-bahan Kakisan dan Letupan dan Senjata Berbahaya (Pindaan) 2013 yang dijadualkan sebagai nombor 4 dan 5 dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini ditangguhkan bacaan kali kedua dan ketiga dan dibawa ke mesyuarat akan datang.” Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

#### **JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

*[Soalan No.1-Y.B. Dato' Abdul Manan bin Ismail (Paya Besar) tidak hadir]*

2. **Tuan Seah Leong Peng [Telok Intan]** minta Menteri Pendidikan menyatakan mengapa terdapat ketidakpadanan antara mata pelajaran yang menjadi opsyen guru dengan mata pelajaran yang diajar. Hampir 30% guru kini mengajar Bahasa Inggeris tidak dilatih untuk mengajar bahasa tersebut, manakala hampir 3,600 guru terlatih untuk mengajar Bahasa Inggeris mengajar mata pelajaran lain.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin]:** Terima kasih Yang Berhormat Telok Intan. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memastikan keperluan guru bagi semua mata pelajaran termasuk mata pelajaran guru Bahasa Inggeris sentiasa mencukupi. Anggaran keperluan guru mengikut opsyen bagi sesuatu mata pelajaran dibuat berdasarkan peruntukan waktu yang diputuskan dalam Jawatankuasa Kurikulum Pusat sama ada yang melibatkan mata pelajaran sedia ada atau mata pelajaran baru.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara faktor lain yang diambil kira dalam usaha memperkenalkan guru mengikut opsyen ialah norma perjawatan guru, kelulusan perjawatan pada tahun semasa, jumlah guru mengikut opsyen yang berada dalam sistem dan perubahan dasar serta program pendidikan.

Antara langkah-langkah yang dilakukan oleh KPM untuk mengatasi ketidaksepadanan guru tersebut adalah penempatan semula guru dilaksanakan bagi mengisi keperluan sekiranya terdapat kekurangan guru opsyen berkaitan termasuk untuk opsyen Bahasa Inggeris. Melaksanakan pelbagai program latihan perguruan seperti Ijazah Sarjana Muda Perguruan di Institusi Pendidikan Guru dan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan di Institusi Pengajian Tinggi Awam. Ketiga, menjalankan latihan guru berdasarkan opsyen *major*, *minor* dan *elektif*. Pada masa ini opsyen *major* dan *minor* dilaksanakan untuk guru sekolah menengah. Manakala bagi guru sekolah rendah, latihan diberikan untuk berfokuskan opsyen *major* dan dua *elektif*.

Keempat, memperkenalkan Program Intervensi Tanpa Opsyen (PITO) untuk mengatasi masalah tersebut. Dengan adanya langkah-langkah ini, Kementerian Pendidikan Malaysia menjangkakan keperluan guru mengikut opsyen di sekolah KPM dapat dipenuhi.

Kelima, melaksanakan kursus peningkatan *proficiency* guru bukan opsyen Bahasa Inggeris untuk meningkatkan kemahiran Bahasa Inggeris dalam kalangan guru bukan opsyen Bahasa Inggeris. Sebagai kesimpulan situasi kekurangan guru mengikut opsyen di sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia adalah tidak serius jika diambil kira opsyen major, minor dan elektif yang telah diberikan kepada guru, sekian terima kasih.

**Tuan Seah Leong Peng [Telok Intan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Saya telah difahamkan Kementerian Pendidikan telah melantik tiga juru runding luar iaitu **British Council 'Baton' Education Group** dan **SMRHR group** dalam program tiga tahun yang bertujuan untuk meningkatkan kapasiti guru bahasa Inggeris di negara kita. Ketika firma perunding telah dianugerahkan kontrak mulai tahun 2011 hingga 2013 dengan kos keseluruhannya berjumlah lebih kurang RM89.5 juta setahun. Sebagai sebahagian daripada perjanjian itu, firma tersebut akan menyediakan 360 orang mentor penutur jati bahasa Inggeris sepanjang tempoh tiga. Soalan saya adalah mengapa mentor penutur jati bahasa Inggeris ini bukan dipilih dari guru tempatan mahir dalam bahasa Inggeris. Adakah kerana penguasaan bahasa Inggeris guru tempatan ini masih gagal mencapai standard mengikut kehendak Menteri Pendidikan? Oleh kerana jumlah wang awam yang dibelanjakan untuk program peningkatan Inggeris di negara kita ini amat besar dan banyak sehingga kini apakah hasil terbaik yang telah dicapai oleh program ini. Apakah ada peningkatan bahasa Inggeris di kalangan guru sekolah sejak program mentor bermula pada tahun 2011? Terima kasih.

**Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Terima kasih Yang Berhormat Telok Intan yang berkaitan dengan satu soalan tentang pelantikan penutur jati dari tiga buah syarikat. Sebenarnya, program ini adalah dikhaskan untuk guru-guru yang beropsyen bahasa Inggeris dan di sini soalan tanya tentang guru-guru yang bukan opsyen bahasa Inggeris.

Saya hendak sampaikan kepada Yang Berhormat bahawa untuk guru yang bukan beropsyen bahasa Inggeris, kita memang ada program untuk mempertingkatkan penguasaan *proficiency* bahasa Inggeris untuk guru-guru yang bukan opsyen seperti ICELT iaitu Intensive Course for English Language Teaching yang dikendalikan oleh ILTEC dan RELNOT iaitu *Reinforcing English Language From Non Option Teachers* yang berkaitan dengan mempertingkatkan *proficiency* guru bukan beropsyen bahasa Inggeris adalah dengan izin. Selain daripada itu, kita juga mengendalikan kursus pendek kelolaan institut KPKI. Sekian, terima kasih.

**Datuk Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, kenyataan daripada Setiausaha Agung Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP) Lim Yoke Peng berkata iaitu kegagalan seorang guru mencapai tahap penguasaan dalam bahasa Inggeris dan menjadi guru dalam pekerjaan di sekolah-sekolah merupakan satu kegagalan. Justeru itu, apakah langkah-langkah yang diambil oleh kementerian

untuk memberi latihan intensif kepada guru-guru khususnya mengajar bahasa Inggeris ini supaya mereka dapat menguasai bahasa itu dan bolehlah mereka memberi pembelajaran Inggeris itu kepada pelajar-pelajar di sekolah-sekolah.

Oleh sebab kalau seorang guru yang tidak mahir mengajar pelajar-pelajar, akhirnya pelajar itu menjadi pelajar yang tidak mahir juga dalam penguasaan bahasa itu. Sedarkah Yang Berhormat bahawa di Sabah khususnya bahawa kekurangan guru bahasa Inggeris ini khususnya di luar bandar memang begitu ketara? Justeru itu, jurang perbezaan antara sekolah bandar dan luar bandar memang jauh melebar. Apakah langkah-langkah yang diambil ke arah untuk memantapkan lagi bidang pendidikan di antara wilayah supaya di kawasan bandar dan luar bandar juga seimbang untuk menuju wawasan pendidikan nasional yang dilancarkan baru-baru ini? Saya mahu tahu bila perkara ini boleh diselesaikan dalam mengatasi kekurangan guru-guru bahasa Inggeris ini khususnya. Terima kasih.

**Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan atas soalan yang berkaitan dengan apakah tindakan Kementerian Pendidikan Malaysia sudah ambil untuk mempertingkatkan prestasi guru bahasa Inggeris. Saya sudah jawab tadi bahawa untuk guru yang bukan beropsyen bahasa Inggeris, memang kita ada beberapa program – tidak perlu saya sebut lagi kerana saya sudah beritahu tadi. Untuk guru-guru yang beropsyen bahasa Inggeris, kita juga ada program *upskilling* dengan izin dengan guru bahasa Inggeris dan program adalah seperti Pro-ELT, Program Penutur Jati dan ELCT yang dikendalikan oleh ILTEC.

Berkaitan dengan kekurangan guru Bahasa Inggeris, memang Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa mengambil usaha untuk memastikan bahawa kekurangan guru tidak menjadi satu isu tetapi ini memang menjadi satu cabaran. Akan tetapi apa yang sangat penting di sini adalah di mana guru-guru *redeployed* untuk mengajar bahasa Inggeris mengikut kalau mereka bukan beropsyen bahasa Inggeris, tetapi minor dia adalah opsyen bahasa Inggeris, makanya guru-guru yang ada minor dalam bahasa Inggeris juga diberi tanggungjawab untuk mengajar bahasa Inggeris di sekolah. Sekian, terima kasih.

**3. Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]** minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan sejauh manakah kemajuan projek perintis “Kampung Abad ke-21” (*21st Century Village*) bagi meningkatkan penyertaan golongan muda dalam pertanian dan nyatakan setakat manakah model-model eksperimen Kampung Abad ke-21 ini telah dibangunkan.

**Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal]:** Tuan Yang di-Pertua, ini merupakan satu inisiatif yang baru yang kita perkenalkan iaitu Kampung Abad ke-21. Sehingga kini, sebanyak 29 buah kampung dari seluruh negara telah dipilih bagi mengikuti Program Desa Lestari yang merupakan kampung perintis bagi pelaksanaan program ini dengan peruntukan sejumlah RM130 juta.

Selain daripada menjadikan kawasan luar bandar maju, menarik dan menguntungkan untuk didiami termasuk bagi golongan muda, ia juga merupakan salah satu usaha kerajaan bagi mengatasi *reverse migration* dengan izin atau mengekang penghijrahan penduduk luar bandar ke bandar khususnya generasi muda. Setiap kampung desa lestari disyaratkan menukuhan koperasi bagi pelaksanaan projek dan dianggarkan kira-kira 30% daripada jumlah keahlian koperasi terdiri daripada golongan belia yang akan mendapat manfaat secara langsung daripada pelaksanaan program ini di dalam sektor-sektor penting seperti pertanian, pembuatan, pengilangan dan juga pelancongan desa. Program ini juga bertujuan membuka peluang pekerjaan serta meningkatkan pendapatan kepada penduduk kampung dengan keutamaan diberikan golongan belia sebagai pelaksana projek.

Pelaksanaan projek desa lestari tidak hanya fokus kepada bidang pertanian sebaliknya pelbagai bidang mengikut potensi kampung yang dimajukan.

#### ■1020

Di antara inisiatif ataupun Projek Ekonomi Baru yang diperkenalkan oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah di bawah Program Desa Lestari adalah Pembangunan Industri Penternakan Lebah Kelulut. Berdasarkan kepada kriteria pelaksanaan Strategik Lautan Biru Kebangsaan iaitu *Low Cost High Impact* dan *Quick Gain*, dengan izin, maka pihak kementerian telah memilih industri madu kelulut sebagai produk ikon pada Desa Lestari. Selain mudah diternak, projek ternakan lebah kelulut ini menjanjikan pulangan yang lumayan selain merupakan produk kesihatan yang mendapat permintaan yang tinggi dari dalam dan luar negara. Terkini setelah projek perintis madu kelulut dijalankan sejak bulan Ogos 2013, rekod yang diperolehi adalah Koperasi menjana pendapatan secara purata memperolehi sehingga RM2,000 sebulan.

Sehingga 30 Oktober 2013 sebanyak 11 kampung Desa Lestari telah terlibat dengan industri ini dan dijangka lebih banyak lagi kampung-kampung lain akan terlibat disebabkan sambutan yang luar biasa ke atas produk madu kelulut ini. Adalah diharapkan dengan usaha terbaru, pihak kementerian ini akan dapat menarik minat semua golongan terutamanya golongan belia untuk membangunkan sektor pertanian di peringkat luar bandar. Terima kasih.

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapan kepada Yang Berhormat Menteri kerana hadir sendiri untuk menjawab soalan daripada Machang. Kita sedar di dalam kita menuju negara maju 2020, maka usaha-usaha yang telah dilaksanakan dan dirancang oleh kerajaan khususnya Kementerian Luar Bandar dan Wilayah, sudah tentulah memainkan peranan yang penting di dalam kita merapatkan pelbagai jenis jurang antara kawasan bandar dan luar bandar. Terutamanya dari segi jurang pendapatan rakyat iaitu jurang ekonomi dan juga jurang pembangunan. Maka dengan wujudnya Program Desa Abad ke-21 (*21<sup>st</sup> Century Village*) ini, dengan izin, saya merasakan bahawasanya menjelang 2020 nanti banyak kampung yang akan dapat dimajukan. Seterusnya memberi ruangan kepada golongan-golongan generasi baru, generasi belia agar - seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri, penghijrahan daripada luar bandar ke kawasan bandar akan dapat dikurangkan. Terutamanya

kalau dilihat dari sudut negeri Kelantan terlalu ramai belia-belia berhijrah kerana kegagalan kerajaan negeri di dalam menyediakan peluang-peluang pekerjaan. Maka seharusnya tanggungjawab ini diambil oleh Kerajaan Pusat yang sentiasa prihatin untuk melibatkan lebih banyak kampung yang akan dimajukan di bawah program kementerian.

Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua, apakah Kementerian Luar Bandar dan Wilayah akan bekerjasama di dalam usaha untuk mempertingkatkan keberkesanan program ini yang mana saya melihat kementerian lain seperti Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan amat diperlukan dalam usaha untuk membangunkan kawasan-kawasan ini iaitu bolehlah kita panggil sebagai suatu kerjasama strategik antara Kementerian Luar Bandar dan Wilayah juga kementerian-kementerian lain. Adakah cadangan ini akan dimasukkan di dalam perancangan kementerian? Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Terima kasih Yang Berhormat Ahli Parlimen Machang membangkitkan tentang isu sama ada kita melaksanakan beberapa inisiatif di bawah kementerian ini bekerjasama dengan pihak-pihak kementerian lain. Sebenarnya, memang kita lakukan pelbagai inisiatif bersekali dengan kementerian-kementerian bukan hanya Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani iaitu dalam konteks. Contohnya kita perkenalkan *Rural Transformation Centre (RTC)* yang ada. Contohnya di Wakaf Che Yeh di Kelantan di situ, walaupun ia kawasan pembangkang tetapi kita tidak memikirkan bahawa ianya merupakan kawasan pembangkang. Akan tetapi rakyatnya memerlukan bantuan, rakyatnya memerlukan peluang pekerjaan dan perniagaan. Dengan itu kita bekerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani di mana tempat bangunan yang tidak diguna pakai, begitu jumlahnya besar beratus juta ringgit dan kita manfaatkan.

Hari ini purata jualan yang dapat diperolehi daripada RTC Wakaf Che Yeh di Kelantan sudah pun mencecah sehingga RM300 juta, *turn over year*. Ini merupakan satu usaha yang cukup baik yang dilakukan oleh pihak kerajaan yang kita katakan *The Blue Ocean Strategy*. Di samping itu, kita juga bekerjasama dengan pihak agensi-agensi seperti Kementerian Pertahanan dalam kita membuat jalan di Sarawak di mana ada beberapa *capacity*, dengan izin, keupayaan Kementerian Pertahanan, tenaganya, peralatannya yang diguna pakai. Maka kita gunakan untuk manfaatkan supaya *low cost*, kita boleh kurangkan kos dengan kita hendak tender projek, dengan kita hendak beri dengan kontraktor. Kita beri dengan agensi kerajaan seumpama ini yang boleh mengurangkan.

Seumpama pada tahun lalu bila mana kita sepatutnya menjalankan projek yang anggaran dia dalam lingkungan RM200 juta lebih. Kita dapat mengurangkan perbelanjaan sehingga mencecah RM90 juta untuk membina jalan tetapi kapasiti ini terbatas. Kita tidak boleh lakukan di semua tempat dalam masa yang tertentu kerana agensi-agensi seperti ini ia ada peranan utama mereka, *core business* mereka dengan izin, iaitu untuk menjaga keselamatan. Akan tetapi bila mana kita dapat bahawa mereka ada keupayaan untuk membantu kita, membantu rakyat, maka kita gunakan konsep *Blue Ocean Strategy*. Terima kasih.

**Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan tahniah kepada kementerian kerana mewujudkan program ini program yang baik. Kita dapat yang berbagai-bagai program telah pun dilaksanakan oleh pihak kerajaan untuk meningkatkan kedudukan ataupun status sosioekonomi penduduk-penduduk luar bandar. Soalan saya pada Menteri ialah berkenaan dengan impak ataupun keberkesanan program ini. Boleh Menteri sebutkan beberapa contoh di utara Semenanjung mungkin di Kedahkah di Perliskah ataupun Pulau Pinangkah yang dapat kita lawat dan melihat kejayaan program-program ini di samping Wakaf Che Yeh yang Menteri sebutkan tadi. Itu yang pertama Tuan Yang di-Pertua.

Keduanya berkaitan dengan itu juga. Mungkin Yang Berhormat Menteri boleh dapat pertimbangkan di kawasan-kawasan luar bandar ini industri teknologi hijau umpamanya khusus dalam kitar semula. Ini merupakan satu inisiatif yang agak potensi dimajukan. Terima kasih.

**Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Terima kasih Yang Berhormat Nibong Tebal yang telah pertama mengucapkan terima kasih di atas inisiatif kerajaan. Keduanya, untuk makluman Dewan yang mulia seperti yang saya sebutkan sehingga 30 Oktober 2013 daripada 22 buah kampung yang telah memohon melaksana projek yang saya sebutkan madu kelulut ini 11 sudah kita laksanakan dan Kampung Mengkuang Titi Pulau Pinang. Saya ingat Yang Berhormat Nibong Tebal tidak menjadi masalah bagi kita untuk membawa di mana impaknya di mana seperti yang saya sebutkan ia membolehkan masyarakat di kampung itu pendapatan mereka dapat kita tingkatkan. Akan tetapi ini berteraskan koperasi bukan individu kerana kita hendak libatkan seramai mungkin masyarakat kampung luar bandar yang ada terlibat. Khususnya daripada itu 30% belia-belia kita libatkan dan *insya-Allah* tidak keberatan kita boleh siarkan maklumkan kepada agensi, kementerian yang menguruskan untuk membawa supaya impak dari segi peluang pekerjaan, dari segi pendapatan yang dahulu langsung pendapatan mereka mungkin dalam lingkungan RM300 sebulan sudah berupaya kita tingkatkan.

Dahulu tidak ada peluang pekerjaan, hari ini sudah terbabit dalam madu kelulut ini dan bukan hanya seperti yang saya sebutkan permintaannya dalam negara di peringkat luar negara. Pihak kementerian juga bukan hanya bergantung kepada inisiatif *21<sup>st</sup> Century Village* yang kita lakukan. Malahan kita perkenalkan setahun yang lalu iaitu *Rural Business Challenges* iaitu kita galakkan pertandingan di kalangan belia-belia dari luar bandar dan ini fokusnya kepada individu. Pada tahun lalu kita anugerahkan 10 orang dan kita beri geran RM2 juta untuk membolehkan mereka membesarakan perniagaan yang sedia ada. Di Kedah contohnya, dia ada buat untuk coklat di mana kita dapat tingkatkan dan di Perak, dia menternak itik yang dahulu hanya dalam lingkungan 5,000 ekor. “*La ni*” orang utara cakap, sudah pun 40,000 ekor dia ternak itik yang ada dan ini merupakan satu inisiatif pihak kerajaan yang saya yakin walaupun dia sedikit sebanyak mengambil masa akan memberi manfaat kepada masyarakat penduduk kampung yang ada.

Saya tidak keberatan sangat Yang Berhormat Nibong Tebal, cadangan yang baik dari segi untuk kita guna pakai teknologi hijau. Itu salah satu daripada dasar yang telah kita putuskan di peringkat kerajaan supaya kita perluaskan penggunaan dia kerana manfaat dia kepada negara kita

kerana kita menuju ke arah *environmental conches* kita supaya memastikan bukan hanya dari segi costnya bahkan juga dari segi *environment* kita perlu lakukan dalam masa-masa yang akan datang. Terima kasih banyak.

**■1030**

4. **Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan adakah kerajaan memikirkan cadangan-cadangan untuk menjadikan OIC (Organisation of Islamic Cooperation) lebih berperanan dalam memperkasakan rakyat dan negara anggota.

**Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Hamzah bin Zainudin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tumpat, bekas ahli UMNO yang mengalu-alukan kedatangan ahli-ahli UMNO yang datang pada hari ini. Terima kasih banyak.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Dewan yang mulia ini sedia maklum, Pertubuhan Kerjasama Islam atau dengan izin, Organisation of Islamic Cooperation (OIC) adalah pertubuhan antarabangsa yang dianggotai oleh 57 buah negara di seluruh dunia yang mempunyai kepelbagaiannya latar belakang politik, ekonomi, sosial dan budaya. Oleh yang demikian, di dalam mengemukakan cadangan-cadangan untuk memperkasakan rakyat dan negara anggota OIC tersebut, ia perlulah bersifat universal dan boleh diterima pakai oleh semua anggota OIC.

Dari segi politik, kita semua sedia maklum, ketika ini banyak negara-negara Islam yang menghadapi konflik-konflik dalaman yang membimbangkan semua umat Islam. Contohnya seperti konflik di Syria dan Mesir yang berterusan. Dalam hal ini, Malaysia sebagai sebuah negara Islam yang prihatin terhadap nasib umat Islam telah mencadangkan kepada OIC untuk mengambil pendekatan kesederhanaan, *wasatiyyah* atau *moderation* sebagai alat atau *tools* dengan izin, untuk mengatasi konflik-konflik ini. Bersangkutan dengan ini, baru-baru ini semasa ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Persidangan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan semasa pertemuan beliau dengan Setiausaha Agung OIC yang baru, beliau turut mencadangkan agar pendekatan *moderation* dengan izin, digunakan sebagai medium untuk mencari jalan penyelesaian kepada konflik-konflik yang melanda negara-negara Islam masa kini. Saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tersebut telah disambut baik dan mendapat sokongan daripada ketua-ketua negara yang lain.

Dari segi pembangunan ekonomi pula, bagi memperkasakan rakyat dan negara-negara OIC, Malaysia telah membawa beberapa inisiatif-inisiatif ke dalam OIC terutamanya ketika kita menjadi Penggerusi OIC pada tahun 2003 dan berterusan sehingga ke masa kini. Bagi tujuan ini, Malaysia telah memperkenalkan dan menerajui beberapa inisiatif-inisiatif di bawah kerangka Program Tindakan 10 Tahun OIC atau OIC 10 Year Programme of Action yang bertujuan untuk memperkasakan lagi negara-negara OIC dalam pelbagai bidang di mana Malaysia telah menerajuinya dengan izin, Capacity Building Programme for OIC Countries. Program ini telah dapat membantu negara-negara OIC seperti Bangladesh, Sierra Leone dan Mauritania di dalam

membangunkan sektor perladangan kelapa sawit, perikanan dan sektor petroleum. Di samping itu, Malaysia turut mengetuai penyelidikan pembangunan *standard pharmaceutical* dan pengeluaran vaksin yang bersesuaian untuk kegunaan negara-negara OIC.

Selain itu, sebagai usaha berterusan untuk menggalakkan lagi pembangunan ekonomi di kalangan negara-negara OIC, Malaysia telah menganjurkan Forum Ekonomi Islam Sedunia atau World Islamic Economic Forum (WIEF) yang menjadi platform perbincangan dan *networking* kepada negara-negara OIC untuk memperkasakan sektor ekonomi bersama melalui forum WIEF. Baru-baru ini, kita telah adakan di London dan telah mendapat sambutan dan sokongan yang amat baik daripada semua ketua-ketua negara dan kerajaan terlibat.

Sebelum itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengalu-alukan pemimpin masyarakat Kinabatangan yang dapat hadir bersama dalam Dewan pada hari ini. [Tepuk]

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana memberi penjelasan berkaitan dengan sumbangan negara, peranan negara dan pemimpin negara kita dalam OIC ini. Kita di semua pihak, saya yakin Tuan Yang di-Pertua, senantiasa menyokong aktiviti-aktiviti OIC ini terutama sekali sumbangan-sumbangan penting yang negara kita telah berikan dan boleh senantiasa berikan kepada OIC untuk meningkatkan lagi peranannya untuk membangun negara, untuk membangun umat ini di peringkat antarabangsa dengan kerjasama pihak-pihak yang lain dalam konteks untuk memastikan bahawa dunia kita ini dan agama kita ini sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Maran adalah *rahmatan lil 'alamin*, rahmat kepada seluruh makhluk termasuk rakyat kita dan seluruh dunia.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, kita telah memainkan peranan yang penting dalam OIC dalam beberapa hal. Malangnya sekarang ini, kita melihat bahawa negara-negara besar dan penting OIC seperti Arab Saudi dan negara-negara Arab yang kaya itu, tumpuan mereka nampaknya hanyalah kepada memastikan supaya Iran lemah dan supaya generasinya kekal, kukuh dan kuat di Kurdistan di Mesir itu.

Oleh itu, peranan Malaysia adalah lebih penting dan hari ini kita melihat dengan sokongan dan persetujuan semua pihak saya fikir, kita telah mempunyai seorang tetamu iaitu Khaled Mashal daripada Hamas Palestin. Khaled Mashal dan Hamas ini kita tahu dituduh oleh negara barat khususnya Amerika Syarikat dan pergerakannya Hamas sebagai pergerakan *terrorist* yang tidak boleh diberi apa-apa bantuan. Tindakan kita untuk menjemput beliau itu kita anggap baik. Oleh itu, bolehkah kita teruskan lagi usaha ini dengan Malaysia, Wisma Putra secara rasminya mengisyiharkan bahawa Hamas ini bukan satu gerakan *terrorist* dan kita juga menggerakkan sikap kita ini di peringkat OIC supaya Malaysia dan OIC mengisyiharkan bahawa Hamas bukan gerakan *terrorist*. Oleh itu, kita boleh secara terbuka menyokong gerakan-gerakan untuk membebaskan Palestin dan menjadikan Palestin benar-benar negara yang bebas di kalangan negara-negara dunia ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tumpat kerana mengakui bahawa hari ini kerajaan telah pun dapat menunjukkan bahawa sebagai sebuah kerajaan yang menjadi anggota OIC, kita bukan hanya melihat negara-negara yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi semata-mata seperti di Mesir atau pun di Iran. Akan tetapi keutamaan juga kita berikan tumpuannya kepada Palestin. Oleh sebab itu, dalam kita menentukan supaya dunia mengetahui bahawa di Palestin ini mempunyai konflik yang berbeza, di mana kedudukan Palestin itu sendiri yang mempunyai dua kumpulan yang kukuh dan kuat di antara Fatah dan Hamasnya. Walaupun Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu telah pun menerima hakikat bahawa yang menguruskan Palestin itu diberikan kepada Fatah, tetapi dalam negara tersebut Hamas juga mempunyai satu kawasan yang mereka menguruskannya. Maka sebab itu, kita tidak melihat sebagai sebuah kumpulan yang dianggap sebagai kumpulan *terrorist* tetapi beranggapan bahawa mereka adalah merupakan satu parti yang boleh kita berikan pengajaran mengikut apa yang selama ini atau pun dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *share our experiences* dengan mereka untuk menentukan supaya Hamas dan Fatah boleh bergabung supaya mereka dapat akhirnya mengurus Palestin dengan lebih baik secara aman dan damai. Itu yang kita mahukan. Oleh sebab itu kita membawa mereka di sini untuk menunjukkan bahawa kita bukan hanya menyokong dari segi untuk membantu Palestin melalui multilateral seperti mesyuarat-mesyuarat OIC dan PBB tetapi juga secara bilateralnya kita panggil dan jemput mereka di sini untuk mengajar, untuk memberi *training* dan sebagainya secara yang lebih baik untuk kepentingan bersama seperti yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Tumpat. Terima kasih.

#### ■1040

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Hakikatnya peranan Malaysia dalam OIC amat besar dan cukup berpengaruh dan diiktiraf oleh pelbagai negara Islam di seluruh dunia. Yang Berhormat Timbalan Menteri sebut tentang pelbagai inisiatif yang dibuat oleh OIC dalam mempengaruhi pelbagai pihak untuk menyelesaikan pelbagai masalah yang dihadapi oleh negara anggota. Hari ini kehadiran ramai pemimpin luar satu lagi pengiktirafan kepada peranan Malaysia sempena dengan Persidangan Agung UMNO yang dibuat.

Saya hendak tanya apakah peranan Malaysia, strategi atau langkah yang dibuat oleh Malaysia bagi mempengaruhi negara dan kuasa-kuasa besar seperti Amerika, Perancis, China dan sebagainya bagi membolehkan pandangan OIC, apa sahaja yang dibuat oleh OIC diterima oleh negara-negara besar ini kerana ini penting kerana kalau kita bawa dalam PBB, kuasa besar menolak ia akan menyukarkan kita. Bagaimana peranan dan apakah langkah dan strategi yang Malaysia buat untuk pengaruhi negara-negara besar ini? Terima kasih.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih Yang Berhormat Lenggong yang membangkitkan soal bagaimana Malaysia untuk cuba mempengaruhi negara-negara besar seperti Amerika, China untuk membantu negara-negara anggota OIC yang mempunyai konflik dan juga negara-negara yang agak miskin yang menjadi anggota OIC. Kita telah membuktikan seperti jawapan saya yang asal tadi bahawa beberapa insentif, beberapa program telah pun kita anjurkan.

Apa yang saya katakan contohnya di Mauritania kita bangunkan Mauritania ini melalui menubuhkan *national oil company* mereka. Kita menjemput mereka untuk bersama-sama dengan Petronas, kita minta supaya pegawai-pegawai mereka dapat kita berikan *training* melalui Petronas. Kita bangunkan juga Bangladesh dalam segi *training* untuk projek-projek perikanan. Kita berikan Sierra Leone contohnya projek membangunkan kelapa sawit di Sierra Leone. Itu semua adalah untuk menjadi contoh kepada negara-negara besar bahawa kalau mereka dapat membantu negara-negara kecil ini, maka dapat mengurangkan konflik-konflik yang ada dalam negara-negara tersebut.

Jadi kita sebagai sebuah negara yang kecil ini kita tidak boleh semata-mata hendak melaungkan dalam mesyuarat *multilateral*. Apa yang kita hanya buat adalah hendak membuktikan bahawa sebagai contoh kita bangunkan Sierra Leone, akhirnya dapat mengurangkan konflik di antara rakyat yang ada di sana. Apabila kita dapat membangunkan negara itu dengan membangunkan ladang kelapa sawit di sana, maka inilah yang dapat memberikan satu tanggungjawab kepada negara-negara besar bahawa kalau hendak membantu itu, salah satu caranya. Jadi kita bukan hanya membawa suara dalam mesyuarat-mesyuarat yang besar tetapi juga membuktikan bahawa kemampuan kita dari segi *capacity building* untuk menentukan bahawa Malaysia adalah sebuah negara bukan hanya bercakap tetapi *action oriented* dalam dunia hari ini. Terima kasih banyak.

**5. Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]** minta Perdana Menteri menyatakan tindakan dan langkah yang diambil bagi meningkatkan keupayaan dan keselamatan golongan nelayan luar pantai dan laut dalam bagi mengelakkan kes rompakan seperti yang terjadi di perairan Selat Melaka baru-baru ini.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum itu saya ucap terima kasih kepada semua sekali tetamu Parlimen dan kepada kawan-kawan kita yang sedang berpindah dalam banjir yang berlaku sekarang ini. Kita berdoa semuanya agar selamat dan tahniah kepada Yang Berhormat Baling yang menjadi wakil Pergerakan Puteri. Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Oh, patutlah warna-warna...

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** ...Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia (APMM) berfungsi bagi menjaga dan memelihara keselamatan, keamanan dan kedaulatan negara di Zon Maritim Malaysia serta menyelamat nyawa dan harta benda semasa kecemasan di laut. Dalam menangani isu keselamatan golongan nelayan luar pantai dan laut dalam serta untuk menghadapi ancaman lanun terutamanya di perairan Selat Melaka, agensi ini telah meningkatkan rondaan dan kawalan terutamanya di perairan negara yang menjadi lokasi panas berlakunya kes-kes jenayah di laut dengan mengoperasikan tujuh sehingga sepuluh vessel setiap hari. Kita ada lima wilayah maritim dan tiap-tiap wilayah kita ada tujuh sehingga sepuluh vessel yang kita gerakkan untuk menjaga kedaulatan negara.

Di samping itu, di perairan Selat Melaka APMM mempunyai sembilan buah radar yang dapat memantau dan menyalurkan maklumat berkenaan bot-bot yang mencurigakan kepada kapal bot APMM yang sedang meronda di perairan. Walau bagaimanapun terdapat di kawasan perairan Selat Melaka yang tidak diliputi oleh sembilan buah radar yang dinyatakan tadi. Oleh itu, kerajaan bercadang untuk membina dua buah stesen radar lagi iaitu di Pulau Jarak dan Pulau Perak di bawah Rancangan Malaysia kini bagi memantau kawasan yang tidak diliputi oleh sembilan radar tersebut.

Agensi Penguatkuasaan Maritim juga sentiasa menjalin kerjasama dengan agensi penguat kuasa lain seperti Tentera Laut Diraja Malaysia, Jabatan Perikanan, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Laut dan juga Jabatan Kastam Diraja Malaysia dalam melaksanakan tugas dan peranan menjaga Zon Maritim Malaysia.

Perbincangan secara berkala diadakan di antara agensi maritim pada setiap tahun yang bertujuan untuk mengeratkan hubungan dan juga membuat perancangan operasi di laut. Di antara operasi yang dijalankan ialah Operasi Setia Bersepadu, Operasi Samudera Gagah yang melibatkan semua agensi maritim dalam membanteras perlakuan jenayah di perairan negara. APMM dan TLDM juga melaksanakan operasi bersama seperti mencegah aktiviti pelanunan di Selat Melaka dan juga Laut China Selatan.

Mesyuarat Jawatankuasa Kerja di antara APMM dan Jabatan Perikanan juga diadakan secara berterusan bagi membincangkan mengenai isu keselamatan nelayan, pencerobohan nelayan asing dan juga peningkatan ekonomi komuniti nelayan. Kerjasama yang mantap bersama agensi maritim yang lain serta peningkatan rondaan telah berjaya mengawal zon maritim Malaysia dari ancaman keselamatan maritim termasuklah rompakan dan juga pelanunan.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Pertama sekali saya hendak ucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada kementerian dan tahniah kerana berterusan untuk menjaga keselamatan nelayan-nelayan kita di atas perairan. Kita semua sedia maklum 60% jumlah pengeluaran ikan Malaysia ini adalah sumbangan dari nelayan-nelayan kita. Jadi di kesempatan ini saya hendak bertanyakan kepada Yang Berhormat Menteri, apakah cara dan kaedah yang kita hendak gunakan iaitu menjaga khazanah laut iaitu nelayan, ikan, gas dan juga minyak.

Kalau kita tengok Zon Eksklusif Ekonomi (EEZ) bagaimana baru-baru ini di kawasan perairan kita, kapal-kapalnya apabila maritim mengejar tinggalkan kapal, kawan seorang lagi pergi mengejar dan balik satu kapal rosak, kedua-duanya rosak sehingga sebulan baru berjumpa balik. Jadi ini semua tindakan-tindakan susulan. Apakah kementerian peka kapal-kapal yang digunakan semuanya pun sudah lebih 40 tahun sehingga 50 tahun? Adakah pendekatan akan dilakukan untuk mengubah ataupun membeli kapal-kapal yang baru dan saya dengar jawapan tadi berkaitan dengan radar sudah dijawab dan integrasi di antara polis, tentera, kastam dan maritim dapat dilakukan.

Soalan saya... *[Disampuk]* ...baru soalan. Itu mukadimah. Adakah kerajaan bercadang untuk menyediakan latihan keselamatan khususnya kepada nelayan-nelayan kita dari sudut kecemasan atau peralatan keselamatan seperti pelampung, kit pertolongan kecemasan khususnya bagi membantu nelayan-nelayan yang di saat perairan yang tidak menentu seperti ribut, ombak yang kuat termasuk lanun?

**■1050**

Ini memandangkan mereka pergi berbulan-bulan. Jadi saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah tindakan susulan yang akan dibuat untuk menjaga keselamatan nelayan-nelayan kita yang begitu proaktif? Soalan kedua, apakah integrasi keselamatan ini yang dilakukan ataupun yang sudah, yang akan dilakukan berkaitan dengan keselamatan mereka khususnya di atas perairan Indonesia, Singapura dan Thailand? Terima kasih.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Terima kasih Yang Berhormat Baling. Pertama sekali kita hendak maklumkan Tuan Yang di-Pertua, kawasan perairan kita begitu luas. Kita ada di Selat Melaka dan kita ada Wilayah Pantai Timur, Wilayah Timur dan Wilayah Barat. Ini kawasan yang cukup luas dan kawasan kita sekarang ini dahulu semasa kita memperkenalkan EEZ, kita tidak ada masalah. Tidak ada kehadiran Vietnam, *Philippine* dan juga China. Akan tetapi sekarang ini bila kita sudah bangunkan kawasan ini, kawasan yang penuh dengan minyak dan juga gas, terdapat tuntutan bertindih daripada pihak China, Vietnam dan juga *Philippine* dan termasuk di bawah sini ialah Indonesia.

Jadi tuntutan bertindih ini menyebabkan ada kehadiran kapal-kapal asing di kawasan yang mereka menuntut hak mereka dan kita pun tunjukkan juga kehebatan kita bahawa ini adalah kawasan kita. Jadi itu yang pertama dan yang keduanya, kita tahu bahawa kawasan-kawasan tertentu di laut kita ini ialah kawasan bukan sahaja kawasan panas kerana ada pelanunan tetapi kawasan yang sangat digemari oleh nelayan tempatan dan juga asing di mana di sini tempat ikan berkumpul. Di sinilah yang selalu mereka ceroboh terutamanya di perairan Pantai Timur lebih kurang 100 batu nautika daripada Tok Bali. Ini ialah kawasan yang cukup menarik terutamanya bagi nelayan Vietnam.

Jadi kawasan yang ini kita kena buat rondaan boleh kata 24 jam untuk hendak pastikan supaya kehadiran bot-bot asing ini dapat dikeluarkan. Walau bagaimanapun, sudah pasti sebab mereka ini macam merancang sesuatu. Di siang hari mereka berehat di perairan mereka tetapi bila senja menjelang mereka terus masuk ke kawasan kita dan berlakulah kejar-mengejar. Kalau dia masuk ramai, jadi kita pun kena kejar dan bermacam-macam yang berlaku di sana. Walau bagaimanapun, mereka tahu bahawa kehadiran APMM ini telah mengurangkan aktiviti tangkapan oleh nelayan asing. Jadi usaha untuk mencegah nelayan asing ini diteruskan. Cumanya seperti Yang Berhormat telah sebutkan, bot kita ini agak lama dan uzur, dia sama umur dengan bangunan Parlimen. Bangunan Parlimen kita sekarang berumur 50 tahun, bangunan lama itu dan bot kita juga telah diperkenalkan sama dengan bangunan Parlimen, 50 tahun yang lalu. Jadi bot itu masih beroperasi tetapi kurang hebat sebagaimana mula diperkenalkan.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Kurang daya saing.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Kurang lajulah. Contohnya kita boleh bergerak sampai 15 knot tetapi bila dalam kelajuan yang tertinggi, bila kita tekan minyak habis, mungkin tinggal 12 knot, jadi macam itu. Apa yang berlaku baru-baru ini ialah bila bot Vietnam bergerak 12 knot, bot kita yang mengejar itu tinggal 10 knot. Jadi, jaraknya nampak tetapi kita tidak dapat berbuat apa-apa kerana mereka lebih laju. Walau bagaimanapun, bot-bot pintas kita ialah bot-bot yang laju, yang mampu dan boleh bergerak sampai 60 knot. Jadi kita boleh kejar. Akan tetapi kita kena pertingkatkan bot ini untuk memastikan sekiranya vesse/ kita tidak sempat mengejar, kita akan menggunakan bot-bot laju yang boleh kita berbuat demikian.

Ini ialah menyediakan kekuatan kita diteruskan dari semasa ke semasa. Berhubung dengan bagaimana kita hendak membantu nelayan kita supaya sentiasa selamat kalau berada di laut. Kita tahu bahawa nelayan kita sekarang ini sudah canggih ya. Canggih. Mereka ada alat yang boleh mengesan ikan dan juga mereka ada alat yang boleh berkomunikasi dengan kita. Pernah dua ke tiga kali masa *Search & Rescue* (S&R) dibuat, kita menggunakan peralatan daripada bot nelayan tadi untuk menghubungi pihak-pihak yang terdekat bagi menyelamatkan mana-mana bot kita yang mungkin hanyut dan sebagainya.

Jadi dari segi persediaan demikian rupa, Malaysia sentiasa prihatin kepada usaha-usaha untuk menahan orang asing masuk dan dalam masa yang sama kita hendak pastikan supaya usaha-usaha ditingkatkan agar keselamatan nelayan kita terjamin.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri dan juga terima kasih Yang Berhormat Baling kerana membangkitkan soal maritim ini. Pertamanya tadi Yang Berhormat Menteri sebut bot kita, bot APMM ini umur 50 tahun sudah. Kerajaan kita cuba hendak luluskan kereta yang berumur 12 tahun tetapi rasanya 50 tahun ini boleh luluslah. Tuan Yang di-Pertua, kita maklum bahawa Agensi Penguat kuasa Maritim Malaysia (APMM) ini sentiasa ada kerjasama dengan negara-negara lain iaitu antaranya dengan Polis Air Republik Indonesia (POLAIR). Ini polis air (POLAIR). Ini hebatnya Indonesia. Dia ada bahasa dia Tuan Yang di-Pertua. Kalau rumah sakit bersalin itu Rumah Sakit Korban Lelaki, katanya.

**Beberapa Ahli: [Ketawa]**

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Perkataan yang selalu kita sebut Mantan katanya maksudnya, mundar-mandir tanpa jawatan. Itu mantan. Okey, kerjasama dengan Polis Air Republik Indonesia ini, memang dikatakan dapat menyelesaikan banyak masalah terutamanya rompakan nelayan kita oleh lanun-lanun daripada negara Indonesia. Jadi saya hendak tanya kepada Yang Berhormat, sejauh mana benarnya satu sumber yang mengatakan bahawa selain daripada mereka ini membantu kita menyelesaikan masalah lanun ini, ada kes-kes di mana mereka ini juga melindungi nelayan-nelayan mereka yang menceroboh ke dalam perairan negara kita ini, Malaysia ini.

Keduanya saya hendak tanya pada 27 Januari 2013, Majlis Keselamatan Negara (MKN) telah memasuki satu MOU dengan satu badan di Indonesia yang bernama ‘Bakorkemla’ iaitu Badan Koordinasi Keamanan Laut Republik Indonesia. Saya hendak tahu apakah terma-terma MOU ini dan sejauh mana MOU ini berkesan untuk menyelesaikan masalah di lautan kita terutama pada nelayan. Terima kasih.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Pertama sekali kita hendak maklumkan bahawa usaha-usaha yang kita buat ini, kita buat dengan perancangan yang begitu teliti di mana kita bekerjasama dengan jabatan-jabatan yang terlibat. Contohnya ialah LKIM. Mereka telah diberi latihan berhubung dengan *Search & Rescue*. Jadi kalau sekiranya berlaku apa-apa, kita dapat selamatkan dengan cepat dan terus kita hantar ke rumah korban lelaki. Berhubung dengan tangkapan dahulu ya, kita hendak tunjukkan bahawa usaha kita ini bukan kita bercakap sahaja ya. Kita laksanakan dan sejak tahun 2008 sehingga 2013 Yang Berhormat, kita telah tangkap bot nelayan asing ialah 508 buah.

Ini termasuklah di antaranya bagi tahun 2013, tiga dari Thailand, 33 dari Vietnam dan 25 dari Indonesia dan kalau keseluruhan tahun 2008 hingga 2013, 70 dari Thailand, 263 dari Vietnam, 164 dari Indonesia dan ada juga bot dari Singapura, Brunei dan *Philippine* yang kita tangkap dan jumlah denda yang telah kita kenakan kepada bot ini ialah sebanyak RM222,136,000 yang telah kita kenakan kepada nelayan asing yang kita tangkap. Ini adalah menunjukkan bahawa usaha penangkapan dan juga usaha kerjasama dengan semua pihak berjalan terus.

■ 1100

Berhubung dengan isi kandungan perjanjian dengan pihak Indonesia, ini terdiri daripada pelbagai perkara termasuklah iaitu kerjasama berhubung dengan jenayah di laut secara keseluruhan iaitu bersempadan dengan Indonesia. Perjanjian yang dinamakan ‘Bakorkemla’ ini adalah merupakan kerjasama di antara kita dengan Jabatan Laut Indonesia.

Pada dasarnya Yang Berhormat, berhubung dengan bot-bot yang lama, bot kalau ikut peraturan kehidupan dunia ini, bot kita boleh dilupuskan selepas 30 tahun. Akan tetapi bot kita oleh sebab *dimaintain* dengan baik berjaya bertahan selama 50 tahun. Akan tetapi orang bertanya kenapa APMM mempunyai bot umur 50 tahun?

Jawapannya mudah, selepas APMM ditubuhkan, Yang Berhormat semua di Parlimen ini semasa itu saya tidak ada di sini, telah menubuhkan APMM. APMM bila ditubuhkan, semua sekali bot daripada agensi-agensi yang terlibat dengan penguat kuasa menyerahkan bot mereka dan sebagaimana biasa bot yang mereka serah, bot yang sudah berumur. Jadi umur itu ditambah lagi bila berada dengan APMM.

Jadi sekarang ini usaha kita adalah untuk pastikan supaya bot ini diganti secara berperingkat agar kita tidak berada dalam keadaan di mana kita hanya pamerkan diri tetapi kita tidak boleh buat apa-apa. Kita hendak pastikan supaya bila kita pamerkan diri, bukan sahaja kita menggerunkan musuh sebagaimana Allah telah firmankan dalam al-Quran iaitu, sediakanlah kelengkapan-kelengkapan untuk menggerunkan musuh tetapi kita juga mampu untuk menghalang atau pun menghalau musuh daripada berada di perairan kita.

**[Soalan No.6 – Y.B. Tuan M. Kulasegaran (Ipoh Barat) tidak hadir]**

7. **Datuk Raime Unggi [Tenom]** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah hasil pembangunan yang dilaksanakan bagi kepentingan rakyat terutama di luar bandar hasil penjimatan RM3.3 bilion daripada pengurangan subsidi minyak yang lalu.

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Tenom. Sebahagian daripada penjimatan rasionalisasi subsidi berjumlah RM1.1 bilion tahun ini dan RM3.3 bilion tahun hadapan, jumlahnya RM4.4 bilion akan diberi secara terus dalam bentuk bantuan tunai dan sebahagian lagi akan digunakan untuk menampung pembiayaan program pembangunan kerajaan.

Contohnya termasuk penyediaan peruntukan untuk perkhidmatan pendidikan dan kesihatan, pembangunan masyarakat di bandar dan di luar bandar serta menambah baik sistem pengangkutan awam.

Dalam Bajet 2014 misalnya, kerajaan akan membina 50 buah klinik 1Malaysia yang baru, 30 buah klinik desa, menambah bekalan ubat dan peralatan perubatan serta menambah 6,800 jururawat baru. Ini menunjukkan sumber kewangan daripada penjimatan tersebut akan disalurkan ke arah meningkatkan kesihatan rakyat di bandar dan juga di luar bandar.

Bagi mengurangkan bebanan golongan berpendapatan rendah dan sederhana rendah berikutan rasionalisasi subsidi sebagaimana janji kerajaan, kita akan meningkatkan pemberian BR1M dalam Bajet 2014. Pemberian BR1M kepada isi rumah berpendapatan bulanan RM3,000 dan ke bawah ditingkatkan sebanyak RM150 kepada RM650 bagi individu bujang berumur 21 tahun dan ke atas yang berpendapatan bulanan tidak melebihi RM2,000, nilai BR1M dinaikkan daripada RM250 kepada RM300.

Buat pertama kalinya BR1M diperluaskan kepada isi rumah berpendapatan bulanan di antara RM3,000 hingga RM4,000 dengan pemberian sebanyak RM450. Sebagai tambahan, semua penerima isi rumah BR1M akan diberi caruman Insurans Takaful Berkelompok Rakyat 1Malaysia (iBR1M) bernilai RM50. Skim insurans ini dapat memberi perlindungan maksimum hingga RM30,000 kepada penerima BR1M sekiranya berlaku kematian atau hilang upaya kekal. Peruntukan sejumlah RM4.6 bilion akan disediakan untuk pemberian BR1M tersebut yang dijangka memanfaatkan 7.9 juta penerima.

Kerajaan juga akan meneruskan bantuan persekolahan RM100. Jumlah dalam Bajet 2014, RM540 juta. Kepada pelajar sekolah rendah dan menengah, program baucar buku 1Malaysia bernilai RM250 setiap pelajar dalam bajet 2014, jumlahnya RM325 juta serta subsidi kadar faedah daripada 4% kepada 1% bagi pinjaman Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN).

Dalam Bajet 2014 juga, kerajaan akan meneruskan usaha untuk memperkuuh dan menambah baik infrastruktur asas serta meningkatkan taraf hidup rakyat di luar bandar. Sekurang-

kurangnya sejumlah RM4.1 bilion disediakan untuk pelbagai program pembangunan luar bandar yang merangkumi projek dan pembangunan berikut, antaranya:-

- (i) memperluaskan akses internet di sekolah terutama di kawasan luar bandar seluruh negara dengan peruntukan sejumlah RM168 juta;
- (ii) menambah tiga pusat transformasi luar bandar (RTC) di Sabah, Sarawak dan Negeri Sembilan menjadikan rumah jumlah keseluruhan RTC sebanyak lapan buah;
- (iii) membaik pulih dan menaik taraf 437 kilometer jaringan jalan luar bandar di seluruh negara dengan peruntukan sejumlah RM980 juta. Di samping itu sebanyak RM500 juta disediakan bagi projek Lebuh Raya Pan Borneo;
- (iv) melaksanakan program bekalan air bersih dan terawat kepada 8,000 unit rumah luar bandar dengan peruntukan sebanyak RM457 juta. Selain itu sejumlah RM75 juta disediakan untuk membekal tangki air di Sarawak.

Ini adalah contoh-contoh apabila kita merasionalisasikan subsidi. Wangnya kita gunakan untuk pemberian tunai dan juga untuk pembangunan rakyat. Terima kasih.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjawab dengan begitu terperinci. Kita tahu bahawa hari ini, tujuan pengurangan subsidi yang dilakukan oleh pihak kerajaan kita adalah lebih kepada kepentingan rakyat dan juga negara kita.

Pada hari ini Tuan Yang di-Pertua, kita melihat rakyat tidak berapa nampak berkenaan dengan pengurangan subsidi yang mana ia dapat benar-benar memberi kesan kepada kehidupan mereka. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan program bayaran tunai, program pembangunan yang saya lihat berkenaan dengan contoh tadi sebagai BR1M, mungkin ini boleh menyelesaikan dalam jangka masa pendek.

Soalnya hari ini Tuan Yang di-Pertua, kita melihat juga kesan kepada beberapa perkara yang telah dinaikkan dan saya kira ini satu perkara yang harus juga diberi perhatian oleh pihak kerajaan kita pada masa kini.

Sebagai soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu apakah metodologi yang diguna pakai oleh pihak kerajaan kita yang dikatakan dapat mengurus defisit fiskal dan juga agihan subsidi kepada kumpulan sasar, sebagai contoh, berusaha untuk meningkatkan punca pendapatan bulanan isi rumah. Adakah pihak kerajaan bersedia untuk menimbang satu tabung atau program peningkatan pendapatan sebagai satu langkah proaktif daripada pihak kerajaan untuk memastikan setiap rakyatnya berpendapatan tinggi sejajar dengan hasrat kerajaan untuk menjadi sebuah negara yang mempunyai pendapatan tinggi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tenom, memang menjadi masalah kita kerana rakyat tak nampak segala subsidi yang diberi ini. Akan tetapi rakyat nampak bila ia ditarik. Ketika subsidi itu diberikan, mereka tidak perasan. Ada rupanya 34 sen setiap satu kilo gula itu subsidi kerajaan. Akan tetapi apabila kita tarik, baru mereka perasan,

baru kita semua termasuk yang ada dalam Dewan ini juga rupa-rupanya tahu, baru perasan 34 sen setiap gula yang kita gunakan selama ini ada subsidi.

Masalah kita adalah cadangan untuk meletakkan cap subsidi itu di setiap tong gas misalnya. Bukan kita tak boleh letak sebenarnya. Kita berhasrat hendak letak, tampal subsidi di tong gas ini sebanyak RM21.40, misalnya. Begitulah lebih kurang. Sepatutnya harga RM40 lebih, tetapi sekarang ini cuma RM26. Hendak ditampal dekat tong gas itu masalahnya ialah harga gas itu turun naik.

#### ■1110

Jadi nilai subsidi itu berubah-berubah. Macam sekarang apabila kita tarik 30 sen subsidi petrol, 20 sen subsidi petrol sebelum ini maka petrol naik 20sen, diesel dan juga Ron95. Bukan kita tidak mahu letakkan di setiap stesen seperti Petronas dan lain-lain, bukan kita tidak mahu tetapi harganya turun naik. Jika dulu 63 sen subsidi 1liter Ron95, semalam 51 sen sebab minyak turun sikit.

Jika dulu sebulan yang lepas, dua bulan yang lepas 80 sen untuk 1liter subsidi diesel, semalam 71 sen. Jadi jumlahnya itu turun naik. Itu yang menjadi masalah untuk tampal di mana-mana, bukan kita tidak mahu tampal. Kalau tampal itu bagus, jadi rakyat semua sekali tahu baik Kerajaan Barisan Nasional ini baik bagi mereka subsidi tepung, bagi subsidi minyak masak. Betullah, kita bagi tentulah sebab kita baik bukan? *[Di sampuk]* Apa dia? Boleh tanya selepas ini.

Memang betul Kerajaan Barisan Nasional adalah antara kerajaan yang paling baik dalam dunia ini, betul. *[Tepuk]*. Subsidi kita bagi, subsidi gula sebelum ini, subsidi tepung masih ada, subsidi minyak masak masih ada, subsidi diesel masih ada, subsidi Ron95 masih ada, subsidi PTPTN ada, subsidi buku teks ada, banyak subsidi, ada puluhan subsidi. RM46 bilion...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Sekarang bukan perhimpunan UMNO.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** RM46 bilion subsidi setahun. Subsidi petroleum saja RM24.8 bilion setahun atau RM2 ribu juta sebulan subsidi petroleum itu.

**Seorang Ahli:** Masuk poket berapa bilion?

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Masuk poket? Banyak, banyak masuk poket, rakyat untung. Masuk poket rakyat. *[Ketawa]* Yang Berhormat Tenom juga bertanya tentang punca pendapatan isi rumah yang patut ditingkatkan. Saya kira usaha untuk menjadikan rakyat kita ini sebagai bangsa usahawan adalah satu usaha yang baik untuk kali pertama dalam mana-mana ucapan bajet. Seorang Menteri Kewangan menyebut untuk menjadikan negara ini sebagai *entrepreneurial nation* atau pun negara yang berteraskan keusahawanan. Banyak usaha-usaha kita yang dibuat ke arah itu. Saya kira untuk merapatkan pendapatan rakyat ini tidak cukup dengan diberi subsidi dan juga BR1M. Sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Tenom tadi, tentunya kaedah yang terbaik ialah untuk mengubah kehidupan mereka daripada makan gaji kepada bermiaga sendiri daripada menjual kepada pihak ketiga, terus menjual terus segala barang-barangan yang mereka usahakan. Terima kasih.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri yang menjawab soalan daripada Yang Berhormat Tenom. Ini soal isu subsidi, segala macam subsidi yang disebut tadi. Apa yang penting yang perlu dilihat ialah semalam kenyataan yang dibuat oleh Gabenor Bank Negara Tan Sri Zeti Akhtar Aziz. Dengan kenaikan tarif elektrik ini, saya lihat sama bila tarik subsidi harga minyak menyebabkan harga minyak akan naik. Kenaikan tarif elektrik ini memberikan kesan kepada inflasi, peningkatan kepada inflasi daripada 2.8% katanya kepada 3% akan berlaku. Sudah tentu bermakna bahawa kenaikan atau pun pengurangan subsidi menyebabkan kenaikan harga minyak, harga gula dan sebagainya akan juga turut memberikan kesan inflasi seperti yang telah pun berlaku sebelum ini.

Jadi saya hendak dapatkan penjelasan daripada pihak kerajaan, kenapa dalam isu tarif elektrik ini, kita masih lagi memberikan subsidi kepada IPP umpamanya. IPP masih lagi mendapat subsidi dan membekalkan tenaga kepada tenaga TNB itu dengan harga yang mahal, lalu menyebabkan akhirnya TNB terpaksa menaikkan tarif elektrik kepada pengguna. Sudah tentu bahawa ia akan memberikan kesan berantai khususnya kepada sektor industri apabila *production* mereka meningkat, kos mereka meningkat, maka akhirnya pengguna yang akan menanggung.

Jadi sebab itu saya hendak minta penjelasan, kenapa kerajaan tidak berusaha untuk mencari jalan bagaimana hendak mengurangkan subsidi kepada IPP, walaupun kerajaan selama ini manafikan penggunaan istilah subsidi kepada IPP. Itu sering disebut oleh Petronas tetapi itulah hakikatnya kita membayar sejumlah yang sangat besar kepada IPP.

Kedua Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya bahawa berapa banyak lagi subsidi subsidi ini akan dikurangkan? Adakah kerajaan bersetuju seperti mana yang telah pun dicadangkan oleh makmal rasionalisasi subsidi. Jadi kalau bolehnya kerajaan mengumumkan kepada rakyat jangka-jangka waktu subsidi yang akan ditarik dan sampai tempoh tahun berapa subsidi itu akan ditarik semua seperti mana gula. Gula sudah tidak ada subsidi supaya bagi saya bahawa rakyat tidak terkejut. Maknanya rakyat boleh mengatur kehidupan mereka itu, hendak *adjust* macam mana dalam keadaan... *[Di sampuk]* Soalanlah ini. - Supaya rakyat boleh meng*adjust* kehidupan mereka. Kalau tidak nanti mereka tidak tahu hendak belanja, dia hendak mengurus masa depannya dan sebagainya susah sebab tiba-tiba akan naik. Jadi akhirnya akan lari dia punya bajet dan sebagainya. Jadi saya minta penjelasan iaitu berapa banyak lagi subsidi? Apa jenis-jenis subsidi yang akan ditarik khususnya yang seperti yang dicadangkan oleh makmal rasionalisasi subsidi dan jangka waktu tahun bila. Maknanya selepas ini tidak ada sudah subsidi ini, subsidi minyak, subsidi minyak masak dan sebagainya, bila yang akan ditarik kesemuanya?.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Terima kasih, tahniah diberi jawatan Ketua Penerangan walaupun kalah. *[Ketawa]* Sama jawatan. *[Ketawa]*

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Rakan sejawat. *[Ketawa]*

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Tuan Yang di-Pertua, kalau kita menarik balik segala subsidi, saya pernah membuat kenyataan di sini RM46 bilion itu, maka defisit Kerajaan Persekutuan boleh selesai dalam masa setahun. Akan tetapi kita tidak mahu menyelesaikan defisit

itu dalam masa setahun. Kita ingin bajet berimbang sehingga pada tahun 2020. Itu sebab defisit kita kurangkan secara beransur-ansur, 4% tahun ini, 3.5% tahun depan, 3% pada tahun 2015 sehingga pada tahun 2020, baru kosong peratus atau pun defisit kosong dan bajet kita berimbang. Itu apa yang hendak dibuat oleh kerajaan sekarang.

Akan tetapi defisit ini bukan hanya dengan kaedah menarik subsidi. Pengurangan defisit ini boleh juga dengan mengurangkan perbelanjaan mengurus, dengan mengurangkan perbelanjaan pembangunan atau menambah pendapatan negara. Kita tahu punca pendapatan negara itu antaranya daripada cukai yang dikutip oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri, daripada cukai yang dikutip oleh Kastam dan juga daripada cukai-cukai petroleum yang kita peroleh dan juga segala apa yang diberikan oleh Petronas kepada kerajaan. Hampir lebih kurang 30% daripada pendapatan kerajaan disumbangkan oleh Petronas. Pendapatan Petronas yang disumbangkan itu, separuh daripadanya adalah daripada usaha-usaha ke luar negara.

Tiba-tibalah kita katakan satu senario berlaku bahawa Petronas dapat menambah lagi keuntungan yang berlipat kali ganda di luar negara dan memberikan kita pendapatan yang berlipat kali ganda, maka kita mungkin tidak perlu kurangkan subsidi untuk kita mengurangkan defisit. Itu adalah perkara-perkara logik yang kita boleh laksanakan. Namun begitu, soalan Yang Berhormat Pokok Sena itu kita belum dapat kepastian menentukan bulan depan begitu, bulan satu lagi begini, tidak dapat laksanakan perkara itu. Kita juga melihat kepada suasana semasa.

Tiba-tibalah harga minyak daripada 100USD lebih kurang satu tong sekarang ini, tiba-tiba turun jadi 60USD atau 50USD satu tong. Manalah tahu ada lambakan minyak di dunia, tiba-tiba terjumpa banyak lagi minyak di merata-rata tempat, maka tanggungan kerajaan RM24.8 bilion setahun itu tidak ada untuk subsidi Ron95 dan juga petrol apabila rendah. Sebagai contoh, saya sudah sebut tadi, sebelum ini 63 sen tanggungan subsidi 1liter Ron95, baru-baru ini apabila harga minyak turun, tanggungan subsidi 51 sen dan 80 sen diesel apabila turun jadi 71 sen. Jadi kita dapat penjimatan daripada turun harga minyak itu kerana tanggungan subsidi kita juga jimat. Apabila tanggungan jimat kita tidak perlu mengurangkan subsidi kepada perkara-perkara yang saya sebut tadi.

Mengenai tarif elektrik ini dibincangkan lagi. Kita sudah menyatakan pada tahun 2014 apabila press tanya saya sebelum ini, media pun tanya saya, apa pandangan kata ada cadangan untuk menaikkan tarif elektrik.

#### ■1120

Saya kata kalau harga minyak turun, sepatutnya tarif elektrik ini tidak perlu dinaikkan tetapi pada ketika itu pandangan peribadi saya sebagai orang yang juga prihatin kepada kenaikan harga-harga ini. Saya sudah berbincang semalam dengan Menteri Kewangan Kedua yang juga berbincang dengan Menteri Kewangan Pertama. Kita akan buat lagi pengumuman-pengumuman tertentu. Mudah-mudahan kita juga ingin mendengar apa pandangan rakyat tentang tarif elektrik ini. Setakat ini tidak ada satu pun yang positif. Kita akan fikirkanlah bagaimana.

**8. Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]** minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah pihak kementerian hendak melanjutkan program J-QAF sehingga ke peringkat sekolah menengah seperti yang dirancang oleh mantan Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin]:** Terima kasih Yang Berhormat Bukit Gantang. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melaksanakan Program j-QAF bertujuan untuk memastikan murid sekolah rendah khatham Al-Quran, menguasai bacaan dan tulisan jawi, menguasai asas bahasa Arab dan mampu menuaik solat dengan sempurna. Program ini telah dilaksanakan sejak tahun 2005 hingga sekarang. Matlamat utama program ini adalah untuk menyokong dan memantapkan keupayaan murid dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. Sejak dilaksanakan sehingga kini, pelaksanaan program j-QAF telah menunjukkan kejayaan yang amat menggalakkan. Walau bagaimanapun, masih terdapat beberapa aspek yang perlu diperkuuhkan sebelum pelaksanaannya diperluaskan ke sekolah menengah.

Antara aspek utama yang perlu diberi penekanan dalam pelaksanaan j-QAF adalah memastikan keperluan guru j-QAF di peringkat rendah mencukupi. Dalam hal ini, Kementerian Pendidikan Malaysia juga akan meneliti laporan kajian dan penyelidikan Universiti Kebangsaan Malaysia mengenai pemerkasaan Program j-QAF dalam transformasi sistem pendidikan Islam di Malaysia. Sekian, terima kasih.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Memang Program j-QAF ini satu program yang baik untuk memperkasakan jawi, Al-Quran, Arab dan fardu ain. Malangnya ketika j-QAF diperkenalkan, salah satunya adalah untuk memperkenalkan dan memperkasakan tulisan jawi. Tiba-tiba Kementerian Pendidikan melalui satu logo barunya yang kita boleh lihat di dalam logo rasmi Kementerian Pendidikan yang menyalahi dari segi ilmu tulisan jawi iaitu berkenaan dengan huruf alif. Huruf alif yang melambangkan insan. Okey, maknanya merujuk kepada huruf alif.

Kedua, ilmu. Ilmu itu dia sepatutnya huruf ain tetapi di *refer* kepada soal huruf alif dan iman merujuk kepada huruf alif. Persoalannya, atas dasar apa logo baru Kementerian Pendidikan yang mentafsirkan huruf alif sebagai makna ilmu sedangkan ilmu pangkalnya ialah huruf ain dan bukan huruf alif.

Soalan saya, adakah Kementerian Pendidikan merujuk kepada pakar-pakar j-QAF di Kementerian Pendidikan ataupun tidak ada sangat daripada Kementerian Pendidikan, saya rasa Yang Berhormat Kepong pun boleh menjadi penasihat sebenarnya. Sekian, terima kasih.

**Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Yang Berhormat, dengan rendah hati dan tawaduk, saya tidak cukup pengalaman dalam bidang pendidikan Islam atau pendidikan agama. Sekiranya diperlukan, jawapan bertulis akan diberikan. Sekian, terima kasih.

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan salah satu daripada halangan untuk melanjutkan j-QAF ini ke sekolah menengah ialah

guru-guru. Saya tidak yakin guru adalah satu halangan yang besar kerana keluaran kita terlalu ramai. Anak-anak kita yang balik daripada Timur Tengah pun ramai dan yang dididik di Malaysia pun ramai. Pengajian Quran ini pengalaman. Kita belajar bukan sekadar satu jam sehari boleh habis sehingga Darjah 5 atau Darjah 6 tetapi bertahun.

Jadi apakah tidak boleh kita gunakan anak-anak yang balik daripada Timur Tengah dan yang dididik di Fakulti Islam di universiti tempatan, kita ambil mereka, latih mereka untuk jadi tenaga pengajar di j-QAF di sekolah-sekolah menengah. Itu soalan saya.

**Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Yang Berhormat, saya rasa itu adalah satu cadangan. Jadi cadangan itu diterima dengan *good will* dengan izin. Sekian, terima kasih.

**9. Tuan Rozman bin Isli [Labuan]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan adakah perancangan pembinaan jalan raya untuk membolehkan pembukaan kawasan perindustrian baru untuk menampung kekurangan yang amat mendesak di Labuan pada masa ini.

**Menteri Kerja Raya [Datuk Haji Fadillah bin Yusof]:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakaaatuh.* Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Labuan. *Insya-Allah* saya akan ke Labuan untuk berjalan-jalan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perancangan kerajaan untuk meningkatkan jaringan jalan raya di seluruh negara termasuklah di Wilayah Persekutuan Labuan dibuat berpandukan kepada pelan induk Pembangunan Rangkaian Lebuh Raya atau dikenali juga sebagai *Highway Network Development Plan* (HNDP).

Kajian HNDP bagi negeri Sabah, Sarawak dan juga Wilayah Persekutuan 2010 telah mengenal pasti beberapa projek menaik taraf jalan sedia ada dan membina jalan baru di Labuan. Cadangan menaik taraf yang terlibat ialah Jalan Ranca-Ranca sepanjang 3.5 kilometer, Jalan Batu Arang sepanjang 3 kilometer dan Jalan Mohd. Salleh ke Panchor Hitam sepanjang 7 kilometer. Manakala cadangan pembinaan projek jalan baru di Labuan pula ialah di Jalan Pantai Tanjung Aru ke Kampung Nagalang sepanjang 5 kilometer, Taman Pearl ke Ranca-Ranca sepanjang 2.5 kilometer dan Taman Tan Boon Hau ke Orchid Lake sepanjang 4.5 kilometer.

Sehubungan itu, kementerian akan mengemukakan dan juga telah mengemukakan kepada Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri untuk kelulusan peruntukan dalam tempoh *rolling plan* akan datang. Walau bagaimanapun, pelaksanaan projek-projek yang saya katakan tadi tertakluk kepada kelulusan daripada agensi pusat berkenaan. Terima kasih.

**Tuan Rozman bin Isli [Labuan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan tadi. Labuan mengucapkan terima kasih atas peruntukan yang telah diluluskan untuk jalan daripada Gersik Pintas ke lapangan terbang. Ia adalah satu jalan yang diluluskan walaupun tidak di dalam perancangan sebelum ini disebabkan keperluan mendadak untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas dan untuk membolehkan pembukaan kawasan perindustrian untuk satu kawasan yang ada di sepanjang jalan itu.

Buat pengetahuan Dewan dan Yang Berhormat Menteri, kekurangan kawasan perindustrian di Labuan ini sebenarnya jauh lebih besar daripada yang akan diselesaikan dengan pembinaan jalan yang ada itu. Ia amat ketara sehingga kita memerlukan untuk membuat penambakan sedikit sebanyak laut di kawasan perindustrian di sebelah barat, kawasan perindustrian Ranca-Ranca dan ini akan memerlukan lagi jalan untuk dibina.

■1130

Respons telah pun kita lihat dibuat oleh negara jiran iaitu negara Brunei Darussalam yang mana pada masa ini sedang mengadakan *supply best*, dengan izin, kerana mereka melihat peluang yang begitu besar apabila kontraktor-kontraktor ataupun *service provider* minyak dan gas yang bertapak di Labuan. Mereka ingin datang ke Labuan disebabkan sudah mempunyai kontrak-kontrak kerja-kerja di kawasan laut Sarawak, Sabah dan Brunei tidak mempunyai kawasan perindustrian yang cukup. *List* yang panjang telah diterima oleh Perbadanan Labuan permohonan untuk kawasan-kawasan perindustrian tersebut.

Soalan saya, adakah respons yang seperti dahulu itu dibuat lagi untuk memastikan Malaysia tidak rugi dengan peluang yang datang ini. Kadang-kadang peluang ini ia datang sekali dan kalau respons tidak cukup cepat ia akan hilang. Terima kasih.

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Terima kasih Yang Berhormat Labuan. Seperti mana saya maklumkan tadi perancangan kita berdasarkan *Highway Network Development Plan*. Mengikut perancangan tahun 2010 dahulu kita telah berbincang dengan Kementerian Wilayah Persekutuan termasuk juga dengan Majlis Perbandaran Labuan untuk mengenal pasti keutamaan senarai projek yang akan dilaksanakan. Keseluruhan projek yang telah kita kenal pasti untuk Labuan ini adalah sebanyak 12 projek iaitu tujuh projek baru dan lima projek naik taraf. Dari situ kalau Yang Berhormat Labuan mengatakan bahawa selain daripada projek yang telah dikenal pasti untuk mendapat kepentingan atau pun keutamaan tadi, kita boleh berbincang untuk memastikan bahawa perancangan yang telah dilaksanakan di Labuan itu akan selari dengan perancangan jalan yang juga akan dilaksanakan.

Jadi saya terbuka untuk berbincang dengan Yang Berhormat Labuan menentukan keutamaan dan melihat kembali kepada keutamaan berdasarkan perancangan di peringkat Labuan itu sendiri. Akan tetapi asasnya ialah apa-apa perancangan yang kita kemukakan perlu mendapat kelulusan daripada EPU dan juga Menteri Kewangan dari segi peruntukan bajet dan sebagainya. Jadi sama-sama kita bergerak ke arah ini dan kalau diluluskan peruntukan maka kita akan laksanakan sebagaimana keutamaan yang telah diberikan oleh pihak Labuan dan untuk kita laksanakan secara bersama.

Memang benar sebagaimana yang dikatakan tadi kita telah siapkan dua projek di Labuan untuk tahun ini dan satu lagi sedang di tender. Kalau ini dapat kita laksanakan seperti juga permintaan secara keutamaan yang ditetapkan Labuan, maka kita akan laksanakan sedemikian juga untuk projek yang akan datang. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawapan lisan berakhir.

**[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]**

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT**  
**DI BAWAH P.M. 18(1)**

**STATUS KEPUTUSAN PEPERIKSAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM) 2013**

**11.33 pg.**

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya merujuk kepada Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, Peraturan Mesyuarat 18(1) dan Peraturan Mesyuarat 18(2), saya mencadangkan Dewan ini menangguhkan mesyuarat ini untuk merunding dan bahas perkara yang tertentu di bawah yang berkehendak disegerakan berkenaan dengan kepentingan orang ramai.

Saya di sini bercadang bahawa Dewan ini merundingkan status keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2013 akibat daripada kebocoran kertas soalan mata pelajaran-mata pelajaran Matematik, Sejarah, Matematik Tambahan, Kimia, Biologi dan Sains sama ada keputusan keseluruhan SPM harus diiktiraf tidak sah atau pun hanya peperiksaan untuk mata pelajaran-mata pelajaran tersebut diulangi atau pun pilihan yang lain. Dengan penjelasan saya membentangkan usul ini bagi suatu perkara yang tertentu iaitu pengiktirafan keputusan peperiksaan SPM tahun 2013 akibat daripada kebocoran kertas soalan mata pelajaran-mata pelajaran khasnya di Sabah.

Usul ini harus disegerakan kerana masalah ini serius dan boleh menjelaskan pengiktirafan seluruh dunia terhadap kewibawaan SPM. Kelewatan untuk membuat satu keputusan yang muktamad dan adil akan menjelaskan rancangan pelajar-pelajar tingkatan lima sama ada mereka melanjutkan pelajaran atau pun melalui kerjaya. Kelewatan ini juga akan terus menjelaskan pembahagian biasiswa kerana keputusan itu akan berdasarkan pencapaian pelajar-pelajar dalam SPM. Usul ini amatlah berkenaan dengan kepentingan orang ramai kerana ianya berkenaan dengan sekurang-kurangnya 470,000 orang calon SPM. Kegagalan untuk membuat satu keputusan yang adil boleh menjelaskan keyakinan orang awam atau *public confidence* terhadap Sistem Pendidikan dan Peperiksaan Awam Malaysia. Saya mengulangi perenggan sebelum ini. Walau pun Kementerian Pelajar kata akan menujuhkan satu pasukan tugas atau *duty task force* untuk menyiasat skandal kebocoran ini. Kementerian belum lagi membuat keputusan terhadap status dan pengiktirafan keputusan SPM 2013. Pihak kementerian juga tidak harus dengan dirinya sendiri membuat sebarang keputusan tanpa mendengar pandangan Dewan yang mulia ini kerana ia merupakan satu isu yang begitu penting untuk generasi muda kita. Isu ini belum pernah

dibincangkan dalam Mesyuarat yang sedang berlangsung dan belum diberi penerangan oleh pihak kerajaan atas sebab-sebab di atas.

Saya memohon agar usul ini dibincangkan dengan segara. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu pemberitahu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Yang Berhormat kawasan Sandakan pada hari Isnin, 2 Disember 2013. Teks usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebentar tadi. Bagi membolehkan perkara ini ditimbangkan oleh Majlis Mesyuarat hari ini, saya sebagai Tuan Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat.

Syarat yang pertama bahawa perkara itu tertentu. Syarat yang kedua ialah ia adalah bagi kepentingan orang ramai dan syarat yang ketiga ialah ia berkehendakkan disegerakan untuk dibahas. Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapat bahawa berhubung dengan syarat pertama iaitu tertentu, perkara ini adalah perkara yang tertentu. Berhubung dengan syarat kedua bahawa ianya adalah untuk kepentingan orang ramai, saya setuju ini adalah bagi kepentingan orang ramai.

Berhubung dengan syarat ketiga iaitu berkehendakkan disegerakan untuk dibahas, Ahli-ahli Yang Berhormat saya telah difahamkan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia telah menubuahkan satu pasukan *task force* seperti Yang Berhormat sebut tadi untuk menyiasat dakwaan kebocoran kertas peperiksaan tersebut. Siasatan terperinci dan menyeluruh perlu dilakukan dan dibuktikan salah laku tersebut oleh pihak berkuasa untuk keadilan dan kesaksamaan semua calon yang telah menduduki peperiksaan. Sebarang keputusan yang akan dibuat juga hendaklah mengikuti peraturan yang termaktub di bawah Akta Pendidikan 1996 dan tertakluk kepada hasil siasatan terperinci yang sedang dilaksanakan sekarang. Dengan itu perkara ini saya fikir tidaklah perlu disegerakan untuk dibahas pada hari ini. Oleh yang demikian, saya menolak usul ini di bawah Peraturan Mesyuarat 18(2). Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Boleh Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa Yang Berhormat? Kalau Yang Berhormat bercakap mengenai peraturan mesyuarat, sebut peraturan mesyuarat mana dan sedemikiannya.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Saya hendak ulas balik tentang isu ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey saya beri Yang Berhormat peluang. Sila.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Perkara ini Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, perkara ini setiap tahun berulang.

#### ■1140

*Task Force* sepatutnya ditubuhkan beberapa tahun yang lepas, bukan sekarang. Saya rasa benda ini perlu diteliti, perlu dibahas supaya Kementerian Pendidikan sendiri dapat dengar daripada pihak-pihak kami bahawa isu ini adalah isu yang perlu disegerakan. Bukan *task force*.

*Task force ini saya tidak faham kerana benda ini bukan tahun ini sahaja berlaku hendak tubuhkan task force. Tiap-tiap tahun ada soalan yang bocor dengan izin Tuan Yang di-Pertua, saya selaku seorang guru selama 20 tahun mendidik di pusat tuisyen saya tahu perkara ini berleluasa. Tiap-tiap tahun tidak dapat dinafikan, tidak dapat dielakkan. Apa lagi kita hendak tubuhkan task force kalau bukan Dewan yang mulia ini kita bahas, kita bincang, kita datang dengan satu pendekatan yang terbaik.*

Saya minta Tuan Yang di-Pertua kaji semula keputusan Tuan Yang di-Pertua walaupun saya hormat keputusan Tuan Yang di-Pertua. Saya minta dengan budi bicara Tuan Yang di-Pertua izinkan perbahasan ini sebab perbahasan ini adalah terbaik untuk anak muda sebab peperiksaan SPM adalah peperiksaan yang darjatnya sangat tinggi, martabatnya sangat tinggi di Malaysia. Saya harap Tuan Yang di-Pertua boleh menggunakan budi bicara, kaji semula keputusan Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** Ya Tuan Yang di-Pertua, saya 100% sokong apa Yang Berhormat Kapar sebutkan sebab kebocoran kertas SPM bukan tahun pertama. Setiap tahun kita pun sudah dengar ada sebahagian kertas yang bocor. Akan tetapi tahun ini yang begitu hebat. Macam semua, enam kertas yang bocor.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** Jadi, kita mesti ambil satu ...

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Walaupun usul ini dibuat oleh Yang Berhormat Sandakan tetapi saya setuju supaya usul ini dibahaskan Tuan Yang di-Pertua, sebab tahun-tahun yang sudah pun berlaku. Bermakna, ada orang yang bertanggungjawab. Jadi, kita harus cari siapa orang ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Supaya dia sedar perbuatan dia salah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Sandakan, saya rasa sudah cukup Yang Berhormat Sandakan. Saya beri peluang untuk membaca usul dalam Dewan Mesyuarat. Duduk Yang Berhormat.

Ahli Yang Berhormat, saya rasa Ahli Yang Berhormat setakat ini sudah faham apa maksud Peraturan Mesyuarat 18(1). Malangnya ada juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang kurang faham tetapi untuk mengulangi balik supaya tidak ada lagi kerisauan pada masa-masa akan datang saya ulangi. Peraturan Mesyuarat 18(1) adalah satu kaedah yang boleh digunakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat untuk membawa satu perkara yang perlu untuk dibahaskan dengan segera.

Akan tetapi mesti Tuan Yang di-Pertua berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan itu mesti memenuhi syarat-syarat tertentu dan agenda mesyuarat yang telah ditetapkan sebelum itu terpaksa di kesampingkan. Bermakna, kita kesampingkan agenda, item dalam mesyuarat-mesyuarat *Order Paper*. Dalam hal ini Yang Berhormat, saya bersetuju bahawa ialah perkara itu adalah perkara spesifik, khas, kepentingan orang ramai, saya setuju tetapi mengenai dengan soal

kebocoran ini Yang Berhormat, sebelum saya ambil tindakan saya perlu ambil juga maklum balas daripada pihak-pihak yang berwajib untuk saya buat keputusan.

Saya ulangi Ahli Yang Berhormat, apabila saya sudah buat keputusan, menurut Peraturan Mesyuarat 43 keputusan itu muktamad tidak boleh diulang kaji oleh saya sendiri atau pun majlis kecuali ada usul bersendiri.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Bolehkah Tuan Yang di-Pertua sebelum Tuan Yang di-Pertua buat keputusan, kita berbincang dahulu. Sebab pihak-pihak yang berwajib ini

...

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Ya, saya setuju.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Mereka mempertahankan keputusan mereka.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, tidak ada peraturan mesyuarat mengatakan begitu. Harus kena faham dan Yang Berhormat apa yang saya dapat tahu daripada pihak-pihak yang berwajib ialah cuma dua laporan rasmi yang dibuat iaitu kebocoran matematik dan matematik tambahan. Yang lain itu menurut pihak-pihak yang berwajib adalah cerita-cerita di luar di sana.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat duduk dahulu Ahli Yang Berhormat, saya belum siap bercakap. Peraturan Mesyuarat 42 mengatakan sewaktu Tuan Yang di-Pertua mencelah atau bercakap tidak ada siapa yang boleh bercakap atau berdiri. Yang Berhormat Kalabakan duduk Yang Berhormat Kalabakan.

Dalam soal ini apabila kita hendak membahaskan peraturan 18(1), hasrat kita yang sebenar supaya kerajaan dapat tahu menarik perhatian kepada kerajaan, sesuatu perkara yang baru berlaku harus kerajaan ambil tindakan. Maklum balas saya kerajaan sekarang menujuhkan *task force* kerana kalau siasatan itu didapati betul, Lembaga Peperiksaan kena ambil tindakan membatalkan keputusan. Akan tetapi, kalau kerajaan sekarang ini diminta untuk membuat keputusan tanpa penyelidikan terperinci, pihak-pihak yang berwajib juga berlaku tidak adil kepada mereka yang menduduki peperiksaan yang tidak pun ada kait mengait dengan kebocoran dan sedemikianya. Harus itu difahami.

Kalau perkara ini juga dianggap sebagai satu perkara yang penting, Ahli-ahli Yang Berhormat boleh buat soalan-soalan pada sesi akan datang supaya menteri yang berkenaan dapat jawab. Jadi, kalau perkara ini juga telah berlaku, bukan kelmarin dahulu, sudah ada berlaku lebih kurang dua, tiga minggu yang lalu. Kenapa Ahli Yang Berhormat tidak bangkitkan pada ketika waktu kita berbahas sama ada jawatankuasa atau pun pada peringkat dasar waktu kita membahaskan bajet. Sedangkan Ahli Yang Berhormat daripada Sandakan menyatakan dalam usul ini bahawa ini belum pernah disebut, belum pernah dibangkitkan, belum pernah dijawab. Kenapa perkara yang sebegini penting tidak dibangkitkan? Selepas itu dibangkitkan dalam Peraturan Mesyuarat 18(1)? Itu Ahli Yang Berhormat harus faham.

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** Tuan Yang di-Pertua, ...

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah Ahli Yang Berhormat, saya sudah beri penjelasan setakat itu sahaja. Ahli Yang Berhormat yang sedang berdiri tolong duduk.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Tuan Yang di-Pertua, kita kurang yakin dengan *task force*.

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** Ya Tuan Yang di-Pertua, saya mahu sedikit penjelasan sahaja.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, saya sudah buat keputusan Ahli Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tiap-tiap tahun sudah buat *task force*, tiap-tiap tahun berlaku juga.

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** ... sokongan daripada pihak sini dan pihak situ.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat sila duduk Ahli Yang Berhormat.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Saya cadangkan supaya Dewan ini putuskan sama ada isu ini dibahaskan atau tidak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bolehkah Ahli-ahli Yang Berhormat duduk dahulu. Ahli-ahli Yang Berhormat faham kah tidak?

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Saya cadangkan supaya Dewan ini putuskan sama ada isu itu dibahaskan atau tidak?

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila duduk Ahli Yang Berhormat.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Tuan Yang di-Pertua, kita tidak ada peluang hendak bahas semasa ...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat sila duduk Ahli Yang Berhormat.

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mahu memberi sedikit penjelasan sahaja tentang ...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat duduk lah Ahli Yang Berhormat.

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** Sebab ...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat Sandakan duduk Ahli Yang Berhormat. Saya juga telah menyatakan sebelum ini, apabila usul di bawah 18(1) saya benarkan untuk dibaca dalam Majlis, bermakna tindakan saya itu supaya pihak-pihak yang berwajib sebelah kanan sini ambil perhatian serius. Jadi, bermakna tidak payah lah dibahaskan. Kementerian Pelajaran ambil iktibar kepada ini, dengar fakta usul tadi. Jangan lagi dibangkitkan balik dengan soal ini kerana apabila dibangkitkan balik nanti saya benarkan usul itu. Puas hati Ahli Yang Berhormat?

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak payah berdiri, tidak payah berdiri. Duduk, tidak payah berdiri. Tidak payah berdiri Ahli Yang Berhormat. *[Ketawa]*

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Boleh bercakap duduk Yang Berhormat?

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak apa. Yang Berhormat Sandakan duduk Yang Berhormat.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Minta cikgu bangun, cikgu bangun.

**Tuan Yang di-Pertua:** .. atau pun Jabatan Pendidikan termasuk menteri. *[Dewan riuh]*

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** Tuan Yang di-Pertua, ...

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak semestinya saya tolak. Perkara ini tidak mustahak.

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]:** Tuan Yang di-Pertua,

...

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** *[Menyampuk]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, sudah Ahli Yang Berhormat.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** *Last, last.* Saya akan duduk selepas ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah, sila Setiausaha.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Tuan Yang di-Pertua, saya akan duduk selepas ini. Satu sahaja.

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** Sedikit sahaja Tuan Yang di-Pertua, sedikit.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Adakah ini bermaksud aku janji Dewan ini supaya benda ini tidak berulang tahun depan.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak ada ketetapan ...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat tolong duduk sebelum saya arahkan untuk rehat sekejap.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** *Serious* tentang hal ini Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap tahun berlaku.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah lah, sudah Yang Berhormat. Sudah disebut itu, sudah.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Dia orang tidak serius Tuan Yang di-Pertua. Cuba tanya dia orang tidak serius pun langsung.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, sila.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Tiap-tiap tahun isu ini ... tetapi tidak dijawab, tidak diuruskan. *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Peraturan Mesyuarat Tuan Yang di-Pertua. Peraturan Mesyuarat Kuantan 14(1)(h) dan 18(1). Tuan Yang di-Pertua saya pohon mengusulkan satu usul tergempar tidak bertulis atas urusan banjir di Kuantan yang saya pohon diisyiharkan darurat kerana keadaan di Kuantan begitu parah dan kritikal dan memerlukan bantuan segera daripada tempat-tempat lain dan saya pohon Tuan Yang di-Pertua dibenarkan sebab saya terima

panggilan tidak henti-henti daripada semalam. Ada yang terperangkap dalam rumah Tuan Yang di-Pertua, air sampai leher.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** dengar dahulu, dengar dahulu, ...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat.

#### ■1150

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Dengar dahulu. Tuan Yang di-Pertua, panggilan daripada rumah tengah malam, air sampai leher, mohon dibantu dan tidak ada Jabatan Perkhidmatan Awam datang, tidak ada bot, tidak ada polis, tidak ada bomba. Saya terima panggilan daripada pusat pemindahan banjir, 4000 penduduk JKM tidak masuk, tidak ada makanan pukul 3 pagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Tuan Yang di-Pertua ini usul tergempar tidak bertulis.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Saya pohon diisyiharkan darurat dan dikerah seluruh anggota penyelamat untuk membantu ke Kuantan sebelum ada berlaku kemalangan yang lebih besar lagi Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]:** Saya sokong, saya sokong.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, terima kasih Ahli Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat berdiri saya ucapkan terima kasih. Sila duduk Yang Berhormat.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Tuan Yang di-Pertua, Indera Mahkota menyokong Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tuan Yang di-Pertua, kita benarkan Yang Berhormat Kuantan untuk balik kawasan tengok rakyat sana.

*[Dewan riuh]*

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Yang Berhormat Kinabatangan tidak fahamkah? Kita balik tengok hendak buat apa? Kita hendak bawa bot, kita hendak selamatkan bukan hendak lihat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ini bukan soal Ahli Parlimen hendak kena selesaikan. Kerajaan kena bantu. Saya syorkan Yang Berhormat Kinabatangan yang pergi sana.

*[Dewan riuh]*

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Orang sudah hendak mati.

*[Dewan riuh]*

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Luar negara boleh pergi, Kuantan takkan tidak boleh pergi?

**Tuan Yang di-Pertua:** *[Mengetuk tukul]* Ahli-ahli Yang Berhormat, boleh Ahli-ahli Yang Berhormat duduk Ahli-ahli Yang Berhormat?

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Tuan Yang di-Pertua ...

**Tuan Yang di-Pertua:** Macam mana saya boleh buat petua kalau saya tidak diberi peluang untuk respons.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Tuan Yang di-Pertua, macam mana macam ini? Kalaulah disiplin macam ini di Dewan, saya pun malulah Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat, bantu saya Ahli-ahli Yang Berhormat. Perkara yang dibangkitkan itu masalah rakyat tetapi bantu saya selesaikan dahulu masalah Ahli-ahli Yang Berhormat dalam ini apabila berdiri semua serentak. Ahli Yang Berhormat Kuantan berdiri atas peraturan mesyuarat. Belum pun beliau mengatakan di bawah peraturan mesyuarat yang mana. Akan tetapi apa yang dia sebut ialah dia ingin membentangkan satu usul tergempar mengenai banjir.

Akan tetapi peraturan mesyuarat, kalau pun ada peraturan mesyuarat itu mesti beritahu kepada saya peraturan mesyuarat mana baru saya respons tetapi ...

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Jangan dahulu Yang Berhormat Kuantan berdiri.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Sebab saya sebut Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat ...

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Saya sebut tadi Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Peraturan mesyuarat yang mana Yang Berhormat?

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Saya dengar Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Saya sebut 14(1)(h) bersekali dengan Peraturan Mesyuarat 18(1) di mana 18(1) disebut boleh berdiri di tempat sendiri. Sesiapa Ahli selain daripada menteri pada waktu yang ditetapkan untuk Mesyuarat boleh berdiri ...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Akan tetapi saya memohon jasa Tuan Yang di-Pertua tidak memberi notis dua hari sebab ini tergempar, ini *emergency*. Macam mana hendak beri notis dua hari?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Kalau dalam masa dua hari, sudah selesai. Banjir sudah surut, orang yang mati sudah mati.

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduk dahulu Yang Berhormat. Peraturan Mesyuarat 18(1) atau Peraturan Mesyuarat 14(1)(h) itu saya faham kerana usul tergempar di bawah 18(1), tetapi ia juga mempunyai format yang tertentu. Peraturan Mesyuarat 18(1) tidak mengatakan bahawa *emergency*

usul terus berdiri. Mesti ada teks usul yang dibaca tetapi belum pun saya Ahli Yang Berhormat beri respons, semua berdiri, semua beri pendapat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat Kinabatangan, belum lagi saya siap untuk bercakap. Yang Berhormat Kuantan berdiri. Selepas itu Yang Berhormat Kinabatangan menyokong. Yang Berhormat Kalabakan menyokong. Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain berdiri untuk menyokong.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tuan Yang di-Pertua, pembetulan. Saya tidak menyokong. Saya simpati dengan Ahli Parlimen Kuantan. Kalau boleh kita benarkan dia balik ke kawasan sebab rakyat dia banjir.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Itu bukan masalahnya lah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduk Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, dengar Ahli Yang Berhormat.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Kalau orang awak mati macam mana?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Kalau kawasan saya banjir, saya balik sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, tolong Ahli-ahli Yang Berhormat. Jangan dahulu Ahli Yang Berhormat bercakap!

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Balik, jangan tidak balik.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang bercakap, saya ada kuasa untuk berdiri menangguhkan Dewan. Jadi bermakna apa yang dibangkitkan tidak dapat ada tindakan. Jadi bertenang. Perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuantan itu belum pernah berlaku dalam sesi-sesi yang lalu di mana saya boleh ambil tindakan. Akan tetapi oleh kerana Ahli Yang Berhormat berdiri begitu, saya boleh buat petua walaupun tidak ada dalam, tetapi jangan sama sekali dibuat sebagai *precedent*.

Jadi yang itu telah dibangkitkan. Kalau ada Menteri yang bertanggungjawab mengenai dengan banjir, boleh. Ada Menteri, saya jemput respons. Ini kerana seperti yang saya tahu setiap daerah, setiap negeri mempunyai Jawatankuasa Bencana Alam. Itu semua kita faham. Akan tetapi oleh kerana apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuantan itu adalah perkara yang serius

....

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Wakil rakyatnya tidak balik.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bolehkah kalau ada Menteri boleh respons kepada ini? Sila Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Ahli Yang Berhormat lain diam.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya juga mendapat panggilan daripada pelbagai pihak. Kita telah gerakkan bantuan dan sekejap tadi dalam lebih kurang satu jam setengah yang lalu, kita telah hantar helikopter APMM untuk bergerak ke Kuantan. Dalam masa yang sama semua pegawai

Keselamatan telah diturunkan ke sana termasuk Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Akan tetapi Ahli Parlimennya tidak ada.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kinabatangan, jangan mencelah Yang Berhormat.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Gerakan untuk membantu mangsa banjir iaitu memindahkan mereka ke tempat perpindahan dan dalam masa yang sama memberi bantuan makanan dan lain-lain telah digerakkan oleh semua pihak. Kita sedia maklum bahawa oleh kerana ia berlaku setempat di Kuantan ini, yang melibatkan 15,000 orang penduduk, jadi kita sedang bergerak ke arah tersebut. Daripada pagi tadi, daripada semalam kita bergerak ke arah tersebut. Kita sedia maklum bahawa apabila kita gerakkan bot kita pergi *rescue* katakanlah 10 orang, kita kena datang balik dan sekarang ini kita gerakkan bot APMM yang berada di laut itu pun, kita gerakkan pergi ke sana.

Jadi gerakan. Saya habis sahaja Parlimen sekejap lagi, terus bergerak pergi ke sana untuk membantu mangsa banjir. Ini ialah di bawah Majlis Keselamatan Negara, bencana alam. Jadi semua jentera telah digerakkan dengan sepenuhnya termasuk di peringkat negeri dan juga persekutuan.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh saya respons.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Sekejap Ahli Yang Berhormat semua. Saya beri Yang Berhormat Kuantan peluang lagi. Sila.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri.

*[Dewan riuh]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, bolehkah Ahli-ahli Yang Berhormat senyap?

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang telah memberi penjelasan walaupun agak lambat kerana daripada semalam SOS itu berlaku, tetapi saya ucap terima kasih juga dan saya pohon Tuan Yang di-Pertua

...

*[Dewan riuh]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, bolehkah Ahli-ahli Yang Berhormat senyap?

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya pohon kerjasama yang berterusan supaya pihak bantuan itu dapat bekerjasama dengan Ahli Parlimen walaupun Ahli Parlimen pembangkang. Apa Yang Berhormat Kinabatangan yang tidak faham Tuan Yang di-Pertua ialah apabila Ahli Parlimen bawa ke sini, ini sudah peringkat keputusan paling tinggi. Pergi duduk di kawasan, buat bising, tunjuk muka konon buat kerja tetapi sebenar...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Lynas boleh turun, banjir tidak boleh turun. Apa pasal? Ini yang masalah.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Akan tetapi sebenarnya, usul itu perlu dibawa ke sini Tuan Yang di-Pertua. Saya ucap terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan juga kepada Menteri Luar. Saya ucap terima kasih kepada Menteri dan saya pohon kerjasama berterusan kerana kalau saya perlu *direct line* untuk memberitahu, saya perlu ada *direct line* untuk memberitahu kepada APMM. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Lynas boleh pergi, ini banjir baliklah.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Apa ini Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Tuan Yang di-Pertua, disiplin.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Kalau saya Tuan Yang di-Pertua tegur. Kalau dia ...

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Terima kasih Ahli Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Rakyat ditinggal-tinggalkan, mana boleh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kinabatangan, sudahlah Yang Berhormat. Sudahlah Yang Berhormat. Terima kasih. Sila Setiausaha, teruskan.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Peraturan mesyuarat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]:** Tuan Yang di-Pertua

...

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Peraturan Mesyuarat 19.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekejap, peraturan mesyuarat. Sila.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Peraturan Mesyuarat 19.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, teruskan.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya telah membawa satu rayuan di bawah Peraturan Mesyuarat 19 dan itu antara sebab kerana kenapa saya belum balik ke kawasan. Saya ada ibu bapa...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, tolong Ahli-ahli Yang Berhormat senyap. Kalau Ahli-ahli Yang Berhormat tidak senyap apabila seorang Ahli sedang berhujah, yakinlah saya akan arah untuk keluar satu persatu kalau perlu, ingat. Sila Yang Berhormat Kuantan.

## ■1200

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Biarlah seluruh Malaysia lihat bagaimana gelagat ahli Parlimen UMNO Barisan Nasional melihat kepada masalah rakyat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat Kuantan, Ahli Yang Berhormat Kuantan...

[Dewan riuh]

**Tuan Yang di-Pertua:** [Mengetuk tukul] Yang Berhormat Kuantan, duduk Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kinabatangan duduk Yang Berhormat, kalau tidak Yang Berhormat keluar.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Peraturan mesyuarat Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduk dahulu Yang Berhormat. Belum lagi saya respons kepada Yang Berhormat Kuantan. Ahli-ahli Yang Berhormat, antara lain yang menimbulkan kekecohan ialah apabila kita buat kenyataan yang berbaur politik. *[Tepuk]* Elakkan itu kerana kalau itu mencetuskan juga kekecohan, saya juga tidak akan membenarkan itu. Jadi Yang Berhormat Kuantan saya cukup bermurah hati untuk membenarkan. Jangan mula mukadimah yang nanti akan membangkit perasaan Yang Berhormat Kinabatangan berdiri dan bising. Sila.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya telah menghantar rayuan di bawah Peraturan Mesyuarat 19 pada minggu lepas dengan notis satu minggu berkenaan dengan petisyen kepada Dewan Rakyat daripada ibu bapa penjaga kepada murid-murid Sekolah Kebangsaan St Thomas, Kuantan yang diarahkan menumpang di Sekolah Kebangsaan Teruntum dan Sekolah Menengah Kebangsaan St Thomas, Kuantan yang telah diarahkan menumpang di Sekolah Abu Bakar SABS bermula sesi persekolahan tahun 2014. Saya memang hendak balik kawasan. Akan tetapi oleh kerana ibu bapa ini meredah banjir tinggalkan rumah, tinggalkan keluarga semata-mata untuk meminta rayuan ini dibaca.

Tuan Yang di-Pertua, rayuan ini ditolak. Akan tetapi rayuan ini mengatakan bahawa ibu bapa kepada murid-murid dari Sekolah Kebangsaan St Thomas telah diberi arahan perpindahan untuk menumpang di Sekolah Kebangsaan Teruntum. Pada tarikh yang sama juga ibu bapa kepada murid dari Sekolah Menengah St Thomas telah menerima arahan untuk berpindah ke Sekolah Sultan Abu Bakar. Tarikh bermulanya perpindahan ini adalah bagi sesi persekolahan 2014. Kedua-dua arahan perpindahan dan menumpang ini adalah susulan dari surat dari Pejabat Pengarah Pendidikan Pahang bertarikh 7 November 2013.

Kementerian Pendidikan Malaysia mengambil keputusan di atas alasan persetujuan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pendidikan Malaysia pada 28 Oktober 2013 dengan mengambil kira mesyuarat dan pertemuan antara wakil Kementerian Pendidikan Malaysia, pihak pengurusan sekolah menengah dan rendah serta Persatuan Ibu Bapa Guru yang diadakan pada 12 Oktober 2013. Perbincangan dengan PIBG dan sekolah mendapati tiada persetujuan dalam mesyuarat tersebut seperti mana yang dikatakan oleh wakil Kementerian Pendidikan Malaysia. Yang di-Pertua Persatuan PIBG pula didapati telah memberikan persetujuan PIBG sekolah rendah tanpa merujuk kepada semua ahlinya melalui sebarang mesyuarat tergempak yang sepatutnya diadakan.

Oleh kerana pihak Kementerian Pendidikan Malaysia telah tindakan tanpa menimbang tara persetujuan, kepentingan dan implikasi semua yang terlibat dalam arahan ini, kami yang dinamakan di bawah dengan rendah diri memohon supaya Dewan yang mulia ini mendesak Menteri Pendidikan untuk mengambil tindakan pembatalan demi memberi keadilan dan kewajaran

Kepada kami sebagai ibu bapa dan penjaga kepada murid di Sekolah Kebangsaan St Thomas dan Sekolah Menengah Kebangsaan St Thomas.

Tuan Yang di-Pertua, 89 orang ibu bapa menandatangani rayuan ini. Namun rayuan ini ditolak atas alasan tidak menulis di kepala surat rayuan itu berapa banyak bilangan tandatangan pada rayuan itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada satu lagi rayuan Yang Berhormat Padang Serai yang ditulis dengan tangan jumlah tandatangan. Tuan Yang di-Pertua, dua kali saya berkomunikasi dengan Tuan Yang di-Pertua semalam. Satu kali secara surat satu kali bersemuka. Tuan Yang di-Pertua boleh nasihatkan saya untuk menulis di atas rayuan jumlah dan tidak menjadikan itu alasan untuk menolak.

Alasan yang kedua yang diberikan oleh Tuan Yang di-Pertua ialah berdasarkan kepada fakta yang diberikan, perkara dalam rayuan ini telah pun diambil tindakan oleh pihak kerajaan. Tuan Yang di-Pertua, dalam rayuan ini menjelaskan bahawa tindakan yang diambil oleh pihak kerajaan itu tidak merupakan tindakan yang dirunding bersama dengan ibu bapa, dengan guru-guru, dengan pihak sekolah dan hanya mengambil kira pandangan seorang. Tuan Yang di-Pertua, alasan ini bukan alasan yang munasabah pada pandangan saya. Tuan Yang di-Pertua seharusnya rayuan ini diambil kira kerana ibu bapa.

Tuan Yang di-Pertua bayangkan rumah kena banjir, mereka datang juga sebab mahu rayuan ini didengar di peringkat Dewan Rakyat yang mulia, di peringkat lebih tinggi supaya Yang Berhormat Menteri boleh buat satu keputusan *reverse*, boleh *reverse decision* yang mereka dah pergi rayu secara peribadi, mereka dah pergi jumpa, saya dah bawa jumpa. Mereka dah buat macam-macam. Saya dah buat usul yang ditolak oleh pihak Tuan Yang di-Pertua sendiri dan akhirnya mereka buat rayuan dan ditolak atas dasar teknikal. Tidak ada jumlah yang Tuan Yang di-Pertua boleh nasihatkan kepada saya semalam untuk tulis macam Yang Berhormat Padang Serai tulis, tulis tangan sahaja saya tengok. Akan tetapi diluluskan.

Kenapa Tuan Yang di-Pertua tidak menasihati saya sewaktu saya berjumpa dengan Tuan Yang di-Pertua dan sewaktu saya tulis nota kepada Tuan Yang di-Pertua. Boleh kita runding bersama. Saya rayu saya kata jangan sia-siakan perjalanan mereka dari Kuantan, tinggal anak, tinggal keluarga, tinggal rumah yang naiki banjir. Saya juga tidak boleh turun kawasan sehingga kawan-kawan pun kecam saya. Tuan Yang di-Pertua, ini demi rakyat juga, ini untuk Kuantan juga. Bukan sahaja satu perkara yang harus kita perjuangkan. Banyak perkara yang penting untuk rakyat yang kita wakilkan. Oleh sebab itulah... *[Dewan riuh]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat yang lain diam.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Oleh sebab itu saya kecewa sebab rayuan ini ditolak dan mereka juga kecewa. Dahlah mereka tidak dibenarkan di hadapan tadi kementerian benarkan duduk di galeri. Kononnya Yang Berhormat Kinabatangan ada orang, Kuantan tidak boleh duduk. Akhirnya saya susah hendak dapatkan mereka tempat untuk masuk ke galeri. Tuan Yang di-Pertua, sampai macam itu. Mereka tandatangan *signature*, mereka tanda tangan rayuan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Banyak lagi Yang Yang Berhormat?

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya kata kepada Kementerian Pendidikan Malaysia telan ego mereka, runding baik-baik, saya sedia bantu dan kalau mereka tidak mampu selesaikan, kita boleh tolong.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ini usul apa Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Kenapa kacau ini Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat Kapar, Ahli Yang Berhormat jangan campur perkara-perkara yang tidak dijemput untuk bercakap.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Bukan saya Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kinabatangan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Apa pula saya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Bolehkah Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain duduk, saya respons dahulu. Bolehkah?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Boleh *point of order* sekejap Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh saya respons dahulu kepada Yang Berhormat Kuantan sebelum *point of order* Yang Berhormat Kinabatangan bangkitkan. Ahli-ahli Yang Berhormat, Peraturan mesyuarat 19 iaitu berhubung dengan rayuan atau dalam bahasa Inggerisnya *petition* jarang-jarang kita dengar dalam Dewan ini. Jarang-jarang juga dibuat di mana-mana Dewan di luar negara. Akan tetapi, kalau dalam keadaan-keadaan tertentu di mana Parlimen terpaksa mendesak kerajaan berbuat sesuatu, maka peraturan mesyuarat itu boleh diguna pakai tertakluk kepada juga syarat-syarat seperti peraturan-peraturan mesyuarat yang biasa. Jelas itu. Jangan dahulu ada yang berdiri.

Perkara yang dibangkitkan mengenai dengan pelajar-pelajar yang dipindah kepada dua sekolah atas sebab-sebab yang telah juga diberi kepada saya. Soal ini telah saya beri peluang kepada Yang Berhormat Kuantan untuk membawa dan baca di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1), telah dibaca. Saya tolak dalam kamar. Alasan saya juga pada ketika itu ialah bukan bermakna saya tolak, pihak kerajaan tidak ambil ikhtiar. Ahli Yang Berhormat Kuantan tidak berpuas hati dengan tindakan itu, bawa *petition* di bawah 19 lagi mendesak Parlimen untuk mendesak kementerian yang berkenaan tarik balik apa yang telah dibuat.

Begini Yang Berhormat, dengar baik-baik. Sebagai wakil rakyat, Yang Berhormat Kuantan berbuat sebaik mungkin untuk mewakili pengundi. *[Tepuk]* Pihak kerajaan juga Jabatan Pendidikan sebaik mungkin meninggikan martabat pendidikan negara Malaysia sehingga saya pun menjadi peguam oleh kerana daripada sistem itu. *[Tepuk]* Tugas saya pula dengan sebaik mungkin untuk menjadi orang tengah peraturan mesyuarat dipatuhi. Kalau ada yang bising keterlaluan saya halau, menjimatkan masa. Jadi apabila semua tugas ini sudah kita nampak, tugas Yang Berhormat

Kuantan berbuat demikian untuk apa yang difikirkan oleh beliau baik, begitu juga dengan pendidikan.

Begini Ahli Yang Berhormat, pertikaian adalah cuma sedikit sahaja iaitu tempat tapak sekolah sekarang ini yang dipertikaikan ialah bukan tanah kerajaan, tanah organisasi iaitu yang dipunyai oleh – sila berdiri Yang Berhormat Kuantan, dipunyai oleh?

**■1210**

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Tapak sekolah rendah dipunyai oleh Gereja *St. Gabriel Montfort Brothers*, tapak sekolah menengah dipunyai oleh *Archbishop of Kuala Lumpur*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey terima kasih, cukup setakat itu. Okey bermakna pertikaian adalah soal tapak. Yang Berhormat Kuantan tidak mahu sekolah itu murid-murid dipindah ke satu sekolah yang telah dipilih oleh kerajaan dalam lingkungan satu kilometer kerana alasan Yang Berhormat Kuantan kepada saya ialah untuk keselesaan.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Maaf Tuan Yang di-Pertua, saya beri alasan bahawa pihak gereja tidak mengatakan mereka boleh kekal sehingga Disember 2015.

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti dahulu, nanti dahulu Yang Berhormat.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Sehingga Disember 2015 Tuan Yang di-Pertua, saya perbetulkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat saya belum ke arah itu Yang Berhormat. Saya sudah baca Yang Berhormat punya alasan-alasan. Antara lain alasan-alasan Yang Berhormat ialah kalau dipindah penuntut-penuntut ini ke satu sekolah atau dua sekolah yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan, bermakna ketenteraman dan keselesaan akan terganggu. Menurut Yang Berhormat juga walaupun kedudukan tanah tersebut adalah dipunyai oleh agensi yang disebut tadi dan telah memberi juga kebenaran kepada Kementerian Pendidikan untuk sekolah situ sehingga pada suatu ketika yang telah ditetapkan seperti Yang Berhormat sebut. Akan tetapi apabila saya minta penjelasan daripada Kementerian Pendidikan, penjelasan Kementerian Pendidikan ialah mereka mahu menyelesaikan perkara ini untuk jangka masa panjang. Sedangkan Yang Berhormat mahu cuba penyelesaian jangka masa pendek. Kedua-duanya penyelesaian. Faham itu Ahli-ahli Yang Berhormat?

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Tuan Yang di-Pertua saya cuma kata...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, duduk dahulu Ahli Yang Berhormat.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Tuan Yang di-Pertua pohon. Ada juga *point* saya di mana saya kata kenapa tidak diambil *grace period* sehingga Disember 2015...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat nanti dahulu Yang Berhormat.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Sementara dicari sekolah lain.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Ini lebih selesa Tuan Yang di-Pertua. Itu argument saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Jangka masa panjang, itu jangka masa panjang cari sekolah lain tetapi sementara duduk di situ.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: [Bangun]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat Kinabatangan duduk dan Yang Berhormat Kuantan duduk dahulu Yang Berhormat. Apa sebab saya layan Yang Berhormat begini dan saya cuba menjelaskan dari di sini supaya didengar. Sebetulnya Yang Berhormat kalau saya tidak anggap isu ini tidak penting saya tidak perlu berbahas begini dengan Yang Berhormat. Yakinlah setiap kita wakil rakyat bukan semua yang kita hendak kita dapat. Kalau semua dapat, Yang Berhormat Kinabatangan akan berdiri setiap hari. *[Ketawa]*

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Peraturan Mesyuarat Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cuma setakat itu Yang Berhormat. Sekarang ini saya menolak petisyen atas sebab yang saya kata tidak mengikut Peraturan Mesyuarat 19. Cuma itu. Ini kerana petisyen bermaksud Parlimen ini mesti mendesak Menteri yang berkenaan menarik balik. Bermakna Yang Berhormat minta saya itu ialah termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat daripada kerajaan juga mesti mengundi dan setuju apa yang diminta oleh Yang Berhormat supaya diarah Menteri Pendidikan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu Peraturan Mesyuarat 19, akibatnya Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Peraturan Mesyuarat Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Selepas itu saya *respons*, setiausaha kita jalankan mesyuarat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tuan Yang di-Pertua peraturan ini saya telah buka. Saya minta bantu dengan Tuan Yang di-Pertua untuk memaklumkan saya tidak ada peraturan di mana kalau ada darurat, maka Ahli Parlimen tersebut harus balik ke kawasan dia, keutamaan dia rakyat sebab rakyat yang memilih dia. Akan tetapi Ahli Parlimen Kuantan memilih untuk berada dalam Dewan Rakyat meninggalkan rakyat dia semata-mata untuk membawa isu yang boleh dibincang dengan kementerian. Justeru itu, saya minta Yang Berhormat Kuantan kalau dia benar-benar cintakan rakyat di Kuantan, balik sekarang! Bantu mereka berhadapan dengan kesusahan!

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Jangan waktu pilihan raya sama-sama, sudah menang tinggalkan rakyat. Itu tidak boleh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Kalau itu kawasan saya kena darurat, saya tidak akan berada di Dewan ini sampai bila-bila. Saya akan bersama-sama dengan rakyat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat, terima kasih.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Saya cari peraturan. Kalau ada peraturan kalau ada darurat Ahli Parlimen kena di kawasan. Bermakna Yang Berhormat Kuantan memilih untuk berada dalam Dewan Rakyat dan meninggalkan rakyat dia. Dia tidak peduli rakyat!

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat terima kasih.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Cari publisiti murahan!

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Tuan Yang di-Pertua, kalau macam itu kalau saya komen tidak boleh tetapi biarkan Yang Berhormat Kinabatangan melalak lama-lama itu boleh pula. *[Ketawa]*

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Saya tidak mahu dengar Yang Berhormat Kuantan Tuan Yang di-Pertua, saya minta diri Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudahlah Yang Berhormat sudahlah Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua saya hendak cadang supaya Perhimpunan Agung UMNO dibatalkan dahulu supaya Perdana Menteri boleh turun ke Kuantan negeri dia. *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, sila teruskan. Saya rasa saya cukup sabar untuk melayan semua kerentah Yang Berhormat tetapi masih lagi ada Ahli-ahli Yang Berhormat menuduh saya tidak adil, tidak beri peluang untuk berhujah dan sedemikianya. Sila Menteri.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Yang Berhormat Kuantan sudah bergerak, sudah beredar. Selamat berjuang Yang Berhormat Kuantan. Tuan Yang di-Pertua, saya...

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat, Menteri sedang membentangkan sesuatu. Sila.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Mereka pun hendak jadi Menteri.

### **RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**

#### **RANG UNDANG-UNDANG PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM DAN PENCEGAHAN PEMBIAYAAN KEGANASAN (PINDAAN) 2013**

##### **Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 dan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram (Pindaan) 2003; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat yang akan datang.

**USUL**

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN  
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**12.16 tgh.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dibahas dan diputuskan (D.R.22/2013) Rang Undang-undang Kewangan (No.2) 2013, (D.R. 19/2013) Rang Undang-undang Fi (Jabatan Muzium Malaysia) (Pengesahan) 2013 dan (D.R. 20/2013) Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan) 2013 yang dijadualkan di nombor 1, 2 dan 3 seperti yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Khamis, 5 Disember 2013”.

**Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Dr. James Dawos Mamit]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujukan.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]*

**RANG UNDANG-UNDANG**

**RANG UNDANG-UNDANG KEWANGAN (NO. 2) 2013**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**12.18 tgh.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Setem 1949, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 dan Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990 dibacakan kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu akta yang bernama Rang Undang-undang Kewangan (No.2) 2013 bagi membolehkan pelaksanaan langkah percuakan yang diumumkan dalam Bajet 2014 di samping melaksanakan keputusan kerajaan berkenaan penambahbaikan pentadbiran cukai yang memerlukan pindaan kepada akta-akta tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menghuraikan setiap fasal di dalam rang undang-undang ini. Rang undang-undang ini mempunyai 52 fasal yang dibahagikan kepada enam bab seperti berikut:

## Bab I – Permulaan.

Dalam bab permulaan terdapat dua fasal seperti berikut:

Fasal 1 menyatakan tajuk ringkas akta ini iaitu dikenali sebagai Akta Kewangan (No.2) 2013.

Fasal 2 menerangkan tujuan rang undang-undang ini iaitu untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Setem 1949, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 dan Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990.

## ■1220

Bab II - Pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan 1967.

Bab II Bahagian pertama yang terdiri dari 30 fasal iaitu fasal 3 hingga 32 bertujuan untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967 seperti berikut:

Fasal 3 bertujuan menyatakan tarikh kuat kuasa bagi pindaan yang dibuat ke atas akta tersebut. Kesemua pindaan kepada akta mempunyai tarikh kuat kuasa mulai tahun tafsiran 2014 dan tahun-tahun tafsiran berikutnya kecuali Fasal 6, 20, 23, 24, 27, 28, 29, 31 dan 32 mulai berkuat kuasa sehingga akta ini dikuatkuaskan.

Fasal 4 bertujuan meminda subseksyen 2(1) bagi memberi definisi kepada dengan izin *deferred annuity* atau anuiti tertangguh dengan izin, *permanent total disablement*, hilang upaya kekal dan *serious diseases* iaitu penyakit serius.

Fasal 5 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 4C bagi menjelaskan bahawa apa-apa laba atau keuntungan yang diterima daripada pelupusan stok perdagangan secara pengambilan wajib adalah dianggap sebagai laba atau keuntungan dari suatu perniagaan.

Fasal 6 bertujuan meminda subseksyen 6(1) bagi memperuntukkan bahawa cukai pegangan dikenakan jika seseorang individu mengeluarkan sumbangan yang dibuat olehnya ke dalam anuiti tertangguh sebelum mencapai umur 55 tahun. Peruntukan ini tidak terpakai jika pengeluaran adalah disebabkan hilang upaya kekal, hilang upaya mental, penyakit serius, kematian atau meninggalkan Malaysia secara kekal.

Fasal 7 bertujuan meminda seksyen 18 bagi memperluaskan tarif keraian supaya termasuk perbelanjaan yang dilakukan dengan atau tanpa balasan bagi maksud mempromosi perniagaannya kepada pelanggan.

Fasal 8 bertujuan meminda subseksyen 21A bagi memudahkan pembayar cukai mengemukakan borang cukai dengan menerima tempoh perakaunan sebagai tempoh asas bagi tahun taksiran. Peruntukan ini terpakai ke atas syarikat perkongsian liabiliti terhad, badan amanah dan koperasi.

Fasal 9 bertujuan meminda subseksyen 24(1) berbangkit daripada kemasukan seksyen baru 4C.

Fasal 10 bertujuan memasukkan subseksyen baru 29(3) untuk memperkemaskan peruntukan berhubung pendapatan faedah daripada transaksi pinjaman antara pihak berkaitan

dengan izin, *related party* yang berupaya untuk dituntut dengan izin *atonable on demand*. Dengan pindaan ini faedah transaksi tersebut dianggap sebagai pendapatan pemberi pinjaman apabila faedah itu perlu dibayar oleh peminjam.

Fasal 11 bertujuan memasukkan subseksyen baru 33(4) bagi menjelaskan bahawa pembayar cukai hanya layak untuk potongan faedah daripada wang yang dipinjam apabila faedah itu sepatutnya dibayar. Pelarasan taksiran cukai hendaklah dibuat bagi tahun-tahun faedah itu kena dibayar.

Fasal 12 bertujuan memasukkan subseksyen baru 39(1A) bagi memperuntukkan bahawa potongan yang dituntut oleh pembayar cukai tidak akan dikenakan, tidak akan dibenarkan jika ia gagal mengemukakan maklumat yang diminta bagi menyokong tuntutan itu dalam tempoh yang ditetapkan atau tempoh yang dibenarkan.

Fasal 13 bertujuan meminda subseksyen 44(7) bagi meluaskan potongan yang diberi di bawah subseksyen 44(6) ke atas sumbangan wang tunai yang dibuat kepada organisasi yang membeli bangunan bagi kegunaan keagamaan.

Fasal 14 bertujuan untuk memotong takrif '*serious disease*' dengan izin, di bawah subseksyen 46(2) dan dimasukkan di bawah subseksyen 2(1).

Fasal 15 bertujuan meminda seksyen 49 bagi menjelaskan bahawa perbelanjaan yang dibenarkan pelepasan adalah merujuk kepada bayaran premium anuiti tertangguh. Fasal 15 seterusnya menjelaskan bahawa pelepasan anuiti tertangguh juga terpakai bagi premium yang dibayar oleh pembayar cukai untuk dirinya atau pasangannya.

Fasal 16 bertujuan meminda sub perenggan 5(b) dan 7(b) seksyen 60A untuk memasukkan peruntukan yang membenarkan perbelanjaan fi pengurusan, dana am takaful diberi potongan sama seperti layanan ke atas dana am insurans konvensional. Fasal 16 seterusnya meminda sub perenggan 9(b) dan 10(b) bagi memasukkan peruntukan bahawa perbelanjaan komisen dan diskain berkaitan dengan perniagaan am dibenarkan sebagai potongan dalam mengira cukai pendapatan bagi dana pemegang saham.

Fasal 17, Fasal 18, Fasal 19 bertujuan meminda seksyen 60F, 60H dan 63B. Masing-masing untuk menyeragamkan formula yang digunakan bagi menentukan amaun perbelanjaan yang boleh dibenarkan atau dituntut oleh syarikat pelaburan induk, syarikat dana tertutup dan amanah unit.

Fasal 20 bertujuan meminda seksyen 75A bagi memastikan mana-mana pengarah syarikat yang mempunyai pegangan saham atau pun kawalan syarikat tidak kurang kepada 20% modal saham, modal saham biasa adalah bertanggungan untuk membayar hutang cukai yang dikenakan.

Fasal 21 bertujuan memasukkan subseksyen 77A(1A) untuk mewajibkan syarikat mengemukakan borang cukai pendapatan melalui *e-filing* menetapkan syarikat untuk mengemukakan borang tersebut berdasarkan kepada akaun beraudit.

Fasal 22 bertujuan memasukkan seksyen baru 77C bagi memperuntukkan bahawa potongan cukai bulanan (PCB) yang dibuat oleh majikan dianggap sebagai cukai muktamad atau

pun dengan izin, *final tax*. Langkah ini akan memudahkan pembayar cukai individu yang layak supaya tidak perlu mengemukakan borang cukai pendapatan.

Fasal 23 bertujuan memasukkan subseksyen baru 99(4) bagi menjelaskan bahawa rayuan di bawah seksyen ini tidak terpakai bagi rayuan ke atas taksiran cukai yang dibuat di bawah subseksyen 90(1) dan seksyen 91A selaras dengan sistem taksiran sendiri. Walau bagaimanapun, rayuan boleh dibuat sekiranya pembayar cukai tidak berpuas hati dengan taksiran cukai yang dibuat berdasarkan ketetapan umum di bawah seksyen 138A.

Fasal 24 bertujuan meminda seksyen 102 untuk memasukkan peruntukan penangguhan bagi kes-kes rayuan oleh pembayar cukai melalui ‘Borang Q’ sekiranya pada masa yang sama rayuan melalui dengan izin, *Mutual Agreement Procedure (MAP)* dibuat bagi isu yang sama. Rayuan ini hanya boleh dikemukakan pada Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan apabila prosedur perjanjian bersama dimuktamadkan dan di atas permohonan yang dibuat oleh pembayar cukai berkenaan.

Fasal 25 bertujuan meminda seksyen 107C susulan daripada pindaan kepada seksyen 21A bagi memperluaskan kelonggaran pengemukaan anggaran cukai ke atas syarikat dengan modal berbayar tidak melebihi daripada RM2,500,000. Dengan pindaan ini syarikat sedemikian tidak perlu mengemukakan anggaran cukai dalam tahun taksiran syarikat itu memulakan operasinya dan dua tahun berikutnya jika modal berbayar tidak melebihi daripada RM2,500,000 bagi setiap tahun taksiran.

Fasal 26 bertujuan meminda seksyen 109E bagi memberi pilihan kepada pengendali takaful untuk tidak mengutip dan meremit cukai pegangan jika pengendali takaful itu tidak menuntut potongan daripada pendapatan di bawah seksyen 60AA berikutan pengagihan keuntungan kepada peserta takaful.

Fasal 27 bertujuan meminda seksyen 109G susulan pengenaan cukai pegangan sekiranya caruman anuiti tertangguh dikeluarkan sebelum mencapai umur 55 tahun.

Fasal 28 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 132B bagi memperluaskan peruntukan sedia ada yang membenarkan perkiraan pertukaran maklumat percuakaian antara dua pihak di bawah seksyen 132 dan 132A kepada perkiraan dengan kerajaan negara luar sama ada secara bilateral mahupun perjanjian berbilang pihak, multilateral dengan tujuan untuk bantuan pentadbiran bersama yang antara lain termasuk pertukaran maklumat secara automatik.

### ■1230

Fasal 29 - Memasukkan subseksyen baru 140(2A) untuk menjelaskan bahawa notis boleh dikeluarkan untuk mengarahkan mana-mana orang untuk membayar cukai dalam masa ditetapkan yang sepatutnya di potong oleh pembayar cukai tersebut disebabkan penguatkuasaan seksyen 140.

Fasal 30 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 140B bagi mengenakan faedah ke atas pinjaman atau pendahuluan daripada dana dalaman syarikat kepada pengarah syarikat di bawah seksyen 75A yang diberikan tanpa faedah atau di bawah kadar pasaran. Kadar faedah yang

dikenakan adalah berdasarkan kadar asas pinjaman purata bank komersial yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia.

Fasal 31 bertujuan meminda bahagian Jadual 1 susulan pengenaan cukai pegangan sekiranya caruman anuiti tertangguh dikeluarkan sebelum mencapai umur 55 tahun. Kadar cukai pegangan yang dikenakan adalah 8%.

Fasal 32 bertujuan memasukkan perenggan baru 38B dalam Jadual 3 untuk menetapkan layanan cukai berhubung tuntutan elaun modal untuk aset yang dipindahkan oleh suatu perkongsian atau syarikat kepada perkongsian liabiliti terhad berikutan pertukaran struktur perniagaan perkongsian atau syarikat tersebut menjadi sebuah perkongsian liabiliti terhad.

Fasal 32 seterusnya memasukkan perenggan baru 76A dalam Jadual 3 bagi menetapkan bahawa dalam tahun pertukaran perkongsian atau syarikat menjadi perkongsian liabiliti terhad, elaun modal hanya boleh dituntut sama ada oleh pemilik asal atau oleh pemilik baru.

#### Bab III - Pindaan kepada Akta Setem 1946.

Bab ketiga yang terdiri dari tiga fasal iaitu fasal 33 hingga 35 bertujuan untuk meminda Akta Setem 1949. Pindaan-pindaan berkenaan adalah seperti berikut:

Fasal 33 bertujuan menyatakan pindaan ke atas akta tersebut mula berkuat kuasa apabila akta ini dikuatkuasakan.

Fasal 34 bertujuan meminda seksyen 9 bagi menjelaskan bahawa keperluan menyimpan rekod dalam tempoh tujuh tahun juga terpakai ke atas *cheque*, nota kontrak, polisi insurans dan borang pendaftaran bekalan elektrik oleh Tenaga Nasional Berhad.

Fasal 35 bertujuan untuk meminda peruntukan sedia untuk membolehkan pemungut untuk meremit atau mengurangkan sebarang amaun bayaran yang perlu dibayar di bawah subseksyen 9(3).

#### Bab IV – Pindaan kepada Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967.

Bab keempat yang terdiri daripada lapan fasal iaitu fasal 36 hingga 43 bertujuan meminda Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967. Pindaan-pindaan berkenaan adalah seperti berikut:

Fasal 36 bertujuan menyatakan pindaan ke atas akta tersebut berkuat kuasa bagi tahun tafsiran 2014 dan tahun-tahun tafsiran berikutnya kecuali bagi fasal 39 dan fasal 41 yang mula berkuat kuasa apabila akta ini dikuatkuasakan.

Fasal 37 meminda seksyen 2 bagi memperluaskan takrif keraian selaras dengan cadangan pindaan yang serupa di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967.

Fasal 38 meminda seksyen 30 untuk menetapkan supaya borang cukai pendapatan yang dikemukakan oleh pembayar cukai adalah disediakan berdasarkan kepada akaun yang diaudit oleh akauntan bertauliah selaras dengan cadangan pindaan yang serupa di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967.

Fasal 39 meminda seksyen 46 untuk memasukkan peruntukan penangguhan bagi kes-kes rayuan oleh pembayar cukai melalui borang Q sekiranya pada masa yang sama rayuan melalui

dengan izin Mutual Agreement Procedure (MAP) dibuat bagi isu yang sama. Ini adalah selaras dengan cadangan pindaan yang serupa di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967.

Fasal 40 bertujuan memasukkan bab baru 1A dan seksyen 71A untuk membolehkan permohonan pembayar cukai kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri untuk perkiraan penentuan harga awal. Bagi perkiraan pengelakan percukaian dua kali, pindaan ini juga membolehkan pihak berwibawa kedua-dua negara berjanji untuk memasuki perkiraan penentuan harga awal.

Fasal 41 bertujuan memasukkan subseksyen baru 72A(7) untuk menjelaskan bahawa bagi menentukan harga pindahan dan permodalan tipis orang yang boleh dikenakan cukai adalah merujuk kepada pihak dalam satu perjanjian petroleum yang menjalankan transaksi dengan syarikat yang berkaitan dengannya.

Fasal 43 meminda perenggan 3A dalam Jadual Pertama untuk mengehadkan pemindahan perbelanjaan eksplorasi yang layak hanya daripada kawasan yang belum menghasilkan sebarang pengeluaran kepada kawasan yang berada dalam peringkat pengeluaran berdasarkan formula yang ditetapkan. Pemindahan ini hanya boleh dilakukan secara seperingkat sahaja.

Bab V, yang terakhir. Pindaan kepada Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 (RPGT). Bab kelima mempunyai enam fasal iaitu fasal-fasal 44 hingga fasal 49 bertujuan untuk meminda Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976. Pindaan-pindaan berkenaan adalah seperti berikut:

Fasal 44 bertujuan menyatakan pindaan ke atas akta ini berkuat kuasa mulai rang undang-undang ini dikuatkuasakan kecuali bagi fasal 49 yang mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2014.

Fasal 45, fasal 46 dan fasal 47 meminda seksyen 14, seksyen 15 dan seksyen 29 dengan memasukkan subseksyen baru masing-masing untuk menjelaskan bahawa bayaran atau penalti hendaklah dikira atas amaun cukai yang kena dibayar sebelum apa-apa potongan kerugian yang boleh dibenarkan.

Fasal 48 meminda sub perenggan 54B Jadual 1 bagi memastikan mana-mana pengarah syarikat yang mempunyai pegangan saham ataupun kawalan syarikat tidak kurang daripada 20% modal saham biasa adalah bertanggungan untuk membayar hutang cukai yang dikenakan.

Fasal 49 meminda Jadual 5 untuk mengenakan cukai keuntungan harta tanah pada kadar yang baru bagi membendung aktiviti spekulasi dalam pasaran harta tanah.

Bab VI - Pindaan Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990 iaitu tiga fasal.

Fasal-fasal 50 hingga 52 bertujuan untuk meminda Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 190. Pindaan-pindaan berkenaan adalah seperti berikut:

Fasal 50 bertujuan menyatakan pindaan ke atas akta ini berkuat kuasa mulai rang undang-undang ini dikuatkuasakan.

Fasal 51 dan fasal 52 bertujuan untuk meminda seksyen 21 dan memasukkan seksyen baru 21A bagi menjelaskan kaedah baru untuk menetapkan dan meminda borang-borang berkaitan sebagaimana yang dikehendaki di dalam akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ada sesiapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah]:** Saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Setem 1949, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 dan Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1960 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Jasin.

### 12.38 tgh.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, bagi saya peluang untuk mengambil bahagian bagi membahaskan satu akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Setem 1949, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 dan Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1960. Pindaan akta cukai ini adalah sangat bertepatan untuk penambahbaikan selain daripada untuk kita menyediakan peruntukan-peruntukan yang lebih jelas dan lebih telus supaya ianya selaras dengan prinsip sistem taksiran sendiri ataupun *self-assessment* dengan izin. Kalau dahulu Lembaga Hasil Dalam Negeri yang membuat taksiran. Sekarang diberikan kelonggaran untuk pihak-pihak syarikat membuat taksiran sendiri sejak tahun 2001 dan kepada individu-individu sejak tahun 2004.

### ■1240

Bagaimanapun adalah tertakluk kepada pemantauan Jabatan Hasil Dalam Negeri untuk membuat pemeriksaan sama ada apa juga tuntutan-tuntutan bagi rebet cukai adalah bertepatan.

Seterusnya saya pergi kepada perkara fasal 13 iaitu untuk memperluaskan potongan cukai ke atas sumbangan kepada tabung untuk pembelian bangunan dan rumah ibadah. Potongan cukai ke atas sumbangan kepada tabung untuk pembinaan dan penambahbaikan rumah ibadah sahaja. Di dalam konteks ini saya ingin bertanya kepada pihak kementerian. Dalam konteks khairat dan juga kebajikan ini untuk pelepasan cukai bagi pembangunan rumah ibadah ini, kalau dulu kita hanya berikan pelepasan untuk pembinaan baru sahaja. Sekarang kita beri pelepasan kepada pembelian rumah baru. Bagaimana dengan pembelian rumah-rumah terpakai? Seterusnya rumah ibadah adakah tertakluk kepada rumah anak yatim, rumah kebajikan dan juga sekolah-sekolah yang tidak ada berorentasikan kepada keuntungan. Kalau di sini hanya sebut rumah ibadah saja.

Keduanya saya ingin bertanya kepada pihak kementerian. Setiap pembangunan rumah ibadah sama ada masjid, surau, sekolah agama dan sebagainya, selain daripada mendapatkan kelulusan daripada pihak berkuasa tempatan dan juga pihak Jabatan Agama Islam Negeri-negeri masing-masing sebelum membuat apa juga pungutan, bagaimana dengan Sekolah-sekolah Agama Rakyat yang pada ketika ini kita dapat lihat ada sekolah tafhiz, ada sekolah agama rakyat yang memungut derma kepada orang ramai dengan menggunakan murid-murid, menyalah gunakan

murid-murid. Bukan saja dalam negeri masing-masing bahkan ke luar negeri untuk memungut pungutan ini. Jadi perkara ini seharusnya kita hentikan dan kita mahu melihat supaya apa juga permohonan untuk memungut derma-derma ini mestilah mendapatkan kelulusan daripada pihak-pihak berkuasa tempatan dan juga pihak kerajaan negeri.

Seterusnya, saya pergi kepada fasal 27 iaitu mengenakan cukai pegangan ke atas pengeluaran awal daripada anuiti tertangguh sebelum mencapai umur 55 tahun. Sebenarnya ini ada bersangkutan dengan apa juga polisi-polisi insurans. Apabila pengeluaran awal, adakah kita berikan kelonggaran kepada mereka-mereka yang sakit? Keduanya kepada mereka-mereka yang ingin melanjutkan pelajaran atau ketiganya mungkin hendak mengerjakan ibadah haji. Jadi kita mahu kalau boleh, kalau dulu dia hanya mengehadkan kepada mereka yang akan meninggalkan negara untuk terus tidak memegang warganegara Malaysia ataupun perkara-perkara yang lain tetapi kita hendak tahu kalau boleh diberikan kelonggaran kepada perkara-perkara yang saya sebut tadi.

Seterusnya, saya pergi kepada perkara fasal 22, Potongan Cukai Bulanan (PCB) sebagai cukai muktamad. Adalah menjadi tugas majikan pada ketika ini bagi menentukan supaya apa juga cukai-cukai yang dikenakan kepada pekerja-pekerja mereka mestilah dibuat bayaran. Kalau dulu pekerja-pekerja dikehendaki membuat, memenuhi borang-borang taksiran tetapi pada ketika ini, ada majikan adalah dipertanggungjawabkan bagi memastikan supaya individu yang mempunyai satu punca pendapatan membuat pilihan sama ada mengemukakan borang cukai pendapatan ataupun majikan masing-masing membuat terus potongan. Ini adalah satu perkara yang memudahkan dan meningkatkan pematuhan pembayaran cukai.

Seterusnya sebelum saya pergi kepada perkara seterusnya saya ingin bertanya kepada pihak kementerian. Pada ketika ini Lembaga Hasil Dalam Negeri adalah satu-satunya agensi yang terulung, yang telah membuktikan keupayaan dalam memungut hasil negara. Pada tahun ini, pada tahun 2013 unjuran daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri untuk memungut sebanyak RM134 bilion. Semasa pembentangan bajet baru-baru ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun memperincikan banyak pemansuhan cukai-cukai dan memberikan banyak kelonggaran. Saya hendak tahu sama ada dengan banyak kelonggaran pungutan cukai ini sama ada agensi LHDN berkeupayaan untuk memungut sepatutnya menambah lagi pendapatan negara.

Kita mahu melihat supaya jabatan ini diperkuuhkan dalam usaha kita meningkatkan pendapatan terutamanya kepada mereka-mereka yang lari daripada cukai. Orang ini sebenarnya adalah penyangak kerana mereka bukan sahaja menyusahkan kerajaan bahkan sebenarnya dia tidak memberikan peluang kepada rakyat Malaysia untuk mengecap nikmat kebahagiaan dalam sebuah negara yang merdeka. Jadi kita mahu kalau boleh mereka yang melarikan cukai dikenakan tindakan yang serius.

Seterusnya, saya pergi kepada perkara fasal 49 iaitu cukai keuntungan harta tanah. Pada ketika ini dalam pembentangan bajet yang lepas, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun mengumumkan dalam usaha kita untuk memastikan supaya tidak ada spekulasi harga-harga

rumah dan juga harta tanah meningkat dengan mendadak, maka ditingkatkan lagi RPCT sebanyak 30% kepada mereka-mereka yang menjual bawah daripada tiga tahun, 20% kepada empat tahun, 15% kepada tahun kelima dan juga 5% pada tahun keenam. Keputusan ini memang cukup bijak, bukan sahaja kita dapat menambahkan pendapatan kita bahkan kita memastikan supaya harga rumah akan terus dapat dikawal.

Akan tapi saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan, pada ketika ini kita dapat lihat banyak penyelewengan di lakukan dalam RPGT ini. Misalnya pembeli-pembeli rumah boleh melarikan diri daripada RPGT kerana setiap kali mereka membeli rumah, sebelum rumah itu didirikan mereka telah *sign S&P Agreement* dengan izin. Jadi tarikh dikira berkuat kuasa daripada tarikh *S&P Agreement* berlaku. Kalau rumah tersebut mengambil masa selama lima tahun untuk disediakan, maka apabila rumah itu siap, apabila ada apa juga transaksi penjualan, pembeli asal ataupun tuan punya asal dapat melarikan diri daripada membayar cukai RPGT.

Kita hendak tengok kalau boleh pihak kerajaan dapat semak semula tentang peraturan ini supaya kita mengetarkan lagi bukan sahaja daripada tarikh tandatangan S&P yang boleh dimanipulasikan bahkan kalau boleh kita ambil daripada tarikh penyerahan kunci. Daripada tarikh itulah kita kira kalau apa juga potongan daripada RPGT, sebenarnya dapat memberikan keuntungan kepada pihak kerajaan. Jadi Tuan Yang di-Pertua, hanya itu sahaja. Saya menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Tumpat.

#### 12.48 tgh.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Assalamualaikum. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya mengikuti perbahasan sebentar tadi oleh Yang Berhormat Jasin yang saya rasa adalah hujah-hujah boleh kita anggap sebagai untuk memastikan yang rang undang-undang ini mencapai hasrat yang dikehendaki. Oleh itu, saya mengikuti beliau untuk juga sama-sama mengambil bahagian secara ringkas membahaskan rang undang-undang yang dicadangkan ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perbincangan kita selama ini semenjak perbahasan Rang Undang-Undang Perbelanjaan 2014, kita mendengar gambaran-gambaran bahawa keadaan ekonomi kita akan bertambah baik hasil daripada dasar-dasar, tindakan-tindakan tegas dan berani kerajaan Barisan Nasional ini. Antara dasar-dasar dan keputusan-keputusannya dengan tujuan untuk kononnya memperkuatkukan ekonomi negara ini ialah dengan menghapuskan subsidi-subsidi ataupun paling tidak mengurangkan subsidi-subsidi dengan menggunakan konsep-konsep rasionalisasi dan sebagainya. Malah konsep kesihatan daripada penyakit kencing manis pun digunakan untuk menghapuskan subsidi yang memberi nikmat dan rahmat kepada rakyat kalau subsidi itu dilaksanakan dengan sebaik-baiknya.

**■1250**

Juga diumumkan bahawa dasar baru ialah cukai GST ini yang mana akan dilaksanakan setahun lebih lagi dan kadarnya sudah pun diumumkan bermula dengan 6%.

Kononnya dengan penarikan subsidi ini dan dengan cadangan pelaksanaan GST ini keadaan kewangan negara kita akan menjadi amat baik dan selesailah masalah-masalah defisit dan sebagainya. Akan tetapi apa yang dibentangkan sebentar tadi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri ini secara umumnya, walaupun sebagaimana Yang Berhormat Jasin tunjukkan seperti kes kelonggaran untuk sumbangan kepada rumah-rumah ibadat tetapi selain daripada itu - dan satu atau dua hanya yang lain.

Secara umumnya tujuan utama rang undang-undang ini adalah untuk menambahkan lagi cukai, untuk mengetarkan lagi perkiraan cukai yang mana akhirnya kesannya adalah tujuan kerajaan untuk mencari lebih banyak lagi pungutan dan cukai daripada rakyat sama ada yang bekerja biasa melalui cukai pendapatan ataupun syarikat-syarikat yang menjalankan perniagaan dan juga termasuk syarikat Petroleum yang terlibat dalam bidang Petroleum. Oleh itu, ini saya rasa adalah bukti yang jelas bahawa tahun 2014 ini akan merupakan tahun yang amat pedih, perit untuk rakyat untuk masyarakat kita untuk syarikat-syarikat kerana kita akan menghadapi zaman yang mana peningkatan cukai adalah perkara yang paling utama yang akan mewarnai tahun 2014 ini.

Oleh sebab itu, di pihak kami di pembangkang ini merasa amat bimbang kerana ia akan sebaliknya menyusahkan rakyat, ia akan menyusahkan peniaga-peniaga. Oleh sebab itu, kita tidak begitu yakin bahawa ia memberi kebaikan secara umumnya kepada negara. Sebagai contohnya kalau diumumkan oleh TNB misalnya bahawa mereka akan menaikkan kadar tarif elektrik 15%, yang terkenanya rakyat jelata, untungnya TNB yang sudah pun untung dari segi perniagaannya dan yang untungnya mungkin, pelabur-pelabur sebab saham TNB naik selepas pengumuman itu dibuat.

Jadi oleh sebab itulah, sebagai contoh itu sahaja pun kita bimbang bahawa yang akan mendapat keuntungan hasil daripada penghapusan subsidi ini dan cukai-cukai yang baru ini adalah keuntungan terhad kepada hanya orang yang sudah pun berada dan manakala sebaliknya orang-orang miskin, orang ramai akan menghadapi masa yang lebih susah lagi.

**Tuan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Shah Alam bangun. Yang Berhormat Shah Alam atau Yang Berhormat Pokok Sena?

**Dato' Kamaruddin Jaffar [Tumpat]:** Yang Berhormat Pokok Sena. Sila.

**Tuan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Pokok Sena, sila.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Tumpat. Hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Tumpat. Dahulu kerajaan berhujah bila tarik subsidi gula, jadi naiklah harga gula untuk hendak mengurangkan penyakit kencing manis. Jadi saya hendak tahulah mungkin Yang Berhormat

Tumpat ada ilmu tinggi ini, naik tarif elektrik ini hendak kurang penyakit apa pun tidak tahu?  
**[Ketawa]**

Saya pun tengah cari semalam, tanya pakar-pakar perubatan, penyakit apa boleh kurang? Mungkin penyakit gila boleh kurangkan atau apakah? Ataupun menambah penyakit gila? Jadi, saya minta penjelasan dari Yang Berhormat Tumpat. Seorang datang sudah sakit kaki pula tu.

**Dato' Kamaruddin Jaffar [Tumpat]:** *[Ketawa]* Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Shah Alam bangun.

**Dato' Kamaruddin Jaffar [Tumpat]:** Okey.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Tumpat. Mungkin penyakit hendak kurangkan *skin cancer*. Bila kena cahaya lampu itu, dia ada barah kulit. Maka bila dinaikkan kadar elektrik itu, maka akan kurang duduk dalam gelap, maka mungkin lebih selamat. *Wallahu a'lam*. Akan tetapi saya hendak tanya Yang Berhormat Tumpatlah, sebenarnya kesan daripada semua dasar ini, ia mempunyai satu *change reaction*. Ia bukan terhad kepada kos yang tertentu. Macam bila tarik subsidi gula hanya jumlah harga gula yang naik tetapi sebenarnya lebih daripada itu. Kurangkan subsidi minyak maka harga minyak sahaja yang naik. Akan tetapi sebenarnya lebih daripada itu. Ubah sistem percukaian, laksanakan GST, maka apa yang kita khuatir ialah bahawa impak-impak yang keseluruhan. Dia punya *net result* daripada dasar-dasar ini akan menjadikan satu faktor yang mengekang perbelanjaan oleh rakyat itu sendiri dan apabila rakyat tidak mempunyai kuasa beli oleh kerana kos semua sudah naik, maka ekonomi itu sendiri akan terjejas dan akan terbantut. Lalu saya rasa tidak ada lagi mana-mana pihak yang cuba mengkaji dia punya *net total impact*, ke atas kos kehidupan. Tarik subsidi, kenakan GST, ubahkan sistem percukaian dan sebagainya. *What is the net result?* Ini satu perkara yang saya rasa amat penting untuk dikaji supaya kita nampak dia punya kesan ke atas ekonomi itu sendiri.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh sedikit, sekali, sekali.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Taiping.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya amat tertarik dengan ucapan yang telah pun diungkapkan oleh Yang Berhormat Tumpat berikut dengan keputusan kerajaan untuk menaikkan tarif elektrik. Saham TNB semalam melambung secara mendadak sehingga RM12.70 satu saham. Mengikut RHP *research*, berikut dengan kenaikan tarif 15%, keuntungan TNB pada tahun depan akan bertambah RM420 juta sehingga RM5 bilion. Ini mengakibatkan syarikat seperti TNB semakin menguntungkan tetapi rakyat semakin tertindas.

Sepatutnya *rationalization* subsidi ini adalah bertujuan untuk mengurangkan defisit dan juga hutang kerajaan. Akan tetapi jelas kini tidak menepati sasaran. Rakyat pula susah. Apakah pandangan Yang Berhormat Tumpat?

**Dato' Kamaruddin Jaffar [Tumpat]:** Saya amat bersetuju dengan ketiga-tiga sahabat, Yang Berhormat Pokok Sena, Yang Berhormat Shah Alam dan Yang Berhormat Taiping tadi. Kalau yang diumumkan penarikan subsidi, kenaikan tarif elektrik ini sudah pun membawa kesan sebagaimana Yang Berhormat Shah Alam bayangkan tadi bahawa inflasi akan terkesan, akan berlaku. Kalau GST, kerajaan sendiri mengakui kesannya juga adalah kenaikan inflasi, bayangkanlah betapa masalah rakyat dua inflasi akan berlaku dalam setahun atau dua tahun yang akan datang ini yang diakui oleh kerajaan sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya berhajat untuk bercakap ringkas sahaja dan tamat sebelum pukul 1 petang, *insya-Allah*. Apa yang saya hendak kaitkan dan sebutkan ialah bahawa dalam rang undang-undang ini misalnya sebagai ringkasannya fasal 7 iaitu berkaitan dengan takrif *entertainment*, keraian. Saya amat ingin mengetahui apakah yang dimaksudkan ataupun kerajaan berhajat untuk menjelaskan lagi apakah *entertainment*? Apakah keraian? Berkaitan dengan itu, apakah dan di manakah letaknya sumbangan-sumbangan politik yang parti-parti politik tertentu terima daripada syarikat-syarikat tertentu terutama sekali GLC-GLC sebagainya. Adakah ia ditakrifkan sebagai *entertainment*, elauan keraian ataupun peruntukan mana dan adakah Lembaga Hasil Dalam Negeri ingin menyiasat sumbangan-sumbangan politik yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat kepada parti-parti politik tertentu sama ada ia termasuk dalam sumbangan politik?

Kemudiannya, saya ingin beralih kepada fasal 16 Tuan Yang di-Pertua iaitulah berkaitan dengan 16(4), *commission payable*. Sekali lagi saya ingin penjelasan, apakah konsep komisen ini? Saya ingin maklumkan Dewan yang mulia ini bahawa di negara-negara tertentu, istilah komisen itu sudah dianggap sebagai *illegal*, jenayah. Sebagai contohnya, kalau di negara Perancis, syarikat-syarikat yang memberi komisen atau menerima komisen, ia dianggap sebagai suatu jenayah. Oleh sebab itu dalam kes kapal selam *Scorpene* ini, kerajaan dan negara Perancis amat berminat tentang isu ini kerana ingin mengetahui sama ada komisen benar-benar berlaku dan jika ia berlaku ia akan dilihat daripada sudut sebagai suatu jenayah.

Bab keempat Tuan Yang di-Pertua berkaitan dengan cukai di bawah Akta Petroleum. Saya ingin bertanya sekali lagi bahawa Kerajaan Malaysia, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan pada 4 Ogos 2012 bahawa sebuah Jawatankuasa Khas Royalti untuk negeri-negeri Pantai Timur telah diwujudkan dan dipengerusikan oleh Bekas Ketua Hakim Negara, Tuan Abdul Hamid Mohamad dengan wakil daripada tiga negeri pantai timur tersebut.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengumumkan bahawa pada 4 Ogos 2012 itu, jawatankuasa ini akan menjalankan tugas mereka dalam masa enam bulan dan selepas itu akan memberikan kepada kerajaan keputusan cadangan oleh jawatankuasa itu. Enam bulan adalah Februari tahun 2013. Ini adalah Disember 2013. Jadi saya ingin mengetahui apakah...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Tumpat, sudah pukul 1. Habiskan ayat itu.

**Dato' Kamaruddin Jaffar [Tumpat]:** Apakah kerajaan mempunyai pendirian kerana ia jika - sebagaimana saya mendapat maklumat keputusan jawatankuasa itu bahawa negeri-negeri Pantai Timur ini tidak berhak kepada royalti. Maka apakah kedudukan dari segi kewangannya, status Petronasnya, cukainya kepada kerajaan jika wang yang telah diberikan kepada negeri-negeri khususnya Terengganu itu dan sedikit sebanyak Kelantan tidak boleh diberikan atas nama royalti? Maka apakah tanggungjawab cukai oleh Petronas terhadap Kerajaan Pusat apabila ia tidak lagi dianggap sebagai royalti dan tidak sah diberikan kepada negeri seperti negeri Terengganu?

Maka akhirnya ialah berkaitan dengan bab VI Tuan Yang di-Pertua, iaitu tentang Labuan. Saya ingin bertanya kepada kerajaan, apakah Labuan makin berjaya ataupun kurang berjaya? Adakah ia memberi keuntungan kepada kerajaan ataupun ia tidak lagi merupakan satu usaha yang berjaya oleh pihak kerajaan? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, baiklah Ahli-ahli Yang Berhormat. Kita tangguhkan mesyuarat kita hingga jam 2.30 petang, dimulai dengan Yang Berhormat Pokok Sena.

*[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.02 petang]*

*[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]*

*[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee) mempergerusikan mesyuarat]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pokok Sena.

## 2.32 ptg.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua untuk mengizinkan saya juga turut terlibat dalam membahaskan Rang Undang-undang Kewangan (No. 2) 2013. Tadi saya ada dengar cadangan daripada Yang Berhormat Jasin. Saya sangat bersetuju dengan cadangan daripada Yang Berhormat Jasin, rakan saya iaitu satu peruntukan yang disebut ini untuk pengeluaran awal kepada caruman dalam insurans yang boleh dikeluarkan yang sebelum ini hanya dibenarkan bagi orang untuk meninggalkan negara.

Jadi oleh sebab itu kita mengharapkan keizinan juga perlu diberikan kepada mereka untuk mengeluarkan caruman mereka itu untuk tujuan ibadah haji seperti yang disebut tadi, untuk perubatan bagi penyakit kritis yang memerlukan perbelanjaan yang mahal dan juga untuk pendidikan anak-anak untuk melanjutkan pelajaran dan sebagainya. Ini suatu yang harus diberikan pertimbangan oleh pihak kerajaan.

Kedua yang saya hendak sebut di sini ialah berkaitan dengan soal pengutipan cukai secara keseluruhan sebab bila disebut soal cukai maka sudah tentu untuk melihat penghasilan pendapatan yang dihasilkan daripada kutipan cukai yang dikenakan, cukai yang dikenakan dan

kutipan itu diperoleh oleh pihak kerajaan sama ada cukai pendapatan yang disebut di sini, cukai setem atas setem, cukai petroleum, pendapatan cukai keuntungan harta tanah dan cukai aktiviti perniagaan di Labuan. Semua ini ialah sebagai sumber pendapatan kepada negara kita.

Kita harus melihat bahawa apa yang lebih penting ialah pertama sekali bagaimana keberkesanan untuk kita mengutip cukai, keberkesanan, kebijaksanaan untuk pengutipan cukai yang perlu dibuat secara yang lebih baik supaya tidak ada orang untuk cuba lari daripada membayar cukai. Saya percaya bahawa yang lari daripada membayar cukai ini bukan orang susah, bukan orang miskin sebab orang susah, orang miskin ini memang dia tidak masuk dalam asnaf yang dicukaikan, tidak masuk dalam kumpulan yang layak untuk dicukaikan. Sudah tentu bahawa yang selalu untuk lari ya - Timbalan Menteri ada hendak minta penjelasan daripada saya? [Ketawa] Timbalan Menteri berdiri, saya ingat dia hendak minta penjelasan daripada saya. [Ketawa]

Jadi selalunya orang yang lari daripada cukai ini ialah orang kaya, syarikat-syarikat korporat dan sebagainya. Malah kadang-kadang kalau kita lihat bahawa sekarang ini ada macam agensi untuk boleh membuat pernyata pendapatan kewangan yang diperoleh oleh syarikat untuk individu itu untuk ditunjukkan bahawa pendapatan itu boleh dicukai dengan kadar yang lebih rendah. Jadi ini ada kaedah-kaedah yang boleh dibuat.

Jadi sebab itu saya katakan bahawa yang penting untuk kita lihat ialah kecekapan kita untuk melihat satu-satu syarikat sama ada laporan yang dikemukakan itu betul atau pun tidak. Kalau tidak nanti bermakna bahawa orang akan begitu mudah untuk melepaskan diri daripada pembayaran cukai sedangkan laporan atau pun pernyata kewangan yang dikemukakan itu adalah pernyata kewangan yang boleh dibuat untuk mengelak seseorang itu daripada membayar cukai pada kadar yang lebih besar. Jadi sebab itu bagi saya bahawa adalah ini yang wajar untuk dilakukan oleh pihak kerajaan bukannya mengenakan GST yang akhirnya akan terbeban kepada rakyat.

Kalau rakyat yang tidak termasuk dalam asnaf yang dicukaikan akhirnya dalam GST dia juga yang akan kena bayar cukai kepada pihak kerajaan. Sedangkan sepatutnya kita mengambil cukai daripada orang yang sepatutnya membayar cukai dengan lebih besar tetapi dia lari kerana ketidakcekapan kita. Sepatutnya kita ambil duit itu untuk membantu orang miskin tetapi sekarang ini oleh sebab kerajaan selalu berhujah pendapatan negara tidak mencukupi maka kita perlu meningkatkan penambahan pendapatan melalui GST. Jadi maknanya kita sudah lari daripada konsep sebenarnya GST itu sendiri.

GST itu ialah satu konsep untuk memperlihatkan konsep keadilan yang lebih baik kepada setiap manusia. Bukannya GST satu konsep untuk menambahkan pendapatan. Akan tetapi di Malaysia sekarang ini kita lihat bahawa GST yang hendak dilaksanakan pada tahun 2015 nanti ia kerajaan berhujah untuk tujuan menambah pendapatan negara. Sedangkan yang kita hendak lihat ialah adil, kalau adil saya percaya bahawa dengan sistem percuakan yang ada pada hari ini pun kalau dibuat secara yang baik dan kerajaan meningkatkan efisiensi, pengutipan dan penyiasatan kepada mereka-mereka yang sepatutnya membayar cukai ini, saya percaya bahawa hasil yang kita

hendak harapkan daripada pendapatan penambahan daripada GST ini mungkin dalam 20 atau 30 bilion itu boleh diatasi melalui kutipan cukai daripada sistem yang ada sekarang ini.

Jadi sebab itu bagi saya bahawa saya mengharapkan pihak kerajaan harus melihat kembali persoalan ini untuk memastikan supaya hasil percuakan yang kita pungut ini akan dapat dipungut secara yang sebaiknya untuk hendak mengelakkan untuk kita hendak kena kepada sejumlah atau pun bilangan jumlah manusia atau pun rakyat yang lebih ramai di dalam negara kita ini.

Jadi ini yang harus dilihat supaya melihat bahawa GST bukan tujuan untuk menambah pendapatan. Kalau hendak menambah pendapatan maknanya kerajaan tidak bijak untuk hendak kutip cukai daripada sistem cukai yang ada pada hari ini. Kerajaan tidak bijak untuk hendak membelanjakan supaya hendak mengelak daripada ketirisan dan kebocoran. Di sebab itu kalau kita lihat Laporan Audit yang ketiga ini pun..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Shah Alam Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Ya sekejap ya. Laporan Audit siri yang ketiga ini pun memperlihatkan berlaku lagi ketirisan-ketirisan dan kebocoran-kebocoran yang akhirnya menghilangkan wang yang sepatutnya boleh kita belanjakan untuk tujuan pembangunan bukan kita hendak buat pembangunan kita ambil daripada poket rakyat iaitu mengurang dan menarikkan subsidi yang telah pun diberikan kepada rakyat selama ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Baik, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena.

#### ■1440

Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Pokok Sena berhubung dengan kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang mengatakan bahawa *it is either GST or bankruptcy*, sama ada kita kenakan GST ataupun negara akan bankrap. Itu nombor satu.

Kedua, bagaimana pandangan Yang Berhormat Pokok Sena dengan keadaan ekonomi kita di mana pihak kerajaan dia sudah tidak ada idea lagi macam mana hendak tambahkan pendapatan, macam mana hendak tambahkan *revenue*. Tidak ada cara lain melainkan tarik balik subsidi dan tambahkan cukai. Tidak mampu untuk hendak menghasilkan satu sumber pendapatan yang baru sama ada melalui industri tinggikah, teknologi tinggikah atau apalah yang selama ini dok cakap yang kata macam seolah-olah ada masa depan yang cemerlang dan sebagainya tetapi akhirnya tidak ada cara lain, tarik balik subsidi dan tambah cukai. Itu mana-mana orang pun pandai buat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya daripada Shah Alam. Saya bersetuju bahawa menunjukkan betapa rendahnya tahap keupayaan daya fikir dan inovasi pihak kerajaan yang pada hari ini yang sepatutnya boleh mengenal pasti sumber-sumber pendapatan baru. Sumber pendapatan baru itu

bukan diambil daripada poket rakyat dan daripada percukaian tetapi melalui penghasilan sumber hasil bumi ataupun industri tinggi seperti mana yang disebut tadi untuk tujuan menambahkan pendapatan. Ini yang sepatutnya dilakukan oleh pihak kerajaan tetapi nampaknya pada hari ini tahap inovasi pihak pemimpin kerajaan kita ini terlalu rendah. Jadi, dia tidak tahu hendak fikir, lalu ambil dari poket rakyat. Kalau macam ini siapa pun boleh jadi menteri. Baik tukar JKK Pontian jadi Timbalan Menteri Kewangan. Penaik cukai. Penaik cukai kan? Kena cukai baru. Tidak ada duit...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Dia boleh balas balik ketika menjawab Yang Berhormat ya.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** *[Ketawa]* Jadi bila tidak ada duit, habis, seluk poket rakyat. Habis duit, seluk poket rakyat. Seluk tahu? Seluk. Gagau dalam poket rakyat. Gagau. Gasak sampai 'tertoih' ini, GST. Sebab itu saya katakan bahawa saya bersetuju apa yang disebut...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Kebetulan sama jawatan, Yang Berhormat ya.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sama jawatan.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Ya, ya. Rakan sejawat. Sebab itu saya boleh melawak dengan dia. Adik dia PAS.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak apalah.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Adik dia PAS, abang dia pun PAS. *No problem.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ada yang PAS...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Inilah Malaysia. *Malaysian.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak apa. Ada yang adik PAS dan abang UMNO.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Ada, Yang Berhormat Johor Bahru. Adik PAS, abang UMNO, Yang Berhormat Johor Bahru. Macam itu juga Yang Berhormat Pontian. Adik dia baik dengan saya. Adik ipar dia semua baik... *[Ketawa]* Kita hantar orang kita untuk mengurat anak orang UMNO. Mujur anak dia kecil lagi. Kalau tidak, saya sudah suruh anak saya mengurat anak dia.

Sebab itu saya cukup kecewa seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Shah Alam tadi bahawa untuk hendak suruh orang bayar cukai ini, pertama sekali Perdana Menteri kata siapa tidak bayar, pengkhianat. Siapa tidak bayar, pengkhianat. Jadi kita tidak ada usaha untuk fikir bagaimana satu mekanisme yang lebih baik untuk macam saya katakan tadi bahawa hendak tengok sama ada penyata kewangan yang dibentangkan oleh syarikat korporat atau individu itu betul atau tidak betul dan sebagainya. Tidak ada satu penyiasatan yang dibuat tahap keuntungan hasil perniagaannya, dia boleh berapa banyak untung yang sepatutnya cukai kerana tiba-tiba dia bayar cukai berapa.

Jadi, sepatutnya ini. Bukannya menakutkan rakyat bahawa dilabelkan rakyat itu dengan pengkhianat dan penderhaka.

Jadi bagi saya bahawa lemahlah kerajaan ini. Hendak suruh orang bayar cukai ini, takutkan rakyat dan label rakyat sebagai pengkhianat dan penderhaka supaya rakyat tahu, tidak mahu ini, takut ini. Maknanya pengkhianat dan penderhaka ini macam komunislah kan. Jadi bagi saya bahawa tidak ada jalan.

Keduanya pula ialah takutkan rakyat melalui, “*Hang nak GST kah, hang nak bankrap?*” Dia tanam dalam pemikiran rakyat, “*Bankrap nanti aku hendak cari makan apa kalau Malaysia bankrap. Hendak cari makan macam mana?*” Dia menakutkan rakyat. Bagi saya bahawa tidak boleh untuk menghalalkan GST ini, hendak mengizinkan dan menghalalkan GST, tidak ada hujah hendak berdepan dengan rakyat, kata kalau kita tidak kutip GST ini kita bankrap. Jadi, teruk dan lemahlah kerajaan. Maknanya tanpa GST, bankrap.

Sedangkan apa yang disebut oleh rakan saya sebelum ini, Yang Berhormat Petaling Jaya Utara, bahawa Greece yang juga mengamalkan dan memperkenalkan GST turut menghadapi masalah bankrap. Jadi apa *argument* dan hujah yang mengatakan bahawa GST akan mengelakkan kita daripada bankrap? Bukan GST yang menyebabkan sesebuah negara itu bankrap tetapi pengurusan kewangan negara yang kalau tidak dibuat secara yang baik, kutip cukai, orang bayar tetapi kita belanja dengan perbelanjaan yang tidak berhemah, berlakunya ketirisan, kebocoran dan sebagainya, ini yang akan menyebabkan kita akan bankrap. Bukan kerana kita beri sesuatu kepada rakyat kita akan bankrap. Tidak.

Jadi sebab itu saya katakan bahawa cukup kesal dan kecewa dengan apa yang disebut oleh Perdana Menteri bahawa begitu dangkal pemikiran untuk hendak mengizinkan dan menghalalkan tindakan untuk melaksanakan GST ini. Lalu kita takutkan rakyat dengan *bankruptcy* supaya kita boleh ambil daripada rakyat. Jadi sebab itu kita hendak lihat macam mana pengurusan kewangan negara yang sepatutnya diperbaiki untuk memastikan supaya setiap hasil yang kita peroleh, cukai yang kita peroleh daripada sistem percukaian yang ada pada hari ini betul boleh dibelanjakan untuk tujuan pembangunan, untuk memberikan kebaikan kepada rakyat.

Saya hendak tunjuk contoh macam saya sebut sebelum ini dalam perbahasan Kementerian Pertahanan, Kementerian Kerja Raya dan sebagainya, macam mana kalau kita masih mengamalkan *direct nego* untuk projek-projek kerajaan. Sepatutnya projek yang boleh menjimatkan hampir RM6 juta – umpamanya projek jeti baru di Langkawi. Sepatutnya projek yang kita boleh jimatkan sebanyak RM6 juta kalau kita buat tender terbuka tetapi kita tidak buat. Sebab itu saya hendak tanya Kementerian Kewangan sebab Kementerian Kewangan yang mengarahkan untuk JKR, seperti mana yang disebut oleh Menteri Kerja Raya, mengarahkan JKR untuk hendak *nego* dari segi harga dengan syarikat yang telah pun diputuskan.

Kemudian bila sudah angkat kepada Kementerian Kewangan, saya difahamkan Kementerian Kewangan kata okey, *on*. Kerja akan bermula pada 5 Disember. Hari Jumaat.

**Seorang Ahli:** Esok, esok.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Esok 4 hari bulan. *[Disampuk]* Hari ini 4 hari bulan ya? Oh, sungguh. Betul. Esok, 5 hari bulan akan mulakan kerja pembinaan projek jeti baru di Kuah di Langkawi. Sedangkan, saya difahamkan bahawa kalau betul mereka *open tender*, hanya sekitar RM80 juta tetapi *direct nego*, RM86.5 juta. Lebih daripada RM6 juta. Betullah, kata ini syarikat bumiputera, saya tidak nafikan. Syarikat bumiputera tetapi saya tahu syarikat bumiputera itu siapa di belakangnya. Yang buat projek, banyak projek yang dia dapat boleh dikatakan semua dia bagi kepada yang bukan bumiputera. Jadi saya hendak katakan bahawa ini bukan soal isu bumiputera atau bukan bumiputera tetapi isunya ialah penjimatan wang rakyat. Penjimatan wang rakyat yang sepatutnya dilihat sebagai satu keutamaan untuk kerajaan perbaiki dari segi pengurusan kewangan.

Pengurusan kewangan ini yang akan menentukan sama ada kita boleh bankrap ataupun tidak. Kalau pengurusan kewangan ini tidak betul, tidak cekap dan sebagainya, ini yang akan membawa kepada *bankruptcy* kepada sesebuah negara. Bukannya dengan GST maka kita akan bankrap. Tidak. GST pun kalau dia dapat duit banyak, dia belanja tidak betul, macam Greece, dia dapat duit banyak tetapi dia belanja tidak betul, tiris, bocor dan sebagainya, dia juga bankrap. Itu ada GSTlah. Berapa peratus? *[Disampuk]* Dua puluh satu peratus. Lebih tinggi daripada Malaysia. Maknanya hasil pendapatannya berlipat ganda daripada sebelum-sebelum ini.

Jadi sebab itu saya hendak minta bahawa dari segi pengurusan kewangan negara yang perlu diperbaiki. Saya setujulah apa yang disebut oleh Timbalan Menteri sewaktu sesi soal jawab pagi tadi kata hasil daripada penjimatan subsidi minyak ini kita telah buat itu, buat ini dan sebagainya. Buat RTC, buat UTC. Akan tetapi saya hendak sebut bahawa UTC ini saya hendak sebut sebab ada kaitan dengan Kementerian Kewangan. Pusat Transformasi Bandar.

Saya bersetuju bahawa Pusat Transformasi Bandar itu untuk memberikan kemudahan kepada rakyat. Ya, baik. Saya setuju supaya tempat setempat untuk hendak bayar, *one stop center*. Maknanya orang hendak urus pasport antarabangsa, imigresen, pendaftaran negara, bayar bil itu, bayar bil ini. Betul. Akan tetapi takkan itu yang kita hendak *transform* bandar kita? *[Disampuk]* Tidak, dari segi nama. *[Disampuk]* *Online*, orang boleh buat *online*. *Road tax* boleh melalui *online*. Saya hendak katakan bahawa takkan kita hendak *transform* bandar kita begitu? Buat apa? Kalau ada UTC, banjir dan tenggelam Kuantan hendak buat apa? Dengan UTC sekali tenggelam.

#### ■1450

Saya hendak katakan bahawa kerajaan harus melihat bahawa apa yang harus di *transform* untuk bandar. Adakah kita hendak wujudkan *one-stop centre* atau pun kita hendak *transform* bandar itu untuk mengelakkan daripada banjir? Ini yang menjadi keimbangan umpamanya di Kuala Lumpur sendiri. Begitu juga dengan di negeri-negeri lain. Jadi, sepatutnya maknanya cara perbelanjaan wang kita itu, kita kutip, kita buat. Ya, betullah buat. Buat umpamanya macam saya katakan bahawa *renovate* atau ubah suai bangunan UTC RM50 juta. Betul, memang betul orang kata *renovate* atau ubah suai ini mahal. Sudah tahu kata mahal kenapa ubah suai? Baik beli

bangunan baru. Buat bangunan baru. Itu baru betul. Bangunan kita *renovate* itu bukan bangunan kita, bukan bangunan Kerajaan Pusat, bukan bangunan Kementerian Kewangan- bangunan Majlis Bandaraya Alor Star. Kalau kita *renovate* lebih mahal, kalau bangunan itu hak kita, tidak mengapa kita *renovate*. Rumah kita, kita *renovate* mahal pun tidak mengapa tetapi kita *renovate* bangunan yang bukan menjadi milik kita.

Jadi, saya katakan bahawa ini cara pengurusan kewangan yang menyebabkan berlakunya kebocoran atau ketirisan yang sangat mengecewakan. Ya, Yang Berhormat Kuala Krai.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Minta penjelasan sedikit Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena.

Kalau kita menyebut mengenai UTC atau *Urban Transformation Center* ini, bersetujukah Yang Berhormat Pokok Sena jika saya katakan lebih baik kita kalau memberikan insentif contohnya kepada program-program pembangunan. Pembinaan rumah-rumah baru di sekitar bandar supaya menggalakkan mereka menyediakan kemudahan-kemudahan bagi orang-orang dengan keperluan khas atau pun OKU contohnya atau pun pemaju-pemaju ini diberikan insentif untuk menggalakkan mereka membina bangunan-bangunan perumahan yang menggalakkan *green technology* untuk mengurangkan penggunaan kuasa misalnya. Bukanakah ini lebih baik dijadikan sebagai inti kepada pembangunan *urban* ini? Apa pandangan Yang Berhormat Pokok Sena?

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Saya bersetuju dengan inovasi atau pemikiran yang ada pada Yang Berhormat Kuala Krai. Maknanya dia mempunyai inovasi yang tinggi pemikirannya. Dia boleh fikir bahawa untuk memberikan sesuatu kepada masyarakat bandar dan juga di luar bandar, UTC atau RTC untuk tujuan berikan satu keselesaan yang lebih baik kepada mereka. Ini yang sepatutnya ada pada pemimpin-pemimpin kerajaan pada hari ini.

Oleh sebab itu saya minta supaya pihak kerajaan harus melihat kembali dari sudut pengurusan kewangan ini. Perkara pokok saya ialah pengurusan kewangan, bukan soal percuakan, GST kita hendak tambah pendapatan negara. Kalau kita urus dengan baik duit yang sedikit kita boleh buat benda yang banyak tetapi kalau hasil yang banyak, kita kaya, kita tidak reti hendak belanja, kita buang satu benda yang tidak akan mendapat keuntungan yang besar kepada kita. Orang yang pandai ialah orang yang pandai berbelanja dengan duit yang sedikit, pendapatan yang sedikit tetapi dia boleh memberikan sesuatu yang terbaik untuk kehidupan dalam keluarga dia. Ini baru orang pandai.

Oleh sebab itu saya minta pihak kerajaan supaya melihat soal pengurusan kewangan. Perbaiki masalah pengurusan kewangan negara kita ini. Kita tidak mahu setiap tahun Laporan Audit Negara menunjukkan kepada kita bahawa cukup lemah, berlaku ketirisan. Dapat duit banyak mana pun, tiris lagi. Lagi besar pendapatan lagi besar tiris kita. Lagi besar bocor kita. Jadi sebab itu, saya minta supaya kerajaan menujuhan satu *committee* khas untuk melihat soalan ini, bagaimana pengurusan kewangan kita ini hendak dibuat. Ini yang kita hendak kena *transform* pengurusan kewangan itu sendiri macam mana supaya ia dilihat secara yang lebih baik untuk menyelamatkan wang negara kita daripada dibazirkan sebegitu mudah oleh mereka yang saya

anggap bahawa pembaziran inilah, orang yang melakukan pembaziran inilah merupakan pengkhianat kepada negara. Penderhaka kepada negara. Bukan rakyat yang ditakutkan dengan tidak bayar cukai sebagai pengkhianat ataupun penderhaka sebab rakyat kalau dia tidak mahu bayar cukai katalah orang yang hendak dikenakan GST tetapi tidak dapat tidaklah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Tanjung Karang.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tidak apa, sekejap. Tidak dapat tidak kalau GST dikenakan dia kena bayar. Akan tetapi kalau ada orang yang tidak hendak bayar cukai, dia kata bahawa, "*Aku bukan tak nak bayar cukai tapi aku tengok, aku bagi duit pada kerajaan, kerajaan belanja tak betul*". Takkan kita hendak kata bahawa dia pengkhianat, dia penderhaka. Dia kata, "*Lebih baik aku bagi zakat, peruntukan bantu orang miskin, buat rumah dan sebagainya*". Jadi ini yang harus dilihat. Ada apa Yang Berhormat Tanjung Karang?

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Tanjung Karang bangun.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tidak pergi perhimpunan? Tidak kena bertugas hari ini? Patut pergi bertugas di Perhimpunan UMNO.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Hendak bagi atau tidak Yang Berhormat?

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tidak pergi jaga wanita atau Puteri?  
[Ketawa]

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Mereka tidak faham program Perhimpunan UMNO. Hari ini Pemuda dengan Puteri *[Disampuk]*

Saya hendak minta pandangan sahabat saya Yang Berhormat Pokok Sena ini bercakap tentang pengurusan kewangan dan juga dikaitkan kalau mengurus orang tidak betul. Dia kata penderhaka, pengkhianat. Dia kata orang yang cerdik ini duit sedikit, belanjanya pandai. Saya hendak tanya pendapat Yang Berhormat, apa komen Yang Berhormat kalau kata ada orang, dia duit banyak tetapi dia tidak reti belanja. Duit ada dia simpan. Saya contohkan negeri Selangor. Apa komen Yang Berhormat, laporan kita tengok, duit MARRIS, duit yang diberi oleh Kerajaan Persekutuan di bawah Perlembagaan, 60% tidak dibelanjakan. Disimpan duit itu untuk apa? Sehinggakan ADUN-ADUN, Yang Berhormat Gombak ini jadi kepalanya, tulis memorandum kepada Kerajaan Negeri Selangor, supaya belanjakan duit, dan juga penasihat RM1 daripada Selangor- Yang Berhormat Permatang Pauh, penasihat yang dibayar RM1 ini pun, bagi komen kata negeri Selangor tidak reti belanja.

Jadi yang mana satu betul ini Yang Berhormat? Yang mana Yang Berhormat rasa yang elok?

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Ada apa? Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena. Ini mengenai isu Selangor. Kita kasihanlah orang yang kehilangan Kerajaan Negeri Selangor ini  
[Ketawa] Sudah dua kali ya. Kali pertama itu bolehlah diberikan alasan kita relaks, kita tidak sedar. Berusaha hendak dapat balik, tidak dapat. Lagi teruk pula *[Dewan riuh]* Selepas itu bolehlah datang

ke Parlimen, di mana di Parlimen, dia berkuasa hendak memperlekehkan Kerajaan Negeri Selangor. Terimalah hakikat rakyat Selangor tolak kamu. Terima hakikat. Sudah kalah dua kali ya.

Dalam soal mana lebih pandai, orang yang membazir atau orang yang simpan duit? Saya jawab lagi pandai orang yang simpan duit [*Tepuk*] Ini kerana orang yang simpan duit *damage is not yet done. The money is there*. Tidak ada defisit. Tidak ada hutang. Tengok apa yang berlaku pada Kerajaan Pusat?

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, tanya kepada Yang Berhormat Pokok Sena Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Saya hendak minta Yang Berhormat Pokok Sena masukkan dalam ucapan dia. Boleh atau tidak macam itu, boleh kan? [*Ketawa*] Tengok bajet Kerajaan Pusat. Duit banyak, belanja banyak, hutang banyak, akhirnya hutang. Mula-mula Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan kata, “*Oh! Ekonomi kita bagus, mantap. Hutang pun biasa sahaja. Tidak sampai berapa peratus daripada GDP. Jangan risau. Tengok Jepun berapa banyak. Amerika banyak mana*”. Tiba-tiba Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kata, “*Either GST or bankruptcy*”. Macam mana itu? Ini menunjukkan kepada kita bahawa keadaan pengurusan yang lemah walaupun duit banyak, boleh dan pasti akan menimbulkan masalah. Kalau dia jimat tidak mengapa kerana hendak belanja itu senang. Hendak simpan itu, ini cabarannya.

Akhirnya *insya-Allah* dia akan belanja. Simpan duit MARRIS kerana ikut keperluan. Buat sekarang ini *insya-Allah*, selepas ini akan belanja. Jalan-jalan sekarang ini semua sedang diturap, tiada masalah sebab duit ada. Jangan tidak ada duit. Sudah tidak ada duit hendak cakap apa? Bagaimana Yang Berhormat Pokok Sena?

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih. Saya kira tidak payah jawablah sebab Yang Berhormat Shah Alam tolong jawab. Sama-sama Selangor. Itulah jawapan saya pun. Memang itu jawapan saya. Lebih baik orang itu simpan duit, dia tidak belanja daripada ada duit tetapi tiris, bocor! Tiris, bocor, hendak buat apa? Maknanya merugikan rakyat tetapi ini tidak rugi. Selepas ini dia belanjalah. Selepas ini dia bagi untuk projek pembangunan untuk rakyat.

Jadi, tidak mungkin Yang Berhormat Tanjung Karang tidak boleh fikir antara dua, yang mana yang lebih baik. Saya ingat tanya JKJK Tanjung Karang pun dia tahu jawab [*Ketawa*]

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** [*Bangun*]

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjung Karang]:** [*Bangun*]

■1500

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Seputeh, dan Yang Berhormat Tanjung Karang bangun.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Bagi dia dahulu.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Bagi dia dahulu?

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tidak mengapa. Bagi dia. Sat lagi saya bagi you.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya bangkit itu sebab saya tengok daripada Yang Berhormat Permatang Pauh pun bagi komen yang sama. Itu saya kata ADUN-ADUN Gombak juga buat memorandum kepada Menteri Besar mempersoalkan kenapa kerajaan negeri tidak belanja. Itu yang saya tanya. Kalau kita ada duit dan kita tidak belanja, macam mana kita hendak membangunkan negeri? Itu belum lagi kita cerita bagaimana punca-punca duit lain yang dia dapat.

Jadi kalau komen saya salah, bermakna komen Yang Berhormat Permatang Pauh pun salahlah. Memorandum yang dibuat oleh kumpulan daripada Yang Berhormat Gombak, pakatan pembangkang yang dihantar kepada Menteri Besar pun salahlah. Bermakna kalau komen saya salah, salahlah. Bermakna Yang Berhormat Shah Alam kena bagi nasihat kepada Yang Berhormat Permatang Pauh, kena bagi nasihat kepada Yang Berhormat Gombak dan juga PAS dan PKR Selangor bahawa memorandum itu tidak betul. PAS ini bagi nasihatlah kepada Penasihat Ekonomi Negeri Selangor ini.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengurus [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Shah Alam duduk Yang Berhormat Shah Alam.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya hanya hendak bagi pandangan komen kepada mereka tetapi kalau Yang Berhormat Shah Alam ini lebih pandai daripada Yang Berhormat Permatang Pauh, saya hendak cadangkan bagi Yang Berhormat Shah Alam bagi penasihat ekonomi pula kepada negeri Selangor.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Okey terima kasih. Yang Berhormat Tanjung Karang tadi tanya saya ini mana lebih baik. Tidak timbul masalah kenyataan Yang Berhormat Permatang Pauh dan Yang Berhormat Gombak. Tanya mana lebih baik antara dua? Ada duit simpan dengan ada duit belanja. Jadi kita kata lebih baiklah simpan daripada belanja yang jenis tiris. Itu sahaja jawapannya. Sabar, sabar. Sabar dahulu.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat, sebab itulah saya hendak tanya sebab yang beri komen ini penasihat ekonomi dia. Itu yang saya hendak tanya pendapat Yang Berhormat Pokok Sena mana yang baik sebab yang beri komen ini ialah penasihat ekonomi negeri Selangor dan juga ADUN negeri Selangor ini yang ada di Selangor. Oleh sebab itu saya hendak tanya.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Okey sebab itu maknanya komen yang diberikan oleh Yang Berhormat Permatang Pauh, Yang Berhormat Gombak atau sesiapa, itu menunjukkan sikap keterbukaan kita. Kita berani maknanya akhirnya kita suruh dia belanja, dia belanjalah. Dia dengarlah kata kita. Kita suruh dia belanja, dia belanjalah. Belanja untuk tujuan pembangunan rakyat dan sebagainya walaupun orang kata tidak belanja tetapi hakikatnya Selangor lebih maju daripada Perlis.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Sebentar Yang Berhormat. Yang Berhormat Pokok Sena, sebentar Yang Berhormat. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri sama ada perbahasan ini masih dalam konteks pindaan?

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]:** Jauh tersasar. Terlalu amat jauh tersasar.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Jadi berbalik kepada pindaan Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Jadi Tuan Pengerusi nampaknya ini saya katakan bahawa lemahnya pemimpin kerajaan, cukup lemah sungguh. Boleh kata jauh tersasar. Apa tersasarnya? Ini hendak kutip cukai daripada rakyat, hendak pungut cukai daripada rakyat? Jadi kita hendak bincang bahawa macam mana hangpa hendak uruskan kutipan cukai yang telah pun dipungut daripada rakyat. Takkallah jauh tersasar?

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak. Yang Berhormat sebenarnya Yang Berhormat dalam Peraturan Mesyuarat 26(1) Yang Berhormat pindaan itu cuma perkara yang dipinda. Baliklah, balik.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tidak mengapalah. Akan tetapi saya ingat dia pun sudah, pemikiran dia itu tersasar di PWTC. Oleh sebab itu saya kata tadi bahawa kalau orang duduk kata Selangor tidak belanja, tidak belanja, tidak buat itu, ini tetapi dia lebih maju daripada Perlis. Betul tak Yang Berhormat Arau? Lebih maju daripada Perlis dari segi pelabur datang banyak di Selangor. Tidak pernah Perlis naik darjah pelaburan dari segi pelaburan luar. Perlis tidak pernah naik darjah. Tidak sungguh, sama ada pada zaman Yang Berhormat Arau jadi Menteri Besar atau yang sekarang ini lagi teruk. Institut penyelidikan tutup, IPTIK tutup kerana apa? Maknanya itu bankrap apabila tutup institusi penyelidikan bankraplah. Sampai maknanya anak hendak sekolah pun, beratlah Kerajaan Perlis ini.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Tanjong Karang bangun Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Saya ingat Yang Berhormat maknanya kalau hendak banding Kerajaan Perlis sekarang ini dengan di bawah pemerintahan Yang Berhormat Arau, lebih baik Yang Berhormat Arau betul-betul saya pujiyah. Sepatutnya dia tidak boleh duduk di sini. Dia kena balik Perlis, terajui balik Perlis itu.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Batu api Yang Berhormat, batu api *[Ketawa]*

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Tanjong Karang bangun Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Ya.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya hendak betulkan fakta Yang Berhormat, boleh?

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Apa, pasal apa?

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Fakta Yang Berhormat kata dari segi pelaburan itu. Boleh?

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Apa, apa dia?

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat kata Selangor. Tahu atau tidak Selangor tahun 2013 ini yang paling merudum. Tahun lepas pelaburannya RM11.8 bilion, tetapi tahun ini sampai sekarang ini hanya RM2.8 bilion. Merudum paling teruk. Jadi fakta Yang Berhormat kenalah betul. Kena betul fakta Yang Berhormat. Jangan cakap kata pelaburan yang paling baik.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tidak. Yang Berhormat, merudum macam mana pun Selangor, dia tidak duduk belakang daripada Perlis [Ketawa] Mana ada ia merudum, ia tidak duduk di belakang Perlis. Tanya Yang Berhormat Gua Musang, dia bekas Menteri Kewangan daripada dahulu. Maknanya Perlis tidak pernah naik darjah. Jadi ikut mana pun Perlis dahulu...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuala Langat.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat salah. Itu pun tidak boleh beza.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Baik dahulu, baik Perlis dahulu. Saya akuilah dia kawan saya daripada Yang Berhormat Arau ini memang hebat. Seorang yang sangat mempunyai *mission* yang jauh sebab Kerajaan Kedah hendak cukai air dia kata mana boleh. Dia kata air Allah SWT bagi. Jadi tidak jadi terus. Itu hebatnya dia kata air Allah SWT bagi. Hendak tanya apa?

Baik, saya haraplah bahawa soal pengurusan soal kewangan ini harus dibuat supaya duit yang kita dapat, kutipan itu dapat memberikan manfaat kepada rakyat. Kita dapat membantu rakyat, meringankan beban rakyat, tarif elektrik naik inflasi naik. Itu disebut oleh Gabenor Bank Negara tetapi Menteri Hal Ehwal Pengguna kata jangan panik. Tidak panik macam mana Gabenor kata inflasi naik.

Maknanya ini persoalan yang harus dilihat oleh pihak kerajaan untuk membantu masyarakat dan rakyat dalam negara kita untuk pastikan bahawa hasil kutipan yang kita peroleh ini dapat betul-betul kita manfaatkan untuk membangunkan negara kepada rakyat. Jangan selepas pilihan raya, kita *pederas*, kita naikkan macam-macam sebab mentaliti kita duduk kata bahawa ini jauh lagi daripada pilihan raya, naik pi la. Dekat hendak pilihan raya kita bagi satu gula-gula untuk rakyat.

Jadi rakyat didahulukan itu berakhir setakat pilihan raya. Hendak dekat pilihan raya baru hendak didahulukan. Jadi duduk sebut pagi tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, duduk sebut kata bagi BR1M dan sebagainya. Ya macam kata saya sebelum ini maknanya bagi BR1M macam kita tabur beras bagi dekat ayamlah. Kita tabur lepas itu pisau kita duduk belakang. Tabur-tabur beras, panggil ayam mari dekat kita ambil pisau belakang pinggang, tangkap dan sembelih. Dekat pilihan raya sembelih...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Macam mana bunyi itu hendak masuk *Hansard*?

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Apa?

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Macam mana bunyi itu hendak masuk *Hansard*?

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tidak. Dia tidak patah. Ada rakaman.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Ya terima kasih. Ya Yang Berhormat Pokok Sena Kuala Krai hendak bertanya sedikit. Cukai ini GST belum kena lagi 6% katanya. Mungkin masuk atau tidak, bil elektrik kita masuk. Belum apa-apa lagi 15% sudah naik. Itu belum masuk 6%. Kalau masuk 6% lagi entah berapa *percent* lagi. Jadi ini betul-betul macam perumpamaan Yang Berhormat Pokok Sena bawa tadi. Apa pandangan?

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Itulah saya kata makna dekat hendak pilihan raya dia bagilah gula-gula. Maknanya gula-gula RM650. Orang pun tidak fikir, rakyat pun kadang-kadang lemah dia duduk pikat taruk umpan. Dia tidak tahu di sebalik umpan itu ada mata kail yang sangat berbisa. Mata kail sangat bisa ini macam la. Macam sekarang mana ada orang pergi mengail ikan, memancing ikan. Orang pergi memancing ikan, ikan tarik-tarik, dapat dia karau itu, dia dapat ikan. Mana ada orang hendak buang mata kail daripada insang ikan itu baik-baik, dia kasihan tidak ada.

Boleh itu dia rentapnya. Dia rentap itu, dia buang sisik. Buang sisik pedih hendak mampus. Dia ketuk kepala pula. Tidak cukup itu, rendam dalam air, dia kelar bubuh garam. Habis mampuslah, macam itulah. Bubuh limau lagi hendak bagi hilang hanyir. Jadi pedih. Dekat pilihan raya dia bagilah macam-macam umpan dan sebagainya. Jadi saya mintalah pihak kerajaan. Yang Berhormat Rompin baru masuk? Tidak kena jadi pemerhati ini? Banjir macam mana wakil rakyat Yang Berhormat Rompin duduk sini? Apa ini, banjir di Rompin.

## ■1510

Macam mana ini? *[Ketawa]* Baru balik dari Rompin? Oh, patutlah baru balik dari Rompin.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, pagi tadi tidak cakap macam itu pada Yang Berhormat Kuantan.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tidak, tidak. Fasal Yang Berhormat Kuantan dia hendak balik, dia datang beritahu dahulu kepada rakyat bahawa apa yang dia sudah buat...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tanya atau soal dialah, kenapa ada di sini.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Apa yang dia minta daripada kerajaan, baru dia balik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Okey, tidak apalah Yang Berhormat, habiskanlah Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Yang Berhormat Rompin sudah balik, baru dia datang. Saya mahu berdoa supaya Rompin selamat, tidak tenggelam dalam banjir itu.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya hendak minta daripada Kementerian Kewangan ini. Kalau saya ikut kertas yang ada ini, pada bilangan yang ke-15 Yang Berhormat Timbalan Menteri, kalau bilangan 15 ini saya tidak tahu sama ada esok akan dibawa atau pun tidak iaitu Menteri Kewangan akan mencadangkan, Menteri Kewangan akan mencadangkan.

Ke-15 ini yang berkaitan dengan pelaburan untuk mempunyai 10 juta unit saham biasa AES dalam *Solution Sdn Bhd*. Jadi, saya hendak minta bahawa sebelum ini dibentangkan esok, dibaca dan dibahaskan, saya minta supaya kami semua dibekalkan dengan perjanjian kerajaan dengan dua syarikat pengendali AES yang telah pun diberikan sewaktu dia dikendalikan di bawah Kementerian Pengangkutan di bawah JPJ. Sebab kalau tidak bagi saya adalah tidak adil untuk kita hendak bentangkan, kita hendak luluskan, kemudian hendak suruh kami bahas, hendak diluluskan tetapi tidak diberitahu kepada kami. Sampai hari ini kita tidak tahu apa butiran perjanjian kerajaan dengan dua buah syarikat pengendali AES yang telah pun kita berikan sebelum ini.

Jadi, saya minta rakan saya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang saya percaya bahawa boleh membantu kami esok untuk turut sama membahaskan usul ini yang akan dibentangkan sebagai Menteri Kewangan. Jadi Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Putatan.

### 3.12 ptg.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Hari ini suara serak sedikit, bukan macam Yang Berhormat Pokok Sena. Dia tidak kena hujan. Saya turut berbahas atas D.R.22/2013 iaitu Rang Undang-undang Kewangan yang mana Ibu Akta Cukai Pendapatan 1967.

Saya hanya menyentuh beberapa perkara sahaja atau terutama sekali dalam pindaan seksyen 2 iaitu yang saya melihat daripada yang dipinda iaitu menyatakan *Retirement Saving Standard, Partnership, Permanent Total Disablement, Employees' Social of Security Act, Securities commission and Serious Disease*. Tuan Yang di-Pertua, saya baru menerima *email* daripada kumpulan bekas-bekas anggota polis, pegawai keselamatan kita yang mahu saya membawa perkara cukai terhadap perbelanjaan ahli-ahli bekas polis yang juga telah dikenakan cukai GST dan beberapa cukai-cukai yang lain terutama juga cukai pintu rumah, cukai ini, cukai itu.

Dia mahu saya bawa supaya orang-orang yang berpencen, yang sudah lama berkhidmat, yang telah menyumbangkan khidmat mereka kepada negara begitu lama agar dikecualikan atau pun diberi satu langkah untuk mengurangkan bebanan kepada golongan-golongan terutama sekali yang telah berkhidmat dengan begitu lama kepada negara kita iaitu pihak pegawai keselamatan kita, anggota polis dan anggota-anggota bekas-bekas perajurit kita. Saya mohon kepada pihak kementerian, jika ada ruang atau pun ada pendekatan yang lebih *attractive* kepada anggota-

anggota yang terlibat terutama sekali daripada persatuan-persatuan bekas polis dan tentera. Ini satu yang dihantar kepada saya pada minggu yang lepas Tuan Yang di-Pertua. Itulah saya ingin utamakan perkara itu dahulu.

Saya ingin menyentuh soal cukai-cukai daripada pinjaman terutama sekali bunga pinjaman itu yang sukar saya rasa bagi kerajaan untuk memastikan jumlah pinjaman, *interest* atau pun bunga-bunga kepada pinjaman itu terutama sekali yang meminjam daripada peminjam wang yang tidak berlesen. Erti kata, ada juga yang selalu pinjam daripada kawan, pinjam daripada tauke. Belum termasuk yang pinjam daripada Ah long Tuan Yang di-Pertua. Jadi, adakah satu langkah bagi pihak kementerian atau pegawai-pegawai yang berkenaan terutama sekali LHDN untuk melihat berapakah kerugian pihak kerajaan kerana tidak mendapat cukai daripada pendapatan-pendapatan daripada pinjaman-pinjaman terutama sekali peminjam-peminjam daripada yang tidak berlesen ini? Apakah tindakan yang sekeras-kerasnya daripada pihak kerajaan terhadap Ah long Ah long yang berleluasa untuk menyeksa para peminjam atau orang yang susah untuk mendapat dana untuk menjalankan perniagaan atau pun meminjam melebarkan rumah atau pun membuat penyambungan dan sebagainya.

Apabila kita melihat soal penyambungan rumah ini, *house renovation*. Terdapat ramai antara yang berduit dan adakah pihak kerajaan atau pun pihak LHDN memantau orang-orang yang berduit yang hendak tahu bagaimana mereka mendapatkan wang walaupun dalam rekod mereka itu pendapatan dia sedikit tetapi dapat meluaskan rumah, membesar rumah, dan membeli rumah, harta yang lain tetapi tidak dipantau oleh pihak LHDN? Saya sedar Tuan Yang di-Pertua bahawa orang yang menjual di pasar, menjual sayur walaupun miskin tetapi orang belakang dia itu yang membantu atau pun yang mengeluarkan hasil tanaman, tauke kedai kopi dan tauke ikan-ikan semua. Adakah ini juga dapat dilihat oleh pihak LHDN yang mana orang-orang ini tidak boleh mengelakkan daripada pembayaran cukai.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Minta pencelahan Yang Berhormat Putatan.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Yang Berhormat Kapar.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Ya.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Ini Ah long?

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Tidak ada, hendak bantu Yang Berhormat Putatan.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Ada kena mengena dengan Ah long?

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Hendak bantu Yang Berhormat Putatan.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Atau pun kongsi gelap?

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Hendak bantu Yang Berhormat Putatan.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Ya.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Putatan. Saya tidak tahuolah, kalau dia kongsi gelapkah atau apakah. Jangan

tuduh orang lain. Saya sebenarnya hendak bantu Yang Berhormat Putatan. Ini mengenai tentang individu yang boleh membina rumah mewah tetapi tidak ada siasatan dilakukan.

Saya minta pendapat Yang Berhormat Putatan, mekanisme yang kita gunakan untuk menangkap individu-individu ini, bolehkah kita menggunakan *income tax* ini untuk membuktikan bahawa ada penyelewengan telah berlaku. Sebab di negara-negara lain dasar asas yang digunakan adalah *income tax*.

■1520

Dengan *income tax* ini, kita boleh tahu boleh tidak dia bina rumah yang mahal, boleh tidak dia beli banglo semahal ini. So, asasnya ialah *income tax*. Saya rasa dengan memartabatkan kutipan *income tax*, dan menggunakan mekanisme *income tax*, kita boleh mengurangkan penyelewengan ini. Kajian perlu dilakukan pada dasar itu. Apa pendapat Yang Berhormat? Terima kasih.

**Dato' Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Pendapat saya hendak minta penjelasan sedikit sebelum jawab Yang Berhormat Kapar. Saya hendak bertanya kepada isu yang lebih saya rasa menjadi masalah kepada semua. Mereka yang tidak mampu buat pinjaman-pinjaman kecil untuk perniagaan mereka, sebab itu dia pergi kepada *Ah long*. Pinjaman yang biasa dia mulakan cagaran. Umum kita mengetahui yang bermiaga kecil tidak ada harta untuk berikan cagaran, untuk itu dia pergi kepada *Ah long*. Itu pertama. Adakah Yang Berhormat hendak berikan cadangan kepada kerajaan tengok kembali mengapa individu pergi kepada *Ah long*. Kadang-kadang dia bukan sahaja buat rumah, atau buat perniagaan. Yang Berhormat Kapar dia ada agenda lain, dia hanya hendak menekankan kesalahan kerajaan yang sebenarnya. Pembangkang standardlah, dia buka hendak membela orang ramai.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** *[Bangun]*

**Dato' Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Aku belum habis...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Saya rasa Yang Berhormat silap. Saya cuma hendak tekankan mekanisme...

**Dato' Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Saya bukan bercakap dengan Yang Berhormat Kapar, yang dicampuradukkan buat apa? Kata demokrasi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kapar tidak boleh bangun Yang Berhormat Kapar.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Dia sebut nama saya. Dia cakap yang saya...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Pun tidak boleh bangun Yang Berhormat Kapar. Tidak boleh.

**Dato' Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Putatan. Apa Yang Berhormat campur aduk pula ini? Tidak tahu peraturan Parlimenkah ini?

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Betullah itu.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Fitnah tadi Yang Berhormat Rompin.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kapar.

**Dato' Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Saya bertanya kepada Yang Berhormat Putatan, Yang Berhormat Putatan kompelin. Yang Berhormat Kapar melompat bangun buat apa. Macam rasa silap. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Putatan, dia melompat pula sudah. Dia makan cili rasa pedaslah. Saya hendak bertanya yang kedua...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Saya bangun, saya hendak betulkan Yang Berhormat Rompin.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak boleh. Tidak boleh Yang Berhormat. Peraturan Mesyuarat.

**Dato' Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Ini hak saya. Tidak boleh. Balik buat Parlimen Kapar sendiri, buat peraturan sendiri. Buat Parlimen Kapar senang, buat peraturan engkau sendiri. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Putatan balik, iaitu yang *Ah long* ini, yang sepatutnya dicari yang ah long- ah long ini buat untung yang besar. Mengapa tidak kaji supaya mereka bayar cukai pendapatan? Ini tidak bela yang kecil, ini hendak bela untuk diri dia, yang besar kaya raya ini. *Ah long* ini Yang Berhormat, ada *informer* ekonomi, perniagaan tidak direkodkan, tidak didaftarkan, untung banyak tetapi tidak ada cukai pendapatan yang dibayar. Mengapa tidak kerajaan siasat kerana dia bukan sahaja membuat keuntungan banyak atas mereka tetapi menganiayai rakyat Malaysia juga.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Yang Berhormat Kapar dan Yang Berhormat Rompin, ucapan itu saya setuju 100% bahawa itu adalah maksud saya *Ah long*- tidak tulahal kalau Yang Berhormat 'Kapal'...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Kapar Yang Berhormat 'r'...

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Ada cincin atau ada emas di tangan, itu tanda-tanda yang ada duit. Yang Berhormat Kapar, yang patut kita cukai. Macam Yang Berhormat Kapar itu ada cincin emas, ada telinga, semua itu, dia bayar cukai tidak? *[Ketawa]* Ini seharusnya pihak kementerian melihatlah terutamanya Yang Berhormat Kapar, ada tidak dia membayar cukai...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** 'Kapar', bukan 'kapal' *[Ketawa]* Yang Berhormat sekejap, boleh? Terima kasih, terima kasih.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Saya sudah jawab tadi.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** No, no. Sambung sedikit.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Saya harap Yang Berhormat Pontian check orang-orang yang terutama sekali berpakaian mahal tetapi tidak ada kerja, rumah besar. Kadang-kadang dia duduk di kedai kopi, tengok ada rumah besar, kereta mewah. Itu saya harap pihak kementerian dapat melihat. Tidak semestinya Yang Berhormat Kapar, dia kawan baik, dia Ahli Parlimen. Terima kasih Yang Berhormat Kapar.

Ini satu juga yang kita melihat daripada *company tax*. Mengikut sini dia menulis dalam bahasa Inggeris- *company tax*, yang dividen dan *interest*. Jadi kalau kita menggalakkan usahawan

kita yang masih hendak tumbuh ini Yang Berhormat Menteri, saya harap ada satu pendekatan yang kita menggalakkan insentif. Jawapan kepada Yang Berhormat Rompin soal pinjaman yang hendak bermiaga secara kecil-kecilan ini, usahawan kecil-kecilan ini yang jual sayur, jual ikan. Saya rasa ini satu pendekatan yang spesifik untuk mereka ini supaya dapat ke arah di mana pinjaman yang diadakan. Bantuan daripada kerajaan TEKUN dan beberapa agensi-agensi lagi yang mana kerajaan janganlah terlambau ketat dengan kelulusan TEKUN dan banyak pinjaman lain, AGRO Bank misalnya. Banyak lagi yang disediakan. Semua kementerian saya rasa ada pinjaman Yang Berhormat Rompin.

Akan tetapi masalah dia penyampaian di peringkat bawahan ini agak lemah sedikit. Saya berharap pihak kementerian terutama sekali Kementerian Kewangan dapat memanjangkan ataupun memberi satu pendedahan ataupun satu kempen ataupun dalam bentuk maklumat media elektronik dan bagaimana *approach* atau pendekatan supaya yang hendak pinjam ini tidak terpaksa untuk meminjam dari ah long. Jadi ini satu pendekatan yang saya rasa pihak kementerian harus atasi dengan serius.

Soal satu lagi Tuan Pengurus, yang warganegara kita yang kerja di luar negara. Bagaimana pihak kementerian mendapatkan mereka ini membayar cukai kepada negara kita. Misalnya korporat-korporat kita yang ada *business* ataupun perniagaan ataupun aktiviti perniagaan di luar negara. Adakah pihak kementerian juga melihat berapa ramai di antara mereka ini yang berada di luar negara dan yang memulangkan sumbangan kepada negara kita. Ini kita mahu tahu. Bukan, ada juga ada yang perniagaan kita di negara ini. Semua apabila kita buat *trading*, perniagaan, misalnya papan, bahan-bahan kelengkapan perabot misalnya, kayu-kayan, semua *transaction* dibuat di luar negara dan bagaimana pihak LHDN dapat memantau dan memeriksa berapa hasil yang sepatutnya dipulangkan kepada pendapatan negara kita. Jadi, belum saya mendapat kepastian ataupun penjelasan yang lebih terperinci daripada pihak kementerian. Walaupun saya pernah ada soal perkara yang sama pada penggal-penggal yang lalu, tetapi dia punya jawapan itu seolah-olah belum lagi dapat kepuasan daripada telinga rakyat.

Last sekali Tuan Pengurus, saya ingin juga menyentuh soal topik ataupun yang paling popular yang selalu dikeluarkan oleh Timbalan Menteri Kewangan iaitu *black economy*. *Black economy* ini walaupun saya ada tanya pada beberapa minggu yang lalu, soal berapa harganya kerajaan hilang daripada *black economy* ini melalui cukai-cukai daripada Kastam terutama sekali kutipan-kutipan daripada barang yang diimport ke negara kita yang *under declare* yang masuk ke negara kita dan juga wang-wang yang tidak terekod, terutama sekali mata wang lain yang masuk ke negara kita iaitu dalam erti kata *money laundering* di negara kita walaupun kita ada undang-undang yang spesifik untuk mengatasi masalah ini.

#### ■1530

Saya mahu tahu juga dari pihak kementerian soal *transnational crime* yang menyentuh perbelanjaan hasil daripada wang yang dimasukkan dalam negara kita yang mungkin juga melibatkan kepada kumpulan-kumpulan *terrorisme* ataupun mungkin juga ada sumbangan-

sumbangan kepada parti-parti politik di negara kita dan juga yang saya dengar, ada juga yang melibatkan *human trafficking* terutama sekali wanita-wanita yang tidak terekod dalam Jabatan Imigresen kita yang mana baru-baru ini kita melihat daripada surat khabar, ramai wanita dari luar negara diperangkap dan dibuat aktiviti-aktiviti yang tidak baik. Berapakah anggaran duit atau pendapatan wanita-wanita ini yang dikeluarkan kepada negara asal mereka? Kalau ada rekod. Jadi apabila kita melihat jumlah yang tertangkap baru-baru ini- itu *the tips of the iceberg*.

Selain daripada itu, kita juga mahu tahu berapakah anggaran duit kita yang terkeluar akibat daripada pembayaran gaji kepada pekerja-pekerja asing yang bekerja di negara kita?. Ini amat penting. Juga, berapakah cukai yang dikutip daripada pekerja-pekerja ini terutama sekali yang tidak membuat rekod sama sekali ataupun membuat laporan sama sekali kepada LHDN, terutama sekali yang majikan-majikan, pekebun-pekebun kecil dan sebagainya. Ini bukannya jumlah yang kecil tapi jumlah yang besar kerana kebanyakan, terutama sekali di Sabah itu, hampir semua kebun, pekerjanya yang bukan berasal dari negara kita. Berapa agaknya bayaran yang terus dihantar tanpa membayar cukai?

Tuan Yang di-Pertua, yang akhir sekali, yang *under this clause* yang pendapatan-pendapatan melalui *smuggling*- apa ya? Lupalah ini *smuggling [Disampuk]* Penyeludupan, penyeludupan. Berapakah cukai-cukai yang agak kehilangan daripada penyeludupan-penyeludupan terutama sekali *export tax* daripada negara kita yang tidak terekod?

Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, saya memohon menyokong undang-undang yang baik. Patut disokong ya...

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Aku belum duduk ini. Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sungai Siput.

### 3.34 ptg.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Rang undang-undang ini dibawa pindaan kepada beberapa undang-undang cukai pendapatan, cukai petroleum, cukai keuntungan harta tanah, cukai di Labuan. Akan tetapi kebanyakan daripada perubahan yang dibawa adalah secara teknikal untuk menyelaraskan... *[Disampuk]* Teknikal. Jadi hendak selaraskan, akta-akta ini selaras dengan apa yang dibawa dalam bajet kita yang terbaru.

Saya rasa kita kena kaji baliklah pendekatan kita berkaitan rejim percukaian di negara kita. Kalau kita kaji balik, untuk 25 tahun yang lalu, apa yang kita sedang buat adalah kita sedang.. *[Disampuk]* Bukan *piecemeal*, kita sedang kurangkan beban cukai atas orang yang kaya. Cukai pendapatan pun telah dikurangkan. Dia punya *bracket* yang tertinggi telah dibawa rendah. Begitu juga cukai terhadap korporat pun kita telah kurangkan. Dahulu pada tahun 1988 saya ingat, ia lebih kurang 40% atas untung. Sekarang sudah sampai kepada 25% sahaja atas untung dia. Kita juga lagi bercadang kita hendak bawa turun lagi.

Oleh sebab kita kurangkan cukai kita, kita kena cari punca cukai yang lain. Itulah GST. GST ini akan dicukaikan semua orang, semua rakyat. Siapa-siapa yang beli barang akan kena cukai. Jadi ini saya ingat satu yang kita kena kaji. Saya rasa ini bukan kerajaan ingin menyeka kah, membebankan rakyat biasa, bukan dia ada niat jahat.

Mereka ini tertekan kerana sekarang rejim antarabangsa ini- bila Singapura kurangkan cukai korporat dia kepada 19%, bila Thailand buat sebegini juga, kita di Malaysia pun terasa, tertekan, kita takut. Jadi kita kurangkan cukai kita terhadap korporat. Mungkin korporat akan pindah ke Bangkokkah, dia akan pindah kepada Singapurakah, so kita rasa tertekanlah oleh isu ini. Akan tetapi bila semua negara buat yang sama – kita semua berlumba-lumba untuk tarik FDI, untuk tarik pelaburan di Malaysia, jadi kita mesra kepada korporat, kita kurangkan cukai persendirian, kita kurangkan cukai korporat.

Akan tetapi masalahnya ialah pendapatan kerajaan berkurangan. Kerajaan terpaksa mengambil pinjaman. Kerajaan terpaksa kurangkan subsidi pada rakyat miskin dan kerajaan terpaksa juga bawa cukai-cukai baru macam GST yang bebankan rakyat lagi. Bukan sahaja itu.

Bila bajet kerajaan dikurangkan oleh sebab cukai terhadap korporat dikurangkan, permintaan kasar, *aggregate demand*, dengan izin, pun dia jadi kecil. Satu masalah besar sekarang yang dihadapi di dunia ialah *domestic demand*, permintaan dalam sesebuah ekonomi itu tidak berkembang. Itulah masalah kegawatan ekonomi kerana bila orang yang ada *surplus capital*, dia hendak buat kasut, dia hendak buat kereta, dia hendak jual kepada rakyat, rakyat tidak ada cukup duit, mereka tidak boleh beli. So, ini masalah dengan pengecutan permintaan kasar yang mana adalah satu masalah yang dihadapi oleh semua negara di dunia ini. Di Eropah pun sama, di Amerika pun sama, di sini pun sama. Ia berkaitan dengan rejim antarabangsa di mana kita semua takut pada kaum korporat. Takut korporat hendak lari, kita semua turunkan cukai kita tetapi masalahnya ialah kita ada masalah dengan *debt*, kita kena pindah cukai atas orang biasa.

Satu lagi masalah dengan ini ialah bila kita kurangkan cukai korporat, ia ada terlalu banyak surplus, terlalu banyak untung. Akan tetapi tak ada cukup ruang untuk dia *invest* kerana tak ada cukup orang yang hendak beli kasut ataupun beli kereta. So, masalah itu dia jadi *into bubble*. Dia buat spekulasi atas hartanah, dia buat spekulasi atas mata wang, *currency trading*, dia buat spekulasi atas *future market*. Ini membawa satu ketidakstabilan dalam ekonomi kita.

Jadi masalah ini, pada saya, saya nampak masalahnya ialah kita dibuli oleh kaum korporat. Kita takut kepada kaum korporat. Kita mahu mesra kepada mereka, tetapi ini timbulkan beberapa masalah yang serius, bukan hanya kepada ekonomi negara tetapi ekonomi global.

So saya rasa apa yang perlu kita buat ialah kita kena kaji balik rejim cukai. Bukan sahaja Malaysia kerana jika hanya Malaysia kenakan cukai yang lebih tinggi, apa yang kita takut mungkin berlaku. Korporat akan tukar. Akan tetapi kita sekarang buat FTA, kita buat TPPA, kita bincang dengan 12 buah negara, kenapa kita tidak boleh bawa isu ini? Masalah kekurangan cukai di semua tempat bawa masalah kepada kita semua, rakyat biasa dengan kerajaan, dengan juga orang yang pegang *capital* kerana mereka tidak ada peluang untuk *invest* kerana permintaan kasar sudah

kecut. Ini kita boleh bincang dan kita boleh buat satu perjanjian, kita semua 12 negara ini, kita semua serentak, kita naikkan cukai terhadap korporat, serentak.

**■1540**

Jika hanya Malaysia buat, Thailand tidak buat mungkin kita punya korporat boleh lari. Akan tetapi jika kita buat serentak, satu kumpulan yang buat serentak. Saya harap ini kita bukan boleh buat serta-merta, ini kita kena kaji. Akan tetapi jika kita terima masalah pokok ialah rejim antarabangsa sekarang terlalu berat sebelah kepada kaum korporat. Ini bawa pelbagai masalah kepada ekonomi kita, ekonomi antarabangsa. *You got to handle it, you got to address it.* Ada seorang yang menang *Nobel Prize* iaitu James Tobin, dia bawa satu pendekatan, dikatakan semua *financial trading*, pembelian mata wang dikenakan cukai, dia kata mungkin 0.5%, setengah *percent*, mungkin itu pun tinggi sangat. Mungkin kita boleh kurangkan tetapi itu satu idea juga.

Tiap transaksi kewangan oleh korporat yang kaya raya kita *tax* sedikit. So, ini semua kita kena kaji. Akan tetapi ini katakan kita buat di Malaysia, kita punya *currency market* akan *collapse*. Mereka tidak akan beli di sini, mereka akan pergi ke Singapura beli tetapi ini tidak boleh hanya buat di sini. Ini kita kena buat macam TPPA kita bawa sekarang. Ini kita kena buat serentak dengan beberapa lagi- jadi ini saya haraplah, Malaysia boleh ambil satu peranan, pimpinan dalam ini, kerana saya nampak sekarang bila kita hanya *handle* sistem cukai dalam negara kita. Kita tertekan, kita disekat kerana rejim antarabangsa. Memang saya tahu kerajaan ada masalah. Jika kita tidak kurangkan cukai kita, takut dia lari, itu memang satu ketakutan, satu *fear* yang munasabah. *It is a reasonable fear.*

So, saya tidak *agree*, tidak rasa ini kerajaan buat dengan niat jahat, hendak bebankan rakyat. Akan tetapi kesan dia ada macam itu juga. Kesannya membebankan rakyat. Bila kita tarik subsidi, kita bawa GST semua ini, oleh kerana kita tidak cukup pendapatan untuk *cover* semua kos ini. Ini berkaitan dengan rejim cukai, yang kita terpaksa kurang, kurang, kurang sampai sekarang. So, saya haraplah Yang Berhormat Menteri walaupun ini luar daripada perubahan yang dibawa, tetapi saya harap kerajaan boleh kaji pendekatan ini dan tengok adakah perlu kita cabar sistem ekonomi berat sebelah pada satu pihak.

**Dato' Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Tuan Yang di-Pertua saya amat berminat dengan cakap Yang Berhormat Sungai Siput. Dari segi falsafah, percukaian. Bermakna kita banyak perbahasan dari segi perlu turun atau naik tentang cukai untuk *the upper income group*, ada juga orang kata impak supaya turun kepada yang mampu, yang tidak begitu mampu akan *take up the slack* pada cukai itu. Akan tetapi saya bertanyakan pada Yang Berhormat sebagai juga yang pakar ekonomi, saya tahu latar belakang Yang Berhormat. Bagaimana *leakage* dalam ekonomi kita ini? *So called the black economy*, kalau kita cukai terlalu tinggi, korporat tahu macam mana mengelakkan cukai, *by cooking the book* dengan izin.

Oleh sebab itu bila kita- kebimbangan kalau terlalu tinggi sangat cukai, mereka lagi banyak *leakage* dalam ekonomi kita. Bagaimana kita hendak mengawasi *leakage* ini atau *some countries* dia punya *black economy are so high. Some countries are as big as a normal economy*. Bagaimana

kita kerajaan untuk hendak menambahkan pendapatan itu, hendak menghadapi cabaran daripada *the leakage* dalam ekonomi? Minta pandangan Yang Berhormat.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Terima kasih. Saya rasa masalah *black economy* bukan kerana rejim cukai. Jika kita tengok pada 60-an, 70-an, rejim cukai dikatakan di *Europe*. Saya ingat dia punya *profit* 50%, 60% di cukai. So, tinggi sangat tetapi sana *black economy* tidak besar kerana saya ingat sistem tetapi...

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Ya, itu satu masalah, ada *system transfer*, itu bukan *black economy* tetapi apa mereka buat, mereka tubuhkan satu syarikat di *Singapore*. Bila dia beli barang dari China, dia beli dengan harga yang murah, dia jual barang itu kepada UK dengan harga tinggi. So, untung dia di *declares* di *Singapore*, di mana cukai korporat hanya 19%. Jika dibuat tetapi barang itu tidak pergi *Singapore*, dia terus dari China dia pergi ke UK. Beli di China, jual di UK. Akan tetapi, tengah-tengah dia buat *Singapore* sebagai dia punya *safe*, dia punya *tax heaven*. So, dia beli murah daripada China, dia jual mahal dekat *Singapore*. Untung di *Singapore*, tidak kenai cukai banyak. Itu dia buat tetapi itu bukan *black economy*. Itu macam ikut *the law*. Itu *leakage* tetapi itu *leakage* yang legal.

Mungkin apa yang kita pun- saya cadangkan kita kena kaji balik sistem cukai ini, kita pun kena kaji kewujudan *tax heaven* ini yang membantu syarikat-syarikat yang kaya raya melepaskan diri daripada cukai. Dia tidak bayar cukai di China, dia tidak bayar cukai di UK tetapi dia bayar cukai di Bahamas, atau di mana-mana *island* kah, dia boleh pergi ke situ dan sebenarnya itu barang tidak pernah pergi ke situ. Dia pergi *direct* daripada China ke UK tetapi cukai dibayar di tempat ketiga di mana kadar cukai terlalu rendah. Ini pun satu lubang yang kita kena tutup.

Akan tetapi ini kita tidak boleh buat persendirian, kita kena buat secara satu rejim antarabangsa macam sekarang kita buat TPPA dengan 12 negeri. Ini kita kena buat sama dengan sistem cukai ini, di mana kita hendak tutup lubang-lubang macam ini, kita perlu kerjasama antarabangsa dan kita buat serentak. Kita katakan siapa-siapa hendak bawa barang ke UK, kena bawa *direct*. Tidak boleh pakai *third party* untuk *escape* daripada cukai. Ini kita kena kaji balik apakah cara dia. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Labuan.

### 3.46 ptg.

**Tuan Rozman bin Isli [Labuan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya lihat pindaan kepada akta-akta yang tersenarai ini adalah untuk memperkemas kini semua akta-akta yang ada kaitan sedikit sebanyak dengan perubahan-perubahan yang telah kita luluskan. Akan tetapi juga sebenarnya adalah, termasuklah akta-akta kita punya peranan melawan jenayah terancang dan sebagainya.

Saya ingin menyentuh sedikit mengenai yang akta pindaan kepada Akta Cukai Aktiviti Perdagangan Labuan 1990. Akta ini adalah perlu dipinda disebabkan ada kaitannya juga dengan

*Secrecy Act* yang telah dimansuhkan sebelum ini, di mana dengan pindaan yang akan dibuat ini akan memberi kuasa kepada ketua pengarah untuk menetapkan borang sebagaimana yang dikehendaki kepada syarikat-syarikat yang berdaftar di Labuan. Apa yang dimaksudkan sebagai syarikat-syarikat yang mendaftar di Labuan adalah syarikat-syarikat luar pesisir yang perniagaannya, transaksinya dilakukan di dalam *currency* selain daripada Ringgit Malaysia. Ini sebenarnya ada kaitan dengan peperangan kita untuk melawan *tax invasion*, wang haram dan sebagainya. Untuk kita memastikan ia berjaya di Malaysia, ia ada kaitan juga dengan hubungan dengan negara-negara lain seperti yang diperkatakan oleh pembahas sebelum ini.

Untuk kita mendapat kerjasama daripada negara-negara lain mengenai dengan informasi-informasi aliran wang terutamanya akaun syarikat-syarikat yang berdaftar di syarikat luar pesisir seperti di negara-negara lain. Sebenarnya banyak juga seperti di *Bahamas, Virgin Islands, Cayman Islands* dan sebagainya. Jadi kita di Malaysia, iaitu Labuan sebagai pusat pesisir mesti juga memastikan yang kita boleh memberikan kerjasama kepada negara-negara lain yang ingin mendapatkan informasi-informasi mengenai akaun atau pun *financial report* yang betul daripada syarikat-syarikat yang berdaftar di Labuan. Oleh sebab itulah pindaan kepada akta ini diperlukan.

#### ■1550

Selain daripada itu ia juga adalah untuk memastikan Labuan sebagai *financial offshore centre* di Malaysia, sebagai sebuah yang mempunyai akta-akta yang membuatkan ianya komparatif dan berdaya saing dibandingkan dengan kawasan-kawasan lain yang ada di seluruh dunia. Kepada akta-akta lain saya lihat ianya adalah sesuatu yang akan memperkemaskan lagi daya saing Malaysia seperti Akta Petroleum dan juga *stamp duty* dan sebagainya. Jadi dengan itu Labuan mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bandar Kuching.

#### 3.51 ptg.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin sentuh sedikit sebanyak tentang pindaan kepada Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990. Kita menubuhkan Labuan *offshore banking* di Labuan dengan tujuan supaya Labuan boleh menjadi satu *financial centre* di rantau ini tetapi akibatnya kebelakangan sepuluh tahun ini kita Malaysia telah menjadi termasyhur di antarabangsa dari segi wang haram yang dikeluarkan daripada Malaysia sehingga jumlah yang dijangka sampai tahap RM1 trilion dalam sepuluh tahun ini.

Semasa kita sebutkan *offshore loan* ia sentiasa terbabit dengan penyeludupan wang haram keluar daripada negeri- *black economy* yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Putatan tadi dan saya ingin tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang peranan kerajaan untuk menyelia aktiviti *offshore loan* ini dan saya pun amat terperanjat kerana saya terbaca dalam *website* *Labuan Financial Authority* di mana Kerajaan Negeri Sarawak sendiri pun ada pinjam *offshore loan* dalam tahun 2011 sebanyak *USD800 juta*.

Kerajaan Negeri Sarawak pinjam *offshore loan* dan *offshore loan* itu yang disebutkan saya quote kan daripada prospektus mengenai *offshore loan* yang dipinjam oleh Kerajaan Negeri Sarawak, “*No approval from the Securities Commission of Malaysia has been, or will be obtain for the offering for the notes on the basics that the note be offer or sold exclusively to person outside Malaysia, or if within Malaysia, then only by end to a Labuan company or foreign Labuan company as defined under the Labuan Company Act 1990. In addition, law approval from the Labuan Financial Services Authority has been, or will be obtaining for the offering of the notes on the basis that the offer of the notes will for within the category, as excluded offers setup in section 8(5) of the Labuan Financial Centres and Securities Act 2010.*”

Maka ini satu *offshore loan* yang dipinjam oleh Kerajaan Negeri Sarawak dan syarat-syarat mengenai *loan* ini tidak payah diapproved atau disebut kepada *Labuan Financial Centre Authority*. Apakah impaknya tentang *offshore loan* ini atas pemungutan cukai Kerajaan Pusat dan semasa saya meneliti prospektus saya pun terperanjat kerana pada masa pinjaman ini dibuat *Malaysia Government bon* dalam pasaran adalah bayar lebih kurang 3.9% *interest* atas pinjaman yang dipinjam oleh kerajaan negara kita tetapi untuk bon ini Kerajaan Negeri Sarawak akan bayar *interest* pada kadar yang amat tinggi iaitu lebih kurang 6.628% *per annum* dan ini merupakan satu *interest* yang begitu besar yang akan dibayar oleh Kerajaan Negeri Sarawak dan oleh kerana apa yang telah disebutkan bon ini tidak payah diregister di *Labuan Financial Authority*, tidak payah di register dengan *Securities Commission of Malaysia* maka *interest* ini yang kena dibayar ini ia merupakan satu keuntungan kepada pemegang bon itu dan adakah cukai akan dikenakan atas *interest* yang diterima oleh pemegang bon ini.

Saya juga ingin tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri ada apa-apa regulasi mengenai untuk *the control offshore loan* yang dipinjam oleh Kerajaan Negeri Sarawak dan di samping apa yang saya sebut tadi USD800 juta, lebih kurang RM2.5 bilion pinjaman yang dibuat pada tahun 2011. Di samping pinjaman ini ada lagi satu pinjaman kedua yang dipinjam oleh Kerajaan Negeri Sarawak di mana dalam tahun 2012, enam bulan selepas itu Kerajaan Negeri Sarawak pinjam lagi satu pinjaman yang berjumlah *USD800* juta lagi iaitu dalam satu hingga dua tahun ini sejumlah RM5 bilion *loan* pinjaman yang telah dipinjam oleh Kerajaan Negeri Sarawak dan melalui cara *offshore loan*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya sebentar Yang Berhormat. Ada makluman. Sebentar Yang Berhormat.

Ahli Yang Berhormat, saya ingin umumkan kehadiran *His Excellency Ahmed Faouzi, Ambassador of the Kingdom of Morocco* ke Malaysia di Parlimen ini [*Tepuk*] Semoga kehadiran His Excellency ini akan mengeratkan hubungan antara Morocco dengan Malaysia. Ya, teruskan.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** *Welcome to Malaysia.* So, saya ingin tahu adakah Kementerian Kewangan ada *control* atas aktiviti Kerajaan Negeri Sarawak untuk meminjam melalui *offshore loan* kerana *offshore loan* yang dibuat oleh Kerajaan Negeri Sarawak tidak disebut

dalam penyata *statement account* yang dibentang dalam Dewan Undangan Negeri semasa pembentangan bajet negeri.

**■1600**

Kalau begitu, kalau ini dibenarkan, maka kerajaan negeri Sarawak akan bayar pinjam duit untuk buat apa, tidak ada orang tahu dan selepas itu wang kerajaan akan digunakan untuk bayar bon semasa, bon ini, *mature*. Oleh itu saya ingin, sebagai kesimpulan buat tiga soalan. Pertamanya apakah cara untuk kontrol atas peminjaman *offshore loan* yang dibuat *loan* Kerajaan Negeri Sarawak. *Number two*, apakah impak atas pemungutan cukai kita sekiranya *offshore loan* ini yang dibuat tidak payah *register* dengan *financial authority* Labuan. Maka bagaimana kita boleh menyelia berapa yang dipinjam, berapa keuntungan mereka.

Ketiganya, apakah *control* yang akan dibuat atau dilaksanakan oleh kerajaan untuk mengawal penyaludupan wang haram yang begitu besar keluar daripada negara kita? Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuala Selangor, selepas itu Yang Berhormat Pandan. Kemudian Yang Berhormat Menteri bolehlah menjawab selepas itu.

**4.01 ptg.**

**Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, mengizinkan saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Kewangan 2013.

Tuan Yang di-Pertua saya ingin menyentuh mengenai pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan 1967, fasal 13 di mana cadangan untuk memperluaskan potongan cukai ke atas sumbangan kepada tabung untuk pembelian bangunan rumah ibadah. Saya melihat cadangan pindaan ini amat sesuai di mana ia adalah merupakan salah satu insentif kepada tabung beli bangunan rumah ibadat serta pada masa kini potongan cukai ke atas sumbangan kepada tabung untuk pembinaan dan penambahbaikan rumah ibadat sahaja. Pindaan ini juga akan merangkumi pembelian bangunan rumah ibadat dan juga dalam konteks menunjukkan bahawa sensitiviti agama di mana pihak kerajaan menunjukkan perhatian terhadap keperluan pengikut yang sering membuat cadangan untuk membeli rumah ibadat dan kerajaan menyokong cadangan ini dengan memberi pengecualian cukai terhadap sumbangan pada tabung untuk membeli rumah ibadat dan ia akan lebih banyak memberi banyak sumbangan kepada sesiapa saja yang ingin menyumbang kepada pembangunan rumah ibadat.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh iaitu fasal 27 mengenai pengenaan cukai pegangan ke atas pengeluaran awal daripada anuiti tertangguh sebelum mencapai umur 55 tahun. Pada hemat saya pindaan ini sangat penting untuk menggalakkan pembayar cukai untuk mengekalkan simpanan dalam anuiti tertangguh untuk manfaat selepas persaraan. Saya lihat secara umumnya dengan adanya pindaan ini, kerajaan menunjukkan kepekaan kepada keadaan

pekerja selepas mereka bersara kerana trend menunjukkan lebih ramai cenderung untuk mengeluarkan simpanan dalam anuiti tertangguh sebelum persaraan di mana mereka yang tidak mempunyai simpanan secukupnya untuk menampung kehidupan dan keperluan selepas persaraan. Maka pindaan ini adalah amat penting untuk menjaga kepentingan rakyat terutamanya mereka yang selepas bersara secara khususnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai fasal 49 di mana kajian semula kadar cukai keuntungan harta tanah atau dalam bahasa ringkasnya RPGT, di mana tempoh pegangan ditingkatkan dari dua ke tiga tahun. Kadar cukai ini juga dinaikkan dan syarikat bukan warganegara dikenakan RPGT 5% walaupun selepas 5 tahun perolehan. Ini bagi hemat saya adalah sangat penting untuk membendung kegiatan spekulasi yang menyebabkan kenaikan keterlaluan harga rumah.

Kadar tetap RPGT yang rendah ketika ini didapati tidak begitu berkesan untuk membendung aktiviti spekulasi dalam pasaran harta tanah yang mana jika tidak dikawal akan memberi tekanan kepada harga harta tanah dan kita juga harus faham bahawa situasi ini dalam jangka panjang akan menjasaskan kemampuan golongan berpendapatan rendah dan sederhana untuk memiliki rumah. Mulai tahun hadapan, harta tanah yang dijual selepas dua tahun pembelian dikenakan RPGT dan pada keseluruhannya 30% berbanding dengan 20% sebelum ini. Pengenaan RPGT yang tinggi akan menyebabkan kegiatan spekulasi menurun kerana insentif *flip* harta tanah telah berkurangan, maka permintaan untuk harta tanah bagi tujuan spekulasi dijangka menguncup dan ini seterusnya akan mengurangkan peningkatan harga harta tanah yang pesat.

Keadaan ini seterusnya akan mengurangkan kadar kenaikan harga harta tanah pada tahun 2014 berbanding dengan tahun 2012 yang mencatatkan 11.8%. Ini membuktikan bahawa kerajaan mendengar kepada masalah rakyat terutamanya generasi muda yang ingin memiliki rumah dan langkah kerajaan untuk mengurangkan pembelian spekulasi ini diharap dapat menyokong sokongan rakyat secara amnya. Ini kerana saya melihat juga ramai di kalangan mereka yang baru saja *graduate*, dengan izin, mengeluh kerana mereka tidak mampu untuk membeli rumah disebabkan harga rumah yang semakin meningkat terutamanya di Lembah Klang.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh fasal 32 di mana membolehkan pemindahan baki elau modal daripada perkongsian atau syarikat sendirian berhad kepada entiti perkongsian liabiliti terhad iaitu LLP semasa pertukaran di mana ia akan menggalakkan pertubuhan LLP sebagai satu wadah perniagaan baru, sebagai alternatif kepada usahawan untuk menjalankan perniagaan di mana orang ramai akan mendapat lebih banyak pilihan untuk menjalankan perniagaan dan tidak hanya tertumpu kepada bentuk perniagaan tradisional seperti penubuhan syarikat, milikan tunggal dan juga perkongsian atau firma perkongsian. Pertubuhan LLP akan melengkapkan lagi pilihan tradisi bentuk perniagaan sedia ada dan perlu dianggap sebagai memberikan golongan peniaga serta pelabur satu kelonggaran serta kebebasan untuk memilih model perniagaan yang terbaik bagi menepati keperluan berdasarkan kriteria komersial.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi ingin menegaskan di sini bahawa semua pindaan yang dilakukan oleh kerajaan adalah untuk kebaikan dan kesejahteraan rakyat secara umum. Kerajaan yang mengutamakan rakyat meletakkan kepentingan rakyat sebagai agenda utama dalam sebarang pindaan insentif yang dilakukan. Sekian, terima kasih. Saya dengan ini menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pandan.

#### 4.08 ptg.

**Tuan Mohd Rafizi bin Ramli [Pandan]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Selamat petang, salam sejahtera Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas peluang untuk membahaskan pindaan-pindaan. Secara khususnya saya akan menyentuh fasal 6 mengenai, dengan izin, *Private Retirement Scheme* ataupun Skim Persaraan Swasta. Fasal 7 mengenai pindaan yang meluaskan lagi skop sesuatu perbelanjaan itu dikira sebagai perbelanjaan dengan izin, *entertainment* dan juga klaus 20 yang berkaitan dengan liabiliti pengarah-pengarah ke atas tanggungjawab untuk membayar cukai. Dewan yang mulia, pindaan-pindaan ini sudah tentu dicadangkan oleh Kementerian Kewangan dan kerajaan untuk mengetatkan lagi undang-undang supaya dengan ini lebih banyak kutipan cukai boleh dibuat.

Soal cukai ini saya selalu merujuk kembali kepada seorang tokoh besar Islam yang bernama Ibnu Khaldun kerana Ibnu Khaldun ini bukan sahaja menjadi rujukan kepada kita tetapi dikira sebagai seorang bapa ekonomi dunia yang jauh lebih awal mendahului tokoh-tokoh seperti Adam Smith. Saya rujuk kepada satu kenyataan yang dibuat oleh Ronald Reagan semasa beliau menjadi presiden yang juga merujuk kepada Ibnu Khaldun dengan izin Tuan Yang di-Pertua, “*May I offer you the advice of the 40th century Arab historian Ibnu Khaldun Hussein? At the beginning of the empire, the tax rate were low and the revenues were high. At the end of the empire, the tax rates were high and the revenues were low.*” Sama macam keadaan yang berlaku di Malaysia sekarang.

#### ■1610

Maka kita perlu rujuk dengan mendalam falsafah dan juga tunjuk ajar yang dibuat oleh Ibnu Khaldun dalam kitabnya “*Muqaddimah*” itu. Beliau terus menerangkan kenapa keadaan ini berlaku? Kenapa dalam mana-mana kerajaan, empayar, ia akan bermula dengan cukai yang tinggi tetapi pada kadar yang rendah. Akan tetapi apabila empayar itu runtuh, ia disebabkan oleh cukainya terlalu tinggi tetapi kutipan tidak mencukupi untuk menanggung perbelanjaan. Maka Ibnu Khaldun menerangkan lagi, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, “*The reason for this is that when that the dynasty follows the ways of the religion, it imposes only such taxes as are stipulated by the religious law such as charity taxes, the land tax and the ‘poor’ tax. That’s mean small assessment because as everyone knows the charity tax of property is low.*”

Maka inilah falsafah yang menjadi asas kepada ekonomi dunia yang dimulakan oleh Adam Smith bahawa kerajaan tidak boleh mengenakan cukai yang tinggi kepada rakyat. Cukai itu

mestilah rendah dan itu jugalah bagi orang Islam asasnya yang diletakkan bahawa kita tidak ada kadar cukai yang melambung sampai 40%, 50% sampai 25%. Baik, apa lagi kata Ibnu Khaldun yang cukup relevan dengan debat dan bahas kita mengenai ekonomi Malaysia? Menurut Ibnu Khaldun, *"At the beginning of the dynasty, the revenues are distributed among the trial and the people who share in the rulers group filling in accordance to their usefulness and group filling because they are needed to established the dynasty as we have stated before. Under the circumstances, their leader reference in their favour from claiming the revenues which they would like to have."*

Lebih kurang 700 tahun yang lepas, Ibnu Khaldun telah pun mengingatkan bahawa di setiap permulaan kerajaan yang kukuh itu cukainya tinggi walaupun kadarnya rendah kerana kerajaan pimpinan ataupun sultan pada ketika itu pada ketika permulaan kerajaan menumpukan perhatian untuk mengukuhkan kerajaan. Untuk mengukuhkan kerajaan maka perlu diambil berat tentang kebijakan rakyat dan kebijakan kabilah-kabilah. Ini kerana kalau kabilahnya marah, maka runtuhlah kerajaan. Akan tetapi di akhir apabila runtuhnya sesuatu empayar, ia kerana pimpinan itu setelah kerajaan kaya, kerajaan kuat, maka kecenderungannya adalah untuk mengambil wang dengan nafsu tamak mereka. Bukan saya kata, ini Ibnu Khaldun kata dalam kitab yang menjadi rujukan semua para ekonomi besar dunia termasuklah Presiden-presiden Amerika Syarikat.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada perkara tersebut kerana pindaan-pindaan ini bertujuan untuk mengetatkan lagi undang-undang kutipan cukai yang akhirnya akan memangsakan rakyat. Jadi kita perlu kembali kepada premis asal. Kerajaan mahu mengetatkan kutipan cukai dengan memperkenalkan pindaan-pindaan ini atas alasan pendapatan yang ada sekarang ini tidak mencukupi. Oleh sebab itu kita kena ucap tahniah kepada rakyat Malaysia baik yang individu ataupun yang swasta atau syarikat dan juga LDHN. Ini kerana kalau mengikut laporan ekonomi sendiri, Malaysia sebenarnya telah mengutip begitu banyak cukai daripada rakyat.

Tahun 2013 pendapatan cukai RM164 bilion. Tahun 2012, RM152 bilion. Kalau dilihat dari segi cukai pendapatan baik syarikat, baik individu kenaikannya dalam tahun 2013 adalah sebanyak 18%. Jadi kalau hendak dikata bahawa syarikat dan perniagaan Malaysia ini tidak menyumbang kepada kewangan negara, tidak betul. Ini kerana bukan mudah untuk cari negara di dunia ini yang sektor swastanya menyumbang sehingga meningkat pendapatan 20% dalam satu tahun. Cukai individu dalam tahun 2013 berbanding tahun 2012 naik 15%. Maksudnya rakyat kita membayar cukai pada kadar- bukan pada kadar minta maaf, maknanya pertambahan kutipan cukai daripada rakyat kita ini naik 15%. Setiap tahun perkara ini naik sebab itu kalau saya pasti ahli Dewan yang lebih senior dan yang lebih lama, kalau diingat dalam tahun 2007 dan 2006 sebenarnya kutipan cukai kita tidak sampai pun RM100 bilion setahun. Akan tetapi kita tidaklah menggelabah sedemikian rupa sampai kita terpaksa mengetatkan pelbagai perkara yang diperkenalkan melalui pindaan-pindaan ini.

Pada pemahaman saya, berdasarkan rekod kewangan ini, negara Malaysia, rakyat Malaysia, syarikat-syarikat Malaysia telah menyumbangkan sumber yang mencukupi kepada

kerajaan. Masalahnya ialah kerana seperti yang diingatkan oleh Ibnu Khaldun menguruskan ekonomi dan kewangan negara itu bukan soal mengutip hasil sahaja tetapi juga memastikan hasil yang dikutip itu dibelanjakan untuk rakyat dan secara berhemah. Oleh sebab itu saya dan juga Ahli Dewan dari sebelah sini konsisten bahawa pengenalan GST sudah tentu akan membebankan rakyat pada ketika kewangan yang ada sekarang mencukupi untuk menampung perbelanjaan negara. Jadi saya mahu terus merujuk kepada pindaan-pindaan Tuan Yang di-Pertua. Ini kerana pindaan-pindaan ini ada kesan yang besar termasuklah kepada Ahli-ahli Dewan daripada sebelah sana. Sama ada mereka faham atau tidak apa yang dicadangkan oleh kerajaan ini.

Saya ambil yang pertama, Fasal 6. Fasal 6 ini mencadangkan supaya akta dipinda untuk memastikan bahawa sebarang pengambilan wang daripada Skim Persaraan Swasta oleh individu sebelum umur 55 tahun akan dikenakan cukai. Ahli-ahli Dewan dan kerajaan seolah-olah lupa bahawa yang melancarkan Skim Persaraan Swasta ini ataupun dengan izin, *Private Retirement Scheme* adalah Perdana Menteri dan Menteri Kewangan sendiri. Dalam Julai 2012, Perdana Menteri dengan gah menyatakan bahawa untuk membantu rakyat kita akan beri segala kemudahan supaya Skim Persaraan Swasta ini boleh ditubuhkan. Janji Perdana Menteri, Yang Berhormat Pekan juga Menteri Kewangan adalah bahawa pendapatan kepada skim-skim ini tidak dikenakan cukai. Bukan lama sudah setahun setengah. Itu kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Pekan, Julai 2012, boleh semak janji beliau bahawa kalau rakyat meletakkan tabungan di dalam skim-skim ini, skim ini tidak dikenakan cukai.

Tidak sampai dua tahun Yang Berhormat Pekan dan kerajaannya datang ke Dewan ini dan mencadangkan tanpa mungkin disedari pun oleh Ahli-ahli Dewan yang lain bahawa kalau keluarkan sebelum 55 tahun, maka kena ada cukai. Oleh sebab itu Yang Berhormat Kuala Selangor saya tidak faham apabila Yang Berhormat Kuala Selangor kata ini membantu rakyat. Ini mencukai rakyat. Sedangkan kalau ikut yang dijanjikan dan yang ada dalam akta sekarang apabila rakyat meletakkan simpanan dan tabungan dalam skim ini, apabila syarikat yang mengendalikan skim ini mendapat untung pendapatannya dikecualikan daripada cukai.

Akan tetapi apabila rakyat bawa keluar duit ini sebab sama ada dia hendak mulakan perniagaan sendiri, sama ada dia hendak buat rumah, hendak sambung rumah atau apa-apa sebab, maka kerajaan akan ambil cukai. Jadi saya mohon supaya Menteri Kewangan balik semula dan kekal dengan janji beliau, Julai 2012 bahawa sebarang sumbangan termasuklah pengeluaran daripada Skim Persaraan Swasta ini tidak dikenakan cukai kerana ini banyak mengakibatkan pekerja-pekerja sektor swasta yang merupakan jumlah majoriti tenaga kerja di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua fasal kedua yang saya hendak rujuk ialah Fasal 7 yang cadangannya meminta definisi *entertainment*. *Entertainment* mengikut seksyen 18. Ini berbunyi agak teknikal, jadi mungkin yang kurang biasa dia nampak pelik sedikit. Saya bacakan ya, saya bacakan dengan izin bahawa, “*For the purpose of promoting his business, the expenses incurred by a person for the purpose of promoting his business with or without consideration falls within the definition of entertainment*”.

**■1620**

Maknanya apa? Maknanya kita bagi kuasa yang tanpa terbatas kepada LHDN untuk membuat taksiran ke atas pelbagai bentuk perbelanjaan. Baik, sekarang ini memang menentukan sama ada sesuatu perbelanjaan itu dikira sebagai *entertainment* atau tidak, perbelanjaan hiburan atau pun tidak, ia memang penting supaya syarikat-syarikat tidak mengutip kredit cukai daripada LHDN ataupun kerajaan kalau perbelanjaan itu bukan betul-betul perbelanjaan perniagaan.

Secara logiknya, apabila kita berbelanja untuk mempromosi perniagaan kita, kalau saya contohnya belanja Tuan Yang di-Pertua supaya Tuan Yang di-Pertua boleh dipromosikan barang saya, sama ada saya belanja dia minum, sama ada saya beli barang saya bagi dekat dia, sama ada saya hantar dia kad, itu tertakluk kepada definisi sekarang.

Definisi pindaan yang cuba dibuat oleh kerajaan ini bermakna kalau tidak ada sebarang pertukaran apa-apa pun, kalau Tuan Yang di-Pertua sebagai *costumer* saya, kad pun tidak dapat, belanja minum pun tidak dapat, apa pun tidak dapat tetapi LHDN masih mempunyai kuasa untuk menyatakan bahawa perbelanjaan itu adalah perbelanjaan *entertainment*, maka ia dikeluarkan daripada tolakan cukai. Maksudnya tidak boleh *claim expenses* itu untuk mengurangkan cukai.

Kuasa yang sebegini besar yang diberikan kepada LHDN sudah tentu akan membolehkan LHDN secara rawak ataupun secara tidak terkawal dalam keadaan mereka dikenakan KPI yang cukup tinggi untuk mengutip hasil bagi kerajaan untuk mula dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *to scrutinize unnecessarily* setiap perbelanjaan yang memang jelas bukan perbelanjaan *entertainment* pun.

Apabila kita meletakkan satu definisi bahawa apa-apa perbelanjaan sama ada pertukaran wang atau barang itu berlaku atau tidak, boleh dikira sebagai *entertainment expense*, maka kuasa yang ada kepada LHDN itu terlalu tinggi dan saya kira Dewan perlu mempertimbangkan supaya kuasa itu dikawal. Kalau tidak, ia akan menimbulkan lebih banyak kerisauan di kalangan perniaga ataupun orang perseorangan kerana mereka tertakluk kepada taksiran yang mungkin berat sebelah yang dibuat oleh LHDN.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kelana Jaya bangun Yang Berhormat.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Pandan, saya hendak tanya sama ada Yang Berhormat Pandan sudah baca atau tidak tentang pindaan fasal 23 terhadap seksyen 99, Akta Cukai Pendapatan? Saya rasa dalam fasal 23 ini, pindaannya memang tidak boleh diterima sebab seksyen 99(4) ini yang dikemukakan di sini akan mengehadkan hak rayuan terhadap cukai yang dikenakan. Bacaan saya ialah pembayar cukai ini di bawah seksyen 99(4) hanya diberi kuasa rayuan sekiranya *income tax assessment* yang dibuat itu adalah mengenai satu *public ruling*. *Public ruling* adalah di mana pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri ini membuat satu interpretasi undang-undang.

Jadi pindaan ini sangat bahaya sebab ia ini tidak bagi apa-apa elemen rayuan. Sebab seksyen 99 adalah untuk hak rayuan pembayar *income tax*. Akan tetapi dengan pindaan 99(4),

nampaknya jelas bahawa LHDN mengambil balik kuasa rayuan sekiranya- cuma bagi satu saja. *Exception* nya, kalau hendak rayu, sekiranya ada kes *public ruling*.

Jadi saya rasa apa yang Yang Berhormat Pandan sudah berhujah tentang kita kena *control the overpower, too much power given to LHDN ini*, saya rasa kalau boleh *maybe you can look into this also*. Terima kasih.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Terima kasih Yang Berhormat Kelana Jaya. Yang Berhormat Kelana Jaya tidak berkesempatan untuk berucap selepas ini, jadi saya mohon supaya ucapan beliau itu dimasukkan ke dalam ucapan saya.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, ialah mengenai fasal 20 iaitu pindaan terhadap perenggan 75A(2)(b) Akta Kewangan. Ini yang saya rasa akan betul-betul mengejutkan banyak juga Ahli Dewan kerana ia bersabit dengan liabiliti setiap pengarah dalam syarikat kepada tanggungjawab membayar cukai. Mengikut fasal ini, seseorang yang mempunyai saham lebih daripada 20% ataupun apabila pengarah itu ataupun individu mana-mana pun yang boleh dikira sebagai mengawal perniagaan ataupun pengurusan sesuatu syarikat, maka pindaan ini akan menyebabkan individu-individu ini secara undang-undang juga terpaksa menanggung liabiliti pembayaran cukai oleh syarikat-syarikat yang dia ada saham. Okey.

Ini cukup ada kesan kepada seluruh Malaysia. Sebab, ada konsepnya kenapa orang menu buhkan syarikat. Kita ada banyak peguam, ada *corporate lawyer*, Yang Berhormat Kelana Jaya *corporate lawyer*, sebelah Barisan Nasional pun ramai *corporate lawyer*. Kita menu buhkan syarikat supaya ada *corporate veil*, supaya memisahkan antara liabiliti kita sebagai pemegang saham dan juga pengurusan syarikat dan juga liabiliti syarikat.

Sebab itu sebelum ini, bukan saja di Malaysia malah sepanjang saya berkhidmat di luar negara pun, dalam bidang percukaian, saya tidak pernah jumpa lagi mana-mana keadaan yang mana *the corporate veil*, dengan izin, *the corporate veil is lifted for the purpose of tax*. Sukar untuk saya berjumpa satu negara yang meletakkan bahawa kalau ini syarikat Tuan Yang di-Pertua, syarikat itu tidak bayar cukai sama ada sebab pengurusnya lupa dan sebagainya, pengarahnnya yang kena bayar cukai. Selalunya denda itu dikenakan kepada syarikat kerana syarikat itu adalah entiti yang berlainan daripada pengarahnnya. Apatah lagi kalau pengarah ataupun pemegang sahamnya itu hanyalah ada 20%, 22%, ia tidak ada kawalan terus kepada pengurusan syarikat-syarikat tersebut.

Dalam Dewan ini ramai yang ada syarikat. Jadi kalau pindaan ini diluluskan, maknanya mereka yang banyak saham, banyak syarikat, lepas ini perlu ada seorang akauntan yang betul-betul jaga segala urusan percukaian Ahli Dewan sekalian supaya tidak termakan dengan pindaan ini yang mengatakan bahawa kalau syarikat itu tidak membayar cukai, maka secara individu, kita sebagai pengarah syarikat pun juga akan dikenakan liabiliti yang sama. Yang Berhormat Kuala Krai.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Terima kasih Yang Berhormat Pandan, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapatkan pandangan daripada Yang Berhormat

Pandan, agak-agaknya apa yang mendorong kerajaan untuk meminda dan menghapuskan *corporate veil* ini? Adakah kerana mereka menganggap mereka tidak boleh *pursue* syarikat-syarikat ini atau apa? Pada saya, adalah lebih mudah untuk mereka memburu syarikat-syarikat yang gagal membayar cukai ini daripada pengarah-pengarah mereka yang mempunyai minoriti *share* ini. Apa pandangan Yang Berhormat Pandan?

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Krai. Saya tidak tahu niat kerajaan. Mungkin Yang Berhormat Menteri boleh terangkan selepas ini. Dengan izin, *I cannot pretend that I know what is the intention.* Cuma, saya yakin bahawa secara logiknya, pindaan-pindaan ini diusulkan untuk memberi lebih kuasa kepada LHDN dan juga untuk membolehkan langkauan kuasa itu melampaui syarikat supaya kalau tidak boleh dibuktikan melalui undang-undang syarikat, susah untuk menang dalam mahkamah untuk mendapatkan bayaran cukai, maka pengarahnnya pun kena sekali, pemegang sahamnya kena sekali dan tujuannya saya pasti adalah kerana kegilaan kerajaan yang ada sekarang untuk mengutip cukai daripada rakyat atas alasan untuk mengurangkan defisit.

Oleh sebab itu saya mula Yang Berhormat Menteri dengan mengingatkan pesanan Ibnu Khaldun bahawa untuk menguji kecekapan sesebuah kerajaan itu, kita tengok kepada kadar cukai dan kutipannya. Kalau tidak ada rasuah, kalau tidak ada salah guna kuasa, tidak timbul soal untuk memperkenalkan perkara-perkara ini seperti yang ditimbulkan dan dipersoalkan oleh Yang Berhormat Kuala Krai tadi, semata-mata untuk membolehkan LHDN itu mengutip lebih banyak cukai daripada rakyat terbanyak.

Saya hendak tutup ucapan saya dengan mengingatkan juga Yang Berhormat Menteri dan juga kerajaan bahawa apabila ada tanda-tanda kerajaan mahu memusnahkan pisahan di antara syarikat dan juga individu ini dengan izin, *if you try to lift the corporate veil when it comes to tax, jangan juga lupa bahawa masalah itu akan datang balik kepada kerajaan dari segi pinjaman dan juga geran-geran yang diberikan kepada syarikat-syarikat yang bermasalah sebelum ini.*

### ■1630

Kalau kerajaan mahu memastikan pemegang saham terpaksa membayar cukai kepada LHDN kerana syarikat yang dia pegang saham itu gagal membayar cukai, maka kita mulakan, kita harus dan wajib mulakan dengan memastikan pengarah-pengarah dan pemegang saham dalam NFC membayar balik RM250 juta yang diambil dan bukan terlepas begitu sahaja. Kenapa perlu ada *corporate veil* dalam soal NFC? Dia pinjam hutang tetapi hutang itu hutang syarikat, dia terlepas. Akan tetapi dalam soal untuk kutip cukai daripada rakyat tidak ada *corporate veil*. Saya mohon supaya perkara-perkara ini diambil pertimbangan kerana sudah tentu perkara ini kalau tidak diambil pertimbangan, kita akan bawa keluar Dewan kerana ini adalah pindaan-pindaan besar yang sebenarnya akan membawa kesan kepada rakyat terbanyak. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

#### **4.31 ptg.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera, salam 1Malaysia.

Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Jasin, Yang Berhormat Tumpat dengan celahan-celahan daripada Yang Berhormat Pokok Sena, Yang Berhormat Shah Alam. Yang Berhormat Taiping dan ramai lagi pencelah ketika Yang Berhormat Pokok Sena, Yang Berhormat Labuan, Yang Berhormat Kuching, Yang Berhormat Kuala Selangor, Yang Berhormat Sungai Siput dan Yang Berhormat Pandan yang telah memberikan cadangan-cadangan. Kita ambil nota dan ingatan terhadap segala cadangan-cadangan itu walaupun tidak semuanya benar, walaupun bunyinya hebat tetapi tidak benar. Itu sebagai mukadimah. Bunyi hebat tetapi tidak benar.

Sebagai contoh untuk Yang Berhormat Pokok Sena terlebih dahulu, bunyi hebat tetapi tidak benar sebab dia sudah sebut mengenai adik saya, abang saya maka saya kena jawab dalam Dewan ini. Hebat bunyinya, Ketua Penerangan PAS. Akan tetapi hebat bunyi, berdegar-degar tetapi tidak benar Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Pertama, adik saya Abdul Rahim bin Maslan, kad pengenalan 720625-01-5313 adalah ahli UMNO, nombor 01436367. Tidak benar adik saya ahli PAS. Itu yang pertama. Kedua, abang saya, ada seorang sahaja abang, bernama Muhamad Abdullah bin Maslan...

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Sebab dia menipu dalam Dewan. Muhamad Abdullah bin Maslan...

**Seorang Ahli:** Bapa, bapa.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Kad pengenalan 620810-01-5595 sebab tadi apa yang diucapkan itu masuk dalam *Hansard*, yang ini pun masuk di dalam *Hansard*. Ahli UMNO. Abang saya yang dituduh PAS oleh Yang Berhormat Pokok Sena. Nombor ahli 01436628. Okey, Yang Berhormat Pokok Sena cakap hebat tetapi tidak benar.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Dunia akan berubah, dunia akan berubah *[Dewan riuh]* Yang Berhormat bukan tahu, Yang Berhormat bukan tahu. Tidak apa lah, esok Yang Berhormat pergi *declare* dalam Perhimpunan Agung UMNO *[Ketawa]*

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Saya baru sahaja menghubungi abang dan adik saya tetapi saya hendak beritahu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelah sana itu cakap berdegar-degar tetapi tidak benar. Itu *point* yang saya hendak beritahu *[Ketawa]* Tidak apalah, ini hal personal. Akan tetapi sudah disebut dalam Dewan ini, maka saya jawab juga dalam Dewan ini. Kalau Ahli-ahli Yang Berhormat di sebelah sini mendengar hebat di sebelah sana itu. Hebat tetapi tidak benar. Sekejap lagi saya akan buktikan ada seorang lagi bercakap hebat tetapi tidak benar *[Ketawa]*

Okey, Yang Berhormat Jasin. Perluasan kelulusan potongan cukai ke atas derma kepada bangunan yang dibeli bagi kegunaan aktiviti khairat, adakah dibenarkan untuk membeli bangunan

terpakai? Jawapannya dibenarkan untuk membeli bangunan terpakai. Adakah dibenarkan bangunan rumah anak yatim, sekolah tahniz? Dibenarkan bagi semua organisasi atau institusi yang telah diluluskan oleh Ketua Pengarah Lembaga Hasil Dalam Negeri di bawah seksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967, meliputi rumah ibadat dan bangunan untuk tujuan pendidikan dan kebajikan seperti yang terkandung dalam garis panduan dalam laman web Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Yang Berhormat Jasin. Adakah kelonggaran diberi kepada orang sakit menunaikan haji? Kelonggaran diberi di mana cukai tidak dikenakan bagi pengeluaran awal anuiti tertangguh, Skim Persaraan Swasta, disebabkan pencarum meninggal dunia, pencarum meninggalkan negara secara kekal, kehilangupayaan kekal, mental dan fizikal, penyakit serius yang kekal atau pun *serious diseases*.

*[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]*

Yang Berhormat Jasin, bagaimana LHDNM mengutip hasil walaupun kerajaan memberikan pelbagai insentif? Yang pertama, meningkatkan kesedaran pembayaran cukai melalui pendidikan. Saya juga baru-baru ini ada merasmikan satu kempen kaedah membayar cukai dan juga apakah faedah membayar cukai kepada pelajar-pelajar sekolah Tingkatan 6 contohnya.

Kedua, meningkatkan penguatkuasaan yang akan meningkatkan hasil dan yang ketiga, memperluaskan asas cukai melalui operasi Ops Mesra Hasil untuk memperbanyak bilangan pembayar cukai yang belum mendaftar cukai. Kita harapkan rakyat membayar cukai dengan sukarela. Itu yang penting Yang Berhormat Jasin.

Satu lagi Yang Berhormat Jasin mencadangkan bahawa penggunaan RPGT dikira tempoh pelupusan daripada tarikh hartaanah diserahkan kunci. RPGT ini tentunya bertujuan untuk bendung spekulasi dalam hartaanah. Jadi, cadangan perlu terlebih dahulu diteliti dan dikaji mengenai apabila kunci itu diserahkan.

Yang Berhormat Kuala Krai. Saya ingin menyebut di sini bahawa kenaikan tarif elektrik ini tentunya akan dijawab dari semasa ke semasa oleh pihak kementerian yang berkaitan. Akan tetapi saya ingin memaklumkan di sini bahawa 200 unit penggunaan elektrik dalam sebulan adalah dikecualikan dari GST kepada pengguna domestik. Kita juga memberikan subsidi elektrik kepada pengguna yang bilnya di bawah RM20. Secara purata, setahun jumlah yang kita berikan subsidi ini berjumlah RM145 juta. Rakyat yang berpendapatan rendah, yang nilai bil elektriknya kurang daripada RM20 berjumlah 1.1 juta isi rumah.

Seterusnya, Yang Berhormat Sungai Siput mencadangkan dibuat kajian supaya kenaikan cukai pendapatan pada sektor korporat secara serentak dengan negara-negara, rakan perjanjian seperti *Trans-Pacific Partnership Agreement* (TPP) supaya dapat mengekalkan daya saing negara. Cadangan supaya dibuat kajian ini boleh dipertimbangkan. Bagus, cadangan daripada Yang Berhormat Sungai Siput tadi. Beliau tidaklah berdegar-degar sangat berucap tetapi ucapannya itu

amat berilmiah. Walau bagaimanapun, memandangkan tahap pembangunan di negara-negara yang terlibat adalah berbeza, adalah sukar untuk dikendalikan secara perjanjian antarabangsa kerana Malaysia akan kehilangan *policy space*, dengan izin, untuk menjaga kepentingan negara kita. Perkara ini dikendalikan di peringkat antarabangsa melalui kerjasama...

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Penjelasan sedikit Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Meningkatkan pertukaran maklumat bagi maksud percukaian. Sabar dahulu, saya hendak menjawab dahulu ya. Dengan memperoleh maklumat yang lengkap, maka cukai pendapatan yang tepat jumlahnya dapat dikutip di negara ini dan juga di negara rakan perjanjian berkenaan. Ya, sila Yang Berhormat Rantau Panjang.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Satu sahaja. Terima kasih. Saya tertarik dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi berkaitan dengan bil elektrik yang diberi bantuan kepada lebih daripada 1 juta isi rumah yang menggunakan bil elektrik RM20 sebulan ke bawah. Saya hendak tanya dalam negara kita ini yang bil elektrik RM20 serumah ini, rumah dia tidak ada kipas atau dia hanya pakai lampu sahaja? Adakah zaman sekarang ini sampai tahap hanya bil elektrik- berapa buah rumah sebab setiap rumah ada anak, dia perlu kipas. Dia perlu kepada mesin basuh sekurang-kurangnya. Jadi, apakah kajian telah dibuat terhadap isu ini? Betul atau tidak fakta 1 juta yang menggunakan bil bawah pada RM20 sebulan? Itu macam tidak logik. Minta penjelasan.

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Dalam hutan.

**Seorang Ahli:** Dalam hutan itu...

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Kita jangan bandingkan diri kita. Kita Ahli-ahli Yang Berhormat, memanglah. Kita tahu di luar sana ada ramai lagi rakyat yang tidak macam kita. Ini adalah data yang diberikan oleh Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air kepada kami dan ini adalah data yang saya kira sah dan disahkan satu melalui SMS, satu lagi melalui secara bertulis data ini. Tak mungkin pegawai hendak berbohong pula. Saya membacakan apa yang saya fikir tepat angka-angkanya.

Okey, Yang Berhormat Putatan. Pemberi pinjaman adakah dikenakan cukai dan pemantauan dilakukan pada pemberi pinjaman? Adakah Lembaga Hasil Dalam Negeri memantau pembayar cukai yang memberi pinjaman ini? Apakah mekanisme Lembaga Hasil Dalam Negeri? Pertama, maklumat-maklumat belian akan disalurkan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri.

■1640

Kedua, Lembaga Hasil Dalam Negeri mempunyai Jabatan Siasatan yang memantau dan mengesan pembayar cukai yang tidak patuh.

Ketiganya, pembayar cukai sama ada mempunyai perniagaan berlesen atau tidak adalah dikenakan cukai. Lembaga Hasil Dalam Negeri mengenakan cukai kepada semua pembayar cukai.

Penubuhan *task force* yang terdiri daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri, Kastam, Bank Negara Malaysia, SSM dan SPRM untuk kesan apa yang disebut sebagai *money laundering*.

Yang Berhormat Putatan juga bertanya kehilangan hasil dari pemberi pinjam tidak berlesen. Ingin ditegaskan sekali lagi, LHDN akan menjalankan risikan atas perniagaan tidak berdaftar atau pun *the black economy, the shadow economy* dengan mengesan maklumat seperti pembelian rumah mewah. Tinjauan dilakukan mengikut zon menerusi aktiviti benci *business*. Lembaga Hasil Dalam Negeri turut terlibat dalam langkah penguatkuasaan bersepada atau pun dipanggil sebagai *AMLA Task Force* yang diketuai oleh Bank Negara Malaysia bagi mengesan pelarian cukai.

Yang Berhormat Putatan juga bertanya sama ada pendapatan syarikat dan individu dari luar negara dikenakan cukai pendapatan atau tidak. Aktiviti perniagaan atau pekerjaan dari luar negara dikecualikan cukai selaras dengan sistem asas perculaian *territorial*. Pendapatan daripada aktiviti *trading* sama ada import atau eksport dikenakan cukai kerana aktiviti tersebut dilakukan dalam negara ini.

Yang Berhormat Tumpat, apakah maksud komisen yang dibenarkan di bawah fasil 16. Adakah ini melibatkan komisen yang melanggar undang-undang. Komisen yang dirujuk di bawah fasil 16 adalah komisen yang dibayar kepada agen-agen Takaful di peringkat dana pemegang saham. Komisen yang dibenarkan adalah tidak melanggar mana-mana undang-undang negara. Beliau juga ada menyebut tentang komisen kapal selam. Itu sudah lama dijawab dalam Dewan ini. Yang Berhormat Tumpat. Rakan saya Yang Berhormat Tumpat, sudah lama dijawab dalam Dewan ini bahawa tidak ada sebarang komisen dalam pembelian kapal selam itu. Di sini Yang Berhormat Menteri Pertahanan pada ketika itu, yang sekarang ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia menjawab bahawa tidak ada sebarang komisen diberikan dalam pembelian kapal selam itu. Saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat lain kali dengar betul-betul penjelasan-penjelasan yang dibuat.

Seterusnya...

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sebelum Yang Berhormat menjadi Ahli Yang Berhormat lagi, Allahyarham Timbalan Menteri Pertahanan semasa itu, Yang Berhormat Parit Buntar ke mana dia, telah mengisyiharkan bahawa Kerajaan Malaysia tidak membayar komisen tetapi pihak Perancis beliau tidak menyentuh sama ada membayar komisen atau tidak. Itu jawapan dalam Parlimen seingat saya semasa Allahyarham menjadi Timbalan Menteri Pertahanan ketika itu.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Ketika Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Pertahanan menjawab hal komisen ini di sini, pada ketika itu saya duduk di sebelah Yang Berhormat Putatan. Mana Yang Berhormat Putatan? Sudah keluar? Saya mendengar dengan teliti jawapannya itu sebab dia menimbulkan satu isu yang amat besar pada ketika itu iaitu dikaitkan dengan pembunuhan Altantuya dan sebagainya. Beliau menjawab satu persatu bahawa tidak ada sebarang komisen dikenakan. Apa yang ada adalah kontrak yang berasingan. Itu bukan komisen.

Kontrak berasingan itu untuk menghantar anak-anak kita belajar kapal selam dan mempelajari segala teknologi kapal selam itu. Segala kontrak yang berasingan itu melibatkan bayaran latihan, makanan dan juga kapal terbangnya, tiket pergi dan balik, juga segala elaun-elaun. Itu adalah bukan komisen. Itu adalah merupakan apa yang dipanggil sebagai kontrak yang berasingan.

Saya membaca segala *Hansard*. Itulah jawapannya yang perlu diterima pakai dan tidak payah lagi hendak diulang-ulang dalam ceramah di mana-mana tentang perkara ini.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri, kontrak berasingan itu bernilai RM500 juta. Satu angka yang cukup besar. Tidak mungkin elaun, makan minum, pergi balik *air ticket* itu sampai RM500 juta. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri beri butiran kontrak berasingan itu untuk kegunaan apa? Kita hendak tahu sebab RM500 juta itu banyak...

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Okey. Saya juga hendak memberi jawapan. Kepada Yang Berhormat Bayan Baru ini juga saya ada jawapan.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sebenarnya...

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Boleh saya jawab dahulu?

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Saya ingat sama dengan - berkaitan.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Kalau sama, tidak payah tanya. Kalau sama tidak payah tanya Yang Berhormat.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Cuma kontrak kapal selam ini kontrak yang ganjil. Pengalaman saya di Kementerian Pertahanan, tidak ada tiga parti dalam satu kontrak antara kerajaan dengan pembekal. Akan tetapi kapal selam ini pelik, ada tiga. Itu yang kita persoalkan dan kita telah dapat maklumat bahawa pembekalnya syarikat Malaysia. Syarikat Malaysia mana tahu urusan *training* di Perancis? Untuk mendapatkan rumah sewa di Perancis, mengapa diberi kepada syarikat Malaysia Perimekar ini? Ini soalan kita. Oleh sebab itu kita lihat duit itu kepada Perimekar yang harga sampai MR500 juta, sedangkan mungkin nilai dia tidak sampai RM500 juta. Ini yang kita persoalkan. Terima kasih.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Itu sebenarnya telah dijawab. Kalau kita *Hansard* yang lama-lama, semua sudah ada jawapan terhadap soalan Ahli Yang Berhormat ini. Akan tetapi kita tidak boleh hendak salahkan Ahli Yang Berhormat Bayan Baru dan Yang Berhormat Lumut ini sebab baru. Jadi saya ingin jelaskan di sini bahawa setakat ingatan saya apa yang dibayar ialah apabila kontrak itu dilaksanakan, dibayar. Dia *item-by-item* bukan dia bayar semua sekali RM500 juta kepada syarikat berkaitan. Ada kerja bayar, tidak ada kerja tidak bayar. Begitu kaedahnya. Jadi saya pasti tidak sampai RM500 juta. Kalau hendak ditanyakan kita boleh tanyakan secara bertulis kepada kementerian yang berkaitan.

Satu lagi Yang Berhormat Tumpat, apakah maksud komisen. Sudah selesai. Maksud pindaan keraian diperjelaskan. Sumbangan pada parti politik sudah termasuk di bawah definisi keraian. Perbelanjaan keraian yang dilakukan layak pada kadar 50% bagi potongan perniagaan. Walau bagaimanapun, sekiranya perbelanjaan dilakukan semata-mata dan sepenuhnya untuk tujuan perniagaan dibenarkan pada kadar 100%. Oleh itu, pindaan tersebut adalah untuk memperjelaskan layanan cukai ke atas perbelanjaan keraian tersebut. Sumbangan yang boleh dibenarkan sebagai potongan cukai adalah kepada kerajaan, kerajaan negeri, yayasan-yayasan yang disahkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri, organisasi atau badan yang diluluskan di seksyen 44(6).

Yang Berhormat Tumpat juga ada menyebut apa yang berlaku kepada komisen atau pun royalti. Kita telah menjawab isu royalti ini dalam satu jawapan kepada Yang Berhormat Rantau Panjang. Saya ingin ulang sebab masa itu tidak dijawab secara lisan, dalam masa pukul 10 pagi hingga 11.30 pagi. Maka saya mengambil peluang ini untuk memberikan jawapannya.

Berdasarkan Akta Laut Wilayah 2012 (Akta 750), laut wilayah sesebuah negeri termasuk negeri-negeri Pantai Timur di Semenanjung Malaysia adalah tidak melebihi tiga batu nautika diukur dari garis air surut. Sehubungan dengan itu selaras dengan Akta 750 dan Undang-undang Antarabangsa, kawasan perairan yang melebihi tiga batu nautika adalah terletak hak pada dan dijalankan oleh Yang di-Pertuan Agong sebagai hak Malaysia.

Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini belum ada hasil petroleum dikeluarkan dalam laut wilayah negeri-negeri Pantai Timur di Semenanjung Malaysia. Oleh yang demikian, tiada bayaran yang dibuat di bawah Akta Kemajuan Petroleum 1974 (Akta 144) kepada negeri-negeri Pantai Timur di Semenanjung Malaysia termasuk Kelantan. Walau bagaimanapun, Kerajaan Persekutuan telah membuat bayaran wang ehsan daripada hasil pengeluaran Blok PM301 dan Blok PM2 kepada Kerajaan Negeri Kelantan. Pembayaran wang ehsan tersebut telah dibuat oleh Kerajaan Persekutuan atas budi bicaranya walaupun tiada obligasi di bawah undang-undang untuk berbuat demikian.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: [Bangun]**

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Sehingga Mei 2013, bayaran tunai yang dikreditkan ke akaun Amanah Wang Ehsan adalah berjumlah RM142.55 juta. Daripada jumlah terimaan tersebut, sebanyak RM100.78 juta telah disalurkan kepada Jabatan Pembangunan Kerajaan Persekutuan Kelantan untuk membayai program-program bantuan seperti bantuan pelajar cemerlang, bantuan pelajar IPTA, khairat kematian, membaiki rumah untuk golongan miskin, bantuan bencana, bantuan persekolahan dan bantuan anak yatim di negeri Kelantan.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Yang Berhormat Tumpat, sila.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Soalan saya bukan sahaja merujuk kepada Kelantan, tetapi kepada negeri-negeri Pantai Timur. Saya rujuk juga kepada pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 4 Ogos 2012 yang mengatakan pewujudan Jawatankuasa

Khas Royalti untuk tiga negeri tersebut yang mana laporan dan keputusannya akan diumumkan enam bulan selepas itu. Itu soalan dan apa yang saya timbulkan awal tadi.

Juga saya sebutkan, kalaularah bagaimana Yang Berhormat ulangi sebentar tadi itu pendirian Kerajaan Malaysia, Kerajaan Pusat, maka soalan saya tadi apakah status royalti yang telah diberikan kepada negeri Terengganu dalam tahun 1980-an, 1990-an hingga tahun 2000 baru dihentikan. Tahun 2004 apabila UMNO Barisan Nasional menjadi kerajaan, diberikan dalam bentuk wang ehsan. Akan tetapi sebelum itu diberikan atas nama royalti.

**■1650**

Kalau itu bukan royalti dan wang sudah diberikan bernilai berbilion-bilion ringgit saya tanya tadi apakah status wang yang telah diberikan itu. Apakah statusnya dari segi implikasi cukai Petronas terhadap kerajaan sebab wang itu sudah dibelanjakan dengan cara yang salah dan saya yakin wang yang berbilion itu tidak dikenakan cukai oleh Kerajaan Persekutuan ketika itu. Itu soalan saya selain daripada Kelantan....

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Menteri sambung sedikit. Isu jarak penemuan minyak mengikut batu nautika seperti yang ditakrifkan oleh menteri tadi. Dalam perjanjian yang dibuat antara Petronas dengan kerajaan negeri. Kerajaan negeri meletakkan hak kepada Petronas untuk mencari gali, untuk membuat *perspective study* terhadap hasil-hasil bahan bakar ini sama ada di laut atau pun di darat. Di darat sepatutnya hak milik itu kerajaan negeri tetapi dalam perjanjian meletakkan hak itu kerajaan negeri *forgo* haknya kepada Petronas dengan keadaan yang sama Kerajaan Pusat *forgo* hak dia di atas lautan untuk sama-sama mendapat sebahagian daripada hasil cari gali itu sebagai royalti.

Ini Yang Berhormat Gua Musang sudah sebut sama ada dalam Dewan ataupun di luar Dewan, perkara ini tidak diberikan satu penilaian yang adil oleh Kerajaan Pusat. Saya yakin Petronas sebenarnya sudah memberikan 5% itu tetapi tidak sampai ke negeri. Jadi kita hendak tahu 5% Pusat dan 5% negeri, ke mana bahagian negeri itu pergi dan ini royalti tidak boleh diberi jenama-jenama lain Menteri. Terima kasih.

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Yang Berhormat Kuala Terengganu, sila.

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin menyambung tentang isu Bertam 3 yang telah dinyatakan oleh Perdana Menteri iaitu mempunyai tuntutan daripada Pahang dan Menteri Besar Terengganu juga telah menyatakan bahawa Bertam adalah hak Terengganu. Sudahkah isu ini diperjelaskan dan ditetapkan kerana saya rasa masih lagi banyak orang keliru tentang Bertam yang terletak di kawasan lautan. Terima kasih.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Terima kasih. Saya akan menjawab sekali sahaja lagi tentang ini dan beralih kepada isu lain. Yang Berhormat Kuala Krai, Yang Berhormat Kuala Terengganu dan Yang Berhormat Tumpat. Semua isu ini sebenarnya kita sudah tubuhkan

Jawatankuasa Khas mengkaji isu bayaran tunai daripada hasil petroleum kepada negeri-negeri pantai timur semenanjung. Diumumkan oleh Perdana Menteri.

Untuk makluman Yang Berhormat, Jawatankuasa Khas bagi penentuan tuntutan bayaran tunai daripada hasil petroleum ini untuk mengkaji isu bayaran tunai dibangkitkan oleh negeri pantai timur ke atas hasil petroleum, terma rujukan Jawatankuasa Khas adalah untuk mengenal pasti jika ada negeri-negeri yang berhak dari sisi undang-undang untuk menerima bayaran tunai daripada hasil petroleum pantai timur termasuklah apa yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Tumpat apa yang telah berlaku pada pembayaran-pembayaran sebelum ini.

Terma lagi ialah untuk menentukan formula dan kaedah pembayaran bayaran tunai tersebut kepada negeri-negeri yang berkenaan. Dalam hal ini Jawatankuasa Khas telah mengkaji dokumen dan perundangan yang relevan termasuklah apa yang disebutkan sebagai pandangan Ahli Yang Berhormat Gua Musang serta membuat pertimbangan berdasarkan input dan maklum balas perundangan dan teknikal. Perundangan dan teknikal dari segi 3 batu nautika dan sebagainya itu daripada kementerian dan agensi yang berkaitan termasuklah Petronas.

Jawatankuasa Khas telah memuktamadkan laporannya dan telah mengemukakan laporan tersebut kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 16 Julai 2013. Walau bagaimanapun, memandangkan kes tuntutan royalti oleh Kerajaan Negeri Kelantan masih belum diputuskan oleh mahkamah. Hasil laporan jawatankuasa tersebut tidak dapat lagi dimaklumkan pada umum.

Yang Berhormat Pokok Sena ada menyebut tentang bagaimana kaedah kerajaan kita, apakah kerajaan kita ini nampaknya tidak ada kredibiliti untuk mencari hasil dan patut Jawatankuasa Kampung Pontian menggantikan saya di sini. Sindiran-sindiran begitu tetapi kadang-kadang boleh diterima sindiran-sindiran itu tetapi kalau hendak cerita adik dan abang ahli PAS itu tidak bolehlah.

Saya hendak memaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, rakyat yang berdaftar untuk membayar cukai di negara kita ini 6 juta orang dan yang aktif sebagai mengemukakan - kita anggap yang aktif itu yang mengemukakan borang cukai pendapatan, 4 juta. Akan tetapi oleh kerana kita ada banyak sangat pelepasan cukai yang layak dikenakan cuma 1.96 juta. Tidak sampai 2 juta orang daripada 13 juta rakyat yang bekerja. 11 juta orang lagi Tuan Pengerusi, 11 juta orang lagi tidak bayar cukai. 11 juta orang sahaja yang bayar cukai, tidak sampai 1.96 juta orang sahaja yang bayar cukai daripada 13 juta yang bekerja.

Oleh kerana itu kita kena mencari hasil. Kalau tidak bagaimana kita hendak membayar segala-galanya, macam-macam tuduhan tadi. Kalau tidak buat GST maka kita akan jadi bankrap. Saya berada di tempat yang mana Menteri Kewangan 1, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyebut tentang perkara itu di Auditorium Dewan Masjid Wilayah Persekutuan pada 24 November yang lalu dalam satu seminar dipanggil Pemerksaan Ekonomi Nasional. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyebut bahawa takrif patriotisme pada dia, takrif patriotisme jika dahulu kalau perang mereka yang pergi berjuang mengangkat senjata bersama itu antara takrifan

patriotisme pada ketika itu dan pada ketika sekarang untuk membina negara. Kalau kita hendak membina negara dan memastikan negara ini tidak ditawan ketika perang maka kita sama-sama mengangkat senjata, kalau perang. Akan tetapi ketika negara aman, takrifnya ditambah kepada patriotisme, mereka yang membayar cukai itu adalah orang yang patriotik kepada negara.

Oleh kerana itu lawan kepada mereka yang tidak patriotik itu ialah mereka yang tidak patriotiklah. Yang Berhormat Pokok Sena, itulah yang dimaksudkan oleh Perdana Menteri. Saya harap difahami maksud itu dan saya berada- sebenarnya saya berucap sebelum pun. Oleh kerana itu saya memahami sangat apa yang beliau sebut dengan niat yang baik dan bukan niat yang menghina dan sebagainya.

Okey Yang Berhormat Pokok Sena mendakwa ketandusan idea.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Menteri saya rasa perlukan penjelasan sedikit mengenai patriotisme itu.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Okey sila, sila.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Seramai 1.9 juta orang daripada 13 juta orang hanya itu yang patriotik kepada negara dan yang lain itu tidak termasuk dan tidak perlu membayar cukai kerana terkeluar daripada golongan yang layak membayar cukai. Jadi kalau hendak kata tidak patriotiknya ialah orang yang layak membayar cukai tetapi tidak membayar cukai, lari dari membayar cukai, tipu cukai barulah boleh jadi pengkhianat tetapi kalau semata-mata tidak membayar cukai kerana tidak terkategori, pendapatannya tidak cukup masuk ke bracket membayar cukai, mereka bukan patriotik. Jadi macam mana boleh keluar definisi sedemikian? Terima kasih.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sedikit, sedikit.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Bagi saya menjelaskan Yang Berhormat Kuala Krai. Kepada mereka yang tidak layak membayar cukai kerana terkeluar daripada skop orang yang membayar cukai itu dan mereka tidak membayar cukai kita tidak katalah mereka itu pengkhianat sebab mereka berhasrat 4 juta orang, 6 juta orang berdaftar dengan hasrat yang baik. Hampir separuh daripada 13 juta orang itu berdaftar, hasrat yang baik mengemukakan borang cukai tetapi dia dilepaskan. Kita tidak kata orang yang dilepaskan dengan pelepasan-pelepasan tertentu dan selepas itu hasilnya dia tidak perlu membayar cukai itu tidak patriotik. Itu bukan maksudnya.

Saya kira Yang Berhormat Kuala Krai faham maksud saya. Ini yang lari cukai. Okey terima kasih Yang Berhormat Kuala Krai kerana memberikan pandangan. Kadang-kadang bagus juga pandangan, terima kasih. Kepada yang bagus kita kata baguslah.

Yang Berhormat Pokok Sena kita ingin memaklumkan ya Yang Berhormat Pokok Sena...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Yang Berhormat, hendak tanya berapa orang yang lari cukai?

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Orang yang lari cukai? Sekejap lagi kita sampai.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Orang yang lari, kemudian yang mengelak. Sepatutnya dia bayar banyak tetapi dia cuba bayar sedikit.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Ada angka sekejap lagi. Yang Berhormat Pokok Sena mendakwa adalah ketandusan idea untuk mengenakan cukai pada rakyat seperti GST. Saya hendak memaklumkan di sini bahawa GST ini memberikan banyak faedah. Faedah pertama, baik saya bacakan di sini satu persatu supaya tidak tersilap dan Yang Berhormat pula tidak tersalah dengar dan fakta ini adalah fakta yang tepat, sebab itulah baca betul-betul.

▪ **1700**

GST adalah cukai kepenggunaan yang dikenakan ke atas barang dan perkhidmatan di semua peringkat perniagaan, dibayar apabila pengguna berbelanja. GST menggantikan cukai jualan dan cukai perkhidmatan yang akan dimansuhkan. Ia bertujuan untuk menjadikan sistem percukaian negara lebih efektif, efisien, telus dan mesra perniagaan. GST mula dilaksanakan di negara Perancis seawal tahun 1950-an. Kini lebih 160 buah negara telah melaksanakan GST. Di Asian, hanya Malaysia, Myanmar dan Brunei sahaja yang masih belum melaksanakannya. Kenapa GST diperkenalkan?

Pertama, mengurangkan kos perniagaan. Itu sebab yang pertama. Bukan hendak menambah duit tetapi mengurangkan kos perniagaan. Itu yang pertama.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri baca Wikipedia, tengah baca Wikipedia, kah?

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Tidak ada *[Disampuk]* Sekali lagi Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita lihat terbukti dengan jelas- *Wikipedia*? Ini ialah keluaran Kementerian Kewangan (MOF) Yang Berhormat, ya. Allah, Yang Berhormat, letihlah. Maksud apa, siapa, bagaimana, bila, kenapa, di mana GST? Kementerian Kewangan punya *browser*. Bukan *Wikipedia* ya. Aduh, kadang-kadang mereka ini hebat bercakap tetapi tidak betul. Sekali lagi terbukti. Ini betul. Saya bercakap tak adalah sehebat mana tetapi yang ini betul. Okey.

Mengurangkan kos perniagaan. Di bawah CJP, peniaga tidak dapat menuntut sepenuhnya. CJP ini cukai jualan dan perkhidmatan yang akan kita mansuhkan. Di bawah cukai jualan dan perkhidmatan, peniaga tidak dapat menuntut sepenuhnya cukai yang dibayar ke atas input perniagaan. Namun, dengan GST, peniaga mendapat manfaat kerana boleh mendapatkan semula cukai input ke atas bahan mentah atau barang dan perkhidmatan di setiap peringkat perniagaan. Akhirnya, kos perniagaan menjadi lebih rendah. Jadi apabila kos perniagaan menjadi lebih rendah, akhirnya pada satu masa, harga barang juga akan lebih rendah.

Sebab kedua kenapa GST diperkenalkan. Meningkatkan pematuhan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (CJP) yang sekarang ini mempunyai kelemahan yang menyukarkan aspek pentadbiran cukai. GST pula mempunyai mekanisme yang tersedia, menjadikan pentadbiran cukai lebih berkawalan kendiri. Ini yang penting supaya dengan rela hati, sekali gus meningkatkan pematuhan. Apabila kita ada *e-Filling*, lebih ramai orang bayar cukai. Itu maksudnya. GST ini juga ada sistemnya. Akan lebih ramai lagi mereka secara sukarela membayar. Itu yang kedua kenapa GST diperkenalkan.

Ketiga, mengurangkan kerentahan birokrasi kerana kini urusan lebih mudah, tidak perlu lagi untuk memohon kelulusan pengecualian ke atas bahan mentah. Dahulu mengambil masa dan segala-galanya dan ia menyebabkan kerentahan birokrasi berlaku.

Keempat, memberikan kesaksamaan. Kadar GST dikenakan secara sama rata antara perniagaan yang terlibat sama ada di peringkat pengilangan, pemborong, peruncit atau di sektor perkhidmatan. Sama rata atau saksama.

Kelima, menjamin ketelusan. GST adalah lebih telus daripada cukai jualan dan perkhidmatan kerana pengguna akan tahu sama ada barang dibeli atau perkhidmatan diperoleh tertakluk kepada cukai dan aman cukai yang perlu dibayar. Sekarang ini kita kena 10% cukai jualan. Kadang-kadang dia tidak masukkan pun dalam bil itu tetapi GST wajib masuk dalam bil itu.

Keenam dan yang penting ialah menjadikan harga lebih berpatutan kepada pengguna. GST menghapuskan cukai bertindih di bawah cukai jualan dan cukai perkhidmatan. Cukai bertindih, *cast scading effects* dalam bahasa Inggeris. Pengguna akan membayar harga yang lebih berpatutan untuk kebanyakan barang dan perkhidmatan di bawah GST berbanding CJP. Kepada yang sudah 6% iaitu cukai perkhidmatan, kekal. Cuma ada 6%. Kepada cukai jualan yang 10%, turun 10% kepada 6%. Logiknya harga barang akan turun. Cuma saya hendak maklumkan kepada Ahli Yang Berhormat, ada sedikit barang 5% cukai jualan. Itu naik sedikit jadi 6%. Itu kita tidak nafi. Kita tidak kata bahawa harga barang turun serta-merta. Kita kata bahawa pada permulaan GST ini dilaksanakan, harga barang akan naik antara 1.8% kepada 3%. Itu kita akui tetapi pengakuan kita itu untuk tahun pertama sahaja. Untuk tahun seterusnya, dari segi teori yang kita lihat, dari segi praktikal perkara yang telah dimodelkan di semua 160 buah negara, harga barang akan turun. Ini yang penting dalam GST ini.

Saya harap Yang Berhormat Pokok Sena faham tentang perkara ini. Saya minta sekarang bentara tolong beri kepada Yang Berhormat Pokok Sena tentang GST ini. Okey. Beliau boleh memberikan penerangan sebab beliau sekarang Ketua Penerangan. Beliau boleh memberi penerangan kepada ahli-ahli Pas. Sila.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Dia tidak faham, faham pun.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Boleh beri sekarang, ya. Okey. Yang Berhormat Pokok Sena, Yang Berhormat Pokok Sena.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Kalau GST itu begitu baik Yang Berhormat Timbalan Menteri dan ia memberi kebaikan dan keuntungan kepada peniaga, ia tidak membebankan pembeli, GST ini sudah lebih 10 tahun dirancang oleh Kementerian Kewangan. Sudah lebih daripada 10 tahun. Kenapa baru tahun 2015 hendak dilaksanakan kalau ia begitu baik, begitu hebat, begitu menguntungkan rakyat dan negara dan memberi perolehan yang banyak kepada pembendaharaan? Kenapa baru tahun 2015 hendak dilaksanakan? Kenapa tidak tahun 1991 atau 1992 sebab masa itu pun sudah saya ada maklumat dalaman sudah pun dirancang?

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Ya, pada ketika itu, Yang Berhormat Tumpat dia baik bersama dengan Menteri Kewangan dahulu. Dia tahu bahawa Menteri Kewangan dahulu juga ada mencadangkan supaya GST.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Menteri Kewangan yang Ketua Pembangkang hari ini pun sudah diumumkan oleh Menteri Kewangan sebelum itu.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Akan tetapi selepas itu ada pelbagai halangan. Antara halangan yang terbesar ialah apabila pembangkang kita semakin hebat memutar belitkan tentang GST ini. Itu antara halangan yang terbesar untuk melaksanakan GST. Saya menyatakan yang sebenar di sini.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Boleh?

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingat sewaktu bekas Menteri Kewangan sebelum Yang Berhormat Permatang Pauh iaitu Yang Berhormat daripada Merbok pada waktu itu. Pada masa itu kami pun tidak kuat lagi di Parlimen macam ini. Jadi kenapa waktu itu tidak laksana sudah kata bagus? Tidak pernah pergi beritahu dekat orang pun. Saya tidak pernah dengar waktu itu kata GST itu apa waktu itu. Apa yang kami tahu GST itu Geng Songkok Tinggi. Browser pun tidak ada, tidak keluar pun waktu itu.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Menteri Timbalan Menteri, boleh?

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Tuan Yang di-Pertua, inilah dalam muktamar mereka baru-baru ini mereka telah membuat keputusan akan mengadakan *road show* anti GST itu. Perkara-perkara yang macam itulah yang menjadi perhatian dan menjadi kerisauan dan kerunsingan, putar belit daripada pembangkang tetapi sekarang ini kita akan melupakan segala-galanya. Apa yang lepas itu lepaslah dan saya berharap sebagai tanda sokongan daripada rakan-rakan pembangkang, jangan adakah *road show anti GST* itu. Boleh, Yang Berhormat? Boleh, Yang Berhormat Tumpat, boleh Yang Berhormat Pokok Sena beri kepastian?

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Kami akan keluarkan browser kami untuk hendak jawab browser ini, *insya-Allah*.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, boleh beri Batu?

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Di brosur itu juga ada portal. Saya harap Pas juga mengeluarkan portal kenapa tidak GST dan di situ juga ada talian *online* yang boleh dicall bila-bila masa. Harap Pas pun ada. Jadi apabila rakyat tanya, jawab sebagaimana juga apabila kita ditanya, kita akan jawab. Ya, Yang Berhormat Batu.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Saya ucapan tahniah sebab Yang Berhormat Menteri Kewangan telah sediakan brosur dan juga lagu pun ada. Ini mungkin negara yang pertama kita ada lagu GST [*Ketawa*] Akan tetapi saya ucapan tahniah. Ini adalah persediaan yang bagus. Akan tetapi saya ingin dapatkan pendapat dari Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan kerana tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan telah sebutkan pelbagai

faedahnya. Akan tetapi kita biasanya kita selalu anggap yakin bahawa kumpulan swasta, kumpulan industri yang paling peka tentang keperluan pasaran. Dalam perkara GST ini, agak peliknya *Federation of Malaysian Manufactures* (FMM) telah menyatakan Malaysia tidak bersedia dan kebanyakan *manufacturer*, kebanyakannya industri pun tidak bersedia. Saya ingin tahu apakah langkah-langkah dan usaha oleh kerajaan untuk berdialog untuk mengenal pasti kekhawatiran mereka ada apa?

**■1710**

Adakah kekhawatiran-kekhawatiran mereka telah dijawab? Bukan yang dijawab dengan brosur. Saya agak *industrial player* ini mereka tidak berminat dengan propaganda tetapi mereka minat dengan mekanisme, dengan perkara yang sangat konkret iaitu saya nampak usaha itu kurang. Sampai hari ini, FFM masih mengambil pendirian 70% daripada syarikat-syarikat kita tidak bersedia untuk melaksanakan GST. Saya ingin dapat penjelasan.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Itu sebab Yang Berhormat, kita tidak melaksanakan GST ini pada 1 April 2014. Kita tahu bahawa ada sebahagian besar lagi yang perlu kita fahamkan tentang GST ini.

Oleh kerana itu, di pihak kerajaan, perundangan GST, sistem pengkomputeran, latihan pegawai, kemudahan infrastruktur GST, pelan komunikasi yang menyeluruh telah disediakan dan sedang dalam pelaksanaan. Kita ada 16 bulan untuk melaksanakan pelan yang telah kita sediakan termasuklah untuk- berdialog dengan FFM sudah dibuat. Hendak dialog lagi boleh.

Dan kita akan memastikan ada juga perkara-perkara yang telah diumumkan dalam bajet baru-baru ini bahawa kita akan memberikan apa yang kita panggil sebagai mengadakan Jawatankuasa Pemantauan GST. Itu dipengerusikan oleh Menteri Kewangan Kedua. Wakilnya, tentu FFM boleh jadi wakil, agensi kerajaan boleh jadi wakil, wakil industri boleh jadi wakil dan juga kita memanggil NGO. Lepas itu kita ada geran latihan RM100 juta kepada peniaga yang menghantar kakitangan untuk menjalani latihan GST. Hujung tahun ini dan sepanjang tahun 2014.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Menteri, sedikit ya.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Itu tentang geran latihan. Sekejap Yang Berhormat Sepang. Di samping itu, bantuan kewangan sejumlah RM150 juta disediakan. Ini pula kepada PKS iaitu perusahaan kecil dan sederhana bagi pembelian perisian perakaunan bagi tahun 2014 dan tahun 2015. Bantuan kewangan RM150 juta. RM100 juta latihan, RM250 juta untuk ini, supaya orang faham. Kalau tidak faham juga, Allah, bukanlah susah sangat pun.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Menteri, sedikit.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Menteri.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Sepang dahulu.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Yang Berhormat Sepang. Sila Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Boleh Batu, kemudian?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Menteri. Menteri, saya hendak bertanya pada Menteri satu soalan sahajalah. Menteri rasa adakah rakyat lepas ini, kita tahu- saya beri contoh warga kotalah. Apabila GST diperkenalkan, tarif elektrik akan dinaikkan, cukai pintu, *assessment rate* akan dinaikkan, dengan apabila berlakunya GST nanti kita tahu barang pun akan naik, secara jujurlah Menteri, dengan pendapatan per kapita negara kita dibandingkan dengan Singapura yang terlalu jauh – tahun 2020 kita baru sasarkan USD15,000, sekarang di Singapura dekat USD54,000 per kapita. Kalau inilah berlaku Menteri, adakah Menteri secara jujur boleh beritahu, rakyat boleh *cope* dengan perkara ini? Hendak bayar bil air, bil elektrik dengan *assessment* yang begitu tinggi, GST lagi. Secara jujurlah, adakah rakyat betul-betul tidak akan terbeban dengan benda ini?

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Sambung sedikit Menteri, sambung sedikit. Saya juga- ya, saya faham kerajaan tidak serta-merta untuk melaksanakan GST. Lain dengan kenaikan harga tarif elektrik dengan kenaikan cukai pintu, itu serta-merta. Akan tetapi untuk GST, kerajaan telah menyatakan ada tempoh persiapan. Akan tetapi kita telah dengar berulang-kali, dengan MySikap pun ada persediaan, dengan gaji minimum pun kita ada tempoh persediaan tetapi akhirnya gaji minimum banyak lagi dikecualikan dengan persiapan itu, seolah-olah tidak berjaya. Sebab, bila sampai tarikh itu, masih kelam kabut. Sebab, GST ini kalau kita silap langkah, *effectnya* akan sangat-sangat besar.

Itulah sebab banyak pihak industri telah menyatakan kalau hendak *start* pun, tidak boleh tinggi sangat sampai 6%. Singapura pun tidak setinggi begitu. Mereka mengambil masa yang panjang untuk sampai 6% ini. Akan tetapi saya juga ingin mendapat penjelasan adakah dengan latihan ini, dengan ini, bersedia atau tidak, bukan atas kerajaan tetapi pihak swasta? Kini, kebanyakan dari pihak swasta masih ragu-ragu keberkesanan untuk melaksanakan GST.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Terima kasih Yang Berhormat Sepang dan...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Boleh tumpang Yang Berhormat?

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Batu dan Yang Berhormat Kinabatangan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tumpang lalu.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Boleh.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya mendengar apa ini keraguan rakan-rakan. Sebetulnya, kita pun ada keraguan iaitu dengan kenaikan tarif elektrik, dengan subsidi minyak dan gula ditarik sedikit. Akan tetapi sebetulnya, adakah ini Yang Berhormat merasakan disebabkan keyakinan itulah maka sesuatu perkara yang baik itu kalau kita tidak mula, bila lagi? Kalau bukan kita, siapa hendak mula? Jadi, ini sebetulnya.

Apa yang kita terapkan ini memang baik, cuma ada kumpulan puak-puak yang memperlekehkan di sebelah. Jadi ini yang sebab rakyat ada yang terpengaruh dan mereka yang berbicara ini Yang Berhormat, memang mereka suka berhujah begitu, memberi jaminan kosong dan sebagainya.

Jadi pertanyaan saya, apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan dalam usaha untuk meletakkan benda-benda baru ini untuk meringankan pula beban rakyat di bawah sementara penyusunan semula rangka-rangka yang baik ini. Ini sebab memang ada impak dia seperti saya katakan tadi. Akan tetapi impak ini jangka pendek. Kita pun mahu memacu negara maju ke hadapan. Ini matlamat kita. Apa yang kita perjuangkan ini memang untuk negara, masa depan anak bangsa kita. Sementara beban itu, apa langkah-langkah yang boleh diambil oleh kerajaan untuk mengurangkan pula beban itu dan tambah memberi keyakinan kepada perancangan kita yang baik ini? Terima kasih.

**Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya juga mencelah? Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya baru-baru ini ada anjurkan satu forum GST di kawasan saya. Saya ajak beberapa orang termasuk Pegawai Kastam untuk berikan ceramah. Saya difahamkan daripada seorang akauntan daripada Singapura bahawa walaupun Singapura mula dengan 3% tetapi sebelum itu mereka adalah sifar cukai.

Jadi mereka sebenarnya daripada 0% kepada 3%. Manakala kita punya daripada 5% ataupun 10% ke 6%. Itu ada yang mungkin naik 1%, ada yang turun 4%. Adakah ini benar? Sekian.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya juga...

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Banyaknya. Cukuplah dahulu. Cukuplah dahulu ya.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Ini berkaitan, berkaitan. Memang.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Apa yang disebut tadi memang benar. Saya sebenarnya baru hendak menyebut tentang Singapura ya. Sekejaplah Yang Berhormat Seputeh. Singapura memang sebelum itu tidak pernah ada cukai jualan, tidak pernah ada cukai perkhidmatan, dia bermula daripada kosong, lepas itu- itu sebab GSTnya bermula pada 3%, sekarang ini 7%. Kebanyakan negara-negara di kawasan sekitar kita ini 7%. Kita telah maklumkan bahawa kita yang terendah dalam rantau ini dan daripada banyak negara, kita yang terendah, 6%. Kalau kita letakkan 5%, dia tidak mendapatkan apa-apa hasil tambahan. Kalau kita letakkan 6%, adalah sedikit hasil tambahan yang tertentu. Hasil itu kita sedang kira sekarang dan kita boleh maklumkan kemudian.

Terima kasihlah atas pandangan Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Kinabatangan dan Yang Berhormat Batu. Saya ingin maklumkan, memang untuk kita menyembuhkan penyakit, kita kena makan pil antibiotik kalau kita pergi ke klinik, ke hospital. Antibiotik ini kadang-kadang tujuh biji pil dia. Kalau kita makan dua biji sahaja... *[Disampuk]* Itu tanya Timbalan Menteri Kesihatan nanti. Kalau kita makan dua biji sahaja, pil itu tidak berkesan. Pilnya mungkin pahit. Makan sebijji, sebijji, sebijji, tiap-tiap hari makan. Tujuh hari lepas itu barulah boleh sembah. Jadi, siri itu hendaklah dilakukan. Apakah sirinya? Sirinya rasionalisasi subsidi. Sirinya ialah GST.

■1720

Itulah siri-siri yang terpenting, sirinya ialah pematuhan dari segi cukai. Itu antara siri-siri *pure antibiotic* untuk kita menyembuhkan sakit. Semua orang kompelin bukan...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Menteri, kalau doktor bagi kita bil, Yang Berhormat Menteri...

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Kompelin apa? Kompelin hutang, orang kompelin ya. Semua kompelin. Rating kita jatuh lepas itu naik balik. Di kompelin, banyak begitu, hutang yang tinggi dan macam-macam, kemudian defisit yang tinggi. Jadi, kita hendak memperbaiki apa yang berlaku kepada ekonomi negara kita. Tujuan kita baik, ekonomi negara kita baik, rakyat juga yang mendapat faedah. Itu yang ingin kita tegaskan di sini. Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Subang, Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat Batu. Okey, Silakan Yang Berhormat Seputeh.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Seputeh, Seputeh! Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya baca dari surat khabar bahawa MCA yang selama ini, yang *The Star*, surat khabar *The Star* adalah di bawah Huaren Holdings tetapi sekarang di bawah Presiden MCA telah pun di tukar di bawah nama MCA dengan alasan ia dapat menjimatkan RM40 juta pembayaran cukai. Jadi, apa nasihat Yang Berhormat Timbalan Menteri kepada bakal calon Presiden MCA dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat MCA ini [*Dewan riuh*] dengan cara mereka melarikan pembayaran cukai begitu juga dengan GLC kita yang lari daripada membayar cukai sehingga kerajaan tidak cukup duit sehingga mengamalkan GLC. Apakah nasihat kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat MCA ini? [*Dewan riuh*]

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Saya sambung sedikit Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Sekejap, sekejap. Yang Berhormat Seputeh, saya kali pertama dengar itu ya...

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya sambung sedikit Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** ...Nantilah, saya hendak maklum, lari cukai ya. Macam mana boleh lari cukai ini? Okey, sila Yang Berhormat Jasin.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya hendak sambung sedikit tadi Yang Berhormat Batu ada sebut tetapi dia tidak ada di sini lagi. Ada, Yang Berhormat Batu ada. Dia ada sebut tadi tentang FMM membantah tentang GST ini. Saya cuba cari benda benar-benar, saya dapati rupanya FMM membuat suatu siasatan tentang semua ahli-ahli dia, 57% bersetuju untuk GST diadakan. Hanya 43% sahaja tidak bersetuju kerana 80% daripadanya merasakan ia tinggi. Jadi maknanya apa Yang Berhormat Batu sebutkan tadi tidak berapa tepat. Bagi saya, GST ini adalah *consumption tax*. Kalau saya hendak beli jam, jam untuk saya tengok waktu, saya boleh beli jam RM30. Kalau ada GST hanya RM1.80 sahaja..

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** [*Bangun*]

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat Jasin. Yang Berhormat Jasin.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Sekejap...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Apakah ini bermakna Yang Berhormat Batu ini berbohong kepada Dewan ini? *[Dewan riuh]*

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Nanti sekejap. Yang Berhormat, saya tengah cakap fasal jam tadi. Saya cakap fasal jam. Kalau saya beli jam, saya beli jam RM100. Saya bayar GST RM6. Makna RM106 sahaja. Akan tetapi kalau orang ada duit, dia boleh beli jam *Rolex*. Dia boleh beli jam Omega, yang RM30,000 itu. Jadi dia bayar lah *tax* sebanyak RM1,800. Jadi maknanya, ini *consumption tax*, siapa beli dia bayar dan bukan semua kena barang cukai. Terima kasih.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Jasin hendak jawab bagi pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri kah atau apa? Yang Berhormat Timbalan Menteri saya...

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Terima kasih Yang Berhormat Jasin kerana membantu.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, kita-kalau tadi saya kata...

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Yang Berhormat Batu sekejap.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** ...Keraguan kerana mereka rasa kebanyakan tidak bersedia. Saya tidak kata membantah. Saya kata FMM biasanya mereka yang setuju *[Dewan riuh]* Akan tetapi dalam kes ini, mereka ada keraguan dan kerisauan, mereka kata kebanyakan tidak bersedia. Saya agak... *[Dewan riuh]*

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Itu tidak betul. Itu tidak betul Yang Berhormat Timbalan Menteri *[Dewan riuh]*

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Itu betul. Yang Berhormat Jasin hendak jadi Menteri kah?

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Saya buka *website* FMM. Saya sudah tengok. Saya buka *website* FMM.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Okey, Yang Berhormat Batu sekarang buka *website* FMM. Lepas itu bangun semula selepas tengok *website*.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** *[Ketawa]*

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Kenapa Yang Berhormat Seputeh ketawa?

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Ya. FMM, terima kasih Yang Berhormat Jasin kerana memberikan fakta ini, 57% setuju, 43% tidak bersetuju dan 80% daripada 43% ini tidak bersetuju kerana mungkin mereka menganggap 6% itu tinggi kerana melihat Singapura. Tadi kita sudah maklumkan, fakta Singapura iaitu sebelum ini tidak ada langsung cukai jualan dan cukai perkhidmatan 10%. Tidak ada 5%, tidak ada 6%. Kita ada 6%, ada 5% ada 10% dan segala-galanya itu jadi 6% sahaja. Selesailah saya kira GST ini. Saya ingin pergi ke tempat yang lain.

Yang Berhormat Kelana Jaya, hak merayu kepada Lembaga Hasil dalam Negeri dihadkan di bawah seksyen 99, Akta Cukai Pendapatan 1967. Rayuan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri

boleh dibuat, ini dakwaan Yang Berhormat Kelana Jaya tidak benar lah ya. Seksyen 99 ke atas notis yang dibangkitkan seksyen 131 permohonan *relief khilaf* sekiranya terdapat *error* dan *mistake*, dengan izin, semasa borang dikemukakan ke Lembaga Hasil Dalam Negeri, pindaan bukan mengehadkan untuk merayu kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri tetapi untuk menjelaskan pemakaian peruntukan permohonan *relief* seksyen 131 dan juga seksyen 99 agar selari dengan tujuan asal peruntukan tersebut dan juga selaras dengan sistem taksir sendiri.

Kemudian, Yang Berhormat Rompin ada mencelah *size black economy* atau *the shadow economy* ini. Saya diberikan oleh Pegawai Kanan Lembaga Hasil Dalam Negeri di belakang. Negara maju, *size black economy* hanya 10% hingga 20% daripada KDNK. Itu negara maju. Negara membangun termasuk Malaysia ini saiznya antara 20% hingga 30% daripada KDNK. Firma McKenzie memaklumkan bahawa *the shadow economy* atau pun *the black economy* yang lari cukai dan segala perkara-perkara yang tidak baik yang dilakukan, dianggarkan 20% daripada KDNK. Ini Firma McKenzie dan 20% ini kalau kita hendak melihat daripada GDP harga tetap 20% daripada RM786 bilion jumlahnya RM157 bilion. Ini yang saya hendak kongsikan pada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Kita ingin maklumkan bahawa GST ini boleh mengurangkan *black economy* ini dan boleh mengurangkan *the shadow economy* ini daripada 20% kemungkinan kepada angka yang lebih kecil, daripada 15% misalnya. Kita akan dapat berbilion ringgit daripada usaha mengadakan GST ini, kita mengurangkan apa yang disebut sebagai *the shadow economy* atau pun *the black economy*.

Yang Berhormat Labuan, pindaan Akta Perniagaan Labuan membolehkan KPHDN menetapkan borang yang digunakan syarikat luar pesisir untuk melaporkan pendapat kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri sebelum pindaan borang yang ditetapkan untuk digunakan oleh syarikat luar pesisir di bawah kuasa Menteri sebelum diwartakan. Kuasa diberikan dan diperturunkan daripada kuasa Menteri hanya kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri untuk mempercepatkan atau pun memudahkan proses pewartaan borang ditetapkan tersebut. Ini memberi kemudahan atau meningkatkan perkhidmatan kepada rakyat.

Yang Berhormat Pandan ada lagi? *[Disampuk]* Ya, bahawa pengeluaran awal daripada skim saraan awal PRS dikenakan cukai. Saya ingin maklumkan yang pertama pindaan bertujuan untuk memastikan penyimpan ada simpanan persaraan yang mencukupi. Kedua, pencarum dibenarkan buat pengeluaran, jadi hak pencarum dijaga.

Ketiga, pengecualian cukai diberi jika pengeluaran awal kerana pertama pencarum mati. Pengecualian cukai boleh diberi, jika pengeluaran disebabkan oleh pencarum mati atau pencarum tinggalkan negara atau pencarum sakit, penyakit yang serius atau pencarum kehilangan keupayaan kekal dari segi mental atau pun fizikal. Saya juga ingin maklumkan kepada Yang Berhormat Pandan bahawa pencarum diberi pelepasan cukai RM3,000 setahun atas caruman dalam PRS campur anuiti tertangguh, diberi pelepasan cukai RM3,000 setahun. Itu satu angka yang besar.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri. Boleh saya mencelah Yang Berhormat Timbalan Menteri? Boleh ya? Memang...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tunggu, tunggu. Tuan Yang di-Pertua sebelum mencelah, *Point of Order* 36(12) saya baca *Free Malaysia Today*, Ahli Parlimen Kuantan bercakap dipetik bahawa di Kuantan tidak ada bantuan polis, tidak ada bantuan kebajikan, tidak ada bantuan daripada kerajaan Persekutuan. Akan tetapi Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah mengesahkan bahawa polis telah memberi bantuan dengan menggunakan helikopter, dengan menggunakan bot untuk membantu rakyat dan mangsa-mangsa banjir di Kuantan. Jadi, saya ingin merujuk Yang Berhormat ini kepada Peraturan Mesyuarat 36(12) sebab dia telah menyeleweng Dewan ini iaitu dengan berbohong.

**Seorang Ahli:** Luar tajuk... [*Dewan riuh*]

■1730

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Dengar dahululah.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Keluar tajuk, esoklah...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang ini apa ini? Dendarlah dahulu 'mak lampir'. Dengan berbohong kepada kita, dengan mengatakan bahawa tidak ada bantuan daripada polis dari mana-mana sedangkan pihak polis dan pihak penyelamat berada di Kuantan membantu mangsa-mangsa banjir ini. Bermakna Yang Berhormat ini berbohong. Bukan sahaja berbohong kepada kita, tetapi berbohong. Saya usul ini 36(12) hari ini sebab dia dipetik berkata hari ini bermakna tepatlah apa yang saya bawa. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Biasanya kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat seperti yang disebut oleh Yang Berhormat tadi itu keluar di sosial media dan sebagainya, kita tidak ambil perhatian sangat. Ini kerana kesahihan sama ada kenyataan itu betul atau tidak, kita tidak tahu. Kalau kenyataan itu dibuat umpamanya di luar, kalau pun di perkarangan Parlimen pada ketika untuk membuat kenyataan akhbar atas sebab-sebab tertentu, tidak apalah. Kalau *strictly* itu menghina Dewan, tidak apa. Kalau dibuat dalam Dewan, mungkin saya boleh. Selepas itu saya ambil fakta-fakta yang perlu untuk saya buat tetapi dalam keadaan sekarang Yang Berhormat Kinabatangan, saya rasa tidak perlulah.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Dia berkata petikan *Free Malaysia Today* ketika berucap [*Dewan riuh*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tengok, apa pasal ini? Apa pasal banyak kucing ini?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Kalau dia buat usul, dia kata tidak buang masa. Kalau kita buat usul kepada puak dia, dia kata buang masa. Tidak tahu lah, ini bukan lagi *double standard* Tuan Yang di-Pertua, ini *triple standard*. Tidak boleh pakai langsung. Apa pula

laporan polis, Yang Berhormat ada mencurikah? Kalau Yang Berhormat ada mencuri, saya buat laporan polis...

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, terima kasih!

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Kalau Yang Berhormat jadi pencuri, saya buat laporan polis.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat ada mencurikah atau merogolkah? Kalau Yang Berhormat ada mencuri ataupun rogol, saya buat. Itulah, berdirilah. Jangan duduk sana, jangan jadi pondan. Jangan jadi pondan!

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat Kinabatangan. Duduk Yang Berhormat.

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduk Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Berdirilah cakap, jangan jadi pondan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduk Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat. Elakkan, elakkan hujah-hujah ataupun perkataan-perkataan yang tidak elok didengar. Ahli Yang Berhormat, tidak apa. Ini di hujung persidangan setelah kita bersidang, saya tidak tahu berapa, dua bulan. Tidak apa perkara sebegini. Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri teruskan. Ini tengah hari ini kita mengantuk juga.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Yang Berhormat Pandan, saya ingin memaklumkan bahawa tujuan menurunkan paras pegangan saham adalah untuk meningkatkan paras pematuhan cukai di mana pengarah yang mempunyai pegangan yang *substantial* iaitu 20% atau lebih akan sentiasa memastikan tanggungjawab membayar cukai akan dilaksanakan dengan rapi dan teratur. Itu tujuannya. Bukan kegilaan kerajaan untuk kutip cukai dan sebagainya. Ini lebih kepada pematuhan.

Saya juga ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat Pandan bahawa cukai yang disebut Ibnu Khaldun bagus, terima kasih. Saya juga memahami dan telah melihat buku itu, menelitinya pada awal negara kadar cukai rendah, kutipan cukai tinggi. Pada hujung negara kadar cukai tinggi, kutipan rendah. Saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat Pandan bahawa...

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** ...Cukai pendapatan syarikat- bagi saya jawab.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** ...Cukai pendapatan syarikat telah diturunkan daripada sebanyak 40% pada tahun 1988 dan sebelumnya secara sedikit demi sedikit hingga sekarang ini mencapai tahap 25%. Bererti saya tidak tahu lagi sekarang ini hujung negara atau tidak, tetapi daripada 40% turun kepada 25% sejak tahun 2009 hingga kini. Ini untuk memastikan bahawa Malaysia dapat mengekalkan daya saing negara dalam jangka panjang. Saya juga ingin memaklumkan bahawa pengeluaran caruman semasa umur 55 tahun dalam PRS iaitu Skim Persaraan Swasta itu pengeluaran caruman semasa umur 55 tahun masih lagi dikecualikan cukai...

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** ...Dan adalah tidak benar tuduhan Yang Berhormat Pandan bahawa berlaku perubahan pada janji Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Kenyataan Yang Berhormat Pandan adalah tidak benar. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Tidak bagi jawab.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Saya punya?

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Kita jawab di luar.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Jawab di luar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Yang Berhormat, Yang Berhormat Timbalan Menteri telah habis untuk berhujah. Jadi saya tidak ada pilihan lain.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Tuan Yang di-Pertua mempergerusikan Jawatankuasa]*

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

*[Fasal-fasal 1 hingga 52 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]*

## **RANG UNDANG-UNDANG FI (JABATAN MUZIUM MALAYSIA) (PENGESAHAN) 2013**

### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**5.39 ptg.**

**Timbalan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan [Dato Dr. James Dawos Mamit]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan rang undang-undang bernama suatu Akta untuk mengesahkan pemungutan fi berkenaan dengan kemasukan ke mana-mana muzium yang ditadbir atau pameran yang dianjurkan oleh Jabatan Muzium Malaysia semasa tempoh dari 1 Januari 1991 hingga 11 Jun 2012 dibaca kali kedua sekarang.

**■1740**

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Fi (Jabatan Muzium Malaysia) (Pengesahan) 2013 merupakan suatu akta untuk mengesahkan pemungutan fi berkenaan dengan kemasukan ke

mana-mana muzium yang ditadbir atau pameran yang dianjurkan oleh Jabatan Muzium Malaysia semasa tempoh dari 1 Januari 1991 hingga 11 Jun 2012. Jabatan Muzium Malaysia atau dahulunya dikenali sebagai Jabatan Muzium dan Antikuiti sebenarnya pernah mempunyai aktanya sendiri iaitu Akta Benda Purba 1976. Walau bagaimana pun akta ini telah dimansuhkan pada tahun 2005 setelah Akta Warisan Kebangsaan yang ditadbir urus oleh Jabatan Warisan Negara diperkenalkan.

Justeru mulai tahun 2005 hingga kini Jabatan Muzium Malaysia tidak mempunyai sebarang akta di bawah pentadbirannya. Menyedari bahawa sebarang kutipan wang awam perlu mendapat kelulusan selaras dengan Akta Fi 1951, Jabatan Muzium Malaysia sentiasa berusaha agar segala tindakan dan langkah-langkah yang diambil berkaitan dengan kutipan wang awam adalah mengikut saluran yang betul dan mengikuti kaedah-kaedah yang telah ditetapkan dari semasa ke semasa.

Sehubungan itu suatu perintah fi telah digubal menurut Perenggan 6.3, Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 1991 yang memperuntukkan jika kementerian atau jabatan tidak mempunyai akta kawalannya sendiri berkaitan dengan perkhidmatan yang diberikannya, maka kadar bayaran baru yang telah diluluskan hendaklah diwartakan di bawah Akta Fi 1951 (Akta 209). Perintah Fi (Muzium dan Pameran) (Jabatan Muzium Malaysia) 2012 telah diwartakan pada 11 Jun 2012 dan dibentangkan di Dewan Rakyat pada 18 Oktober 2012 dan di Dewan Negara pada 11 Disember 2012.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menghuraikan setiap fasal di dalam rang undang-undang ini. Rang undang-undang ini mempunyai dua fasal seperti berikut:

- (i) Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas iaitu akta ini bolehlah dinamakan Akta Fi (Jabatan Muzium Malaysia) (Pengesahan) 2013; dan
- (ii) Fasal 2 mengandungi perkara mengenai pengesahan dan tanggung rugi.

Rang Undang-undang ini bertujuan untuk mengesahkan pemungutan fi yang telah dikenakan dan dipungut berkenaan dengan kemasukan ke mana-mana muzium yang ditadbir atau pameran yang dianjurkan oleh Jabatan Muzium Malaysia semasa tempoh dari 1 Januari 1991 iaitu tarikh fi itu mula dipungut hingga 11 Jun 2012 iaitu hari sebelum permulaan kuat kuasa Perintah Fi (Muzium dan Pameran) (Jabatan Muzium Malaysia) 2012 (PU)(A) 173/2012. Fi tersebut telah dipungut oleh Jabatan Muzium Malaysia dan telah dibayar ke dalam Akaun Amanah Jawatan Muzium Malaysia. Walau bagaimanapun, fi yang dikenakan dan dipungut tersebut tidak diwartakan di bawah Akta Fi 1951 melalui suatu Perintah Fi yang sepatutnya dibuat dan dijadikan berkuat kuasa mulai 1 Januari 1991.

Rang undang-undang ini juga memperuntukkan bahawa tindakan perundangan tidak boleh dibawa, dimulakan atau dikekalkan terhadap kerajaan atau mana-mana pegawai kerajaan atau mana-mana orang yang bertindak di bawahnya berkenaan dengan apa-apa fi yang dikenakan dan dipungut semasa tempoh yang dinyatakan di atas tadi. Sekiranya tindakan atau prosiding undang-undang telah dibuat, ia hendaklah dibatalkan dan dijadikan tidak sah serta tiada pembayaran balik

akan dibuat oleh kerajaan berkenaan dengan fi yang telah dikenakan dan dipungut sebelum ini. RUU ini tidak akan melibatkan kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya ahli-ahli Yang Berhormat ingin melihat Jabatan Muzium Malaysia dapat menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan bagi memastikan artifak-artifak warisan sejarah negara terpelihara. Kementerian mempunyai keyakinan penuh bahawa dengan kuasa-kuasa yang diperuntukkan di dalam RUU ini, Jabatan Muzium Malaysia mampu memikul tanggungjawab yang diamanahkan dengan jayanya. Walau bagaimana pun kejayaan ini tidak dapat dicapai tanpa sokongan dan kerjasama daripada semua pihak termasuklah daripada ahli-ahli Yang Berhormat semua.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ada yang menyokong?

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengesahkan pemungutan fi berkenaan dengan kemasukan ke mana-mana muzium yang ditadbir atau pameran yang dianjurkan oleh Jabatan Muzium Malaysia semasa tempoh dari 1 Januari 1991 hingga 11 Jun 2012 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan. Sila Yang Berhormat Batu.

#### 5.48 ptg.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan dalam isu muzium ini. Pertama sekali saya anggap bukan seolah-olah bangunan yang kita simpan artifak-artifak orang mati tetapi muzium dalam konsep yang lebih luas adalah saksi kepada sejarah dan adalah satu institusi yang sangat penting kalau negara kita ingin mempunyai jati diri yang kita boleh banggakan. Iaitu dari konsep saya muzium itu selain daripada bangunan-bangunan yang telah diuruskan oleh Jabatan Muzium dan juga Muzium ini boleh didapati secara hidup dengan banyak artifak-artifak yang mempunyai nilai-nilai sejarah.

#### ■ 1750

Dengan itu saya ingin mengucapkan tahniah dan juga simpati kepada pekerja-pekerja kakitangan-kakitangan muzium dalam keadaan prioriti yang sangat rendah dalam perbahasan bajet pun kita lihat peruntukan untuk muzium ini sangat-sangat sederhana sekali sehingga seolah-olah kita tidak memberi nilai yang sepatutnya kepada muzium.

Banyak negara lain terutamanya kita lihat tempat-tempat pelancongan, muzium merupakan pusat tarikan yang sangat penting. Akan tetapi malangnya di Malaysia, kita cuba *develop* negara kita sebagai pusat atau hab untuk *shopping*. Itu saya agak ada satu persepsi yang amat dikesali kerana Malaysia sebagai sebuah negara yang berbilang kaum, yang mempunyai sejarah yang begitu kaya sekali, sepatutnya kita bangga dengan warisan nilai-nilai budaya kita.

Oleh itu, saya ingin mengambil perhatian kepada Dewan ini sebab kalau kita buat beberapa *search* sahaja, kita dapat kebanyakan muzium di Malaysia ini dalam keadaan yang sangat apa yang dikatakan *poor maintenance* dan banyak bangunan yang muzium ini tidak diberikan perhatian dan peruntukan yang cukup. Kita juga lihat ada yang telah- kita banyak terima daripada komen-komen dari pelancong-pelancong tentang bangunan muzium itu. Oleh itu saya harap dengan kelulusan undang-undang ini, kita mengambil perhatian. Kerajaan harus mengambil sikap yang lebih positif untuk *upgrade*, menaiktarafkan muzium-muzium ini. Pada masa yang sama, saya juga dapat, selain daripada muzium, kita juga harus *preserve* atau istilah iaitu supaya kita memulihkan tempat-tempat bersejarah.

Baru-baru ini, negara kita dikejutkan oleh satu peristiwa yang sangat sedih bahawa satu candi atau tapak candi yang mempunyai sejarah lebih kurang 2000 tahun telah dirobohkan oleh pemaju begitu sahaja. pihak kerajaan negeri kata tidak tahu, pihak Kerajaan Pusat kata tidak tahu dan sungguhpun ini adalah hanya tapak, ini bukan Angkor Watt seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri Besar Kedah kata ini bukan Angkor Watt, ini bukan Borobudur.

Adakah ini bermaksud, kalau ia tapak sahaja, kerana ia tidak sempurna disimpan, kita boleh hapuskan begitu sahaja? Kita seluruh dunia tahu, Lembah Bujang ini adalah merupakan tempat tamadun yang di antara tamadun yang terawal di Nusantara. Ini sepatutnya kita pasarkan, kita tunjuk kepada dunia bahawa kita simpan dengan elok. Akan tetapi malangnya, kita telah membenarkan keuntungan pemaju ini untuk merobohkan sejarah kita. Saya harap tindakan yang serta-merta harus diambil. Kita tidak boleh lepas tangan sahaja dengan mengatakan itu adalah *private land*, itu adalah kawasan-kawasan yang di luar kawalan mana-mana pihak. Sikap ini harus diperbetulkan.

Pada masa yang sama kita lihat, saya telah dapat satu petikan daripada satu *magazine* yang mengenai *heritage building* yang menyatakan, untuk bangunan-bangunan yang 100 tahun lebih sungguhpun kita ada undang-undang untuk memelihara mereka, tetapi kebanyakan oleh sebab tidak ada dana sebanyak 70% daripada mereka hampir dalam keadaan yang hampir pemusnahan. Begitu juga bila dipulihkan oleh sebab kekurangan *guidelines*, tidak ada panduan, kita lihat mereka yang kontrak yang melakukan kerja ini, bukan kumpulan yang profesional..

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Batu..

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Mereka lakukan dengan kerja-kerja yang agak mengejutkan kerana mereka tidak mengikut spesifikasi yang tepat untuk memulihkan bangunan-bangunan ini.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Terima kasih Yang Berhormat Batu kerana memberi peluang dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Saya hendak kembalikan kepada isu Lembah Bujang yang cukup panas terutamanya di kalangan orang muda. Mereka kata, sekarang Malaysia, kerajaan membuat subjek Sejarah sebagai *compulsory*. Katakan pentingkan sejarah dan mahu kita patriotik kepada negara. Akan tetapi tindakan kerajaan dalam isu Lembah Bujang itu nampaknya tidak mementingkan sejarah. Di sini

kita hendak tahu, kalau kita pentingkan sejarah, kita kena tegas minta *Stop Work Order immediately*. Akan tetapi saya nampak bahawa kerajaan baru lepas dua, tiga hari baru kata *stop work order*. Akan tetapi hakikatnya, satu tapak yang begitu bernilai, tapak yang begitu bersejarah telah dirobohkan. Sekarang saya hendak tahu dan minta pandangan Yang Berhormat Batu, bagaimana kita pulihkan? Bolehkah dipulihkan dan siapa harus bertanggungjawab untuk pulihkan tapak sejarah tersebut?

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Saya ingat, saya ingin mengambil pendekatan, kita ketepikan perbezaan politik kerana warisan sejarah ini, nenek moyang kita tidak berpeluang untuk menyertai UMNOkah, Keadilankah, PASKah atau parti Hindrafkah, tetapi kita...

**Dato' Othman bin Aziz,[Jerlun]:** Tuan Yang di-Pertua..

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Sekejap ya.

**Dato' Othman bin Aziz,[Jerlun]:** Ya.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Kita ini mewarisi, *who we are today* adalah kerana keagungan tamadun-tamadun sebelum kita dan kita tidak patut merasa segan atau dengan sejarah-sejarah ini.

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Terima kasih Yang Berhormat Batu. Tuan Yang di-Pertua, saya pun sendiri secara langsung antara tahun 2004 hingga 2008 terlibat dengan isu mempromosikan Kedah sebagai ketika itu saya adalah Exco Pelancongan. Kita sendiri pun amat-amat kecewa tentang apa yang telah berlaku. Kita sedar bahawa tamadun di Lembah Bujang itu bermula awal lagi daripada tahun 1136 iaitu ketika Sultan Muzaffar Shah yang telah memeluk Islam ketika itu, sehingga kini Sultan Kedah itu berada di generasi ke-29.

Jadi apa yang berlaku di Lembah Bujang itu memang kita amat kecewa. Cuma saya dimaklumkan kita pun tidak mahu hendak politik, siapa yang luluskan katanya ini tapak permohonan membina projek perumahan itu diluluskan oleh kerajaan terdahulu. Walaupun macam tadi Yang Berhormat Bayan Baru kata kerajaan baru ambil alih ini, sebenarnya bukan kita, kerajaan kita yang luluskan. Akan tetapi *put it aside*. Apa yang penting kita hendak kena *preserve the* warisan yang amat-amat bermakna, berharga ini. cumanya Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kedah telah pun menyatakan semua tapak tersebut yang begitu luas walaupun dimiliki, dipunyai oleh individu akan diwartakan dengan kerjasama Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan bagi memastikan ia adalah tempat yang dipreserves sebagai *heritage*. Terima kasih Yang Berhormat Batu.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Saya amat setuju kerana saya tidak mahu salahkan seolah-olah kerajaan negeri sahaja. Kerana kalau kerajaan negeri kata, mereka sungguhpun diwartakan, kalau kita tidak meletakkan dana yang cukup, kalau kita tidak ada pengawasan, kalau kita tidak majukan tempat tertentu itu, ia tetap diwartakan. Banyak lagi tempat yang telah diwartakan tetapi dalam keadaan yang juga agak teruk sekali. So, itulah sebab saya rasa isu sekarang ialah kita harus mencari kaedah untuk menyelesaikan masalah sekarang. Hanya

saya juga rasa sedikit kecewa kerana kita dengar hujah-hujah seolah-olah *this is not Borobudur, this is not Angkor Watt*. Saya anggap isunya bukan sama ada keagungan, kebesaran..

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: [Bangun]**

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Sekejap ya. Kebesaran bangunan tetapi walau pun satu bata pun, ada walaupun satu batu pun yang merupakan mempunyai sejarah, kita harus cuba untuk memulihkan dan menjadikan saksi untuk generasi yang akan datang. Yang Berhormat Puchong.

#### ■1800

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Terima kasih Yang Berhormat daripada Batu, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Walaupun saya setuju dengan pendapat yang diutarakan oleh sahabat-sahabat, Ahli Yang Berhormat di sini tetapi saya rasa saya berbeza sedikit dalam fikiran saya, kerana pada saya, apa yang berlaku adalah satu perkara yang cukup serius. Kita sebagai satu negara yang mempunyai tempat bersejarah sebegini, kita perlu tanya kepada diri kita kenapa boleh berlaku keadaan sedemikian. Bagaimana kita boleh membenarkan satu tempat di mana kita tahu nilai sejarahannya, tempat begitu tidak dikawal, tempat begitu tidak diketahui orang apabila masuk ke situ boleh berlakunya kejadian sebegini.

Saya hendak tanya kepada kementerian, tidakkah kita ada satu sistem di mana tempat-tempat bersejarah itu memang kita ada cara bagaimana kita boleh melindungi tempat tersebut. Tempat tersebut dijadikan tempat di mana orang tahu tempat itu adalah satu tempat bersejarah. Mereka tahu bahawa nilai tempat itu memang kita tidak boleh, *we cannot replace*, kita tidak boleh gantikan.

Akan tetapi di sini kita lihat Tuan Yang di-Pertua, bagaimana minda Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri Kedah. Beliau berkata ini bukan Borobudur, ini bukan Angkor Watt, ini setakat *a piece over temple*. Ini menunjukkan sikap di mana seseorang itu menunjukkan beliau tidak serius. Memang bahan bersejarah 2,000 tahun, 3,000 tahun, tapi yang ada, yang wujudnya, yang *remains of it* setakat itu saja. Jadi kalau kita akan membenarkan satu keadaan di mana kita membiarkan, kita kata tidak ada masalah, *never mind, it has happen, it is okay, let's move on*, saya rasa itu adalah masalah yang cukup besar kerana tempat-tempat lain yang bersejarah di negara ini mungkin berlakunya kejadian sedemikian.

Jadi saya hendak minta kepada pendapat Yang Berhormat Batu, bukankah sepatutnya kita di sini menuntut supaya tindakan diambil? Dua perkara. Satu, tindakan diambil untuk memastikan bahawa tidak berlakunya perkara sebegini dalam masa hadapan. Saya dengar apa yang disebutkan oleh sahabat saya, Yang Berhormat Jerlun tadi. Dia tahu, mereka tahu, kerajaan tahu sejak tahun 2004 sehingga sekarang, saya tidak tahu kerajaan mana, tetapi kita tahu tempat ini nilainya bersejarah. Akan tetapi bagaimana boleh berlaku kalaunya kita tahu. Itu satu. So, apakah tindakan yang akan diambil untuk kita memastikan tempat-tempat yang bersejarah di Malaysia ini dijaga, dilindungi supaya tidak berlaku masalah sebegini.

Kedua, apakah yang akan kita lakukan kepada mereka-mereka yang melakukan perkara-perkara sedemikian? Di sini, dalam keadaan ini, adakah tindakan akan diambil terhadap pemaju-pemaju yang didapati bersalah ataupun yang dikenal pasti sebagai mereka-mereka yang mengambil tindakan ini? Jadi saya minta pendapat daripada Yang Berhormat Batu berkenaan dengan isu ini. Terima kasih.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Saya hendak serah...

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Batu, Bagan Serai sikit.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Okey, okey.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Yang Berhormat Batu, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dia sudah bersetuju tadi bahawa isu ini kita jangan politikkan dan isu ini melibatkan peninggalan sejarah yang begitu penting. Ia memang kita kata ia bukan Angkor Watt, bukan Borobudur, tapi kalau kita rasa perkara ini serius dan tempat ini sangat penting untuk sejarah, saya ingin tanya kepada Yang Berhormat Batu, walaupun satu batu yang ada di situ, kenapa tidak kerajaan yang memerintah sebelum ini mengambil inisiatif yang serius dan usaha-usaha untuk mewartakan tempat ini? Terima kasih Yang Berhormat Batu.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Saya ingat itu adalah satu perkara yang kita tertanya-tanya. Sudah 50 tahun kita merdeka, kita sepatutnya- bila merdeka, kita mewarisi bukan dari penjajah saja tetapi kita mewarisi satu tamadun yang sangat panjang yang berhubung dengan keseluruhan rantau Nusantara. Itu yang saya rasa ada kekurangan dari segi kebanggaan budaya kita di Malaysia ini kalau kita bandingkan dengan di Indonesia. Di situ kita harus mengakui. Bila kita ada kelemahan, *as a whole nation, we should be admitting to our weakness*. Itu saya tidak mahu kata parti mana yang memerintah itu yang harus ambil lebih besar tanggungjawabnya. Akan tetapi kita sebagai bangsa Malaysia, kita telah mengabaikan tanggungjawab kita untuk memelihara tapak-tapak sejarah ini untuk generasi yang akan datang. Kita sepatutnya rasa sangat malu dengan perkara yang berlaku ini.

Itulah sebab saya hendak syorkan bahawa pertama sekali, selain daripada gazet, Kerajaan Pusat harus meletakkan dana yang cukup. Kalau perlu, kita kena beli balik, kita kena ambil tanah, *land acquisition* pun, kita harus ambil. Kita tidak boleh kata ada 17 candi yang bernilai sejarah tetapi majoritinya adalah diletak di tangan *private* di ladang-ladang. Saya pernah lawat ada tempat di ladang-ladang yang ada lembu masih dalam ladang kelapa sawit, mereka membiarkan begitu saja. Sungguh pun kita kata kita sudah gazet ataupun kita sudah *identified*. Itu pertama.

Kedua ialah dana yang cukup. Sepatutnya ada pegawai untuk *monitor*. Boleh tanah itu dibawa ke swasta, tetapi swasta mempunyai tanggungjawab juga untuk pastikan tempat itu tidak dicerobohi, barang-barang itu tidak dirosakkan. Juga, kita perlu ada macam *ranger* untuk setiap kali – hanya 17, bukan banyak. Tujuh belas candi kalau *regularly every six month* mereka mesti pergi ambil rekod *erosion*, hakisan, kita kena *monitor* sama ada struktur itu masih sama atau tidak, kita boleh buat. Tujuh belas candi bukan banyak sangat.

Kita juga harus, kalau perlu, kalau kita boleh pinda undang-undang, untuk *impose* satu penalti yang lebih berat kepada pemilik-pemilik tanah dan orang-orang awam yang sungguhpun mereka buta sejarah, supaya perkara yang dilakukan ini adalah, kalau kita kata tidak bayar cukai itu atau ingkari bayar cukai itu adalah pengkhianatan, ini juga satu pengkhianatan terhadap nilai-nilai kebudayaan kita, sejarah Malaysia ini. Itulah sebab saya agak tindakan harus diambil dari sekarang.

Bukan kita hendak cari parti mana yang salah tetapi tindakan *stop work order* itu tidak mencukupi. *Stop work order* ini hanya buat sementara saja. Kita perlu satu tindakan untuk kaji semula sama ada projek ini boleh diteruskan atau tidak. Kalau perlu, batu-batu itu harus dicari balik supaya kita letak balik sebab sudah tentu ada gambar yang lama, yang telah dalam rekod muzium. Itu boleh dilakukan. Saya harap jangan kita mengecewakan lagi generasi yang akan datang dengan membiarkan warisan kita dibiarkan begitu saja.

Saya juga ingin sentuh sedikit tentang pemulihan. Saya lihat banyak tempat-tempat yang bersejarah, sungguhpun ada akta untuk mengawasinya tetapi mereka dibangunkan semula oleh kontraktor-kontraktor yang tidak mempunyai ilmu dan akibatnya ialah satu perkara yang sangat-sangat, *what we called, very embarrassing*, sangat-sangat memalukan kerana struktur itu sudah ada beza termasuk Kellie Castle yang kita sangat banggakan. Saya pernah melawat sebelum dibangunkan tetapi bila kita lihat setelah *renovation* itu dibuat, banyak struktur telah diubah. Saya tidak tahu ini adalah untuk kemudahan orang awam atau kerana mereka tidak rujuk balik rekod-rekod yang lama atau kerana itu hendak *cut cost*. Itu semua tidak dibenarkan. *To make it very strict, we do not allow modification* yang tidak mencerminkan semula nilai-nilai sejarah.

Akhir sekali dengan arked-arked yang ada, saya dengan kawan-kawan kita telah dalam projek membuat filem mengenai kemerdekaan. Kawan-kawan kita telah kembali ke FINAS untuk cari *footages* yang ada tapi kita dapati bahan-bahan ini dibiarkan begitu saja. Ada yang telah dalam keadaan yang ada kemungkinan kelembapan itu akan merosakkan filem itu. Saya agak bukan saja filem saja begitu tetapi didapati banyak lagi artifak-artifak yang bernilai sejarah dalam keadaan begitu. Ya, Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih Yang Berhormat Batu, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1810

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih Yang Berhormat Batu dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Batu, ada dua pertanyaan yang saya ingin utarakan. Pertamanya, adakah Yang Berhormat Batu sedar bahawa antara sebab juga apabila ada rakyat Pengerang, mereka menentang isu pembinaan loji Petronas di sana adalah berkaitan juga bahawa Pengerang itu sendiri ada juga tapak sejarah sebab dikatakan salah orang NGO yang terlibat itu, dia adalah ahli kepada Persatuan Sejarah Kota Tinggi dan Johor. Malah saya diberitahu oleh beliau, beliau juga *diapproach* dengan izin, oleh pasukan peguam untuk kes Pulau Batu Putih ketika kita hendak mencari bahan bukti untuk dikemukakan di Mahkamah Antarabangsa itu. Dia

memberitahu saya bahawa antara sejarah di Pengerang itu ialah laluan di laut itu juga pernah dilalui oleh Marco Polo. Maknanya ada kesan sejarah di situ. Akan tetapi nampaknya kita lebih mementingkan pembangunan sehingga kita cuba menjadikan tempat itu sudah tidak *significant* lagi. Itu pertama.

Kedua, tadi Yang Berhormat Batu kata akan buat filem berkaitan dengan kemerdekaan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Batu. Adakah Yang Berhormat Batu bersetuju bahawa sudah sampai masanya kerajaan seharusnya menceritakan sejarah yang sebenar. Paling kurang, kita bercakap tentang sejarah ini, kita berlaku jujur. Sesiapapun yang terlibat dalam perjuangan kemerdekaan tanpa mengira latar belakang dan ideologinya mesti dianggap mereka ini ada sumbangannya tanpa mengira latar belakangnya sebab kita jujur. Oleh sebab itulah saya merasa amat pelik apabila Kerajaan Negeri Johor sendiri menerbitkan sebuah buku yang menjadikan Mat Indra itu sebagai salah seorang tokoh yang orang Johor banggakan. Yang *best* nya, buku itu ditandatangani oleh bekas Menteri Besar Johor.

Akan tetapi apabila ada orang lain yang bukan daripada Barisan Nasional bercakap tentang kita harus juga sumbang ataupun mengenang jasa Mat Indra ini, dibawa ke mahkamah dan didakwa di mahkamah. Saya setuju dengan Yang Berhormat Batu adanya hipokrit di sini. Apabila Kerajaan Negeri Johor sanjung orang itu, tidak kena apa-apa. Akan tetapi bila orang lain cakap, kena dakwa. Begitu juga apabila Rahim Noor kata kita mesti mengakui bahawa Chin Peng ada sumbangannya, tidak kena apa-apa. Akan tetapi bila orang lain cakap, kena apa-apa. Jadi, ini nampak ada satu benda yang peliklah. Apa komen Yang Berhormat Batu?

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Yang Berhormat Batu, Yang Berhormat Batu. Bersekali dengan Kuala Langat.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Ya.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang tenang, yang riang dan sabar mendengar. Jadi Kuala Langat mengambil peluang ini mengucapkan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Batu, ada dua perkara yang Kuala Langat hendak bercakap ini. Pertama, isu sejarah ini. Kalau kita tengok sejarah ini, macam Lapangan Terbang Subang. Sejarahnya cukup luar biasa. Kemerdekaan diangkat dan didukung di waktu dan sekarang ini hendak dibangunkan dan diletakkan sebagai barang usang. Jadi, apa pandangan Yang Berhormat Batu kalau Lapangan Terbang Subang itu dikenang sebagai satu sejarah seperti mana Stadium Merdeka yang dizahirkan merdekanya oleh Almarhum Tunku Abdul Rahman di waktu itu. Hari ini hendak dibangunkan. Jadi diluputkan sejarah itu.

Adakah Yang Berhormat Batu bersetuju dengan Kuala Langat supaya tempat-tempat sejarah kemerdekaan ini kita kekalkan menjadi sejarah generasi akan datang dan dimutlakkan sebagai tempat yang tidak boleh diberikan pembangunan atas dasar kepentingan sesebuah pihak atau seseorang. Ini saya anggap sebagai sejarah yang mendaulatkan negara kita. Apa pandangan Yang Berhormat Batu? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Terima kasih.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Batu, mencelah sedikit. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Batu. Ini ada kena mengena dengan penglibatan generasi muda dengan muzium ini. Saya beranggapan Muzium Malaysia seperti hilang kreativiti untuk menarik jumlah pengunjung terutamanya generasi muda. Muzium sepatutnya dijadikan tempat membentuk idealis ataupun jati diri kepada anak-anak muda di Malaysia supaya mereka mempunyai kesedaran dan memahami sejarah negara. Saya ingin memetik pandangan pensyarah Jabatan Sosiologi dan Antropologi Universiti Islam Antarabangsa, Yang Berbahagia Dr. Noor Azlan Mohd. Noor. Beliau berpendapat bahawa cara persempahan artifak ataupun pameran tradisional menyebabkan generasi muda tidak berminat untuk mengunjungi muzium.

Apa pendapat Yang Berhormat tentang cara kita – artifak ataupun tradisional ini. Macam mana kita hendak membangkitkan penglibatan generasi muda, anak-anak muda pergi dan mengunjungi muzium? Terima kasih.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Terima kasih. Saya ingat kita harus bermula dengan satu perkara yang sangat fundamental sekali iaitu kini atau generasi kita dan kita semua bertanggungjawab telah membentuk satu budaya yang mementingkan keuntungan di depan mata kita. Keuntungan dari segi wang ringgit, keuntungan dari segi cash yang kita terima dan kita telah hilang nilai-nilai jati diri kita sebagai satu bangsa. Itu satu perkara yang sangat serius. Itulah sebab tidak kira apa pun, kita mula daripada kehidupan kita. Kita tidak memberi nilai kepada barang-barang yang lama, *airport* kah, stadium kah, kita rasa yang moden lebih baik. Istana setiap tahun kita buat yang baru. Kita tidak lihat di negara-negara maju yang sungguhpun teknologinya maju tetapi bangunan-bangunannya lama. Mereka telah mengambil satu pendekatan yang sangat membanggakan dengan barang-barang itu.

Saya tidak mahu berpanjangan tetapi saya anggap beberapa tindakan yang harus kita lakukan serta-merta. Kita harus menukarkan orientasi atau konsep pembangunan. Pembangunan ini harus kita majukan *side by side* dengan nilai-nilai sejarah. Sejarah memang adalah satu perkara yang sangat kontroversi. Tidak mudah kita setuju. Sejarah juga memberi kita material untuk membangunkan identiti kita untuk masa depan dan sejarah yang benar ini juga memecahkan monopoli, baik monopoli politik ataupun monopoli ekonomi di tangan satu pihak sahaja. Oleh itu, adakala mana-mana parti yang memerintah cuba membentuk sejarah supaya mereka boleh menguasai kini. Itulah sebab kita bersama-sama mempunyai tanggungjawab seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Sepang tadi ialah untuk kembalikan sejarah yang sebenar, yang menunjukkan kekayaan warisan kita dan juga menunjukkan kita semua sebagai satu titik yang menyumbangkan masa depan Malaysia.

Oleh itu saya tidak bangkitkan isu ini untuk menjadikan ia suatu bahan yang kontroversi, yang sukar untuk diterima oleh pihak-pihak tertentu tetapi ini dibangkitkan supaya kita mengambil langkah...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *[Bangun]*

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** ...Bersama untuk menyelesaikan dan juga mengembalikan nilai-nilai sejarah kita. Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sedikit boleh? Sedikit sahaja Yang Berhormat Batu. Yang Berhormat Batu setuju kah dengan saya bahawa oleh kerana sejarah ini benda yang kadang-kadang selalu menimbulkan interpretasi yang mungkin – contohnyalah siapa dia. Kalau kita beri contoh. Adakah *British* itu penjajah, orang yang menentang *British* macam mana? Adakah dikatakan pemberontak. Kadang-kadang ada dua pendapat. Jadi dalam keadaan dua pendapat itu, lebih baik – setuju atau tidak Yang Berhormat Batu, kita biarkan benda itu begitu. Maknanya masing-masing berhak untuk memberikan interpretasi. Malangnya dalam Malaysia ini, apabila seseorang memberi interpretasi yang berbeza, beliau di dakwa di mahkamah. Hanya kerana dia mengatakan bahawa sebenarnya yang menyerang Bukit Kepong, orang yang menyerang itu mungkin boleh dikatakan juga sebagai pejuang. Itu interpretasi dia.

Sepatutnya kalau tidak setuju, kita bukan dengan dakwa. Saya rasa, setuju kah dengan saya? Satu-satunya negara di dunia ini yang mendakwa orang kerana bercakap tentang sejarah adalah Malaysia, negara kita. Setuju kah Yang Berhormat Batu?

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Ya, sejarah ini sebenarnya juga berkaitan dengan nilai demokrasi. Bila kita membenarkan rakyat kita memberi interpretasi sendiri dan berbahas tentang sejarah, ini adalah menunjukkan negara kita matang.

Last sekali, saya juga ingin mengucapkan tahniah dan galakan kepada beberapa usaha yang disebut oleh Yang Berhormat Kapar tadi untuk menarik orang-orang muda terhadap sejarah ini. Usaha oleh muzium untuk membentuk sukarelawan dan juga kelab-kelab muzium.

#### ■1820

Saya harap kerajaan memberi lebih banyak peruntukan supaya kelab-kelab ini dapat dimajukan di sekolah untuk generasi yang akan datang. Pada masa yang sama, semua pihak-pihak yang berkuasa tempatan, pihak kerajaan negeri dan pihak Kerajaan Persekutuan memberi peruntukan yang cukup supaya bahan-bahan sejarah ini dapat kita peliharkan supaya kita jangan membenarkan ketamakan pemaju-pemaju dan pihak-pihak peniaga untuk merosakkan warisan kita. Dengan itu, saya ucapkan terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Bagan Serai, sila.

#### 6.20 ptg

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Selepas Yang Berhormat Bagan Serai, Yang Berhormat Kuala Terengganu.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim, Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakatuh.* Terima kasih sekali lagi kerana memberikan Yang Berhormat Bagan Serai untuk membahaskan Rang Undang-undang Fi (Jabatan Muzium Malaysia) (Pengesahan) 2013.

Tuan Yang di-Pertua, muzium yang tertua sekali di Malaysia ini adalah muzium Perak di Taiping yang ditubuhkan pada 1883. Masih ada dan dijaga dengan baik hingga sekarang. Penubuhan muzium di negara ini semakin berkembang pesat hingga ke hari ini. Setiap muzium mempunyai objektif penubuhannya yang tersendiri dan dibina dengan berpaksikan kekuatan koleksi yang tinggi nilai sejarahnya. Berdasarkan statistik terkini oleh Jabatan Muzium Malaysia, negara mempunyai sebanyak 189 buah muzium di seluruh negara termasuk muzium-muzium yang di bawah Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan, agensi-agensi kerajaan, pihak swasta dan juga institusi pendidikan.

Kewujudan muzium merupakan salah satu usaha ke arah mengekalkan khazanah warisan sejarah dan budaya bangsa kita. Koleksi-koleksi yang bernilai ini merupakan bukti sesuatu sejarah atau sejarah lampau yang telah berlaku. Jadi, muzium memainkan peranan yang sangat penting sebagai pusat rujukan dan penyelidikan. Pelbagai kajian dan penulisan didokumentasikan bagi tujuan menyebarkan ilmu pengetahuan kepada masyarakat agar mengenali dan mengetahui jati diri bangsa.

Jadi, memang pentinglah hari ini kita memberi semangat kepada anak-anak muda supaya kembali ke muzium. Ini kerana di situ dapat belajar fakta-fakta yang betul dan mereka ini tidak mudah terjerumus dengan fahaman-fahaman yang salah dan kemudian turun ke jalanan dan membuat perkara-perkara yang tidak baik. Muzium merupakan medium yang terbaik untuk menyebarkan maklumat kepada masyarakat melalui program-program pendidikan yang diadakan seperti seminar, bengkel, pameran dan forum. Bukan itu sahaja, ia juga boleh memainkan peranan dalam melibatkan diri, membangkitkan rasa perpaduan di kalangan masyarakat.

Misalnya program-program seperti bermalam di muzium yang melibatkan generasi muda. Pameran sempena Tahun Baru Cina, Pesta Cahaya Deepavali dan lain-lain lagi. Muzium bukan sahaja mampu mendidik masyarakat untuk mengenali dan menghayati budaya masing-masing, malah bertujuan untuk memahami budaya kaum-kaum lain dengan tujuan persefahaman dan perpaduan. Ini akan membawa kemakmuran kepada negara kerana negara yang ingin maju, yang menuju kepada kemajuan perlu mendapat perpaduan yang jitu di kalangan rakyatnya.

Justeru, saya ingin mencadangkan agar lebih banyak program-program berbentuk pameran untuk memperkenalkan perpaduan rakyat Malaysia untuk dikongsi bersama generasi muda yang tidak faham dengan perpaduan dan seterusnya dapat memperkenalkan budaya tempatan ke peringkat antarabangsa.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin [Bukit Katil]:** Yang Berhormat Bagan Serai, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik tadi soal turun ke jalan raya bukan budaya. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Bagan Serai, apakah menunjuk perasaan menggunakan jalan raya itu bukan sebahagian daripada sejarah perjuangan panjang menuntut kemerdekaan termasuk juga oleh parti pemerintah. Memang saya fikir perlu ada kewajaran untuk memperakui bahawa dalam sejarah perjuangan panjang kita menuntut kemerdekaan, di sana terdapat beberapa aksi masyarakat, aksi rakyat di bawah termasuk turun ke jalan raya.

Kalau kita tengok sejarah-sejarah, tulisan-tulisan di akhbar itu ada perbarisan yang panjang, bawa anak, bawa isteri, semualah lapisan masyarakat turun menuntut kemerdekaan, menuntut tentang hal yang berkaitan dengan membantah *Malayan Union*. Itu adalah siri sejarah panjang budaya. Oleh sebab itu lah saya fikir kerajaan juga akhirnya membuat satu undang-undang khas iaitu Akta Perhimpunan Aman bagi memperakui sebahagian daripada sejarah. Saya minta penjelasan dari Yang Berhormat Bagan Serai. Terima kasih. Akhirnya saya juga didakwa, tidak apalah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebahagian dari sejarah, *alhamdulillah*.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Yang Berhormat Bukit Katil. Maksud saya sekarang ini, zaman sekarang ini kalau fakta-fakta yang tidak betul, perkara-perkara yang tidak betul disampaikan dan anak-anak muda ini, generasi sekarang ini yang mempunyai ciri-ciri yang kita katakan *explores* dengan izin, ciri-ciri yang mengambil risiko, hendak tahu, imaginasi dan sebagainya. Mereka ini terlalu muda, kadang-kadang mendapatkan berita-berita ataupun fakta-fakta yang salah, yang disalah ertikan, maka mereka membuat tindakan-tindakan yang tidak betul. Itu maksud saya.

Sejauh manakah kita menyedari akan kepentingan muzium ...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Bagan Serai, sedikit Yang Berhormat Bagan Serai.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Lihat sahaja dengan kecanggihan teknologi yang mampu menyediakan maklumat kepada kita hari ini dengan hanya di hujung jari. Jadi, kemunculan *internet* yang dikatakan tidak mempunyai sempadan ini membolehkan masyarakat mudah mendapat pelbagai maklumat yang dikehendaki. Justeru itu, muzium juga harus berjalan seiring dengan kemajuan teknologi agar tidak ketinggalan dengan kehendak masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, kini pelbagai maklumat ...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Boleh mencelah sedikit?

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** ... Disediakan melalui jaringan *internet* seperti laman web, Facebook dan sebagainya. Jadi, ini bagi memudahkan masyarakat membuat carian maklumat yang lebih tepat. Yang Berhormat Batu.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Terima kasih. Saya tertarik dengan *comment* yang sebelum itu ialah orang-orang muda ini kalau mereka belum berpengalaman mudah dipengaruhi. Akan tetapi saya juga ingin tahu *comment*, pandangan daripada Yang Berhormat Bagan Serai. Apa pandangan Yang Berhormat Bagan Serai terhadap pejuang-pejuang kita semasa mereka tubuhkan API, semasa mereka tubuhkan AWAS, apakah usia mereka? Bukankah mereka 20 tahun lebih atau berbelas-belas tahun. Bukankah mereka waktu itu juga dituduh oleh penjajah dipengaruhi oleh fahaman-fahaman yang menyeleweng, fahaman-fahaman Komunis, fahaman-fahaman ekstrem agama dan lain-lain lagi.

Akan tetapi setelah beberapa dekad, terbukti pandangan mereka adalah *pioneer*, mereka adalah betul dari segi sejarah. Jadi, kita tidak boleh memutuskan kesahihan sesuatu pendirian itu sehingga dibuktikan dalam sejarah. Apa pandangan Yang Berhormat Bagan Serai?

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Yang Berhormat Batu. Tadi saya memperkatakan tentang *intrinsic characteristic* dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Sifat-sifat yang *invaded*, yang telah ada dalam jiwa orang muda ini dengan mudahnya boleh terpengaruh. Suasana dahulu dengan suasana sekarang tentulah jauh berbeza. Apa yang ada sekarang ini, dengan dunia yang pantas sekarang ini, anak-anak muda mudah terpengaruh dan mereka tidak ada semangat juang macam dahulu. Mereka tidak ada perasaan macam dahulu. Mereka bukan hendak menuntut kemerdekaan. Akan tetapi dahulu semangat juang, semangat perjuangan cukup tinggi dengan niat yang betul.

Akan tetapi hari ini, yang saya bimbangkan ialah ciri-ciri yang ada pada anak muda hari ini. Sekali lagi saya ulang dengan izin *intrinsic characteristic*, sifat mereka hendak tahu, impian besar, keinginan besar ...

**Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** ...Sifat-sifat ini akan menjuruskan kepada perkara-perkara yang tidak baik jika tidak diberi pembetulan. Jadi, dengan kehadiran...

**Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]:** Boleh tidak saya ...

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** ...Muzium dapat membantu. *Insya-Allah*.

#### ■1830

**Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]:** Boleh saya mencelah sedikit tentang *intrinsic values of the youth?* Boleh Tuan Yang di-Pertua? Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Bagan Serai. Kalau kita melihat rakaman Al-Quran Nur Karim satu pengabadian abadi tentang ciri orang muda ialah orang muda sepanjang zaman adalah pejuang kebenaran. Ini yang diabadikan oleh Al-Quran dalam surah Al-Kahfi [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*].

Jadi kalau kita merasakan tentang ciri orang muda yang *intrinsic*, yang hakiki, mereka ialah pejuang perubahan, mereka mempunyai jiwa yang resah gelisah melihat kemungkaran, mereka yang mahukan suatu yang baik. Kalau mereka mudah terpengaruh, itu kerana mereka tidak dibekalkan dengan ilmu dan maklumat yang benar. Mereka tidak diberikan kaedah yang benar untuk membuat keputusan, mereka tidak diberikan kaedah yang benar dalam membuat pilihan.

So kalau kita hendak salahkan orang muda Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, kita kena salahkan kita yang tua. Kalau kita tengok anak-anak muda sekarang ini berpelesiran, salahnya orang tua dan yang paling tua memerintah ini UMNO, BN. Saya minta maaflah tetapi kita yang paling lama memerintah dan kita kena ambil tanggungjawab kalau ada kesilapan itu, kalau ada anak-anak muda yang mudah terpengaruh dengan anasir-anasir yang negatif, maka kita kena tengok kita sebagai cerminnya. Begitu jugalah kalau kita tengok anak kita tidak betul, kita tengok kita. Jadi saya ingat dari segi persepsi yang kita berikan secara negatif kepada anak muda itu kena diperbetulkan dari segi bagaimana melihatnya secara ilmiah. Terima kasih banyak Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sedikit Yang Berhormat Bagan Serai.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Sekejap dahulu. Saya hendak perbetulkan Yang Berhormat Batu Pahat sekali lagi. Jadi maksud saya hari ini anak muda, memang benar dalam surah Al-Kahfi diterangkan sifat-sifat anak-anak muda. Anak muda yang mendapat keredaan Allah SWT, anak muda yang mentaati perintah Allah SWT, anak muda yang mengikuti sunah Rasulullah SAW.

Kita ceritakan hari ini jika anak muda ini dipesongkan, diberikan fakta-fakta yang salah dan anak muda ini terpengaruh dengan apa yang kita kata. Jadi ini peranan anak muda kerana negara akan datang bergantung kepada anak muda sekarang. Jika anak muda ini tidak dapat bertindak atas jalan-jalan yang betul, atas jalan yang benar, maka negara ini akan rosak. Itu maksud saya. Saya tidak menyalahkan orang tua ataupun siapa yang lama dan sebagainya tetapi yang penting sekali ialah orang yang mencorakkan itu, orang yang memberikan fakta-fakta kepada anak muda itu.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: [Bangun]**

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Biar saya sambung sedikit lagi Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Bagan Serai. Boleh? Terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Bagan Serai, salah satu ciri orang muda ini dia tidak menerima sesuatu perkara dengan mudah. Sesuatu perkara yang kita bentangkan kepada mereka, mereka akan kaji dan teliti. Oleh sebab itu, kebanyakan orang muda ini lebih sukar untuk meyakinkan mereka daripada golongan orang tua sebab dalam Al-Quran, Allah mengatakan sebab para nabi ini sudah hendak tembus orang tua ini perangai mereka dahulu, kini dan selamanya.

Makna kalau mereka sembah berhala itu mereka anggap itulah perlakuan yang terbaik. Itu masalah yang dihadapi oleh para Anbia sebab mereka berhadapan dengan satu golongan yang akan mempertahankan pusaka nenek moyang mereka tanpa mengira betul atau tidak. Golongan muda adalah golongan yang sentiasa analisa dan dia akan kira. Oleh sebab itu jangan kita marahkan anak muda apabila mereka bertanya betulkah dari segi kita tafsir sejarah ini betulkah? Betulkah memang orang-orang yang menentang penjajah ini mereka ini bukan hero?

Jadi orang-orang seperti ini mereka tidak boleh menerima *version* daripada pihak kerajaan. Oleh sebab itulah, kerajaan jadi marah dengan golongan muda dan selepas itu cuba hendak menyalahkan orang muda. Sebenarnya sebelum kita salahkan orang muda, kita salahkan diri kita sendiri sebab kita gagal untuk *reason rationalize* bercakap dengan fakta dengan mereka. Kita lebih suka mengugut mereka, mengancam mereka. Oleh sebab itulah, saya kata kalau mana-mana tempat pun kalau anak muda ramai, UMNO akan kalah dalam pilihan raya. Tempat yang di mana seorang satu yang mana orang yang dia lahir dia ingat dalam dunia ini hanya UMNO sahaja ada, memang UMNO akan memang. Dia bangun-bangun tidur dia ingat dalam dunia ini hanya UMNO sahaja ada. Itu memang, tempat itu memang kita susah hendak terangkan tetapi anak muda itu bukan begitu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, tidak macam itu Yang Berhormat. Kawasan saya dia tahu PKR, PAS, DAP tahu juga.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Itu orang tua yang sudah dapat dengar ceramah daripada PKR, daripada kita. Kalau yang jenis dengar UMNO, sampai bila-bila begitulah, tidak berubah. Terima kasih.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Ini kalilah.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Kita hendak menyalahkan orang tua atau orang muda, hendak terus kata orang muda tidak boleh ubah. Sama juga sebelah sana. Kalau daripada muda sampai tua, dia tidak mahu ubah-ubah juga. Kita kata yang benar pun dia tidak mahu ubah-ubah juga. Dia sudah dahulu, kini dan selamanya juga. Akan tetapi kalau kita bahaskan tentang anak muda hari ini, bukan bermakna tempat banyak anak muda itu UMNO akan kalah, bukan macam itu. Paling penting sekali benda, fakta yang benar ini yang kita berikan kepada anak muda itu. Jadi kalau dia dengar daripada benda yang salah, ini yang turun ke jalanan.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Tidak dapat terimalah.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Saya ingin menyambung Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya masuk dalam muzium balik Yang Berhormat.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Masuk muzium, sudah terkeluar. Tuan Yang di-Pertua, mereka heret saya keluar daripada muzium. Kita bawa anak mudah masuk muzium.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Kalau kita menang, kita letak UMNO dalam muzium.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Duduk bawah pokok? Oleh sebab itu, saya menyeru kepada kementerian untuk menjalankan lebih banyak program interaktif di muzium-muzium bagi menarik minat masyarakat terutama kanak-kanak untuk mencintai muzium sebagaimana budaya masyarakat Eropah yang suka berkunjung ke muzium.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk memuji tindakan Muzium Negara yang masih mengenakan bayaran yang berpatutan kepada pengunjung RM2 untuk rakyat Malaysia dan percuma untuk kanak-kanak bawah 12 tahun. Manakala untuk pelancong asing dikenakan RM5 untuk dewasa manakala RM2 dikenakan kepada kanak-kanak dan bukan warga tempatan berusia 5 tahun hingga 12 tahun dan percuma kepada kanak-kanak bukan warganegara yang berusia kurang daripada 5 tahun.

Justeru itu saya mencadangkan agar kementerian mengekalkan kadar ini dan juga menambahkan bilangan aktiviti-aktiviti di muzium untuk menghidupkan semula muzium-muzium di Malaysia dan untuk menyelamatkan anak muda di negara ini. Saya menyokong, terima kasih banyak Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuala Terengganu.

### **6.38 ptg.**

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

*Bismillaahir Rahmaanir Rahiim.* Tajuk Kutipan Fi Akta 2013. Kutipan fi memanglah diperlukan untuk mengurus dan menjaga muzium dan tapak-tapak bersejarah dalam keadaan yang lebih selesa. Bagaimanapun dengan lulusnya kutipan fi ini, keadaan di muzium-muzium dan tempat bersejarah mestilah berada dalam keadaan yang lebih baik, terurus dan bersih setanding dengan tempat-tempat sejarah dan muzium di negara-negara barat.

Ini amatlah penting bersesuaian dengan status Malaysia sebagai negara ke-10 paling popular untuk dilawati oleh pelancong. Saya ingin juga menyentuh isu muzium terbuka atau tapak monumen atau tapak sejarah seperti Lembah Bujang yang mesti juga dijaga dengan lebih baik dan rapi kerana keadaannya yang terbuka dan terdedah. Dalam situasi cuaca yang panas dan basah seperti di Malaysia ini dan juga masyarakat yang kurang peka atau *appreciate* dengan izin, monumen sebegini tapak sejarah terbuka ini amatlah dan adalah dalam keadaan kritikal seperti apa yang baru berlaku di Lembah Bujang. Kalau sekurang-kurangnya ada pemantauan walaupun tidak sepenuh masa, ini tidak akan berlaku. Kontraktor yang telah memusnahkan monumen itu berkata mereka tidak tahu tapak sejarah. Kalau ada sekurang-kurangnya papan tanda *basic*, ini sudah tentu dapat mengelakkan situasi tersebut.

Selain daripada belanja pengawalan, masalah-masalah monumen tapak bukti ini hendaklah diatasi dengan menyedarkan masyarakat iaitu *awareness* dengan izin, tentang pentingnya memelihara warisan kita. Kempen-kempen kesedaran atau *awareness* warisan amatlah penting kerana inilah yang menjadi masalah kita.

### **■1840**

Pihak-pihak berkuasa sahaja tanpa kempen yang lebih meluas untuk menyedari masyarakat tidak akan berjaya tanpa kesedaran yang meluas. Selama ini orang ramai banyak menjangka Lembah Bujang adalah warisan negara Hindu sahaja. Sekarang pakar sejarah telah menjelaskan Lembah Bujang adalah tapak tamadun Melayu Hindu paling tua di Asia Tenggara sebelum Melaka lagi. Tamadun Melayu Hindu selepas abad ke-12 menjadi tapak Kesultanan Melayu apabila pemerintah atau Raja Hindu memeluk Islam. Ini adalah satu perkara yang baru-baru juga didedahkan kepada masyarakat umum. Jika fakta-fakta ini diketahui lebih ramai di kalangan pihak berkuasa, mungkin insiden yang tragik ini dapat dielakkan dengan lebih ramai yang prihatin. Dalam masa yang sama fakta-fakta sejarah hendaklah dipisahkan dari sentimen lain, perkauman dan politik. Ini mestilah kita – *the discipline* dalam menghadapi isu-isu sejarah.

Masyarakat juga perlu menghargai nilai warisan dalam pelbagai bentuk termasuk warisan hidup. Contohnya Pasar Payang Terengganu yang diancam untuk dirobohkan oleh kerajaan adalah contoh warisan hidup yang unik. Malangnya ada yang berkata Bangunan Pasar Payang belum cukup 100 tahun. Kenapa mesti 100 tahun? Beribu-ribu tahun pun telah roboh. Soal pokoknya, warisan hidup itu unik dan berharga kepada masyarakat dan negara. Pasar Payang merupakan satu institusi perniagaan yang amat unik. Jangka masa 100 tahun bukanlah faktor utama atau

kriteria. Kalau tidak kalau kita masih untuk mengekalkan faktor usia, banyak lagi bahan-bahan sejarah dan tapak monumen akan hilang. Lembah Bujang sendiri adalah berusia beribu-ribu tahun dan walaupun telah juga dicalonkan untuk status Warisan Dunia UNESCO sudah 26 tahun dahulu tetapi kerana Pesuruhjaya Warisan Malaysia masih belum gazet warta tapak tersebut sebagai warisan negara, hari ini ia telah musnah.

Selalunya apabila satu itu telah tiada barulah ramai yang bersuara dan menjadi seorang *expert*. Apabila saya bersama dengan Badan Warisan Malaysia waktu ditubuhkan pada tahun 1983, ramai yang memandang Badan Warisan Malaysia dengan sinis dan juga syak wasangka hingga kami susah mendapat dana untuk kerja-kerja pemuliharaan walaupun bangunan pertama yang kami selamatkan adalah Istana Kayu lebih 100 tahun yang dipindahkan dari Besut ke tapak muzium di Kuala Terengganu.

Hari ini sikap terhadap pemeliharaan warisan kita pun masih di takuk yang lama. Baru dua minggu lepas saya mengesyorkan arahan *stop work order* dikeluarkan oleh pihak berkuasa dalam isu warisan alam sekitar. Untuk menunjukkan kesungguhan atau *commitment* dengan izin, kerajaan menyelamatkan warisan alam sekitar kita. Kerajaan Kedah sekarang ini baru mengeluarkan arahan *stop work order* tetapi yang tinggal hanyalah debu-debu dan tanah gondol. *Political will* inilah yang penting. Tindakan tegas *stop work* dikuatkuasakan dari semasa ke semasa. Itulah sahaja untuk kita menunjukkan komitmen pihak berkuasa memelihara tapak warisan kita baik sejarah ataupun alam sekitar.

Agama Islam dan pemerintah yang mungkin akan mengalami nasib yang sama seperti Lembah Bujang jika tidak ada perubahan sikap. Dengan kutipan fi yang akan diluluskan nanti adalah diharapkan kesedaran dan penjagaan makam-makam lama tokoh-tokoh agama dan sejarah menjadi lebih mendalam dan meluas. Janganlah masyarakat kita lebih mengenal Abraham Lincoln dan Martin Luther King dari mengenali Mat Kilau dan Tokku Paloh, tokoh-tokoh tempatan.

Akhir kata masyarakat yang tidak menghargai dan belajar dari warisan akan merupakan masyarakat yang sentiasa mencari-cari sesuatu tanpa mengenal sejarah dan diri mereka sendiri. Di dalam masyarakat pelbagai bangsa dan agama seperti Malaysia, ini amatlah kritikal untuk kita menghormati dan menghargai warisan satu sama lain. Islam mengajar toleransi bermasyarakat. Semoga kita menghargai dan menghormati warisan bersama dalam situasi perbezaan agama dan bangsa, *insya-Allah*. Semoga kita menggalakkan golongan muda untuk berdamping dengan muzium dan tapak sejarah dan mestilah kita bermula dari sekarang.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya rasa isu seperti Lembah Bujang ini adalah satu isu atau satu episod yang hanya menunggu masa untuk berlaku. Ini adalah satu contoh dan banyak lagi isu-isu seperti ini mungkin akan berlaku termasuk dalam warisan alam sekitar, Taman Negara kita dan sebagainya kalau tidak ada kesungguhan di dalam pemantauan dan kuat kuasa. Dari segi undang-undang saya rasa kita tidak kurang dan tidak ke belakang kalau dibandingkan dengan negara-negara barat. Akan tetapi apa yang kita amat lemah dan mundur adalah dalam kesungguhan,

dalam kesedaran untuk memberi penjelasan dan juga menyebarkan maklumat tertentu kepada masyarakat umum.

Kita tidak dapat menyelamatkan warisan kita bersendirian dengan pemerintahan sahaja dengan undang-undang tanpa *support* atau tanpa sokongan padu dan juga hasrat berani rakyat yang ingin dan cintakan warisan kita. Jadi saya rasa usaha kerajaan untuk menekankan lagi subjek Sejarah adalah amat penting tetapi kita janganlah hanya setakat melepaskan batuk di tangga dan biarlah kita bersungguh-sungguh dalam memelihara sejarah kita. Kita tahu di dalam keadaan Malaysia ini ingin maju menjelang tahun 2020, setiap peniaga, pemaju, *developer* dan sebagainya akan cuba mengaut keuntungan yang berlipat kali ganda. Terpulanglah kepada kita tidak mengira parti politik atau fahaman untuk memastikan bahwasanya nilai-nilai warisan ini dimaktubkan di dalam setiap undang-undang tempatan dan dikuatkuasakan sebaik mungkin.

Dengan itu saya harap kita dapat mempelajari daripada isu Lembah Bujang ini dan walau pun Kerajaan Kedah telah berkata dia hendak menggantikan atau membina semula tapak atau monumen tersebut tetapi dia tidaklah akan sama dengan yang asal. Ini kerana sejarah adalah satu perkara yang amat berharga dan nilainya orang kata *priceless*. Sekali hilang tidak mungkin akan dapat kita kembalikan di nilai atau tahap yang asal. Sekian, saya mohon pertimbangan untuk memberi lebih banyak perhatian kepada warisan kita. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuala Kangsar.

#### 6.47 ptg.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyentuh tentang fi muzium dan juga tentang aktiviti-aktiviti muzium. Apabila kita berbincang dan berbahas mengenai muzium oleh kedua-dua belah pihak, saya amat merasakan satu detik yang begitu baik kerana kita ini di ambang negara maju.

Saya menyatakan demikian kerana muzium ini adalah sebenarnya perkara-perkara yang dibangunkan kemudian. Kalau kita lihat sejarah-sejarah negara maju di dalam sejarah pembangunan negara, dia bermula dengan infrastrukturnya, perumahan, persekolahan, hospital, *airport*, pelabuhan dan membawa kepada perkara-perkara lain seperti panggung, taman-taman, galeri-galeri muzium. Inilah akhir peringkat pembangunan yang mana telah menunjukkan bahawa Malaysia di ambang negara maju. Jadi oleh itu dengan disebutkan fi yang sebenarnya yang hendak dikenakan kepada pelawat-pelawat, saya merasakan bahawa mungkin rakyat Malaysia ini apabila fi itu begitu rendah, saya tidak berapa bersetuju dengan cadangan yang telah disebutkan tadi oleh rakan-rakan untuk mengekalkan fi atau yuran kemasukan yang begitu rendah. Sebenarnya bukan yuran itu yang menguntungkan muzium itu. Sebenarnya kalau kita meletakkan suatu harga yang lebih baik, lebih tinggi ini menggambarkan bahawa kandungan yang ada di dalam muzium itu adalah satu kandungan atau satu khazanah yang begitu baik dan bernilai tinggi.

Jadi selain daripada kita dapat menambahkan kewangan untuk membantu dan menaik taraf muzium-muzium dan galeri-galeri, Kuala Kangsar ingin mencadangkan bahawa pihak muzium

mungkin di masa yang akan datang memberi peruntukan bukan sahaja kepada muzium-muzium kerajaan tetapi kepada muzium-muzium swasta yang mana kalau kita lihat negara-negara maju terdapatnya *toy museum*, muzium tekstil, muzium Coca-cola. Bermacam-macam muzium.

**■1850**

Ini sebenarnya dapat merancakkan lagi minat generasi muda ke atas artifak-artifak dan juga perkara-perkara yang membawa minat kepada mereka kerana terdapatnya, wujudnya berbagai-bagai bentuk dan jenis muzium dan galeri-galeri yang berada di negara kita ini.

Jadi saya rasa sumbangan yang telah disebutkan tadi, satu perbahasan yang *surreal* yang tidak berbaur politik walaupun ada sedikit kemerapan daripada Yang Berhormat Sepang yang kata laluan Marco Polo di situ. Memanglah tempat, kalau tidak silap, Melaka di lalu oleh semua sejarah situ. Itu satu perkara yang disebutkan Yang Berhormat Sepang tadi yang saya rasa dia mengambil satu cerita yang tidak tahu di mana dipetiknya. Kita lihat bahawa ucapan-ucapan dan juga pandangan-pandangan tentang warisan, tentang artifak-artifak ini sebenarnya kita memikirkan dan membawa negara kita ke arah sebuah negara yang maju.

Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bukit Katil, selepas itu Yang Berhormat Tumpat. Rasanya selepas itu bolehlah Menteri menjawab.

**6.51 ptg.**

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Hari ini saya ingin mengambil peluang di sini untuk menyatakan bahawa peranan muzium ini merupakan peranan yang cukup besar di dalam masyarakat. Saya percaya perbahasan ini berkaitan dengan fi yang harus dikenakan.

Akan tetapi dari segi dasarnya saya fikir, dari segi sejarah Tuan Yang di-Pertua, muzium ini bermula sejak kurun yang ketiga *before Christ, BC*. Muzium yang pertama sekali ialah dibuat di Universiti Alexandria di Mesir. Itulah muzium yang pertama. Hari ini saya percaya semua negara ada muzium. Negeri Melaka paling banyak muziumlah. Daripada Bukit Katil ini, Melaka, memang banyak muzium. UMNO pun ada muzium dekat Melaka. Saya pun tidak tahu kenapa UMNO buat muzium kerana UMNO belum lagi dimuziumkan.

Cuma, saya fikir dari segi masa depan, saya lihat seolah-olah terdapat perlumbaan melahirkan muzium. Di Melaka ada satu muzium kapal selam tetapi muzium itu berada di darat, dia tidak berada di dalam, seolah-olah ada kegilaan untuk membuat muzium ini. Saya minta pihak kementerian untuk melihat bahawa muzium ini perlu menjadi nadi dan roh yang mencerminkan masyarakat kita yang pelbagai kaum.

Oleh sebab itu saya fikir, selain daripada sekadar menjadi pusat pengumpulan artifak dan sebagainya, muzium juga mesti menjadi agen perubah, agen membawa perubahan dan juga

pembangunan, dan mesti dinamik. Misalnya, muzium juga boleh dijadikan sebagai satu tempat untuk mengisahkan sejarah negara yang sebenar tanpa mengira batas politik.

Ada kelompok-kelompok ataupun kumpulan-kumpulan, pejuang-pejuang yang berbeza pendirian dengan parti pemerintah misalnya, tetapi berjuang bersungguh-sungguh untuk memerdekaan, harus juga diberikan ruang yang seluas-luasnya di dalam muzium. Oleh sebab itu kalau kita lihat di Muzium Negara contohnya, yang dipaparkan hanyalah perjuangan sebelah pihak semata-mata. Akan tetapi perjuangan kumpulan-kumpulan yang lain tidak ditonjolkan dan apakah kita ingin nafikan mereka sebahagian daripada sejarah? Mereka adalah sebahagian daripada sejarah panjang perjuangan negara ini.

Oleh sebab itu saya minta, selain daripada kita mengenakan fi dan sebagainya di mana dari segi itu saya kurang setuju, tetapi keberadaan muzium itu sendiri mesti dijadikan sebagai satu tempat pendidikan mendidik generasi. Barulah muzium itu punya roh, punya semangat. Bila mereka datang ke muzium, mereka terlupa, meletak dan menyangkutkan fahaman politik masing-masing di luar dekat pagar muzium. Masuk muzium, mereka kata inilah kisah sebenar sejarah Malaysia, sejarah Melaka misalnya dan sejarah perjuangan panjang rakyat ini memajukan negara sehingga pada tahap yang sedia ada sekarang ini.

Oleh sebab itu saya fikir Tuan Yang di-Pertua, perkara yang lebih penting seterusnya ialah bagaimana dari segi dasarnya muzium ini menjadi satu tempat untuk *promote culture diplomacy*, diplomasi budaya. Kita tahu kekuatan negara ini adalah kekuatan jamak budaya. Kita punya kekuatan kebudayaan ini merentasi kefahaman politik dan sebagainya. Kita telah berjaya mengekalkan imej itu. Di mana tempat rujukannya? Tempat rujukannya pastilah di muzium. Orang datang ke muzium, mereka tahu budaya masyarakat Sabah, budaya orang Sarawak, budaya orang Melayu, budaya orang Jawa. Kepelbagaian budaya inilah menjadi kekuatan.

Saya fikir kurang sekarang ini program-program...

**Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bukit Katil.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Program-program yang mencerminkan kefahaman untuk memahami Malaysia dalam sudut pandang jamak budaya ini. Silakan.

**Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, 'Tuan Pengurus' dan Yang Berhormat Bukit Katil. Saya fikir saya cuba...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, cokmar masih di atas, belum Tuan Pengurus lagi, Yang Berhormat. Bila cokmar depan ini turun baru Tuan Pengurus.

**Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]:** Tuan Yang di-Pertua, kita ingin menyambut baik pandangan daripada Yang Berhormat Bukit Katil. Malaysia merupakan perkahwinan di antara tiga budaya besar. Budaya Melayu Islam, budaya Cina, budaya India. Tiga budaya besar ini kalau boleh dipamerkan dalam satu gabungan dan jalinan yang baik di muzium, dia akan membina, dapat

membangun atau dapat menjadi suatu asas pembangunan bangsa yang dapat mengetepikan perbezaan-perbezaan ataupun kebencian kepada sesuatu kaum ataupun sesuatu agama menerusi pemahaman ataupun perkongsian pembinaan budaya yang dibina sejak ratusan tahun di Malaysia ini.

Jadi bagaimana barangkali Yang Berhormat Bukit Katil boleh mencadangkan supaya budaya besar ini, warisan besar dari budaya besar ini menerusi muzium dapat menyantuni perbezaan kaum dan perbezaan agama yang cuba dimarakkan sekarang ini dapat disantuni oleh muzium? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Terima kasih Yang Berhormat Batu Pahat. Saya bersetuju dan menjadikan pandangan Yang Berhormat Batu Pahat ini sebahagian daripada isi perbahasan saya. Saya sekadar ingin memberikan *respond* bahawa dalam keadaan kita berada, seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Batu Pahat tadi perkahwinan tiga budaya, ada masyarakat Melayu, Cina dan India dan juga rakan-rakan dari pelbagai budaya di Sabah dan Sarawak, kita lihat sekarang ini tidak ada satu mekanisme yang betul-betul dijaga agar tidak ada suatu perkara yang dimainkan untuk membangkitkan sentimen perkauman. Kita lihat acap kali dalam insiden atau peristiwa-peristiwa penting, misalnya hampir dengan pilihan raya, perkara ini dijadikan sebagai satu bahan kempen yang untuk jangka masa panjang tidak baik untuk generasi kita.

Oleh sebab itulah saya ingin meletakkan cabaran kepada kementerian agar kalau betul-betul kita ingin mendidik generasi menjadikan muzium sebagai satu institusi pendidikan, mendidik secara informal, memberikan mesej bahawa kekuatan negara ini adalah kekuatan di mana kita ada toleransi dalam sejarah perjuangan pelbagai kaum dan bangsa ini, maka sewajarnya muziumlah menjadi tempatnya. Dan ia harus betul-betul terbuka dan berani untuk membuat perubahan ini dan dalam erti kata yang sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, ialah memimpin perubahan ini.

Oleh sebab itu saya fikir cabarannya – misalnya kita lihat sekarang ini terdapat pelbagai masalah yang dibangkitkan yang setiap hari menjadi tumpuan kita dan perbahasan kita dan menjadi kebimbangan kita, masalah-masalah berkaitan dengan dadah, masalah-masalah yang berkaitan dengan anak-anak jalanan ini, masalah berkaitan dengan pelacuran dan sebagainya. Ini adalah masalah-masalah di dalam masyarakat yang saya fikir muzium ini boleh dimanfaatkan sepenuhnya untuk kita memberikan maklumat dan mesej kepada pelbagai kaum, kepada kelompok masyarakat bagaimana ingin tangani masalah-masalah ini. Jadi janganlah dilihat muzium ini senyap dan sunyi sahaja. Muzium ini perlu dibisingkan. Hendak bisingkan muzium ini kena bawa pelbagai isu, pelbagai perkara yang relevan dengan masyarakat setempat.

Saya ingat dahulu Ketua Pengarah Muzium, Dato' Shaharum, itu saya ingat kerana bagaimana dia memimpin muzium ini dan mahu pelbagai pendekatan.

#### ■1900

Betullah, antara yang saya paling ingat ialah rupanya di dalam sejarah panjang kita ini ada banyak cerita-cerita hantu ini. Jadi saya pergi tengok, bukan sekadar itu masih ada isu-isu yang

lain. Maksud saya ialah kalau muzium itu mula membuka, tempat mereka bagi menangani, mendedahkan masalah-masalah sebenar masyarakat, saya ingat rakyat akan tahu, rakyat akan datang dan ada minat untuk mereka mempelajari perkara ini. Oleh sebab itu saya fikir Tuan Yang di-Pertua, saya ingin cadangkan kepada kementerian bahawa isu ini, ini peluang untuk dimanfaatkan. Kita ada ruang, kita ada tempat tetapi tidak dimanfaatkan semaksimum mungkin. Ceritalah perkara yang sebenar, dedahkan sejarah yang sebenar. Manfaatkan setiap inci perjuangan ini, isu-isu rakyat ini, gunakanlah muzium ini untuk kita bina negara yang jauh lebih maju dan baik. *Insya-Allah*. Saya ucapkan terima kasih di atas peluang ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Tumpat.

#### 7.01 mlm.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ringkas sahaja. Saya amat-amat kagum dengan semua perbahasan yang kita dengar berkaitan dengan rang undang-undang ini, bermula dengan Yang Berhormat Batu dan akhir sekali dengan Yang Berhormat Bukit Katil.

**Seorang Ahli:** Sudah macam Menteri menjawab.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Macam... [Ketawa]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Itu style Yang Berhormat Menteri menjawab, Yang Berhormat. [Ketawa]

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Sudah mereka tidak ada ini, kita... [Ketawa] Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ingin mulakan dahulu dengan khusus yang berkaitan dengan apa yang dipohon melalui rang undang-undang ini. Ini dari sudut saya juga agak serius walaupun tidaklah dalam konteks tidak menyokong kementerian atau Jabatan Muzium ini iaitu bahawa diakui melalui rang undang-undang ini bahawa Jabatan Muzium telah mengutip fi secara tidak betul, secara tidak sah, secara bercanggah dengan undang-undang. Daripada 1 Januari 1991 sehingga 11 Jun 2012, iaitu sepanjang lebih kurang 11 setengah tahun. Mungkin sebagai anggota PAC saya agak *concern*. [Disampuk] Ya, 21 tahun maaf, saya *concern* tentang ini. Siapa yang silap? Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi dalam pembentangannya isu undang-undang, isu pertukaran jabatan, isu undang-undang fi tahun 1951, isu tidak digazet dalam tahun 90 berapa itu?

Akan tetapi akhirnya, kesimpulannya yang kita kena akui, bahawa *somebody has made a mistake here*, sama ada Jabatan Peguam Negara, penasihat undang-undang di kementerian atau pun pegawai-pegawai pentadbir yang berkaitan dengan kementerian dan jabatan ini. Jadi, akhirnya kita diminta untuk mengesahkan, menghalalkan yang haram sehinggakan kita dikatakan untuk meluluskan rang undang-undang ini “*Tiada tindakan atau prosiding undang-undang boleh dibawa, dimulakan, diselenggarakan terhadap Kerajaan Malaysia atau mana-mana pegawai Kerajaan Malaysia atau mana-mana orang bertindak di bawahnya berkenaan dengan apa-apa fi yang dikenakan dan dipungut...*” We are using Parliament untuk menutup, membersihkan segala kesilapan undang-undang selama 21 tahun. [Disampuk]

Saya concern Tuan Yang di-Pertua dan saya pohon minta supaya kes ini diambil perhatian oleh Ketua Setiausaha Negara dan pegawai-pegawai yang terlibat tentangnya supaya ada sesuatu tindakan atau kajian dilakukan dan ini juga terlepas pandang oleh Jabatan Audit Negara. Menandakan betapa banyaknya kesalahan dari segi pengurusan kewangan yang telah dilakukan. Saya tidak ingin menuduh bahawa ada apa-apa perbuatan rasuah atau sebagainya telah berlaku tetapi hakikatnya *the fact remains that* kita boleh melakukan sesuatu iaitu mengutip wang daripada rakyat dengan tidak ada asas undang-undang yang betul. Jadi, saya ingin mencatatkan dan merekodkan perasaan yang amat-amat, bantahan yang sekeras-kerasnya terhadap kelakuan oleh jabatan, oleh kementerian, oleh Pejabat Peguam Negara yang berkaitan dengan kewujudan pemansuhan undang-undang seperti ini. Saya amat-amat terkejut dengan apa yang telah berlaku sebagaimana yang dipohon untuk kita persetujui ini.

Kedua Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan konsep muzium ini sebagaimana saya sebut awal-awal tadi, saya sealiran dengan pandangan kedua-dua pihak yang telah mengambil bahagian. Malah saya semalam bersama beberapa rakan ke Hotel Majestic iaitu suatu hotel lama dalam program yang dianjurkan oleh NGO, IDEAS bersama-sama dengan PEMANDU yang menjemput Ahli-ahli Parlimen untuk berbincang tentang masalah rasuah dalam negara kita, yang mana jemputannya kepada seluruh Ahli-ahli Parlimen. Akan tetapi hanya Ahli-ahli Parlimen pembangkang yang hadir. Walau bagaimanapun kesempatan itu juga kita ambil untuk melihat sebuah hotel lama, hotel yang ada sejarah. Majestic Hotel zaman kemerdekaan dahulu lagi sudah diambil oleh syarikat gergasi YTL, telah nampak secara besarnya diubah dan sebagainya walaupun saya belum sempat melihat keseluruhan bangunan itu. Diambil pula bangunan satu lagi institusi penting Kereta Api Tanah Melayu untuk dijadikan sebahagian daripada hotel.

Ini saya harap Jabatan Muzium memberi perhatian sama ada dalam pengambilalihan bangunan-bangunan tersebut dalam pengubahsuaian bangunan hotel lama kepada Majestic yang baru ini telah diberikan penghormatan *new recognition*, dengan izin.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Sedikit, saya lupa sebut tadi. Dengan penswastaan tanah-tanah KTM kepada YTL, kita juga dapat yang Sentul East dengan Sentul West di mana sebenarnya sebahagian besar daripada sejarah-sejarah kereta api kita. Sekarang ia diswastakan, hanya boleh dimasuki atau dinikmati oleh kumpulan elit yang kaya raya. Adakah berpatutan kita melayan sejarah kita, warisan kita dengan cara begitu?

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* ...Yang berhormat Batu itu pun saya berhajat untuk menyentuhnya. Bagaimana institusi kereta api ini tanahnya telah diambil dan tidak ada langsung syarat-syarat misalnya, YTL mengambil tanah-tanah di Sentul East dan jadikan Sentul East, Sentul West. Tidak ada langsung syarat-syarat yang YTL mesti mengekalkan salah satu daripada bangunan tersebut, kquarters dan sebagainya. Sepatutnya menjadikan bangunan tersebut Muzium Kereta api atau sebagainya, tidak ada langsung tindakan-tindakan seperti itu. *Its became straightly a commercial exercise*, yang mana YTL diberikan tanah itu tetapi *for the sake of record* mesti kita sebutkan awalnya dalam tahun 90-an

Taiping Consolidated Berhad diberikan tanah tersebut tetapi kerana masalah ekonomi dalam tahun 90-an ia diambil alih oleh YTL dan sekarang dimajukan oleh mereka.

Jadi oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, misalnya kita dengar Yang Berhormat Kuala Langat tadi beri contoh Subang Airport, satu lagi. Terminal Subang Airport yang asal dirobohkan begitu sahaja walhal ia ada peranan, ada kedudukan yang amat penting dalam sejarah negara kita. Tidak perlu kita tidak bersetuju dengan KLIA yang ada hari ini tetapi bentuk asal, bangunan asal yang mana Subang Airport itu bermula dan terminal yang awal dahulu telah dirobohkan. Sekarang ini telah diwujudkan terminal baru walaupun efisien, cantik tanpa kita mempertikaikan itu tetapi seharusnya terminal asal Lapangan Terbang Antarabangsa Subang itu tidak dirobohkan dan sebaliknya di kekal, dipelihara dan dijadikan *aviation museum*, muzium lapangan terbang atau sebagainya. Akan tetapi kita telah rugi itu.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, kalau kita banding negara lain, misalnya di negara Belanda, *Holland* di *Airport Schiphol* pun ada muzium, ada galeri lukisan dan sebagainya.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Tumpat. Saya ingin merujukkan Yang Berhormat Tumpat kepada projek pembangunan di sekitar Stadium Merdeka dan Stadium Negara. Walaupun kita dimaklumkan bahawa pembinaan bangunan 100 tingkat itu tidak akan termasuk merobohkan dua stadium tersebut. Akan tetapi keseluruhan fasad kawasan tersebut akan hilang dengan bangunan yang setinggi itu.

#### ■1910

Jadi kelihatannya mereka berminat untuk membangunkan mana juga celah-celah kawasan yang ada untuk tujuan perniagaan tanpa memikirkan sejarah negara, sejarah kesukinan negara. Adakah ini yang kita lihat perlu berlaku dalam sebuah negara yang ingin menunjukkan sejarah kepada dunia luar.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Saya setuju dengan Yang Berhormat Kuala Krai. Sepatutnya walaupun cadangan-cadangan pembangunan kota dan bandar sekali lagi saya tidak bantah secara dasarnya, tetapi stadium itu ada sejarah dari sudut kemerdekaan kita sendiri. Bapa Kemerdekaan kita, Raja-Raja Melayu dan sebagainya di situ untuk mengisyiharkan kemerdekaan. Sekarang ini akan ditukar kepada satu tempat untuk diletakkan bangunan tertinggi yang baru untuk negara kita. Walhal kalau pun hendak diadakan perubahan, mungkin lebih baik ia dijadikan satu *park*, *central park* dan sebagainya dengan tanaman-tanaman supaya ianya memberi udara yang lebih sejahtera kepada rakyat Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua, ada cadangan-cadangan tentang muzium dan sebagainya, saya amat berminat untuk ini. Mungkin cadangan saya dalam konteks muzium ini memandangkan ada perdebatan yang berterusan akhir-akhir ini tentang konsep negara Malaysia, tentang kedudukan negeri-negeri dalam negara Malaysia, tentang kedudukan dan janji Tanah Melayu terhadap Sabah dan Sarawak, mungkin kerajaan perlu mewujudkan dan menubuhkan muzium penubuhan Malaysia di Malaysia satu cawangan, di Sabah satu cawangan, di Sarawak satu cawangan supaya fakta-fakta berkaitan dengan sejarah penubuhan Malaysia ini, fakta-fakta berkaitan dengan perjanjian-

perjanjian bagaimana negara ini ditubuhkan, fakta-fakta apa yang dijanjikan kepada Sabah dan Sarawak dan apa Sabah dan Sarawak janji kepada Tanah Melayu misalnya dapat dipamerkan, dapat dipelajari oleh seluruh generasi khususnya anak-anak muda supaya ada pengiktirafan tentang fakta-fakta yang mana akhirnya terwujudnya negara Malaysia ini.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya berpeluang dalam satu penerbangan yang saya lakukan baru-baru ini menonton *movie* Tanda Putera. Saya tidaklah berhajat sangat hendak menontonnya tetapi oleh kerana penerbangan itu agak lama masanya dan tidak ada perkara lain yang mungkin dapat mengisi masa saya, *Tanda Putera*. Saya nampak bahawa walaupun saya bukanlah pakar perfileman, tetapi kualitinya amat rendah sekali.

Oleh sebab itu saya tidak terkejut yang ianya *is a big commercial failure* dan suatu kerugian dari segi perbelanjaan yang dikeluarkan oleh kerajaan kita. Saya amat terganggu dengan adegan-adegan kematian Perdana Menteri Tun Abdul Razak, kematian Tun Dr. Ismail Timbalan Perdana Menteri yang mana adegan-adegan itu terlalu terperinci menunjukkan Tun Dr. Ismail jatuh, menggelupur di atas katilnya dan sebagainya. Biasanya *movie* yang berkaitan dengan tokoh-tokoh ini, *scene* yang begitu hanya ditunjukkan sekilas sahaja, sebagai simbolik sahaja beliau dilihat tumbang dan ke arah *scene* lain. Akan tetapi yang itu pula diberikan beberapa minit yang penting dan saya fikir walaupun saya tidak semestinya penyokong kuat tokoh-tokoh ini tetapi saya mengiktiraf mereka. Saya tidak sedikit pun menganggap mereka tidak penting dalam sejarah negara kita. Melihat mereka itu, dipamerkan kematian mereka itu dengan kesakitan dan sebagainya di London oleh Tun Abdul Razak, dengan segala-galanya, saya fikir amat tidak *is not the right taste* Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak tahu bagaimana pakar-pakar pengarah filem boleh mewujudkan *scene* seperti itu dalam *movie* yang sepatutnya meningkatkan taraf tokoh-tokoh negara kita ini dan sebagainya. Sudah tentulah aliran ceritanya pada saya amat kasar, terlalu sangat untuk tujuannya mewujudkan satu imej tertentu terhadap kaum tertentu melalui filem tersebut.

Jadi saya rasa sebagai pengalaman di kementerian ini, tidak usahlah kita mempromosikan ataupun memberi pembiayaan terhadap filem-filem jenis itu. Ianya tidak membantu untuk mewujudkan kefahaman masyarakat, anak-anak muda terhadap sejarah sebenar negara kita. *[Tepuk]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

#### **7.15 mlm.**

**Timbalan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan [Dato Dr. James Dawos Mamit]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada sahabat-sahabat yang berucap iaitu Yang Berhormat Batu, Yang Berhormat Bagan Serai, Yang Berhormat Kuala Terengganu, Yang Berhormat Kuala Kangsar, Yang Berhormat Bukit Katil dan Yang Berhormat Tumpat. Begitu juga saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih

kepada sahabat-sahabat yang telah pun mencelah tadi. Ini menunjukkan bahawa topik kita pada petang ini memang tidak ada campuran ataupun berbaur politik. Kita teruskan dengan sejarah dan teknikal.

Pertamanya, kerajaan sentiasa memberi perhatian kepada institusi permuziuman melalui peruntukan tahunan yang mencukupi. Namun, sebahagian besar muzium-muzium juga berada di bawah pentadbiran negeri. Peruntukan kepada Muzium Negara tahun ini adalah sebanyak RM30 juta setahun ataupun lebih kurang RM30 juta setiap tahun.

Isu pencerobohan candi di Lembah Bujang. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Lembah Bujang adalah di bawah Jabatan Warisan. Walaupun demikian, pembangunan di tapak ini tidak dimaklumkan kepada Jabatan Warisan Negara. Di samping itu, Jabatan Warisan Negara sedang mengkaji tapak-tapak candi di sekitar Lembah Bujang berdasarkan penemuan-penemuan baru untuk tindakan susulan sama ada perlu diwartakan tapak tersebut sebagai warisan yang berdasarkan Akta Warisan Kebangsaan 2005. Saya memang menyokong sebab saya terbaca di dalam surat khabar tentang pencerobohan ataupun bangunan di Lembah Bujang. Saya memang menyokong agar tapak-tapak candi di situ seharusnya diwartakan. Walaupun ianya tidak ada akta di bawah Jabatan Muzium tetapi dengan Akta Warisan Kebangsaan 2005 ini, kita boleh mewartakan tapak-tapak itu. Jabatan Muzium Malaysia juga sentiasa menjalankan...

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Boleh minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Puchong bangun Yang Berhormat.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Hanya satu dua soalan kalau boleh.

**Dato Dr. James Dawos Mamit:** Yang Berhormat Puchong. Ya Yang Berhormat Puchong.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Isu berkenaan dengan warta. Saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, walaupun kita tahu dan sedar wujudnya tapak yang bersejarah ini sekian lama, kenapa tidak ada usaha untuk mewartakan sebelum daripada ini Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, boleh dapat sekali penjelasan? Saya ingin dapat satu penjelasan, apa maknanya diwartakan? Diwartakan mesti ada *consequence* dia.

#### ■1920

Kita tidak boleh kata wartakan saja tetapi wartakan maksudnya dia ada sesetengah jabatan yang akan mengambil tindakan dan seterusnya. Juga di setengah-setengah negara, mereka telah bagi gred macam *3 star, 4 star, 1 star* untuk sejarah yang berbeza. Kalau kata *pre-historical building, it should be highly prioritize, 5 star* kah atau apa yang kalau dirobohkan, mungkin hukum mati atau hukum penjara seumur hidup. Ada yang *1 star*. Mungkin ia hanya 100 tahun. Dia berbeza. Adakah kerajaan mula mengkaji cadangan-cadangan ini supaya kita mengambil langkah yang lebih sistematik pelihara bahan-bahan warisan?

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Terima kasih Yang Berhormat Batu. Sebenarnya tapak ini di Lembah Bujang. Perancangan untuk dibangunkan ialah pada tahun 1993. Diluluskan untuk pembangunan oleh pihak PBT berkenaan dan masa itu juga Akta Warisan Kebangsaan belum wujud lagi. Walau pun demikian Yang Berhormat, Akta Warisan belum wujud tetapi kalau kita lihat warisan negara di mana-mana pun, kita boleh mengguna pakai jika kita memohon daripada UNESCO menggunakan *Convention Concerning The Protection of the World Cultural and Natural Heritage*. Konvensyen Warisan Dunia ini di bawah UNESCO.

Di negara kita, sudah ada empat tapak-tapak warisan. Sudah pun diluluskan oleh UNESCO. Ia Gunung Mulu National Park sebagai tapak warisan *natural heritage*. Kinabalu Park sebagai tapak warisan *cultural*. Melaka and Georgetown, *historic cities of the Straits of Melaka* sebagai tapak *cultural heritage* dan *archeological heritage of the Lenggong Valley*. Jadi empat ini telah pun diluluskan oleh UNESCO sebagai tapak warisan dunia. Oleh itu, kerajaan memang sentiasa peka untuk jika penyelidikan dijalankan di tapak-tapak warisan dan kita tahu nilai sejarah dan sebagainya, maka kita boleh memohon daripada UNESCO untuk tapak-tapak warisan sebegini diwartakan di bawah konvensyen tersebut.

Apabila ia diwartakan, ia juga boleh diiktiraf sebagai tapak warisan berbintang seperti lima bintang, empat bintang, tiga bintang. Ini terpulanglah kepada agensi kerajaan yang bertanggungjawab. Kita boleh pohon lagi daripada UNESCO untuk membuat penilaian seperti ini dan ini akan diteruskan dengan tapak-tapak yang lain jika ada penemuan di tapak-tapak sejarah yang lain.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Menteri sedikit. Saya hendak dapati betul atau tidak, adakah Yang Berhormat Menteri mengaku tadi katakan kerajaan berniat untuk memohon perwartaan tapak warisan Lembah Bujang ini dibawa disenaraikan dalam UNESCO. Adakah ini cadangan oleh kerajaan?

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Yang Berhormat Menteri, boleh juga isu yang sama. Saya rasa – terima kasih untuk jawapan tetapi persoalan yang dibangkitkan Yang Berhormat Menteri kalau boleh kita, saya hendak tahu. Saya terima bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri menyebut bahawa boleh kita wartakan di bawah UNESCO. Soalan pertama, mengapa tidak dilakukan sebelum ini, nombor satu. Nombor dua, sekiranya kita wartakan, apakah manfaat dari segi melindungi tempat tersebut? Kita boleh sebut dengan melihat kepada kertas bahawa kita wartakan tetapi bagaimana ia akan melindungi tempat-tempat itu. Adakah tindakan diambil untuk kita pastikan bahawa tempat-tempat yang telah pun diwartakan itu dapat dilindungi? So, *how does it work* dalam persoalan ini Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuala Terengganu pun bangun Yang Berhormat.

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]:** Saya hanya ingin menambah. Pengiktirafan oleh UNESCO dan apa-apa badan antarabangsa pun hanyalah *paper recognition* dengan izin tetapi yang pentingnya adalah *enforcement* atau penguatkuasaan. Di sitolah saya rasa

yang paling lemah dalam keadaan kita terutamanya dalam keadaan Lembah Bujang di mana tidak ramai orang yang prihatin tentang *conservation* dan tidak ramai orang yang berkisar di kawasan tersebut. Jadi pengiktirafan oleh UNESCO adalah satu permulaan tetapi penguatkuasaan adalah lebih penting.

Kedua, tanpa *awareness* atau kesedaran masyarakat dan tanpa *support* atau sokongan mereka, masalah ini akan berterusan kerana saya rasa itulah yang pentingnya kita ada *two from approach* dengan izin untuk memberitahu tentang pentingnya *gazzeting* warisan dan sebagainya dalam membangunkan ekonomi masyarakat tempatan. Itu saja cara untuk melakukan. Bukan hanya dengan *paper recognition* tapi dengan *enforcement* dan *public awareness*, kesedaran. Saya rasa mohon kita beri tumpuan kepada dua perkara ini. Terima kasih.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Terima kasih Yang Berhormat. Tiga orang Yang Berhormat, Yang Berhormat Batu, Yang Berhormat Puchong dan Yang Berhormat Kuala Terengganu. Biar saya menjawab tentang pertanyaan daripada Kuala Terengganu dahulu. Saya memang bersetuju bahawa *enforcement* adalah penting. Itulah sebabnya sekarang kita sudah ada Akta Warisan Kebangsaan 2005. Di dalam akta inilah kita boleh buat penguasaan sebab yang pertamanya kita kena wartakan dulu menggunakan akta ini, Akta Warisan Kebangsaan. Selepas itu barulah kita buat seperti mana Yang Berhormat sebut, buat kajian tentang tapak warisan dan apabila kita sampaikan *dossier* itu kepada UNESCO, maka jika UNESCO datang untuk memeriksa dan buat juga untuk meneliti kawasan-kawasan itu dan bersetuju bahawa ia boleh diwartakan oleh konvensyen UNESCO, maka ia akan diteruskan. Akan tetapi langkah pertama diwartakan di bawah Akta Warisan Kebangsaan supaya penguatkuasaan boleh dibuat.

Untuk pertanyaan daripada Yang Berhormat Batu. Sememangnya jika Lembah Bujang itu diwartakan terdahulu di bawah Akta Warisan Kebangsaan selepas itu barulah kita boleh menyediakan *dossier*, kita buat penelitian dan kajian dulu, kaji selidik di tapak tersebut. Apabila *dossier* sudah siap, kita boleh hantarkan kepada UNESCO supaya pegawai-pegawai dan pakar runding UNESCO boleh meneliti dan kaji selidik lagi sama ada *dossier* kita itu memenuhi kehendak-kehendak dan syarat-syarat UNESCO.

Untuk Yang Berhormat Puchong tadi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuala Kedah bangun Yang Berhormat.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Siapa?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuala Kedah.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Nanti saya hendak...

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Saya tambah sikit saja. Isu yang sama.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Isu yang sama?

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Saya cuma hendak tahu tentang Lembah Bujang. Saya hendak tahu kenapa kita tidak mewartakan dan apa yang menghalang kita dari mewartakan

Lembah Bujang yang memang telah diketahui sebagai tapak sejarah yang sangat penting daripada dulu lagi. Terima kasih.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Oleh sebab itu, ia diluluskan untuk pembangunan pada tahun 1993. Baru-baru ini sahaja kita tahu, kita mendengar. Saya pun kalau tidak baca di dalam surat khabar, memang saya tidak tahu.

### ■1930

Jadi inilah sebabnya dan sekarang, Jabatan Warisan Negara sedang berunding dan menghubungi PBT supaya tapak ini boleh diwartakan di bawah Akta Warisan Kebangsaan.

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Jerlun bangun Yang Berhormat.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Yang Berhormat Jerlun juga? *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Di belakang.

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, bila kita bercakap soal Lembah Bujang itu, sebenarnya ia satu kawasan yang cukup luas. Tidak kurang 500 ke 600 kilometer persegi. Apa yang ada di Lembah Bujang yang dikatakan Muzium Arkeologi Lembah Bujang itu memang tidak boleh disentuh oleh mana-mana pihak. Kemudian, apa yang berlaku, kalau kita pergi di Lembah Bujang di kawasan Merbok ini, memang terdapat artifak lama-lama.

Ada sesetengah itu di bawah rumah orang. Kalau kita cross Sungai Merbok itu ke Pantai Merdeka di Sungai Emas, ada satu kawasan namanya Sungai Emas tetapi bukan di Parlimen Merbok, di Parlimen Sungai Petani. Hari ini Jabatan Arkeologi USM sedang giat menggali dan mendapati banyak artifak sejarah lama yang kita sendiri pada suatu ketika kita percaya di muara Sungai Merbok itu adalah tinggalan *Sunken City*. Jadi apa yang berlaku kalau kita kata kita hendak gazet warisan sejarah seluruh Lembah Bujang itu, saya ingat itu *is quite impossible* sebab banyak tanah persendirian yang memang ada di kawasan rumahnya, di bawah rumahnya ada tinggalan-tinggalan sejarah itu. Jadi macam mana pandangan Yang Berhormat Menteri?

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Terima kasih Yang Berhormat Jerlun. Lagi tentang isu Lembah Bujang.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Yang Berhormat Menteri. Mungkin saya boleh membantu Yang Berhormat Menteri di sini, Batu Kawan Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sebentar Yang Berhormat.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Di depan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Hendak beri? Ada dua orang bangun Yang Berhormat, Yang Berhormat Tanjong dan Yang Berhormat Batu Kawan.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Mungkin saya boleh membantu Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Nantilah Yang Berhormat, sebentar ya. Saya kena tanya Yang Berhormat Menteri dahulu.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Silakan, silakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Okey, baik.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Mungkin bagi Yang Berhormat Jerlun, kalau Yang Berhormat Jerlun pernah pergi ke laman web Jabatan Warisan Negara di bawah *column archeological site*, ada tertera Sungai Batu sebagai *archeological site*. Saya faham kalau Yang Berhormat Jerlun kata Lembah Bujang itu besar sangat. Mungkin *virtually impossible* untuk menggazetkan seluruh kawasan itu. Saya bukan pakar arkeologi tetapi spesifiknya dalam laman web Jabatan Warisan Negara bawah *archeological site* memang tertera, Sungai Batu. Tempat itulah yang telah...

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Sungai Batu Pahat namanya.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** No, is only Sungai Batu, Kedah. Tidak, bukan Yang Berhormat Jerlun. Dia Sungai Batu, Kedah sebab masa saya semak memang di bawah Sungai Batu, Kedah. Bukan di Batu Pahat. So, I think you stand corrected there Yang Berhormat. Jadi mohon, kalau sudah dimasukkan dalam Jabatan Warisan Negara, kenapa tidak ada *enforcement*? Banyak masalah kita ini memang tidak ada *enforcement*. Jadi apa komen Yang Berhormat Menteri? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Tanjong sudah lama bangun Yang Berhormat. Hendak beri?

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Yang Berhormat Tanjong?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Tanjong, depan sebelah kanan.

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]:** Sini, sini. Ada di sini, ada di sini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat.

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]:** Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya rasa kita perlu ambil insiden Lembah Bujang ini sebagai satu iktibar. Saya rasa walaupun ia diluluskan pembangunan pada tahun 1993 tetapi kewujudan Akta Warisan Kebangsaan ia tidak akan dihalang untuk mewartakan tempat itu. Akan tetapi malangnya, dalam tempoh lapan tahun yang lepas kita tidak nampak sebarang usaha diambil untuk mewartakan tempat ini, untuk memulihara tempat ini. Saya rasa jika kita hanya bergantung pada Jabatan Warisan negara, memanglah banyak tempat warisan perlu diusahakan dan memang tidak cukup dan tidak cukup masa untuk berbuat demikian. Lebih baik saya rasa supaya semua kerajaan negeri digalakkan untuk menggubal atau memperundangkan supaya ada enakmen warisan negeri supaya kerja-kerja pemuliharaan dapat dilakukan oleh kerajaan negeri bersama dengan Kerajaan Persekutuan. Terima kasih.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Okey, terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat yang mencelah tadi tentang Lembah Bujang. Pewartaan perlu dibuat dengan kebenaran kerajaan negeri.

Memang perlu dibuat dengan kebenaran kerajaan negeri. Ia pernah diwartakan di bawah Akta Benda Purba pada tahun 1976. Akan tetapi permohonan kepada kerajaan negeri pernah dibuat tetapi sampai ia sekarang sudah disebut-sebut tidak ada persetujuan daripada kerajaan negeri. Jadi inilah tentang Lembah Bujang. Oleh itu, sekarang Jabatan Warisan Negara memang berterusan berhubung untuk berbincang dengan kerajaan negeri supaya ia boleh diwartakan. Apabila ia diwartakan, ia adalah warisan kita semua.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Menteri, minta penjelasan sedikit. Kerajaan negeri tidak bersetuju untuk mewartakan seluruh Lembah Bujangkah atau candi ke-11 iaitu Sungai Batu Pahat itu? Boleh minta penjelasan sedikit.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Ini pada masa itulah, pada tahun 2006. Jadi, ini yang dipohon oleh masa itu adalah di bawah Kementerian *Information* dan Kebudayaan pada masa itu. Sekarang baru ia masuk di dalam Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan. Dahulu kementerian lain yang bertanggungjawab juga.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Puchong bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Yang Berhormat Puchong, ya. Yang Berhormat Puchong.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Terima kasih.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Saya belum menjawab, saya terlupalah. Sudah banyak betul mencelah tentang Lembah bujang. Okey, Yang Berhormat Puchong.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. So, Yang Berhormat Timbalan Menteri, jawapan yang diberikan tadi nampaknya yang saya dengar adalah sebenarnya ada usaha untuk kita mewartakan candi-candi ini tetapi tidak berhasil oleh kerana tidak ada kerjasama daripada negeri. Adakah itu apa yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri? *Just to be clear on that.* So, ada usaha dalam tahun 2006 untuk kita mewartakan tetapi tidak disetujukan oleh kerajaan negeri? Itu jawapan Yang Berhormat Menteri, ya.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Permohonan kepada kerajaan negeri pernah dibuat, yang saya telah sebut tadi. Akan tetapi hingga sekarang tidak ada respons daripada kerajaan negeri. Itu yang diperkatakan kerana kebanyakan lagi tapak warisan di Lembah Bujang telah diwartakan di bawah Akta Benda Purba dan akta ini membuat pelbagai langkah oleh Jabatan Warisan melalui Akta Warisan sekarang. Sebab dahulu di bawah Akta Benda Purba adalah tapak-tapak di kawasan Lembah Bujang telah pun diwartakan di bawah Akta Benda Purba. Akan tetapi Akta Benda Purba telah pun dilupuskan, sekarang adalah Akta Warisan Kebangsaan 2005.

Jabatan Warisan sekarang juga telah pun membawa semua tapak candi di dalam Lembah Bujang itu di bawah akta ini supaya seterusnya kementerian akan mewartakan semua Lembah Bujang nanti sebagai satu tapak warisan negara. Biar saya teruskan dengan topik yang lain Yang Berhormat sebab Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan telah pun membuat pelbagai langkah supaya Lembah Bujang akan diwartakan.

**■1940**

Jabatan Muzium Negara sentiasa menjalankan usaha bagi menarik generasi muda seperti bayaran percuma untuk generasi muda; mengadakan aktiviti *outreach and inreach*; aktiviti bermalam di muzium pun dibuat; mewujudkan *discovery room* di Muzium Negara kita; program kuiz cuti sekolah dengan hadiah; mewujudkan *friend of museum*; dan menyertai muzium di sekolah-sekolah.

Jabatan Muzium Malaysia secara berterusan menaik taraf teknik serta kaedah peragaan artifak supaya selari dengan cita rasa serta teknologi semasa. Tema-tema pameran juga turut dipelbagaikan bagi menyerlahkan peranan yang berlainan dalam mendidik masyarakat terhadap sejarah dan budaya negara kita. Muzium mengadakan pelbagai pameran dengan memasukkan elemen budaya kaum-kaum di Malaysia. Antaranya adalah pameran topeng, pameran manik, pameran perubatan tradisional, pameran Malaysia Kini, pameran kemerdekaan, dan pameran buku juga.

Sementara di tahun 1991 hingga tahun 2003, Jabatan Muzium Malaysia telah berjaya melaksanakan sejumlah 52 pameran khusus berkaitan perpaduan dan kenegaraan seperti pameran Raja Kita, Majlis Raja-raja, pameran kemerdekaan, Demokrasi Berparlimen dan lain-lain juga. Semuanya juga telah pun diadakan.

Berkenaan dengan program bermalam di muzium, ia merangkumi pembahagian kumpulan iaitu mencari harta karun, senamrobik, kuiz, semangat patriotik, persebahanan kumpulan kerja amal. Oleh itu, program mendapat penyertaan yang sangat baik setiap kali dianjurkan setiap tahun. Oleh itu, aktiviti inilah yang Jabatan Muzium Negara sentiasa menganjurkan.

Untuk golongan muda melawat muzium, jumlah pelawat ke muzium-muzium di bawah Jabatan Muzium Malaysia pada tahun 2012 adalah 3.2 juta orang. Golongan muda adalah 30%. Saya anggap 30% ini ramai, golongan muda. Jumlah tersebut ialah sekurang-kurangnya satu juta orang golongan muda yang melawat ke muzium.

Kadar bayaran masuk ke muzium. Jabatan Muzium Malaysia mengenakan kadar bayaran masuk yang paling minimum iaitu sebanyak RM2 untuk orang tempatan dan RM5 untuk warga luar negara. Harga ini adalah yang terendah dibandingkan muzium-muzium di negara-negara lain. Kita tengok kadar di negara lain. Kadar di Bangkok ialah RM20.68; di negara Filipina, RM11; di Singapura, RM25.54. Jadi begitulah kadar masuk di dalam muzium kita, sangat rendah sekali iaitu RM2.

Peranan muzium dalam *cultural diplomacy*. Di dalam ini, persebahanan kebudayaan diadakan dan diwujudkan demonstrasi membuat wayang Cina, seramik India dan memakai tengkolok, mengadakan kuiz-kuiz kaum-kaum berbeza, penceritaan cerita rakyat dan demonstrasi kebudayaan dalam bentuk digital.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Oh, ada lagi Yang Berhormat Batu?

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Sedikit, sedikit. Dalam isu tiket ini, saya agak tidak ada masalah kalau kita tingkatkan sedikit pembayaran untuk masuk ke muzium, dengan syaratnya kita tingkatkan *content* dalam itu. Kedua, tidak salah juga kalau sebahagian daripada muzium itu, katalah yang standard itu percuma, tetapi ada *exhibition-exhibition* yang khas diadakan itu boleh kita kutip dengan bayaran tiket yang lebih tinggi. Itu telah dilakukan oleh muzium-muzium yang lain.

Akan tetapi saya juga ingin dapat sedikit maklumat daripada Menteri, apakah minat dari pihak swasta yang menganjurkan program-program muzium ini? Kita nampak swasta rela untuk membayar berjuta-juta untuk K-Pop, untuk program-program konsert, tapi kenapa pihak swasta tidak minat untuk menganjurkan program-program di muzium atau program-program bersifat sejarah dan budaya? Adakah mungkin kerajaan boleh menggalakkan pihak swasta, sebahagian daripada *corporate social responsibility* dan juga kerajaan boleh mengalihkan selain daripada *youth fest* atau K-Pop atau konsert, lebih baik mereka menganjurkan, dengan berjuta-juta ini, untuk program-program yang bernilai sejarah. Apa pandangan Yang Berhormat Menteri?

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Terima kasih Yang Berhormat Batu. Sekali lagi yang menyokong kadar fi kemasukan itu dan mencadangkan ia lebih tinggi lagi. Saya pun setuju. Saya amat setuju dengan Yang Berhormat Batu tentang kadar yang tinggi. Akan tetapi bergantung kepada kandungan di dalam muzium.

Sememangnya Jabatan Muzium Malaysia, ia ada fungsi ataupun *core function*, iaitu yang pertamanya, menjalankan penyelidikan; yang kedua, mempamerkan artifak. Inilah yang penting, bagaimana kita mempamerkan artifak yang boleh tarik minat pengunjung-pengunjung ke muzium. Ketiga, mendidik. Jadi, Jabatan Muzium juga mendidik, lebih-lebih lagi golongan muda. Keempat, memelihara warisan di dalam bangunan muzium. Dan yang kelima, mengumpulkan artifak sejarah. Dari manakah ia boleh dikumpulkan, dan memang ia terus dikumpulkan.

Muzium adalah institusi pendidikan yang, walaupun ia tidak formal tetapi *non educational center* juga adalah satu tempat di mana golongan muda dan juga ahli-ahli penyelidik dapat buat penyelidikan yang bersifat *non profit*.

## ■1950

Jadi oleh itu, pihak swasta juga seharusnya bekerjasama dengan Jabatan Muzium untuk memenuhi CSR mereka atau *Corporate Social Responsibility*. Yang ini kementerian terus berbincang dengan pihak swasta supaya aktiviti-aktiviti dengan swasta boleh terus diwujudkan dan diadakan supaya lebih ramai lagi orang yang berminat apabila pihak swasta boleh bekerjasama dengan kementerian.

Untuk bantuan kepada muzium negeri dan swasta, Jabatan Muzium Malaysia secara berterusan memberi bantuan kepada muzium-muzium negeri dan swasta terutamanya dalam aspek teknikal, pembangunan, pameran dan aktiviti muzium. Jumlah bantuan kepada muzium negeri pada tahun 2013 adalah RM37 juta, ini sebab muzium adalah produk-produk pelancongan. Jadi, negara kita adalah negara di tangga ke sembilan yang dinilai oleh UNWTO sebagai *most visited*

*country in the world by foreign tourist.* Jadi, kita akan teruskan usaha kita untuk membangun dan menaik taraf muzium kita dan artifak-artifak di dalam muzium kita juga. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

**[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]**

**[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) mempengerusikan Jawatankuasa]**

#### Fasal-fasal 1 dan 2 -

**Tuan Penggerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuala Krai. Selepas itu Yang Berhormat Balik Pulau. Kemudian Yang Berhormat Menteri menjawab. Eh! Yang Berhormat Bayan Baru. Maaf.

#### 7.53 mIm.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Terima kasih Tuan Penggerusi. Saya ingin mengemukakan pertanyaan kepada Yang Berhormat Menteri mengenai perkara 21 iaitu mengenai pungutan yang dibuat oleh Jabatan Muzium dari tempoh 1 Januari 1991 hingga 11 Jun 2012. Tempoh lebih kurang 21 tahun. Dalam tempoh tersebut, berapakah jumlah wang yang telah dikutip melalui tiket-tiket yang dikenakan bagi pengunjung-pengunjung semua muzium di Malaysia. Walaupun disebut di sana wang ini telah dipungut oleh Jabatan Muzium dan telah dibayar ke dalam Akaun Amanah Jabatan Muzium Malaysia, adakah wang ini juga telah dimasukkan di dalam Kumpulan Wang Yang Disatukan mengikut apa-apa cara? Itu pertanyaan saya. Terima kasih.

**Tuan Penggerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bayan Baru.

#### 7.54 mIm.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Terima kasih Tuan Penggerusi. Saya minta Yang Berhormat Menteri jawab tentang isu Lembah Bujang. Tadi ada sedikit *confuse*. Saya difahamkan bahawa ada usaha baik daripada kementerian pada tahun 2006...

**Tuan Penggerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, kita dalam Jawatankuasa, Yang Berhormat. Perkara satu dan dua sahaja.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Ya, perkara satu.

**Tuan Penggerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang itu sudah masuklah, Yang Berhormat.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Akan tetapi cuma sedikit penjelasan sahajalah, Tuan Penggerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak masuklah, tidak masuk.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Bila saya tanya, Yang Berhormat Menteri boleh pilih jawab atau tidak jawab.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Menteri pun boleh tidak jawab kerana ini tidak berkaitan dengan fasal 1 dan 2.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Cuma saya hendak tanya Tuan Pengerusi, bahawa dia ada usaha untuk gazetkan. Jadi untuk gazet, satu Lembah Bujang sebesarnya atau Candi 11? Masa itu pakai akta apa untuk gazet tempat itu dan apakah alasan kerajaan negeri tidak menerima? Saya juga hendak tanya juga masa itu untuk gazetkan pada tahun 2006 tetapi Akta Warisan Kebangsaan telah diluluskan pada tahun 2005. Jadi Akta Benda Purba kah atau Akta Warisan Kebangsaan? Ini ada sedikit *confusion* untuk saya dan saya minta Yang Berhormat Menteri untuk jawab dengan lebih teliti. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

#### 7.56 mlm.

**Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Dr. James Dawos Mamit]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Pertanyaan Yang Berhormat Kuala Krai ini tentang jumlah wang yang telah pun dipungut sepanjang tahun. Ini saya tidak ada maklumat terperinci sebab ia adalah sangat spesifik, statistik. Oleh itu, saya akan beri jawapan bertulis kepada Yang Berhormat Kuala Krai tadi untuk data ini.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Yang Berhormat Menteri, saya hendak berbeza pandangan sedikit dengan Yang Berhormat Menteri dalam jawapan tadi itu. Seluruh pindaan rang undang-undang ini bercakap mengenai fi untuk satu tempoh. Jadi, tidak mungkinlah tidak disediakan jawapan yang khusus untuk tempoh tersebut sebab *guarantee* mesti akan disoal, kalau tidak dalam dasar, dalam peringkat Jawatankuasa.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** *Spot question*, Yang Berhormat. *Spot question*.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** *Spot question*. Soalan ini patut sudah bocor.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** *[Ketawa]* Sudah bocor Yang Berhormat. Soalan bocor kah? *[Disampuk]* Yang Berhormat, tidak apa. Dengar sini. Silakan duduk walaupun soalan sudah bocor. Antara pungutan hasil ialah di antara RM400,000 hingga RM500,000 setahun. Jadi, kita darab dengan 21 tahun. Itu semua kesemuanya sudah ada di dalam Wang Amanah itu, Yang Berhormat.

Untuk Yang Berhormat Bayan Baru, isu Lembah Bujang lagi. Ini kerana Jabatan Warisan Negara mahu mewartakan menggunakan Akta Warisan Kebangsaan 2005. Jadi, oleh itu...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Menteri, boleh mencelah?

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Tunggu dulu. Saya hendak jawab dia, Yang Berhormat Batu. Yang Berhormat Batu ini minat sangat dengan perkara ini. Oleh itu, perhubungan di antara kerajaan negeri dengan kementerian dulu adalah untuk diwartakan menggunakan Akta Warisan Kebangsaan 2005. Pada tahun 2006 atau 2007 itu. Sekian, terima kasih.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri...

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** No, Yang Berhormat. Minta sedikit Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Sudah habis Yang Berhormat. Sudah duduk.

[Dewan riuh]

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** On the Lembah Bujang.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Menteri sudah duduk Yang Berhormat.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Sedikitlah. Sedikit sahaja.

*[Fasal-fasal 1 hingga 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang]*

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Kenapa hendak lari cepat ini? Sedikit sahaja.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Sudah habislah. Di peringkat awal tadi sudah dijawab pasal itu, Yang Berhormat.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Ini hal penting. Lembah Bujang ini sangat penting.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat baru masuk. Sudah ramai yang bercakap tentang Lembah Bujang.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** / baru masuk.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** 40. Setiausaha.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Soalan Yang Berhormat Bayan Baru belum dijawab itu. Belum dijawab.

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Menteri.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Yang Berhormat Menteri, boleh layan kah sedikit?

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** 41. Sudah cakap fasal-fasal 1 dan 2 jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

■2000

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Yang Berhormat Menteri hendak fikir jawapan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Sudah habis Yang Berhormat. *We have discussed for lengthy discussion on that.*

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** At least jawapan bertulis.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Cukuplah Yang Berhormat. Kita sudah lepas. Cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Kita boleh lepas sebab dia duduk. Itu sahaja.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Sudah, sudah.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** *Because* macam mana kita akan melindungi Lembah Subang. Itu yang kita hendak tahu.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, sudah cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Lembah Subang pula. *[Ketawa]* Lembah Bujang. Boleh Yang Berhormat Menteri beritahu sedikit? Jawapan dari...

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Sudah terlepas Yang Berhormat, sudah terlepas. Lain kalilah.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Menteri, cuma spesifik tempat itu atau seluruh Lembah Bujang?

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Seluruh Lembah Bujang.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Teruskan Yang Berhormat Menteri.

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

**[Majlis Mesyuarat bersidang semula]**

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]*

#### **RANG UNDANG-UNDANG DADAH BERBAHAYA (PINDAAN) 2013**

##### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

#### **8.04 mlm.**

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan) 2013 ialah suatu akta yang memperuntukkan pindaan bagi memberi kuasa kepada Pegawai Sains yang diambil bekerja oleh kerajaan untuk mengambil dan menganalisis sampel biologi bagi maksud pemeriksaan di bawah seksyen 31A akta yang sama serta menyediakan peruntukan bagi membenarkan pihak pendakwa raya untuk mengguna pakai suatu anggapan yang diperuntukkan di bawah Akta 234 sebagai tambahan kepada atau bersama-sama dengan apa-apa anggapan yang lain diperuntukkan di bawah Akta 234 atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan) 2013 diwujudkan bertujuan untuk meminda seksyen 31A Akta Dadah Berbahaya 1952 (Akta 234) dengan memasukkan sub-seksyen (1AA). Penomboran semula seksyen 37A kepada seksyen 37B dan memasukkan seksyen 37A yang baru. Keperluan sub-seksyen (1AA) dimasukkan adalah bagi membenarkan seorang Pegawai Sains yang diambil kerja oleh kerajaan untuk menganalisis apa-apa sampel biologi yang diambil bagi maksud pemeriksaan di bawah seksyen 31A. Keperluan memasukkan seksyen 37A baru ke dalam Akta 234 untuk membenarkan pihak pendakwa raya untuk mengguna pakai suatu anggapan yang diperuntukkan di bawah Akta 234 sebagai tambahan kepada atau bersama-sama dengan apa-apa anggapan yang lain diperuntukkan di bawah Akta 234 atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Dadah Berbahaya 1952 (Akta 234) mula berkuat kuasa pada 1 November 1952 di Semenanjung Malaysia dan 1 Jun 1978 di Sabah dan Sarawak bertujuan untuk:

- (i) Mengawal pengimportan, pengeksportan, penghasilan, penjualan, penggunaan dan pemilikan dadah berbahaya dan bahan-bahannya; dan
- (ii) memberi peruntukan khas berkaitan bidang kuasa mahkamah bagi kesalahan di bawah Akta 234.

Seksyen 31A Akta 234 membenarkan pegawai perubatan kerajaan termasuk ahli kimia kerajaan menjalankan pemeriksaan ke atas mana-mana suspek bagi mendapatkan bukti apabila berlakunya kesalahan di bawah akta ini. Peruntukan tersebut menetapkan beberapa prosedur yang perlu dipatuhi ketika menjalankan pemeriksaan ke atas suspek. Antaranya adalah pemeriksaan suspek hendaklah dilakukan oleh pegawai perubatan atau mana-mana orang yang bertindak membantu pegawai perubatan dan di bawah arahannya.

Di bawah seksyen 31A, pegawai perubatan termasuklah setiap orang yang diambil bekerja oleh kerajaan atau badan-badan berkuasa yang ditetapkan oleh undang-undang sebagai pegawai perubatan atau ahli kimia. Pemeriksaan yang terlibat adalah pemeriksaan perubatan yang dibuat oleh pegawai perubatan dan pemeriksaan ke atas sampel *urine* yang dibuat oleh Pegawai Sains Jabatan Kimia dan Pegawai Sains Kimia Hayat di hospital kerajaan. Walau bagaimanapun, semenjak akta ini dikuatkuasakan, kebanyakan aktiviti pemeriksaan sampel *urine* dilakukan oleh Pegawai Sains Kimia Hayat di hospital kerajaan.

Perkhidmatan analisis sampel *urine* bagi pengesanan dadah berbahaya di hospital telah dibangunkan semenjak tahun 1970-an lagi. Kini 105 buah hospital kerajaan di seluruh negara menawarkan perkhidmatan tersebut dan lebih dari 100 orang Pegawai Sains Kimia Hayat telah ditugaskan untuk menjalankan analisis dadah berbahaya.

Pada masa ini, antara masalah yang dihadapi semasa pendakwaan kes-kes dadah berbahaya adalah Pegawai Sains Kimia Hayat di hospital kerajaan tidak tergolong di bawah mana-mana kategori orang yang disebut di dalam seksyen 31A. Oleh itu, pihak pendakwaan menghadapi kesukaran untuk memanggil seorang pegawai perubatan memberi keterangan kerana Pegawai Sains Kimia Hayat hanya menjalankan tugas sendiri tanpa penyeliaan atau pengawasan seorang pegawai perubatan.

Mahkamah Rayuan Malaysia dalam kes *Yusri Yahya vs Pendakwa Raya*, nombor kes 4P068082012/2011 pada 28 Jun 2013 telah memutuskan bahawa pemeriksaan di bawah seksyen 31A hendaklah dijalankan oleh pegawai perubatan. Pegawai perubatan yang dimaksudkan dalam seksyen ini termasuklah ahli kimia. Pegawai Sains tidak mempunyai kuasa untuk menjalankan pemeriksaan di bawah seksyen tersebut. Susulan daripada keputusan ini, Jabatan Peguam Negara telah mengarahkan semua pihak tertuduh dalam kes-kes pendakwaan di bawah seksyen 15(1)(a) yang telah didaftarkan di bawah mahkamah yang mana analisis sampel *urine* telah dijalankan oleh Pegawai Sains Kimia Hayat di hospital kerajaan agar dilepaskan tanpa dibebaskan.

Oleh yang demikian, Kementerian Kesihatan bercadang meminda seksyen 31(A) untuk memasukkan Pegawai Sains dalam perkhidmatan kerajaan bagi menjalankan analisis ke atas sampel biologi bagi kes dadah berbahaya dan sampel biologi bagi tujuan pengesahan pengesanan dadah berbahaya akan merangkumi sampel-sampel urin seperti darah, air liur, rambut dan lain-lain. Kita tidak hanya terhad kepada sampel urin sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa kini analisis sampel urin bagi pengesahan dadah berbahaya dilakukan oleh beberapa kategori Pegawai Sains seperti Pegawai Sains Kimia Hayat, Pegawai Sains Forensik selain daripada ahli kimia. Melalui pindaan terhadap seksyen 31A di bawah Akta 234, laporan analisis sampel biologi termasuk sampel urin yang dihasilkan oleh Pegawai Sains tersebut boleh diterima mahkamah.

Pegawai Sains Kaji Hayat dan Pegawai Sains Forensik yang berkhidmat di hospital kerajaan mempunyai pengalaman dan terlatih dalam menjalankan analisis sampel biologi bagi pengesahan dadah berbahaya. Pegawai-pegawai ini telah memperoleh latihan lanjutan dan kursus dalam analisis dadah seperti ijazah sarjana, ijazah kedoktoran dan kursus lanjutan dari dalam dan luar negara.

Hospital-hospital kerajaan telah dilengkapi dengan kelengkapan dan peralatan terkini yang sesuai dengan analisis sampel biologi bagi pengesahan dadah berbahaya. Antara perkembangan dan pencapaian yang dilakukan oleh Kementerian Kesihatan bagi khidmat tersebut ialah:

- (i) makmal hospital yang dibangunkan telah dilengkapkan dengan peralatan terkini seperti *tender mass factometry*, *gas chromatography*, *chemistry analyzer* dan sebagainya;
- (ii) makmal hospital berkemampuan untuk menjalankan analisis sampel yang banyak. Bilangan sampel yang diterima dalam analisis ini telah ditambah dari tahun ke tahun pada kadar 10% hingga 20%. Pada tahun 2011, bilangan ujian yang dilakukan oleh makmal hospital adalah lebih daripada 655,000;
- (iii) penggunaan fasilitet baru dan makmal khas khusus untuk perkhidmatan dadah berbahaya;
- (iv) peruntukan kewangan sebanyak lebih kurang RM3 juta setahun telah dibekalkan sebagai perbelanjaan makmal hospital yang dikhususkan untuk memberi perkhidmatan analisis dan pengesahan dadah berbahaya;
- (v) kaedah-kaedah analisis telah dibangunkan bukan sahaja untuk memenuhi keperluan semasa tetapi untuk juga mengesan dadah baru dalam pasaran;
- (vi) Pegawai Sains telah memperoleh pelbagai latihan lanjutan dalam analisis dadah dan ada di antara mereka yang telah mempunyai ijazah sarjana dan sebagainya; dan

- (vii) pada tahun 2011, terdapat 60 Pegawai Sains Kimia Hayat di sektor kerajaan terlibat secara sepenuh masa dalam menjalankan analisis dadah berbahaya dan 45 orang Pegawai Sains Kimia Hayat terlibat secara separuh masa.

Pada tahun 2011, Pegawai Sains Kimia Hayat telah memberi keterangan dalam 424 kes dadah berbahaya. Tanpa pindaan yang dijalankan ini, pelaburan dan sumber yang telah dilaksanakan akan menjadi satu pembaziran kepada kerajaan kerana keterangan analisis daripada Pegawai Sains di hospital kerajaan kelak tidak diterima sebagai bahan bukti oleh mahkamah dan yang membuatkan orang kena tuduh dibebaskan.

Selaras dengan keputusan mesyuarat yang diadakan di Jabatan Peguam Negara pada 9 Julai 2013, semua sampel urin bagi kes-kes di bawah seksyen 15(1)(a) telah disalurkan kepada Jabatan Kimia. Tindakan ini telah membebangkan Jabatan Kimia Malaysia memandangkan bilangan kes yang banyak serta jumlah ahli kimia yang diperuntukkan yang terhad. Menerusi cadangan pindaan ini, bebanan tersebut diharap dapat diselesaikan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Akta 234 juga merupakan akta yang diguna pakai untuk pendakwaan kes-kes dadah dan secara khususnya pendakwaan bagi kes pengedaran dadah adalah di bawah seksyen 39B Akta 234. Bagi penyelidikan dan pengetahuan, terdapat dua inti pati kesalahan perlu dibuktikan iaitu satu pemilikan dan pengetahuan dan kedua, berat dadah ataupun kuantiti minimum yang *statutory*. Bagi membuktikan elemen penyelidikan dan pengetahuan, anggapan yang diguna pakai terdapat di dalam seksyen 37(d) Akta 234 manakala untuk mengguna pakai anggapan mengedar, seksyen 37(da) menetapkan kuantiti minimum dadah dalam milikan seseorang tertuduh.

Sebelum ini pihak pendakwaan dengan jayanya menggunakan kedua-dua anggapan ini bagi membuktikan kes pengedaran di bawah seksyen 39B Akta 234 yang jika sabit kesalahan membawa hukuman gantung mandatori. Walau bagaimanapun sejak keputusan kes Mahkamah Persekutuan iaitu *Pendakwa Raya versus Mohamad Hassan* 1998 (2) CLJ 170, pendakwaan tidak lagi boleh menggunakan kedua-dua anggapan ini bersekali. Ini telah menyebabkan kegagalan pihak pendakwaan membuktikan pengedaran seperti mana yang ditakrifkan di bawah seksyen 2 Akta 234. Oleh yang demikian bagi mengatasi masalah ini, maka Kementerian Kesihatan mencadangkan peruntukan baru ini dimasukkan ke dalam Akta 234.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan peruntukan menomborkan semula seksyen 37A sebagai seksyen 37B dan memasukkan seksyen 37A yang baru adalah bertujuan untuk memperjelaskan pemakaian seksyen 37(d) dan 37(da) Akta Dadah Berbahaya 1992. Pindaan ini diperlukan ekoran daripada beberapa keputusan mahkamah yang diputuskan termasuk keputusan Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Mohamad Hassan versus Pendakwa Raya* 1998 (2) CLJ 170. Dalam kes ini, Mahkamah Persekutuan telah memutuskan bahawa seksyen 37(d) dan 37(da) Akta 234 tidak boleh diguna pakai secara bersekali. Mahkamah telah mengambil pendirian bahawa seksyen 37(d) dan seksyen 37(da) Akta Dadah Berbahaya 1992 masing-masing adalah seksyen yang membangkitkan anggapan terhadap seseorang tertuduh. Oleh yang demikian, Mahkamah

Persekutuan berpendirian bahawa kedua-dua seksyen tersebut tidak boleh diguna pakai secara bersekali kerana ia terjumlah kepada penggunaan anggapan berganda atau *double presumption* dan akibatnya ia akan menyalimi dan menekan hak tertuduh.

Dalam kes tersebut, Mahkamah Persekutuan di muka surat 171, perenggan 8 telah memutuskan seperti berikut. Berdasarkan kata bahasa seksyen 72A sebagaimana adanya untuk menerangkan anggapan pemilikan yakni pemilikan seperti yang difahami dalam undang-undang jenayah dengan pengetahuan dan yang terdapat dalam 37(d) ke dalam seksyen 37(da) anggapan mengedar yang selanjutnya boleh dikenakan terhadap seseorang tertuduh yakni anggapan atas anggapan. Samalah seperti memberikan kepada perkataan didapati dalam pemilikannya dalam seksyen 37(da). Satu makna yang lari dari maksud biasa peruntukan tersebut. Ia juga adalah bertentangan dengan prinsip yang lama terpakai berhubung dengan penetapan pentafsiran statut hukuman dan adalah sangat zalim dan menekan tertuduh.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan) 2013 ini bertujuan membuat pindaan kepada Akta 234 bagi:

- (i) memperuntukkan kuasa kepada Pegawai Sains yang berkhidmat dengan hospital kerajaan untuk menganalisis sampel biologi bagi pengesanan dadah berbahaya; dan
- (ii) membolehkan pihak pendakwaan mengguna pakai anggapan di bawah seksyen 37(d) bersekali dengan anggapan seksyen 37(da) Akta Dadah Berbahaya 1992 agar anggapan mengedar dan yang [...] boleh dikenakan terhadap seseorang tertuduh.

Peruntukan-peruntukan substantif yang dicadangkan adalah seperti berikut. Fasal 1 mengandungi tujuh tajuk ringkas dan kuasa Menteri untuk menetapkan tarikh permulaan kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan meminda seksyen 31A Akta 234 untuk membenarkan seorang Pegawai Sains yang diambil bekerja oleh kerajaan untuk menganalisis apa-apa sampel biologi yang diambil bagi maksud pemeriksaan di bawah seksyen itu.

Fasal 3 bertujuan untuk menomborkan semula seksyen 37A yang sedia ada sebagai seksyen 37B.

#### **■2020**

Fasal 4 bertujuan memasukkan Seksyen 37A baru ke dalam Akta 234 untuk membenarkan pihak pendakwa raya untuk mengguna pakai suatu anggapan yang diperuntukkan di bawah Akta 234 sebagai tambahan kepada kepala atau bersama-sama dengan apa-apa anggapan yang lain diperuntukkan di bawah Akta 234 atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ada siapa menyokong?

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Dadah Berbahaya 1952 dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk di bahas.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya bangkitkan satu peraturan mesyuarat dan dapat *ruling* daripada...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Peraturan mesyuarat mana Yang Berhormat?

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Peraturan Mesyuarat 53. Ini berkaitan dengan pembacaan kedua untuk mana-mana rang undang-undang dan perbahasan yang seterusnya yang kita sekarang buat. Saya perhatikan Menteri yang bentangkan adalah...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak berkaitan pun Yang Berhormat, Peraturan Mesyuarat 52.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Peraturan Mesyuarat 53(2).

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tiada masalah di sana Yang Berhormat.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Saya bangkitkan dengan Menteri yang dibentangkan Tuan Yang di-Pertua. Menteri yang bentangkan rang undang-undang yang berkaitan dengan Akta Dadah Berbahaya, saya nampak di atas adalah Timbalan Menteri Kesihatan. Pembentangan mungkin boleh sebab dia hanya baca satu tekslah tetapi selepas perbahasan kita akan bangkitkan beberapa isu dan akan memerlukan penjelasan.

Ada beberapa aspek, ini hampir semua ada aspek perundangan, pelaksanaan akta ini dan sebagainya. Semua ini adalah undang-undang di bawah kementerian Dalam Negeri atau pun menteri undang-undang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Baik.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** So, saya sudah teliti. Kalau kita teliti peraturan mesyuarat kita di sini, kita dapat panduan sedikit daripada Peraturan Mesyuarat 49. Walaupun itu berkaitan dengan *private members bill*, dengan izin, kita dapat di sini bila satu *private members bill* di bawa ke Dewan ini, dia dirujuk Peraturan Mesyuarat 49(4) kepada - saya baca, "*To the Minister concern with the subjects or functions to which the bill relate*". Ini secara logik memang wajar iaitu mana-mana rang undang-undang dibentangkan oleh Menteri yang berkaitan dengan tajuk atau fungsi rang undang-undang itu.

Akan tetapi malam ini kita dapati - Saya tidak – apa-apa *expression* kepada keupayaan dan kapasiti Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, cukup Yang Berhormat.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Hanya kapasiti dia, bidang kuasa dia. Itu yang isu dia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, cukup.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Dia juga kesihatan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Peraturan Mesyuarat 52, saya rasa kita memenuhi syarat Peraturan Mesyuarat 52. Peraturan Mesyuarat 52 merupakan *sequent* yang kita ikuti pada ketika ini Yang Berhormat.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Betul, tetapi, tetapi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Saya tidak melihat sebarang percanggahan yang dibuat.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Ya, tetapi isu ini pembentangan *Parliamentary* yang tidak berkaitan dengan rang undang-undang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Saya tidak melihat sebarang isu di sana.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** No, bermaksud sesiapa pun boleh membentangkan apa-apa dalam Dewan ini?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh minta penjelasan Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, *that's specifically* Peraturan Mesyuarat 52. Ia tidak menyebut bahawa...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Boleh minta penjelasan.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Dari prosiding ini kita...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ia tidak menyebut bahawa secara spesifik kementerian ini tidak boleh menjawab soalan ini, tidak boleh membentangkan soalan ini. Sebab itu saya katakan tiada isu yang berbangkit. Peraturan Mesyuarat 52 merupakan satu peraturan mesyuarat yang *layout* prosedur.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Ya, tetapi untuk perbahasan bermakna...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak apalah Yang Berhormat.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Untuk menjawab soalan daripada kita dapat penjelasan bermaksud...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Saya yakin Kementerian Kesihatan boleh mengendali pindaan ini.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Mana-mana menteri boleh membentangkan mana-mana undang-undang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak ada masalah.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Tidak ada masalah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak apalah. Jadikan itu sebahagian daripada ucapan Yang Berhormat.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Adakah kita secara serius kita kata dalam Dewan ini mana-mana Menteri...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Saya cuma melihat peraturan mesyuarat Yang Berhormat kemukakan. Saya katakan tidak ada isu di sana.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** No, isu nya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Saya rasa Tuan Yang di-Pertua kena jawab *point* yang saya bangkitkan itu iaitu bolehkah mana-mana Yang Berhormat Menteri datang ke Dewan ini dan bentang mana-mana rang undang-undang yang tidak berkaitan dengan kementerian?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, masalah. Dalam sesi soal jawab pun Menteri lain daripada kementerian lain boleh menjawab bagi pihak Menteri yang lain.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Kalau berkaitan dengan kementerian ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, cukuplah setakat ini Yang Berhormat. Tidak apalah.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua belum menjawab soalan saya.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Saya sudah jawab tidak ada isu seperti Yang Berhormat bangkitkan.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** So...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Saya berhasrat untuk meneruskan perbahasan.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Jadi, Tuan Yang di-Pertua mengisyiharkan pada mana-mana Menteri di jabatan mana-mana?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Saya tidak jawab mengisyiharkan. *Do not put that.* Dari segi undang-undang pun salah. *You put the word into my mouth.* Saya katakan bahawa tidak ada isu dan tidak ada perlanggaran peraturan mesyuarat terhadap isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Saya tidak katakan bahawa *well*, siapa-siapa boleh angkat, bawa baca mana-mana rang undang-undang.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Akan tetapi bukankah ini satu *bad practice* yang tidak patut diikuti oleh...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sudah, cukuplah Yang Berhormat. Siapa pun, saya yakin mereka boleh menjawab. Pegawai kerajaan boleh menjawab.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** *[Ketawa]* Kerajaan memang boleh menjawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Isu ini diputuskan di bawah Kementerian Kesihatan dan diputuskan oleh kerajaan bahawa Kementerian Kesihatan membawa usul pindaan ini. Kita terima dan tidak ada perlanggaran peraturan mesyuarat pun. Ada yang hendak berucap, hendak berbahas?

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Ya, boleh bahas?

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Okey, berbahaslah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Puchong.

### **8.25 mlm**

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya teruskan boleh saya hanya membuat satu perhatian. Kita lihat kepada bil yang dibentangkan khususnya bil dalam bahasa Malaysia. Kita tidak ada penterjemahan. Ini adalah satu perkara yang penting kerana perkataan yang digunakan dalam bil tersebut, memang perkataan-perkataan itu adalah penting. Jadi Tuan Yang di-Pertua, adakah satu salinan berbahasa Malaysia disediakan? Saya ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak apa, Yang Berhormat Menteri akan menjawab Yang Berhormat. Di atas meja saya pun tidak ada.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tidak ada. Boleh saya teruskan dengan menggunakan bahasa Inggeris Tuan Yang di-Pertua? Ini kerana apa yang kita lihat apa yang berlaku adalah yang perlu dipinda itu perlu diturunkan dalam bahasa Inggeris.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Bahasa Melayu nya ada Yang Berhormat.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tahu, tetapi dalam bahasa Melayu punya dia pakai bahasa Inggeris juga. So, saya minta izin saya gunakan, saya minta...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat bolehlah buat rujukan dalam bahasa Inggeris, dengan izin.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Saya tidak ada masalah tetapi yang saya akan gunakan adalah bil yang di hadapan saya. *I do not have the bahasa Malaysia version Tuan Yang di-Pertua. Perhaps letter on there can be corrected.* Saya rasa mungkin kesilapan taip dalam bil tersebut. Izinkan saya teruskan Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tuan Yang di-Pertua terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu undang-undang atau pun satu cadangan untuk pindaan yang cukup penting kepada kita dalam *in practicing criminal law*. Ini kerana apa yang kita lihat adalah satu usaha daripada kerajaan untuk mengembalikan undang-undang kepada apa yang ia ada dalam tahun 1998.

Seperti mana kita dengar Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri sebut apa yang berlaku adalah dalam kes Muhammad Hassan. Dalam kes Muhammad Hassan, Mahkamah Persekutuan telah pun menyatakan bahawa sebenarnya undang-undang tidak seharusnya mengadakan satu keadaan di mana anggapan di atas anggapan. *Double presumption, presumption upon presumption* diadakan kerana ianya zalim kepada seorang tertuduh.

Mahkamah Persekutuan membuat keputusan bahawa ianya zalim dan kita balik ke Dewan pada hari yang mulia ini yang kita hendak luluskan satu undang-undang yang mahkamah telah menyatakan adalah zalim. Mengapa ianya zalim? Tuan Yang di-Pertua, kita kena faham dalam

undang-undang bila kita sebut berkenaan dengan anggapan, anggapan itu biasanya digunakan dalam keadaan di mana kita tidak boleh membuktikan keadaan itu melalui fakta.

Misalnya di mana seseorang itu dicari dengan wang atau pun dilihat ambil wang. Dalam kes rasuah mereka itu ada anggapan bahawa beliau ambil wang itu dengan niat jahat atau pun dengan niat buruk. So, itu menjadi anggapan bahawa wang itu diterima *for a corrupt purpose* kerana *corruption* itu memang *for the purpose is the difficult to prove*. Akan tetapi dalam kes-kes dadah, ianya berbeza. Kita lihat kepada Seksyen 37D. Seksyen 37D Tuan Yang di-Pertua menyatakan bahawa sekiranya seorang itu membawa satu beg misalnya dan di dalam beg tersebut itu ada dadah, ada barang yang seterusnya setelah di kaji itu didapati adalah dadah berbahaya.

Maka, apa yang berlaku itu, undang-undang menganggap bahawa orang yang bawa beg itu dia ada pengetahuan, dia tahu bahawa kandungan beg tersebut itu adalah dadah. Itu menyebabkan mahkamah boleh membuat kesimpulan bahawa orang itu adalah dalam milikan. So *it make you will be in possession of the danger drugs.*

#### **■2030**

Milikan itu memang satu kesalahan tetapi milikan itu kesalahan di bawah seksyen 39A yang bukan membawa hukuman mandatori mati. So, itu tahap pertama di mana kita membuktikan bahawa seorang itu dalam milikan.

Kedua itu, kita kena buktikan bahawa beliau dalam milikan dengan niat untuk mengedar dadah tersebut. Kalau dapat dibuktikan ianya dengan niat untuk mengedarkan dadah tersebut, maka barulah boleh kita membuat satu sabitan di bawah seksyen 39B, yang mana hukumannya adalah hukuman mandatori *death sentence*.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempengerusikan Mesyuarat]*

Jadi kita boleh lihat bagaimana seriusnya cadangan pindaan ini. Saya rasa itu adalah sebab atas mana Yang Berhormat daripada Subang bangkit untuk meluahkan perasaan betapa seriusnya *bill* ini dan perasaan kita bahawa kemungkinan Kementerian Kesihatan tidak dapat faham *effect* dan impak pindaan ini kepada undang-undang. *Effect* dan impak pindaan kepada nyawa seseorang, *double presumption*.

Jadi kita kena tanya Timbalan Menteri, adakah Dewan yang mulia ini konsisten? Pada satu pihak kita lihat bagaimana Dewan yang mulia ini telah pun mengatakan terdapat kes-kes di mana seorang itu dipergunakan, diperalatkan. Biasanya dikatakan sebagai *mule*, *drug mule*. Dianya dipergunakan, dianya diminta untuk bawa beg misalnya. Kebiasaannya ini berlaku kepada ibu tunggal, kanak-kanak. Mereka tidak tahu kandungan beg tersebut. Mereka diberikan wang mungkinya, sogokan RM100 minta dibawa beg daripada A ke B. Ibu-ibu yang perlu kerja, mereka diminta untuk bawa bungkus daripada rumah A ke rumah B, mereka bawalah. Dalam keadaan tersebut, mereka kalau didapati bersalah, mereka ini ditangkap misalnya, ditangkap dengan beg tersebut. Kalau mereka dipertuduh di bawah Seksyen 39B, apa yang berlaku?

Mahkamah akan tanya dua soalan. Satu, adakah dia memiliki dadah berbahaya? *Is she in possession of the drugs?* Maknanya pihak pendakwaan perlu membuktikan bahawa dia memang tahu bahawa kandungan dalam bungkus itu adalah dadah berbahaya, untuk kesalahan milikan. Untuk itu, beliau boleh disabitkan untuk kesalahan milikan dan dihukum maksimum 20 tahun di bawah seksyen 30A(2). Kalau berat dadah tersebut yang beliau bawa itu melebihi had *statutory*, maka secara automatik beliau juga dianggap sebagai seorang pengedar dadah. Maknanya, secara automatik orang yang bawa beg tersebut itu boleh didapati bersalah untuk kesalahan mengedar dadah berbahaya. *Automatically death penalty.*

So kita lihat bagaimana mahkamah dalam tahun 1998 membuat keputusan untuk mengelakkan keadaan sedemikian. Kenapa? Ini kerana kita dalam sistem *criminal justice system*, kita ada pihak polis. Sepatutnya pihak polis yang membuat tangkapan itu dia *check*, dia siasat, siasat kes tersebut itu. Cari fakta, bawa ke mahkamah fakta-fakta untuk menunjukkan bahawa memang sebenarnya orang itu tahu barang itu adalah dadah. *Then the second step* bahawa memang orang itu adalah seorang pengedar sebenar. Oleh itu mahkamah tidak membenarkan anggapan di atas anggapan. Mahkamah kata tidak boleh, *dangerous*. Ini kerana kalau kanak-kanak, anak kita, saudara-saudara kita budak kecil bawa beg dengan barang, dia ini boleh didapati bersalah untuk milikan tetapi Mahkamah Persekutuan kata *there is no automatic double presumption in order to avoid the death penalty for cases like that.*

Itu adalah apa yang disebutkan oleh mahkamah di situ. Zalim. Kenapa zalim? Timbalan Menteri, kenapa zalim? Kita kena faham untuk kes-kes 39B, orang yang ditangkap itu tidak diberi jamin. Orang yang ditangkap itu diletakkan, ditangkap dibawa ke penjara, kena tunggu di penjara sehingga perbicaraan. Kalau kita buat anggapan di atas anggapan di atas anggapan, beliau dalam penjara macam mana boleh siasat? Macam mana beliau hendak pecahkan anggapan itu? *That's the reason why* apa yang kita perlukan adalah kalau kita hendak tangkap orang itu, kita hendak letak dalam reman dalam penjara itu, kita perlu pihak polis untuk siasat semua fakta untuk mengesahkan adakah orang ini tahu kandungan dia, *first*. Kalau tidak tahu kandungan dia, *end of the matter*, memang tidak ada milikan. Kalau dia tahu kandungan dia, *then you have to go on to proof* memang dia bawa beg itu hari itu dengan tujuan untuk mengedar. Oleh itu, *and only on that*, beliau boleh dapat bersalah untuk *trafficking* dan dihukum mandatori mati.

Akan tetapi kita lihat bagaimana negara-negara lain Tuan Yang di-Pertua, kita ini – we move away, kita beralih daripada keadaan-keadaan di mana ada hukuman mandatori.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Puchong, jangan panjang-panjang.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Jangan panjang? Ini sangat serius Tuan Yang di-Pertua. *This is the terrible things.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Ini *bill* yang cukup ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Saya faham, saya faham.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Ini soal nyawa. *I will not unnecessarily waste time but this is something which is very serious.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila, sila.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Bukan sahaja itu, kita lihat mahkamah yang buat keputusan cakap zalim. So Tuan Yang di-Pertua, *I am sorry, I will have to take some time.* Tak akan lama, tetapi mungkin dalam 15 minit kalau boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sekarang sudah 10 minit lebih.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Ya, ya, memang tetapi saya rasa kita kena serius untuk *bill* ini kerana isu nyawa Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Saya duduk sini pun serius juga.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Sorry?**

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Saya duduk dekat sini pun serius juga.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Ya, ya, nampak tetapi nampak bukan serius sangat, nampak okey sahaja. Kita berbalik kepada soalan yang kita bangkitkan. Kenapakah kerajaan sekarang mencadang untuk melakukan ataupun membuat pindaan yang akan menyebabkan kerja pihak polis itu kurang? *So in other words, are we trying to encourage a situation* di mana kita boleh kata kepada seorang orang anggota polis, "Tidak apa, tangkap orang itu dengan fakta-fakta yang sangat ringkas." *Basic fact*, kita boleh ada satu sabitan untuk kes pengedaran dadah di mana nyawa seseorang itu boleh diambil. Kalau kita ada anggapan itu Yang Berhormat Timbalan Menteri, maknanya pihak polis tidak akan siasat kepada aspek-aspek yang penting kes itu kerana tidak perlu.

Untuk berjaya untuk satu kes 39B untuk ambil nyawa seseorang itu Yang Berhormat, senang. Hanya beliau perlu buktikan bahawa orang penama tersebut itu membawa barang itu sudah cukup. Undang-undang menganggap beliau ada pengetahuan, undang-undang menganggap beliau memiliki. Sekarang pula kita hendak undang-undang untuk menganggap bahawa dia adalah seorang pengedar dadah yang membawa hukuman mandatori mati. Kenapa kita hendakkan undang-undang sebegini? Kenapa kita hendak ringkaskan tugas polis? Walhal, seseorang pegawai polis itu, tugas dia sebagai seorang pegawai penyiasat adalah untuk siasat dan pastikan fakta-fakta ini. Fakta-fakta yang digunakan oleh mahkamah untuk pastikan sabitan dan seterusnya hukuman mati mandatori.

So apakah yang kita hendak, *what are we trying to achieve with this*, Yang Berhormat Timbalan Menteri? Adakah kita sekarang hendak menghantar satu mesej kepada pihak polis bahawa tidak perlu untuk tugas kamu begitu berat, tidak apa, hanya *basic fact*, dan dalam masa

yang sama, orang yang ditangkap semua itu diletak dalam penjara, beliau tidak boleh melakukan apa-apa untuk membela diri dia. Dibawa ke mahkamah menghadapi pertuduhan dan di atas anggapan itu didapati bersalah.

Jadi Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya tidak hendak sebut dengan secara mendalam tetapi kita kena faham, dalam sistem kita, kita sekarang bersandar kepada keputusan daripada Jabatan Peguam Negara. Kita ini berharap bahawa orang yang membuat keputusan dalam Jabatan Peguam Negara itu memang tahu fakta sebelum dia buat satu keputusan untuk mendakwa.

Kalau fail dihantar kepada seseorang DPP, Timbalan Pendakwa Raya untuk dikaji, kalau IO, pegawai penyiasat itu tidak membuat siasatan yang menyeluruh untuk mengetahui isu-isu yang penting itu, *knowledge* adakah seseorang itu diperalatkan, adakah seorang itu *innocent carrier*, budak itu adakah betul-betul bersalah, kalau tidak ada maklumat di situ kerana tidak perlu, tidak perlu Timbalan Menteri dengan pindaan ini. Hanya dalam fail itu, “*Yes, hari itu saya lihat budak itu, budak kecil itu dia ada pegang beg itu, saya tangkap. Beg itu ada sekarang.*” Charge. Dengan charge itu, anggapan milikan, yes possession, correct, lepas itu disabit dan dihukum mati. Kita kena berbalik sekarang kepada sistem perundangan kita.

#### ■2040

Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri di sini memberi saya pengesyoran, pengesyoran bahawa memang dalam Jabatan Peguam Negara tidak ada kesilapan? *Can you give me that assurance?* Bahawa memang tidak ada satu kesilapan yang akan dibuat dalam keputusan untuk mendakwa? Bagaimana kita boleh tahu kalau pihak polis tidak siasat? Seorang timbalan pendakwa raya tidak tahu fakta sebenar? Dia menggunakan undang-undang, dia mendakwa. *What happen if* orang itu sebenarnya, memang dia tidak tahu?

Anggapan-anggapan ini digunakan dan Yang Berhormat Timbalan Menteri kena faham, bila anggapan digunakan anggapan itu lain daripada undang-undang jenayah biasa. Kenapa? Kalau anggapan digunakan tugas di atas tertuduh untuk mematahkan anggapan itu. maknanya *standard of proof* ia lain, berbeza. Dalam kes biasa untuk menang, untuk kita melepas daripada satu sabitan, kita hanya perlu menimbulkan keraguan munasabah tetapi bila wujudnya anggapan Yang Berhormat Timbalan Menteri, tugas kita lebih berat, kita kena pecah anggapan itu dan standard ia di atas *balance of probabilities*. Ini atas sebab mana Yang Berhormat Subang berdiri tadi, kerana dia ini tidak tahu kita dalam Kementerian Kesihatan, kita faham atau tidak. Sorry Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya hendak bantu kalau saya boleh. *I have to explain because this is* Kementerian Kesihatan. So, kenapa kita ada...

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Pasir Puteh bangun.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Boleh minta laluan?

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Sila, sila.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Terima kasih. Pindaan yang kita ingin lakukan ini, saya hendak tanya, adakah ia bentuk andaian atau untuk memastikan kerana *sample* yang diambil itu, katakan dadah atau air kencing atau darah untuk dipastikan atau menjadi andaian? Jadi persoalannya, adakah makmal kita itu masih andaian atau tidak? Terima kasih.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Boleh saya jelaskan? *I give an example.* Kalau kita lihat dalam – ini ada dalam dua bahagian, Yang Berhormat. Pertama itu berkenaan analisa yang akan dibuat di bawah seksyen 31A di mana jelas disebutkan di situ, “*Biological sample collected*”. Itu lain. Itu memang saya setuju, ia datang berkemungkinan besar daripada bidang kuasa Kementerian Kesihatan dan kes Mahkamah Rayuan yang disebutkan tadi. Saya akan berbalik kepada itu nanti. Akan tetapi yang saya sebutkan sekarang ini, berkaitan dengan perkara kedua iaitu di bawah fasal 4, *application of presumption*. Saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri memang faham.

So, kita berbalik sekarang kepada satu keadaan. Keadaan di mana kita kena faham. Yang Berhormat Menteri, saya tidak hendak sebut dengan mendalam berkenaan dengan dalam kes-kes di mana kita lihat ada kesilapan pada pihak Jabatan Peguam Negara, ada. Saya dalam pengalaman – saya telah lihat ada kes-kes di mana memang kesilapan berlaku. Oleh kerana ada pemakaian anggapan-anggapan seseorang itu didapati bersalah dan seterusnya dihukum gantung sampai mati. Akan tetapi selepas kematian itu, dapat dibuktikan bahawa sebenarnya orang itu adalah seorang yang digunakan. *Not the actual trafficker* kerana after the conviction baru wujudnya maklumat.

Kes yang baru saya boleh sebutkan sebagai satu contoh Yang Berhormat Timbalan Menteri, yang melibatkan seorang ibu tunggal daripada Singapore, kes Noor Atiqah. Dalam kes tersebut sama juga, beliau didapati membawa satu beg, *low cost terminal*, di situ beliau ditahan, dalam beg tersebut didapati dadah berbahaya. Pembelaan beliau, beliau kata memang beg itu diberikan kepada saya oleh orang. Nama beliau diberikan, identiti beliau diberikan, maklumat berkenaan individu tersebut diberikan. Kes dibawa ke Mahkamah Tinggi Shah Alam, dia di caj dan didapati bersalah dan disabitkan dan dihukum gantung sampai mati.

Semasa rayuan Yang Berhormat Timbalan Menteri, apa yang berlaku, maklumat diberikan bahawa sebenarnya, lelaki yang beliau sebut wujud itu bukan sahaja wujud tetapi juga telah pun ditahan oleh Kementerian Dalam Negeri ditahan di bawah LLPK. Apabila kita *check*, dalam Perintah atas mana beliau ditahan, di Simpang Renggam disebutkan kes Noor Atiqah. Akan tetapi di Mahkamah tinggi langsung tidak dibawa perkara ini, butir-butir, maklumat ini tidak dibawa kerana tidak perlu. *This is what anggapan does.* Pihak polis kata “*Tidak perlu, saya tidak perlu siasat dalam, mendalam. Saya hanya perlu buktikan dia memegang beg tersebut, sudah pegang beg tersebut ini got my case*”. Ada milikan, dianggap *trafficking*, somebody life dihukum gantung, anak dia dua kecil.

Nasib baik di bawa rayuan, kita bawa, pihak Peguam Negara, Jabatan Peguam Negara lihat fakta itu, dia pun terkejut. *They didn't oppose the appeal.* Mahkamah Rayuan, ketiga-tiga hakim tanya, *look at this facts.*

Saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, kita dalam *The Criminal Bar*, sudah berapa tahun kita lawan hal ini, bukan kerana apa, kerana kita hendak pastikan kalau kita hendak sabitkan orang itu, kita hendak hukum gantung sampai mati itu, *we have to be sure. We cannot take risk.* Itu menjadi sebutan ramai, hari ini saya baca dalam surat khabar, tadi sahaja Tuan Yang di-Pertua. Saya baca dalam *Malaysiakini*, saya rasa ini betul, ini bukan *controversial* Tuan Yang di-Pertua. Saya lihat Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, menyatakan dia tarik balik beberapa *bill. Evidence Act, Criminal Procedure Code*, kenapa? Saya tahu, ini kerana *bill* tersebut sekarang ini telah pun diberikan kepada *Bar Council* misalnya. Untuk mendapat pandangan, kerana ia cukup penting untuk *criminal justice system.*

Akan tetapi *bill* ini saya hendak tanya, ini melibatkan nyawa orang. *That is penalty.* Adakah *bill* ini diberikan kepada *Besar Council* untuk mendapat pendapat? Adakah *bill* ini diberikan kepada *Criminal Law Committee* untuk mendapat pendapat? Adakah kita *check* kenapa, kenapa Mahkamah Persekutuan dalam kes Mohammad Hassan membuat keputusan supaya kita tidak boleh menggunakan *double presumption*. Yang Berhormat Timbalan Menteri, esok boleh berlaku kepada ahli keluarga kita. Menurut undang-undang yang kita hendak luluskan sekarang, sekiranya anak kita masuk ke dalam kereta kawan dia dan dalam kereta tersebut ada satu bungkusan di *seat* belakang yang ada dadah merbahaya. Anak kita tidak tahu, dia hendak keluar, hendak pergi sekolah. Dia masuk kereta tersebut, kereta tersebut diberhentikan, *do you know that both of them can be convicted and sentence to death under this law? Under presumption.* Berapa serius undang-undang ini.

Saya tidak faham kenapa kita dalam *Bar Council*, kenapa kita sebagai Ahli Parlimen langsung tidak, langsung *not consulted?* Kita hendak tahu kerajaan memang prihatin, *that is penalty. I will come to that as I go along.* Akan tetapi di sini kita kena tanya, saya tidak perlu sebut. *Just two cases recently*, kita hendak tanya berkenaan dengan siasatan. Kita hendak tanya berkenaan dengan tindakan Jabatan Peguam Negara sama ada atau pun tidak kita boleh percaya? Sama ada atau pun tidak kita boleh pasti bahawa Jabatan Peguam Negara ini buat kerja dengan baik?

Dua kes, lihat kes PKFZ. Kes PKFZ Yang Berhormat Timbalan Menteri, apa berlaku? Peguam Negara semalam menyatakan kita tidak *appeal*, tidak *appeal* kerana saksi utama kita, dia datang *court* dia kata dia tidak ditipu. Yang disebut itu Tun Dr. Mahathir, caj terhadap Dr. Ling Liong Sik mengatakan dia menipu Tun Dr. Mahathir. Dia menipu kabinet. Sampai akhir kes, Tun Dr. Mahathir datang kata tidak ada. Mana ada satu peguam negara atau timbalan pendakwa raya yang akan membawa satu kes di mana tuduhan itu adalah orang telah menipu sekian, sekian, di mana orang yang ditipu itu kata dia tidak ditipu. Dia kata semalam *my main witness*, saya hendak tanya *if it is your main witness*, tidak akan *you* tidak baca *statement* dia?

Dalam *law* kita ada *statement*. Tuan Yang di-Pertua kita semua tahu, ABC basic. Sebelum saya caj orang itu saya kena baca fail. Caj itu dia tipu Tun Dr. Mahathir, *first question I ask, "Mana Tun Dr. Mahathir punya statement? Check Tun Dr. Mahathir, ada tipu? Yes? Okey."* Baru saya caj. Akan tetapi sini kita lihat bukan sahaja dia tidak, saya tidak tahu lah *statement* ada diambil atau pun tidak *but statement must have been taken* Yang Berhormat Timbalan Menteri. *Statement must have been taken*. Dia bawa daripada *start* sampai habis. Kes pendakwaan dia tidak panggil Tun Dr. Mahathir. Mana ada orang bawa kes dan tidak panggil saksi yang paling penting?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Puchong. Sudah 25 minit.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Saya minta maaf ini nyawa orang Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Saya faham, saya faham Yang Berhormat Puchong.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Sedikit kalau boleh. Sedikit kalau boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Saya faham, apa yang telah diutarakan Yang Berhormat Puchong sudah sampai mesejnya. Saya percaya Yang Berhormat Timbalan Menteri pun sudah faham.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Baik ada dua perkara sahaja, saya akan cuba sebab kita kena faham ada kes-kes di mana kita dapat lihat *clear cut case, something wrong with the prosecution*. Saya sebut kes Noor Atiqah.

#### ■2050

Saya menekan kes PKFZ again, another *clear cut case something went wrong*. Kepada saya jelas, a *statement was taken from Dr. Mahathir. He came to court and he probably went u-turn*. Adakah itu pun jadi? Saya tidak tahu. MP's tidak ada. What MP's did not call as a witness? Macam mana kita boleh - So this is the question. We don't know what is - This is the situation in AG's Chambers. Itu satu. Saya tidak hendak sebut kes Altantuya kerana ada rayuan, tidak boleh. Betul Tuan Yang di-Pertua? Saya tidak boleh sebut berkenaan dengan bagaimana kita kalah kerana saksi-saksi yang penting tidak dipanggil Yang Berhormat Timbalan Menteri. Setakat itu sahajalah Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak akan masuk ke dalam tetapi sedikit okey.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Itu sudah masuk sudah itu.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Itu tidak apa, tetapi kita keluar balik. Akan tetapi kita tahu, bukan saya Tuan Yang di-Pertua. Semua orang tanya saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Dia sedikit pun kira masuk.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tidak, itu tidak tetapi boleh keluar baliklah. Ramai yang tanya. Kita hendak jawab pun tidak boleh jawab. Dia kata mana ada satu negara orang itu

dibom tetapi kita tidak tahu kenapa. *This is the investigation.* Akan tetapi kita lihat sekarang bagaimana...

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Yang Berhormat Puchong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Setiu.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Sila, sila.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Yang Berhormat Puchong, saya hendak tanya ini, yang Yang Berhormat Puchong bercakap pasal bom semua ini, apa kena mengena dengan pindaan kepada akta dadah ini. Ini *presumption*. Apa kena mengena dengan *presumption* yang kita bincangkan?

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Soalan yang baik. Saya akan jawab. Terima kasih. Bila kita ada *presumption* Yang Berhormat, maknanya kita memberi ruang kepada pihak polis supaya tidak siasat fakta-fakta yang akan dipresume. Ini kerana kalau tidak ada *presumption*, we have to prove custody control a knowledge. You know that, you are ex judge right. So, sekarang tidak perlu untuk kita membuktikan semua itu kerana ada *presumption*. The point I making is this, kalau kita...

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Sorry, sorry.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Sila.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Saya faham dengan *presumption* tetapi masalah sekarang ini, Yang Berhormat Puchong bercakap ini berkenaan dengan kes Altantuya dan sebagainya, saya rasa tidak ada kena mengena dengan *presumption*. Itu yang saya maksudkan.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tunggu, tunggu.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** We have to confine yourself.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** No, no. I will convince you. You are a judge, I will convince you. There will be no appeal. Boleh saya diberi peluang, kalau bolehlah. No problem. I will anticipating this question, I'm prepared for you. Apa kena mengenanya? Dalam kes Altantuya, sehingga hari ini kita tidak tahu kenapa orang itu dibunuh. Betul? Saya rasa semua setuju sini. Soalan yang ditanya oleh pihak Barisan Nasional, bukan saya yang tanya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Cukup, cukuplah.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** BN yang tanya, so saya kena jawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Cukuplah, ini sudah panjang sudah. Apa mesej yang hendak disampaikan oleh Yang Berhormat Puchong cukup.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Baik, baik. Saya kena jawab...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Puchong, saya boleh guna kuasa Yang Berhormat tetapi saya...

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** No this one, Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Saya bagi peluang untuk gulung sahaja, gulung sahaja.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Ini saya kena jawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tidak perlu, tidak perlu. Fasal kes Altantuya, tidak perlu. Saya bagi dua minit sahaja, dua minit. Gulung, gulung.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Kes Altantuya itu saya sebut kerana soal...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Puchong, tidak payah sebutlah.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tidak, tidak hanya begitu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tidak, tidak. Saya tidak benarkan.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Ini kerana orang tanya dan *point* yang saya buat Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Puchong, Yang Berhormat Puchong.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Saya faham, saya faham. *Point* yang saya buat senang...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Puchong, janganlah berdegil dengan saya. Sila, sila.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tidak, saya bukan degil tetapi saya rasa...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila hujahan lain.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tidak, saya tidak hendak sebut Altantuya sudah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, okey.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *Don't be afraid.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Jangan sebut, jangan sebut.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Jangan takut, saya okey. Tidak ada masalah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Saya pun tidak takut.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tidak ada masalah. Jawapan yang saya akan berikan. Saya sebutkan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Puchong, kalau Yang Berhormat respons lagi terhadap kes Altantuya, saya terpaksa berhentikan Yang Berhormat Puchong berucap.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Kenapa? Saya tidak sebut berkenaan dengan kes Altantuya. Saya sebut berkenaan dengan isu *point* yang saya buat untuk hujahan seksyen ini. *Hear me out. Trust me. You will be okay, no problem. Nobody will scold you after this. Don't worry.*

Apa yang saya sebut seperti dalam kes itu, saya tidak sebut nama. Tidak sebut nama. Kes itu. Takut sangat dengan Altantuya, semua takut.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Bukan masalah takut. Saya ikut peraturan Yang Berhormat Puchong. Jangan berdegil Yang Berhormat Puchong.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Saya tidak hendak sebut nama itu. Nanti kena gantung. Tidak ada apalah. So, dalam kes kita sama juga. Kalau kita tidak siasat apa yang berlaku dan ada anggapan Yang Berhormat, macam mana? Sebenarnya dalam kes 39B, *like* kes Noratikah. Noratikah boleh? Boleh. Kes Noratikah misalnya, dia bawa beg. Cerita sebenarnya bahawa beg itu kepunyaan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Puchong, Yang Berhormat Puchong. Sebenarnya hujahan Yang Berhormat ulang-ulang.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Saya diminta soalan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tidak perlulah respons. Selama 25 minit Yang Berhormat Puchong, saya bagi peluang kepada Yang Berhormat Puchong. Bagi peluang kepada kawan yang lain pula.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Ya, ya. Saya faham. Persoalan itu saya rasa itu adalah penjelasan untuk Yang Berhormat. Yang Berhormat, isu yang lain yang bersangkutan dengan ini. *The last point that I make* Tuan Yang di-Pertua. Isu yang saya bawa, *death penalty*. Kita kena faham Yang Berhormat Timbalan Menteri, kalau saya boleh Yang Berhormat. Kalau kita hendak sebut semua kes Tuan Yang di-Pertua, ini adalah kategori kes-kes yang paling berat *because of death penalty*. *We cannot change it, we cannot reverse*. So, itu menjadi sebab atas ini. Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri, di dalam kes ini, di dalam perkara ini saya minta tarik balik bil ini. Tarik balik Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dapatkan pendapat daripada semua yang terlibat. *Get the views of the Bar Council*. Ambil pendapat daripada Jabatan Peguam Negara berkenaan dengan impak apa yang akan berlaku di sini. Cukup penting dan saya juga hendak tanya, bagaimana dengan *death penalty*? *Last issue* Tuan Yang di-Pertua, dalam seminit sahaja. *Death penalty*. Kita dengar baru-baru ini di Singapore Tuan Yang di-Pertua, kita lihat seorang warganegara Malaysia Sabah...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sebenarnya saya kira Yang Berhormat Puchong sudah berpuas hati apa yang dia hendak sampaikan, cuma main contoh, contoh, contoh. Saya ingat cukuplah Yang Berhormat Puchong.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tidak, tidak, bukan. Contoh diberikan kerana Singapore, undang-undang itu telah pun dipinda di mana sekarang diberi balik kepada Hakim Tuan Yang di-Pertua, kuasa, budi bicara berkenaan dengan hukuman.

Jadi dalam keadaan seperti ini di mana akan digunakan anggapan tersebut kalau ada budi bicara itu perkara lain. Akan tetapi di Malaysia walaupun kita sudah sebut Tuan Yang di-Pertua, saya rasa dari tahun 2010 kita ada sebut bahawa kita akan kaji. So, saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri juga, apakah kedudukan, status berkenaan dengan isu itu. Adakah kita akan teruskan dengan undang-undang yang sedia ada ataupun adakah kita akan juga meminda undang-undang supaya tidak ada hukuman mandatori mati dalam kes-kes sebegini.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Minta penjelasan sedikit.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Ya. Terpulang, terpulang.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Sedikit sahaja Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya. Sila.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Sebab saya pun hendak bangkit *point* yang sama, tetapi saya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Subang ada peluang berucap sebenarnya.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Tidak apa, saya tidak mahu ambil masa sebab dia sudah bangkitkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Subang tidak hendak berbahas?

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Tidak hendak berbahas tetapi sebab dia bangkit, saya ambil peluang untuk minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Subang tidak berbahas.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Ya, lepas ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Tidak payah, saya hendak bahas sebab *point* dia sudah bangkit itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** *The point taken.*

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** *Point* yang dibawa tadi oleh Yang Berhormat Puchong ini sangat penting sama ada Kerajaan Barisan Nasional akan mengembalikan bidang kuasa budi bicara kepada Hakim seperti yang telah dibuat di negara jiran kita Singapura di mana mereka telah pindakan di sana Misuse of Drug Act yang sama dengan, Akta Dadah Berbahaya kita. Hukuman mati telah dipinda dan kuasa itu telah diserahkan balik kepada Hakim dalam kes-kes berkaitan dengan *drug new* dengan izin. Khusus untuk *drug new* sahaja di mana apabila dalam ketenangan kes, Hakim mendapati bahawa memang benar orang yang tertuduh itu adalah seorang *drug new* dan juga telah memberi kerjasama kepada pihak penyiasat dan sebagainya, dia ada budi bicara untuk pinda bagi hukuman yang lain. Dikecualikan daripada hukuman gantung.

Jadi saya minta pandangan Yang Berhormat Puchong, sama ada inilah arah sepatutnya Malaysia, negara kita pun patut ikut sebagai satu langkah permulaan dan akhirnya kita kena elak daripada hukuman mati secara mandatori. Minta penjelasan dan pandangan Yang Berhormat Puchong.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Terima kasih Yang Berhormat Subang. Itulah perkara pokok yang saya bangkitkan. Bila kita lihat negara lain membuat pindaan iaitu daripada dahulunya wujud undang-undang mandatori untuk hukuman mati. Kita lihat bagaimana sekarang mereka

kembalikan budi bicara kepada Hakim kerana perlu kepastian. Jadi terdapat kes-kes di mana tidak ada kepastian, maka mereka itu diberi kepada Hakim itu budi bicara.

**■2100**

So, isu dia kepastian. Dalam kes kita juga sama. Kalau negara kita hendak wujudkan anggapan, *that means we are going away from* kepastian kerana pihak polis tidak perlu siasat dengan menyeluruh. Kalau mereka tidak siasat dengan menyeluruh, maka tidak ada kepastian tetapi mereka bergantung Yang Berhormat Timbalan Menteri kepada anggapan. Itu menjadi masalah *in criminal law today is the other way around. This law takes us 10 steps backward. It's regressive* kerana objektif yang kita hendak itu, *we are moving away from it. Instead of moving towards the system* dengan izin *where we are more certain, more sure. We have a situation where we are not interested in the truth anymore, we are only interested* dengan izin kalau kita dapat bukti fakta yang *basic*, terus kita boleh hukum seorang itu dan hukuman itu adalah hukuman mandatori.

Jadi dalam keadaan tersebut Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi mengucapkan terima kasihlah kerana saya pinjam masa daripada Yang Berhormat Subang, dia tidak hendak berucap, mungkin seminit dua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Pandai peguam ya.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Saya minta kalau boleh...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Cukup, cukuplah.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Yes, Yang Berhormat Timbalan Menteri kalau boleh saya hendak satu jawapan berkenaan dengan ini. Kalau boleh saya minta tarik balik undang-undang ini. Biar undang-undang ini diberikan kepada pihak-pihak yang berkaitan seperti Bar Council. *Let us sit back and talk. Let's think about this* Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ini adalah satu langkah yang memang seperti mana sebut tadi *it's a real great step backwards*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terima kasih. Yang Berhormat Kuala Krai. Bagi *lawyer relax* sikit.

**Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Bagi kesihatan.

**Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Ya, ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila.

**Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Terima kasih saya juga ingin turut membahaskan rang undang-undang yang ada di depan kita ini. Sebenarnya tujuannya pastilah untuk membawa keadilan kepada mana-mana pihak tetapi jangan kerana kita hendak mencapai hasil, mungkin KPI atau apa, dari segi pendakwaan kita hendak berjaya, maka kita dengar tadi yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Puchong lebih regresif, lebih ke belakang daripada apa yang sedia ada. Begitu juga dalam perkara yang dibangkitkan dalam rang undang-undang ini. Biasalah rang undang-undang ini biasa dibuat apabila berlaku sesuatu di mahkamah apabila pihak

pendakwa mendapati kes mereka gagal kerana satu sebab. Cuba diperbaiki. Ini bukanlah perkara yang pelik.

Cuma kita tidak mahu dilonggarkan ataupun dipinda sehingga boleh menyebabkan suatu kesilapan. Lebih baik kita tersilap dengan membebaskan orang yang kemungkinan salah daripada kita menghukum orang yang tidak salah. Itu *basicnya*. Jadi saya menyokong penuhlah hujah yang dibawa oleh Yang Berhormat Puchong tadi, cuma saya tidak bercakap mengenai perkara-perkara yang telah disebut dan berkaitan dengan guaman. Saya ingin menyentuh mengenai perkara yang pertama yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi iaitu urusan pengambilan sampel biologi atau *biological sample* untuk membuktikan kehadiran dadah merbahaya ini dalam tubuh manusia, mereka yang ditangkap.

Saya masih lagi berkeyakinan bahawa pegawai-pegawai perubatan kita, *medical officer* ataupun dalam hal ini tidak diperluaskan *medical officer* ini kepada mana-mana jawatan lain sampai Pegawai Sains pun dianggap sebagai *medical officer* atau pegawai perubatan. Dalam Kementerian Kesihatan mungkin ia diperluaskan kepada pembantu perubatan misalnya tetapi dalam hal ini diletakkan sebagai Pegawai Sains dan tidak di definisikan Pegawai Sains itu sebagai apa yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi, Pegawai Sains Kimia Hayat, Sains Kimia Biologi dan sebagainya. Hanya disebut sebagai Pegawai Sains.

Jadi ini Pegawai Sains ini macam-macam Tuan Yang di-Pertua. Pegawai Sains, ada Pegawai Sains Makanan, Pegawai Sains Fizik. Jadi meletakkan hanya Pegawai Sains di sini telah memberikan satu ruang definisi yang terlalu longgar sehingga kita tidak boleh menjurus kepada pegawai-pegawai sains yang berkenaan tadi. Jadi saya hendak mencadangkan supaya mereka yang hendak dimasukkan sebagai orang yang bertanggungjawab yang dibolehkan untuk mengumpul sampel biologi ini didefinisikan, dipastikan kategori mereka walaupun mereka ini hanya mempunyai *basic science* ataupun *basic degree*. Tidak semestinya ada Phd ataupun Masters. Tidak guna ada *degree*, Masters ataupun Phd kalau bukan daripada bidang yang berkaitan ini. Jadi saya hendak minta pindaan ini menjadi lebih spesifik Tuan Yang di-Pertua.

Seterusnya saya ingin hendak bertanya, hendak mendapatkan pandangan daripada Kementerian. Disebut tadi bahawa jumlah sampel yang dikutip sampai mencecah 655,000 dan tentulah ini akan memberikan tekanan kepada para petugas yang menjalankan analisis. Kemudian terdapat pula dadah-dadah baru yang menambahkan lagi beban makmal kita. Saya hendak bertanya kerana saya telah meneliti beberapa artikel, beberapa penulisan dan beberapa cadangan yang berlaku di sekeliling kita. Banyak kes-kes yang ditahan ini adalah berkaitan dengan *cannabis* ataupun ganja. Ya, Yang Berhormat Batu, ganja ya.

Saya mendapati di sesetengah negara ganja ini bukan sekadar di *criminalize*, *legalize* pun ada. Ada bahan-bahan tanaman ganja ini saya baca dalam *literaturenya* sama macam apa ada di banyak negara seperti *cannabis sativa indica* dan satu lagi *cannabis sativa*. Ganja yang kita katakan ditagih oleh orang ini *cannabis sativa* ataupun *indica*. *Sativa* ini macam *manila hemp* yang pokoknya, bahannya digunakan, fibernya digunakan dalam **rami albakar** untuk membuat tali dan

sebagainya. Namun pokoknya ya dan bahannya walaupun berbeza tetapi dari segi keluarga, pokoknya yang sama dan ada juga orang menggunakannya untuk mendapatkan kesan *cannabis* daripada *manila hemp* ini.

Jadi saya berpandangan apa yang dibuat oleh sesetengah negara adalah untuk memastikan bahawa *cannabis* ini boleh digunakan tetapi dengan kawalan. Sesetengah negara, *cannabis* ini digunakan melalui pemerhatian ataupun kebenaran ataupun dilesenkan oleh doktor-doktor. Dibenarkan melalui doktor-doktor yang berlesen. Apa yang saya maksudkan di sini ialah adakah kerajaan telah meneliti mengapa negara-negara tersebut menukar daripada menganggap *cannabis* ini sebagai suatu dadah berbahaya yang mesti diperangi kepada satu dadah yang sebahagiannya di *legalize* dan sebahagiannya di *criminalize*.

Kalau dalam konteks bahayanya Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tembakau jauh lebih bahaya kepada tubuh badan dan penggantungan kepada cандu tembakau ini lebih fizikal, lebih mudarat daripada penggantungan *psychological cannabis* ini. Jadi adakah kerajaan sudah meneliti perkara-perkara ini? Adakah kerajaan memikirkan untuk contohnya melihat suasana dalam penjara yang begitu ramai penagih-penagih ini yang sepatutnya boleh diawasi bukan di dalam penjara tetapi dalam proses pengawasan di luar di mana mereka ini masih boleh berfungsi sebagai pekerja, sebagai *parent* dan sebagainya.

#### **■2110**

Adakah kementerian bercadang untuk meneliti kembali bahawa dadah sebeginilah, bukan heroinkah atau dadah-dadah yang mempunyai morfin yang mempunyai kesan penggantungan fizikal yang cukup kuat, yang merbahaya kepada organ-organ. Jadi itu yang saya hendak tanya. Mungkin kita boleh lihat apa sebenarnya tujuan negara lain itu berbuat seperti apa yang telah saya sebutkan.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Tuan Yang di-Pertua, sedikit sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Batu sila.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Bolehkah kita - sekurang-kurangnya sebab dari segi saintifik kita sebut tentang bagi analis saintifiknya, kita bezakan yang dadah seperti kanabis ini atau ganja ini dengan yang kita sebut *hard drug*, dengan izin, heroin dan benda-benda yang lain supaya hukumannya tidak sama. Sekurang-kurangnya kita secara saintifik mengakui ada secara dari segi sifatnya, kedua-dua adalah bahan yang agak berbeza. Terima kasih.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Ya, saya ingin mengemukakan pandangan atau persoalan yang di bawa oleh Yang Berhormat Batu itu kepada kementerian ataupun kerajaan supaya kerajaan meneliti bagaimana keputusan-keputusan negara-negara lain diambil apabila mereka bersedia untuk *dicriminalized* atau *legalize* sebahagian daripada dadah ini. Adakah kerana sebab-sebab yang dibawa contoh oleh Yang Berhormat Batu tadi. Ini kerana saya perhatikan di dalam *literaturenya*, negara-negara seperti *Finland, Netherland, Spain, Portugal, Switzerland* dan ada negeri-negeri di USA seperti *Washington* dan *Colorado* pun berani melakukan perkara

tersebut. Jadi saya ingin mengemukakan pertanyaan ini kepada kementerian sama ada usaha-usaha untuk melihat kembali *relook, review* balik perkara ini untuk memastikan beban negara seperti yang banyak dibangkitkan di dalam Dewan ini mengenai jumlah tahanan yang terlalu ramai, pusat-pusat pemulihan yang sentiasa mempunyai kadar *occupancy* yang tinggi, boleh dapat diselesaikan melalui cara dan pendekatan yang lebih menguntungkan kita. Jadi Tuan Yang di-Pertua, itu komen saya. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, terima kasih. Ada dua lagi ya? Tiga? Beri Yang Berhormat Kuala Kedah.

### 9.13 mlm.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin memberikan beberapa komen dan pandangan tentang apa yang dibawa oleh Kementerian Kesihatan. Saya sebagai profesionnya seorang doktor, saya melihat ada dua isu di sini. satu ialah pindaan seksyen 31A dan satu lagi ialah seksyen 37A baru berkenaan dengan *application of presumptions*, dengan izin. Saya tak ada masalah dengan pindaan seksyen 31A tentang *biological sample, collected purposes of an examination under the section be analyzed spite Science Officer.*

Akan tetapi saya ingin menambah beberapa *point* yang saya rasa boleh kita perhatikan sama-sama. Berkenaan dengan *application of double presumptions*, adalah pandangan saya bahawa itu seharusnya dibawa oleh kementerian lain, Menteri lain kerana itu satu isu yang berat dan besar dan melibatkan asas undang-undang.

Berkenaan dengan pengutipan sampel biologi dan peperiksaannya oleh pegawai sains, saya teringat masa saya dalam perkhidmatan kerajaan lama dahulu, tahun 1987 sampai 1992, memang itu merupakan satu-satu isu yang kadang-kadang menyebabkan *backlog*, menyebabkan dengan izin, kes tertangguh kerana yang perlu ke mahkamah itu kadang-kadang seorang pegawai sahaja, Pegawai Biokimia yang boleh ke mahkamah dan bercakap dan menerangkan bahawa bagaimana sampel diambil dan di analisa.

Jadi kalau seorang, banyak kes yang tertangguh. Apabila kita terlibat dengan dadah Tuan Yang di-Pertua, ia satu perkara yang kalaupun tidak membawa hukuman mati, ia membawa stigma yang sungguh dahsyat. Kalau kita mengatakan seseorang itu sampel yang diambil daripadanya positif dadah dan dia kebetulan pegawai polis, saya rasa tidak ada peluang untuk dia naik pangkat, mungkin dibuang kerja. Kalau dia seorang doktor lagi dahsyat juga. Kalau dia bukan doktor atau polis pun, itu stigma dalam masyarakat pada dia dan keturunan yang akan datang. Jadi ini satu perkara yang sangat serius.

Berkenaan dengan pegawai sains, saya tidak menafikan sekarang kita ada ramai pegawai sains yang ada kelulusan tinggi macam yang disebut oleh Timbalan Menteri tadi. Akan tetapi kena diketahui bahawa kalau kita melakukan ujian secara *computerize*, secara berkomputer dengan alatan yang baru, itu agak *simple*, agak mudah. Akan tetapi kalau kita melakukan ujian manual di

hospital-hospital dan pusat-pusat dalam. Yang Berhormat Kinabatangan tidak ada, tetapi Kinabatangan saya rasa tempat yang paling hululah, antaranya, dia selalu sebut begitu. Kalau di sana misalannya, kita buat manual. Katakan kita buat manual, kadang-kadang interpretasi, *interpretation*, penaksiran dan kadang-kadang ada ketikanya, penaksiran itu tidak *straight forward*, dengan izin. Itu memerlukan kemahiran dan *background*, latar belakang biokimia yang agak baik. Dalam kes sebegini, saya rasa kita perlu menyatakan ada kes tertentu yang perlu *guidance*, perlu bimbingan daripada ahli biokimia yang lebih berpengalaman, yang telah melihat kes-kes yang sedemikian.

Kadang-kadang menganalisis, memberikan pentafsiran terhadap kromatografi misalnya, tidak mudah kadang-kadang. Ada kes yang tidak mudah. Ada kes yang mudah, ada kes yang terpencil tetapi agak sukar. Walaupun terpencil dan kadang-kadang berlaku tetapi kalau kita tiba-tiba mengeluarkan keputusan positif kepada orang dan sedangkan tidak ada dadah, sebenarnya tidak ada positif, itu implikasi yang sangat besar. Jadi ini kena diperhatikan. Apa yang saya bimbangkan adalah tempat-tempat terpencil. Siapa ada di sana? Siapa yang memastikan makmal itu cukup akreditasinya, sampai standardnya?

Di Kuala Krai misalnya, Hospital Kuala Krai, saya tidak ingatlah. Saya pergi sana 28 tahun dahulu. Akan tetapi dahulu saya ingat, nampaknya sangat-sangat primitif saya rasa tempat itu. Kita tidak maksud Kuala Krai, sesetengah tempat sangat primitif. Kalau dalam keadaan begitu, siapa yang memastikan standardnya pemeriksaan tadi sampai tahapnya untuk kita mengatakan ujian urin tadi positif misalannya? Itu kena diperhatikan. Begitu juga pegawai sains, bila dia mengendalikan kes ini, dahulu kita ada Pegawai Biokimia. Misalnya, *the biochemist* tidak ramai. Jadi boleh diperhatikan. Akan tetapi kalau ramai nanti, maka taraf etikanya juga harus tinggi seperti doktor, perlu ada etika dan profesionalisme yang sungguh tinggi.

Saya teringat ketika saya mula bekerja tahun 1987, masa itu kadang-kadang sahaja saya buat *test* untuk AIDS. Kadang-kadang berlaku, kita baru hantar *sample*, di pasar malam sudah dibualkan, *so and so*, orang ini mungkin ada AIDS. Itu berlaku. Saya tidak mengatakan pegawai sains tidak profesional, tidak. Akan tetapi etikanya dan tahap profesionalismenya harus tinggi, harus sampai ke peringkat di mana setiap *sample* tadi dilayan dengan cara yang cukup profesional kerana ini masalah reputasi, masalah maruah dan berbagai-bagai lagi.

Selain daripada latihan yang cukup tadi, kerana pegawai sains mesti ada berbagai *background*, latar belakang. Ada yang graduan dan fizik, seperti Yang Berhormat Kuala Krai, ada - bukan semua graduan bio kimia. Maka perlu ada latihan yang khusus yang sampai standard yang menyebabkan atau membolehkan ia membuat pentafsiran tadi. itu perlu saya rasa dan juga kena ada satu sistem di mana ada bimbingan boleh diberi dan ada *quality control* yang baik. Kalau itu *in place*, kalau itu semuanya ada, saya rasa tidak ada masalah kita memberikan pengiktirafan kepada pegawai sains untuk dia pergi ke mahkamah dan lain-lain lagi. Itu tidak ada masalah. Itu sahaja saya rasa sebab kita kena minimumkan risiko berlaku kesilapan. Seterusnya ialah sedikit sahaja tentang *application of the presumption* tadi, itu satu isu yang saya rasa agak kompleks, agak

sensitif dan saya sebagai seorang doktor, 26 tahun lebih. Saya rasa itu lebih baik serahkan kepada lawyer dan Menteri yang berkenaan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Muah beri Yang Berhormat Sepang dahulu?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Sepang. Selepas Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Pasir Puteh, Yang Berhormat Menteri menjawab. Sila.

#### 9.19 mIm.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai pindaan ke atas Akta Dadah Berbahaya ini. Saya, kalau dalam mahkamah kata *fully at doubt*, apa yang dikatakan oleh rakan saya tadi dari Puchong. Saya akan cuba mengambil tadi dari sudut lain pula untuk berbahas mengenai pindaan ini.

#### ■2120

Saya Tuan Yang di-Pertua, akan lebih memfokuskan berkaitan dengan fasil 4 iaitu yang memperkenalkan seksyen baru iaitu seksyen 37A yang mana izinkan saya membaca apakah cadangan pindaan itu. Dalam bahasa Inggerisnya dinyatakan, “*Notwithstanding anything under any written law or rule of law, a presumption may be applied under this Part in addition to or in conjunction with any other presumption provided under this Part or any other written law.*” Mana-mana mereka, mana-mana orang yang belajar undang-undang, even tahun satu, mereka akan dapat dengan mudah spot kelemahan perkataan-perkataan yang digunakan dalam undang-undang ini.

Apa kelebihannya? Saya tadi bertanya dengan Yang Berhormat Subang, dan saya rasa rakan saya Yang Berhormat Puchong boleh bersetuju dengan saya. Saya pertama kali nampak satu provision dimasukkan perkataan *rule of law* dalam provision undang-undang. Ini satu perkara yang memang aneh. *Rule of law* ini satu konsep. Ia macam satu bentuk dasar. Kita tidak masuk benda dasar dalam perkataan dalam undang-undang. *Rule of law. Notwithstanding anything under rule of law. Rule of law* ini orang berbahas berpanjang, tiba-tiba kita masukkan sebagai dalam undang-undang. Saya tidak tahu siapa yang draf ini. *Who ever he is*, memang memalukanlah. Makna.. [Ketawa] Yang Berhormat Puchong boleh setuju dekat saya. Perkataan *rule of law* ini satu konsep. Kalau kita kata *any written law or any regulation in the rules, then okay* lah. Akan tetapi mengatakan *rule of law* masuk dalam ini... [Ketawa][Disampuk] Kedaulatan undang-undang.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Apa dalam bahasa Melayu boleh kita...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Dengan lebih tepatnya *rule of law* ini ialah kedaulatan undang-undang. Maknanya tanpa mengira apa-apa yang ada dalam undang-undang bertulis ataupun kedaulatan undang-undang, tidak pelik kah nampak? Buninya pun sudah kita rasa pelik.

Anyway, inilah undang-undang yang hendak kita cadangkan untuk kita bahaskan. Sebab itulah tadi daripada peringkat awal, kita bukan tidak menghormati Yang Berhormat Timbalan Menteri yang membawa rang undang-undang ini, kalau rang undang-undang ini hanya berkaitan dengan isu *drug*...

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: [Bangun]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Puchong bangun.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: [Ketawa]** Sorry, berkaitan dengan aspek ini. Saya setuju dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat daripada Sepang. Kalau boleh, dalam perkara ini juga, saya bawa perhatian Yang Berhormat Sepang dan juga Yang Berhormat Timbalan Menteri kepada percanggahan dalam apa yang disebut dalam fasal 4 sebelum ini dan kalau kita lihat kepadauraian...

Kalau kita lihat kepada fasal 4 Tuan Yang di-Pertua, 37A menyatakan... Minta maaf, tadi saya sudah buat isu, saya tidak ada bahasa Malaysia, "*Notwithstanding anything under any written law or rule of law, a presumption may be applied under this Part in addition to or in conjunction with any other presumption provided under this Part or any other written law.*" So, apa yang penting di sini adalah *presumption maybe applied*. Itu saja 37A.

Akan tetapi kalau kita lihat Yang Berhormat Sepang dan Yang Berhormat Timbalan Menteri,uraian lima, "*Fasal 4 bertujuan untuk memasukkan seksyen 37A ke dalam Akta 234 untuk membenarkan pihak Pendakwa Raya untuk mengguna pakai satu anggapan...*" Mana dalam seksyen 37A disebutkan bahawa *maybe use by the public prosecutor* ataupun disebut dalam seksyen 37A bahawa sebenarnya kuasa itu kepada pihak Peguam Negara?

Di mana kita dalam satu bicara Yang Berhormat Sepang, yang berkuasa itu hakim. Sepatutnya kalau kita ikut tadi 37A dalam seksyen 4, hakim yang membuat keputusan *whether or not it will be use*. Tapi dalam uraian dikatakan bahawa pendakwa raya yang akan membuat keputusan. So, memang ada percanggahan. Saya minta pandangan dan pendapat Yang Berhormat Sepang berkenaan isu ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih kepada sahabat saya Yang Berhormat Puchong. Sebenarnya bukan saja mereka yang mempunyai *law degree* yang boleh berbicara tentang undang-undang ini, sebab undang-undang ini seperti mana juga seperti ilmu perubatan ya, ia ada *branch* yang banyak, bercabang-cabang dan *criminal law* ini khususnya saya dengan Yang Berhormat Puchong mempunyai pengalaman sedikit berkaitan dengan perbicaraan kes-kes yang melibatkan dadah ini, yang melibatkan 39B dan sebagainya. Jadi kita dapat lebih mudah memahami.

Dan sebab itu kami agak khuatir tadi apabila Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan yang membentangkan rang undang-undang ini, kita khuatir benda-benda yang kita hendak sebut ini tidak dapat mungkin difahami dengan sebenarnya dengan baik oleh Menteri. Bukanlah kita hendak kata Menteri ini tidak ada ilmu dan sebagainya tetapi ini lebih kepada isu yang penting. Apatah lagi

*presumption* ini akan digunakan dalam perbicaraan yang mana orang yang akan dituduh ini dan yang akan dikenakan hukuman sekiranya bersalah, antaranya hukuman mati. Mandatori pula itu hukuman mati ini, bukan main-main.

Tadi rakan saya mengatakan tentang kes Nur Atikah yang memang ramai tahuhlah kalau mereka yang terlibat dalam kes-kes *drug* ini. Akan tetapi saya hendak katakan, banyak dalam keputusan-keputusan mahkamah kalau kita membaca keputusan-keputusan yang berkaitan dengan 39B ini khususnya, Mahkamah Persekutuan sendiri menyatakan bukan sahaja kadang-kadang kes seperti Nur Atikah berlaku, ada juga, ini mahkamah kata bukan saya kata, saya cuma menyampaikan apa yang mahkamah kata tentang *overzealousness* ini daripada pihak polis. Contohnya mereka buat satu... *But* dalam undang-undang ini dibenarkan kalau sekiranya satu dadah didapati dalam sebuah premis, ia juga menggunakan *presumption*. Makna *presumption*, anggapan akan digunakan dan kadangkala polis yang membuat *raid* itu sendiri yang meletakkan *planted the drug*. Ini bukan saya kata, ini apa yang mahkamah kata. Jadi, *overzealousness* ini berlaku.

Jadi sebab itulah dalam keadaan begitulah yang kita khuatir kadangkala akan berlakunya penganiayaan ini. Penganiayaan dalam kes dadah ini bukan hanya melibatkan hukuman penjara tapi sampai ke peringkat orang boleh dikenakan hukuman bunuh. Sebab itulah kita merasakan bahawa rang undang-undang seperti ini, kalau hendak dibuat sekali pun, pastikan kita mendapat input daripada semua *stakeholders* ini sama ada, semua pihak lah khususnya pihak-pihak yang terlibat dalam undang-undang ini. Itu yang pertama, Tuan Yang di-Pertua.

Keduanya, saya hendak cerita sedikit tentang *presumption* ini. Kalau kita lihat undang-undang *presumption* ini, memang kalau kes-kes yang terbaru, yang terbaru sekali yang agak baru jugalah tahun 2010 di mana ada satu keputusan yang melibatkan Mahkamah Agong Victoria di Australia, di mana di Australia kalau kita lihat di Australia, mereka juga mempunyai undang-undang dadah dan undang-undang ini juga ada juga peruntukan mengenai anggapan.

Sebagai contoh, dalam seksyen 5 *Victoria Drug, Poisons and Controlled Substance Act 1981*. Kes ini melibatkan, saya baca dia punya rang undang-undang di Victoria itu. Dia mengatakan, "*Someone is deemed to be in possession of drug if they owned a property where the drugs are found unless they can prove otherwise.*" Ini antara contoh undang-undang *presumption* ini.

Undang-undang ini telah dicabar di mahkamah di Australia dan sampai ke peringkat Mahkamah Agong di situ. Di mana dalam keputusan, saya bagi nama kesnya iaitu kes yang melibatkan R vs Momcilovic tahun 2010 VSCA muka surat 50. Kalau kita tengok dalam website kita boleh lihat kes ini. Kes ini di mana *drug* itu ataupun dadah itu telah didapati di apartmen orang yang kena tuduh ini, dan kerana didapati dalam apartmen itu, maka pendakwa menggunakan seksyen 5 ini untuk membuat anggapan bahawa dia juga adalah pemilik dadah itu. Dia telah mencabar undang-undang itu di mahkamah kerana dia kata undang-undang ini bertentangan dengan *Charter of Human Rights and Responsibilities Act 2006*. Walaupun kita tidak mempunyai undang-undang

seperti ini tapi hakikatnya perlembagaan Malaysia ini, Perlembagaan Persekutuan itu sebenarnya mempunyai konsep ini juga secara tidak langsung.

**■2130**

Dalam kes itu, mahkamah telah memutuskan bahawa apabila kita *reverse the burden of prove* ini sebab dalam kes yang melibatkan anggapan ini, pihak pendakwa yang walaupun dalam kes-kes jenayah ini, pihak pendakwa seharusnya membuktikan kes. *Throughout the case*. Maknanya dalam kes-kes jenayah ini ia ada peringkat pendakwaan, peringkat *defense*. Sepanjang perbicaraan itu, tugas pendakwa ialah membuktikan kes *beyond reasonable doubt* atau tanpa keraguan munasabah. Dalam membuktikan kes itu, dia mesti *present evident*. Akan tetapi kerana dia merasakan susah kadang-kadang hendak dakwa kes sebab *evident* tidak kuat dan sebagainya, maka diperkenalkan apa dia punya anggapan. Dalam undang-undang negara kita, ada *special provision*, seksyen 37. Kalau kita lihat dalam seksyen 37 itu, A sampai K semua berkaitan dengan *presumption*. Sudah banyak *presumption* nya. Sekarang ini sudah ada banyak begitu, A, B, C, D sampai K. Kita tidak puas hati lagi. Kita masuk pula seksyen 37(1)(a). Kita kata apa? *Presumption* ke atas *presumption* pula. Dua kali *presumption*.

Maknanya, ini betul-betul saya boleh katakan kerana gagalnya penyiasatan, *inefficiency* dalam *investigation* dengan izin, *is replace by statutory provision*. Maknanya kita ambil jalan pintas. Kita rasa hendak dakwa, hendak dapat sabitan, susah. Dekat mahkamah kadang-kadang kena teruk. Jadi, cara yang terbaik ialah pinda undang-undang. Bila mahkamah komen sedikit sahaja, ibarat macam budak kecil sudah merajuk. Bila merajuk buat undang-undang. Sama sahaja perangai UMNO ini. Dia tidak rasa. Patutnya bila mahkamah tegur itu, kita ambil satu pengajaran. Kita cari kenapakah penyiasatan ini. Oleh sebab itu saya katakan dalam banyak undang-undang, baik Akta Pencegahan Jenayah atau SOSMA kah, segala-gala undang-undang kalau kita lihat, kita semua mengambil jalan singkat. Apabila kita lihat pihak polis gagal dalam penyiasatan, tidak boleh membuktikan kes, kita gunakan Parlimen ini untuk tolong polis. Dalam erti kata sebenarnya kita tolong '**borba**', sokong '**borba**'. Kita sokong supaya polis terus tidak menjalankan penyiasatan dengan profesional. Ini bahayanya. Sebab itulah saya merasakan sudah sampai masanya.

Dalam kes yang saya katakan tadi, kes yang melibatkan *R versus Momcilovic* ini, undang-undang di Australia ini dia membenarkan untuk mahkamah buat *declaration* apa yang dipanggil *declaration of inconsistent interpretation*. Maknanya mahkamah di sana kalau ada undang-undang yang didapati bercanggah dengan prinsip-prinsip *human rights* ini, maka mahkamah akan minta bawa undang-undang ini balik ke Parlimen untuk Parlimen kaji balik.

Sekarang ini, kita sudah terangkan bahawa undang-undang ini bercanggah dengan prinsip *human right* kerana kita sudah *discharge burden of prove* itu. Hatta mahkamah dalam Australia mengatakan kalau sekiranya pihak pendakwa menggunakan hujah bahawa susahnya tidak ada anggapan ini, maknanya anggapan ini diperkenalkan untuk memudahkan kerja pendakwaan. Untuk *effective prosecution* dengan izin. Itu tidak memandai untuk kita gunakan *presumption*, itu mahkamah Australia kata. Oleh sebab itulah saya mencadangkan kalau boleh tarik balik undang-

undang ini. Pergi dapatkan dulu pandangan daripada pihak-pihak yang terbabit sebab kita akan menghukum orang ini sampai ke peringkat bunuh. Jangan main-main. Apabila kita hendak tangkap orang dan masukkan orang dalam penjara - sebab itu saya ingat dalam kes Perak itu apabila kes melibatkan Kuala Kangsar. Saya tidak ceritakan apa yang hakim cakap. Apabila dalam kes Kuala Kangsar itu, berapa orang terlibat dalam demonstrasi, selepas itu didapati bersalah. Selepas didapati bersalah, mereka ini terus dijatuhan hukum. Mereka minta *stay of execution*, tidak dibenarkan. Selepas itu mereka terus dihukum.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Puchong gulung.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sekejap, sekejap ya. Yang Berhormat Puchong sudah gulung, saya belum gulung lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sekejaplah. Jadi, apabila di Mahkamah Taiping, saya terpaksa *declare* saya punya *interest* sebab saya terlibat dalam kes rayuan itu. Mahkamah Tinggi Taiping mengatakan dalam kes jenayah ini, satu hari pun – bukan satu hari dia kata, satu jam pun, hatta dia kata seminit pun kalau kita tahan orang dalam keadaan orang itu mungkin tidak bersalah, ini bukan perkara kecil. Ini mahkamah Malaysia pun kata begitu. Oleh sebab itu apatah lagi kalau kita gunakan undang-undang ini sampai ke peringkat orang mati. Tidak ada rasa *conscience* kah kita?

Oleh sebab itu kalau sekiranya kita hendak memerangi dadah pun, jangan semata-mata gunakan undang-undang. Ada cara lain lagi. Boleh minta pandangan daripada Yang Berhormat Tanjong Karang sebab dia juga pernah jadi Menteri. Saya tahu dia pun akan setuju dengan saya. Dia akan rasa benda ini bukan benda kecil sebab dia pun cakap dengan saya. Dia kata hendak *sign* orang sampai hukum mati bukan main-main sebab itulah kalau kita sedar perkara itu, saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri tolonglah tarik balik sebab kita sudah ada cukup. Yang sudah ada sekarang ini pun, seksyen 37 itu sudah cukup. Sudah ada A sampai K untuk kita buat *presumption*. Buat apa kita hendak ada *double presumption*? Selepas itu pula *wording* ia begitu teruk.

Saya hendak tambah sedikit sahaja Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita lihat – saya sambung balik kes Australia tadi. Mahkamah mengatakan, sedikit ya. Saya baca apa yang *what the court held* ya. Dia kata “*The government party seeking to make a good justification case under section 7(2) of... Act*”. Maknanya dia kata kalau dia hendak gunakan justifikasi hendak kenakan anggapan ini, “*Will ordinarily be expected demonstrate by evidence. How the public interest is serve by the rights-infringing provision*”. Maknanya kalau *provision* ini melibatkan *right and infringing*, maknanya melibatkan pelanggaran hak. Pihak kerajaan, pihak yang hendak *introduce* undang-undang ini mesti meyakinkan kita semua bagaimanakah *public interest* boleh – macam manakah kepentingan awam boleh dijaga dengan pengenalan ini.

Ini kerana kita kena faham kebajikan *public interest* ini bukan sahaja melibatkan pihak yang mendakwa. Dia melibatkan juga *victim*. Dia juga melibatkan orang yang kena tuduh. Dia melibatkan banyak *stakeholders* sebab itulah saya mencadangkan supaya kerajaan tolonglah. *Have a conscience*, tarik balik. Bukan maknanya tidak boleh *introduce*, boleh tetapi kena kaji balik, kena dapatkan pendapat. Mungkin kita untuk *next sitting*, kalau rasa perlu sangat hendak buat benda ini pun tetapi yang saya rasakan lebih baik kita secara keseluruhannya baik Akta Pencegahan Jenayah dan sebagainya, cara terbaik sebenarnya bukan melalui undang-undang. Cara terbaik ialah kita memprofessionalkan polis, meningkatkan integriti dan kalau boleh, lebih baik kita minta supaya polis-polis diberikan *instruction* yang lebih sofistikated bagaimana untuk mereka memerangi *drug* atau dadah. Ini kerana dalam kes-kes yang melibatkan *drug MUSE*...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Sepang. Ini pihak yang...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sedikit sahaja. Orang yang bawa ini, memang ini bukan kes yang kita reka.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Saya bagi sedikit, sedikit. Lima minit, sekarang sudah 20 minit.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sepatutnya kes macam ini boleh bagi satu jam, Tuan Yang di-Pertua. BCA itu dulu saya dapat satu jam lebih. Berapa orang sahaja hendak cakap.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Cukuplah, cukuplah.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sedikit sahaja. *I am going to land*. Kita bercakap ini, kita hendak *contribute* supaya kita dapat undang-undang yang baik. Saya hendak kata begini. Saya hendak katakan bahawa kita mesti lengkapkan polis. Bagaimana caranya mekanisme terbaru untuk mereka. Dadah ini yang kita patut fikirkan ialah *kingpin* nya, *kingpin*. Maknanya ketua-ketuanya sebab kes-kes yang melibatkan *drug MUSE* ini memang banyak. Mereka tidak tahu, memang.

Oleh sebab itu kadang-kadang bukan sahaja di Malaysia, kadang-kadang orang-orang Malaysia pun yang dijanjikan bawa benda ini pergi ke Venezuela, pergi ke Argentina, Australia, tengok-tengok mereka tidak tahu dia bawa dadah. Benda itu memang berlaku. Maknanya selalunya yang berlaku ialah orang-orang yang kecil ini, ikan kecil yang diperangkap. Kita sepatutnya memikirkan bagaimana kita hendak tangkap ikan jerung itu. Kalau kita buat undang-undang hanya boleh tangkap ikan kering, sampai bila pun tidak akan dapat menyelesaikan isu dadah ini. Oleh sebab itulah mekanisme lain perlu difikirkan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Pasir Puteh. Selepas Yang Berhormat Pasir Puteh, Yang Berhormat Menteri menjawab.

■2140

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaaatuh. Saya ingin memberi sedikit saham dalam membincangkan Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan) 2013 ini. Undang-undang ini agak kecil sahaja nampaknya iaitu untuk memberikan izin kepada pegawai sains untuk menganalisis sampel-sampel biologi yang diambil. Kemudian dia boleh memberikan laporan untuk dijadikan sebagai bahan keterangan di bawah Akta Dadah Berbahaya.

Jadi sebelum itu saya ingin bacakan satu ayat daripada Surah Al-Baqarah, ayat 219 [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*], “*Mereka bertanya kepada engkau tentang arak dan judi*”. Saya siapkan ayat ini kerana hendak bincang dua ini hari ini tetapi nampak gayanya kita akan berbincang tentang arak sahaja kerana arak ini juga bapa kepada dadah kerana ia memabukkan. Semua yang memabukkan itu adalah [*Berucap dalam bahasa Arab*] dan semua yang itu adalah haram.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Batu, tidak payah bilanglah.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Dadah itu adalah sesuatu yang haram tidak kira sama ada dia kanabis atau...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Kuota cukup.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Tadi soalan tadi itu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Jumpa Yang Berhormat Bukit Katil, jumpa dengan Yang Berhormat Sungai Petani. Saya faham.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Sangkaan jahat itu. [Ketawa]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Saya faham. Sila.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Baik Tuan Yang di-Pertua. [*Berucap dalam bahasa Arab*] Katakan pada kedua perkara ini iaitu dadah dan judi, loteri atau apa ke namanya, perjudian dan juga ‘kham’ ini adalah dosa besar. [*Menyebut perkataan dalam bahasa Arab*] Ada manfaat untuk manusia. Ini kalau kirakan manfaat. Kita berbincang ini manfaat dan mudarat dia akan tetapi [*Bercakap dalam bahasa Arab*] Walau bagaimanapun, dosa kedua-dua itu adalah lebih besar daripada manfaatnya. Jadi oleh sebab itulah maknanya benda ini patut diharamkan. Hanya kita sudah ada undang-undang untuk mengharamkan benda-benda yang berbahaya ini khususnya dadah ini kecuali ‘kham’ ini belum lagi diharamkan. Arak ini belum lagi diharamkan. Jadi bila agaknya di negara kita ini akan mengharamkan arak saya pun tidak tahulah itu. Akan tetapi bagi kita orang Islam, ia tetap haram walaupun setitik. Tidak kira jenama apa, mabuk atau tidak mabuk, ia adalah tetap haram. Jadi orang Islam jauhilah perkara-perkara yang haram itu termasuklah dadah. Dadah ini bukan hanya morfin, bukan hanya kanabis tetapi juga adalah yang kita masukkan amphetamine sekarang pil yang merosaknya. Ada manfaatnya, ada gunanya untuk perubatan tetapi mudaratnya adalah lebih sehingga kita sampai kepada tahap

yang mana pengedar-pengedar dadah kita sudah ada satu undang-undang yang mandatori hukumannya ialah hukuman gantung atau bunuh. Maka ini adalah satu hukuman yang besar.

Perbincangan *lawyer* kita adalah tentang prosedur dan bagaimana untuk melaksanakan hukum ini dan perlulah mana-mana seksyen jenayah ini mestilah mempunyai satu kebuktian yang tidak boleh disangskan lagi, barulah Hakim itu akan menjatuhkan hukuman. Itulah perbincangannya dalam menjatuhkan hukuman dalam seksyen jenayah ini. Walau bagaimanapun, saya tengok perubahan atau pindaan yakni dilakukan di sini ialah hendak melantik pegawai sains itu. Saya ingin mendapat penjelasan, pegawai sains ini bentuk macam mana? *Biochemist, chemist* atau *Sains apa?* Ini perlu diperjelaskan sebagaimana diterangkan oleh Yang Berhormat Kuala Kerai. Kita hendak betul-betul orang yang ahli dan pakar dalam bidang ini. Betul-betul *diaccredited*, betul-betul diberi tauliah bahawa orang inilah yang layak untuk melakukan kajian dan memberi keputusan itu dan boleh diterima, tidak boleh disangkal lagi. Kalau ahli *Sains* biasa, memang tidak semua ahli *Sains* boleh diberikan tauliah ini. Ini mestilah ada *certificate* bahawa dia ini memang layak untuk menilai sama ada sampel itu ada mengandungi dadah atau tidak. Makmalnya juga sebagaimana diterangkan oleh sahabat saya daripada Kuala Kedah, makmalnya itu juga mestilah *accredited*. Maka banyaklah perkara-perkara yang perlu diambil berat oleh pihak kementerian atau Jabatan Kimia untuk memastikan bahawa tidak ada kelemahan di dalam sistem ini.

Jadi saya harap *insya-Allah* sebagaimana diberitahu oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi bahawa semua sudah sedia. Saya harap begitulah. Kita orang profesional, kita yakin sesama kita bahawa kita percaya apabila sudah ada kelayakan atau profesionalisme itu, maka tidak ada penipuan *insya-Allah*. Kalau tidak ada penipuan, tidak ada penyelewengan di mana-mana step itu, saya percaya di pihak ahli *Sains* yang berkelayakan ini dengan makmalnya, dengan segala mekanismenya, dia tidak akan menipu. Dia akan membawa keputusan yang tepat. Kalau dia kata ada dadah, dadah jenis apa, dadah yang itulah yang akan disebutkan dan bukan dadah-dadah lain. Hanya yang kita bimbang ialah sampel yang dibawa itu, betulkah sampel yang sebenar atau sudah dicampur dengan benda-benda lain. Inilah persoalan-persoalan yang perlu ditimbulkan oleh peguam-peguam. Itu bukan bidang kita tetapi bagi profesional ini, saya rasa mereka layak untuk menjadi saksi di dalam mahkamah untuk mengatakan bahawa bahan ini mengandungi dadah ini. Pihak Hakim mestilah menerima dengan yakin bahawa ini adalah suatu yang benar.

Jadi saya sebenarnya tidak ada apa-apa halangan bagi pendapat saya tentang klaus ini. Hanya perbincangan besar kita tadi ialah tentang sama ada undang-undang ini boleh dipakai lagi atau pun tidak. Itu sahaja. Bagi saya, undang-undang ini sudah patut *direview*. Hatta undang-undang hukum bunuh kepada pengedar pun saya rasa sudah ketinggalan zaman. Perlu *direview*. Mungkin kita boleh buat perbincangan atau konsensus atau bincang dengan lebih mendalam lagi bagaimana dengan pengedar-pengedar ini. Apa cara bagaimana untuk kita mengatasi gejala atau bencana yang menimpa negara kita iaitu dadah ini. Saya rasa itulah sahaja. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

### **9.47 mIm.**

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian di dalam perbahasan ini.

Saya sentuhkan dengan pegawai sains dahulu. Pegawai sains yang saya sebutkan tadi ada kekangan. Sekarang bil undang-undang hanya menyebut tentang pegawai perubatan yang boleh membuat analisis sampel yang dibawa kepada mereka. Sampel *urine* dan sebagainya. Jadi, ada kekangan di situ. Ada kes pula yang telah pun dibebaskan kerana sampel yang telah dianalisis dibuat oleh bukan pegawai perubatan iaitu pegawai sains. Oleh sebab itu dalam hal ini untuk menyelesaikan masalah *loophole* ini, maka pihak kementerian mencadangkan supaya memasukkan pegawai sains iaitu Pegawai Sains Kaji Hayat dan Pegawai Sains Forensik yang ramai terdapat di negara ini. Dalam hal ini memang mereka terlatih dan banyak tempat yang saya sebut dalam ucapan tadi lebih daripada 100 tempat yang mana makmalnya bersedia untuk menjalankan analisis ini. Jadi sama ada dengan komputer atau pun dengan secara manual. Akan tetapi bagi kawasan-kawasan yang terpencil dan tidak ada kemudahan, memang kita tidak benarkan menjalankan analisis ini.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Jadi maknanya dalam hal ini...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sedikit.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Ada?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Tadi Yang Berhormat Menteri kata *science officer* itu ataupun pegawai sains itu adalah kaji hayat dan sains kimia. Akan tetapi kalau kita lihat kepada seksyen 31A ini, ia tidak menyatakan begitu. Maknanya apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri ini tidak sebahagian daripada undang-undang melainkan ada dinyatakan apa definisi *science officer*. Maknanya mesti ada satu pindaan ke atas dalam inti pati *clause* itu, dalam tafsiran itu apa dimaksudkan dengan *science officer*.

Jadi kalau kita hanya menyatakan di sini, itu bukan undang-undang. Jadi tidak boleh guna apa Yang Berhormat Menteri kata itu dalam undang-undang. Kalau hendak buat undang-undang, buat betul-betul. Masukkan apa tafsiran *science officer*. Jadi kita *clear*. Kalau tidak nanti di mahkamah, mahkamah teraba-raba.

### **■2150**

Mahkamah Persekutuan, saya hendak beritahu Ketua Hakim baru-baru ini dalam kes pilihan raya saya hendak beritahu Ketua Hakim menegur pihak Peguam Negara. Cubalah buat undang-undang betul-betul sedikit, menyusahkan kami dia kata. Apa punya tafsiranlah dia kata. Dia siap

marah lagi peguam. Jadi saya harap kita ambil pengajaran dari segi teguran daripada Ketua Hakim itu. Menyusahkan mahkamah. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Yang Berhormat tidak dengar betul-betul apa yang saya cakap tadi. Sebenarnya apa yang dimaksudkan adalah analisis dibuat menggunakan komputer, *computerize system*. Jadi maknanya tidak ada masalah hendak buat kesilapan, *reporting* dan sebagainya. Itu yang dimaksudkan. Bukan sains komputer yang kita faham, tidak. Ini analisis yang dibuat ke atas sampel-sampel menggunakan *computerize system*. Itu maksud saya.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya bukan cakap fasal komputer. Yang Berhormat Menteri ini, saya cakap tadi Yang Berhormat Menteri kata maksud *Science Officer*. *Science Officer*, Yang Berhormat Menteri kata Sains Kaji Hayat dengan ini. Saya kata apa dalam undang-undang ini mengatakan maksud *Science Officer* itu, Pegawai Sains adalah Sains Kaji Hayat dan Kimia. Tidak ada dalam ini. Bukan sains komputer. Saya tidak sebut komputer pun.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Saya ingat salah dengar. Saya kata tadi pegawai-pegawai yang dibolehkan dimasukkan dalam peraturan ini ialah Pegawai Sains Hayat dan Pegawai Sains Forensik, bukan sains komputer.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Betullah. Saya tidak sebut sains komputer pun, saya tidak sebut sains komputer. Yang Berhormat Menteri, saya tidak sebut sains komputer.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tidak dengar betul-betullah.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Kalau betul saya tidak dengar, maafkanlah tetapi saya hendak kata Yang Berhormat Menteri, apabila Yang Berhormat Menteri mengatakan maksud *Science Officer*, Pegawai Sains itu adalah Sains Hayat dan Kimia, saya menyatakan dalam undang-undang yang hendak dicadangkan ini tidak ada tafsiran. Jadi apa yang Yang Berhormat Menteri kata tadi itu tidak boleh digunakan sebab kita mesti mentafsirkan dalam undang-undang itu sebab itu sepatutnya pindaan undang-undang ini bersekali dengan satu pindaan yang mentafsirkan makna *Science Officer* atau Pegawai Sains. Setuju tak Yang Berhormat Menteri? Kalau tidak, apa Yang Berhormat Menteri kata ini, mahkamah tidak boleh gunakan. Tentu mahkamah akan marah nanti. Yang Berhormat Menteri tidak kena marah tetapi yang kasihan pegawai-pegawai pendakwa ini, kena tengking dengan mahkamah sahaja.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Saya tidak faham apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Selagi tidak faham, jangan bentang undang-undang kalau tidak faham. Yang Berhormat Menteri tidak faham lagi, jangan bentang undang-undang.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Saya cakap tadi pegawai yang dimaksudkan di dalam undang-undang ini adalah Pegawai Sains Hayat dan Sains Forensik.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Betul tetapi mana dalam undang-undang kata begitu itu?

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Tidak. Tidak ada undang-undang-undang.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Tidak ada dalam undang-undang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tidak ada, Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tidak mengapalah kalau begitu saya jawab dengan secara bertuliskan tentang apa yang....

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tarik balik. Tidak boleh. Itu masalah apabila Yang Berhormat Menteri Kesihatan jawab pasal undang-undang.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** *[Bangun]*

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Tidak boleh secara bertulis.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Menteri...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Menteri sudah habis?

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Okey jadi Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Tidak, saya ingin cadangkan bukan dua sahaja Pegawai Sains, Yang Berhormat Menteri tetapi tiga.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sekejap, sekejap Yang Berhormat Pasir Puteh. Saya ada terdengar Yang Berhormat Menteri hendak jawab bertulis, betul Yang Berhormat Menteri? Yang Berhormat Menteri, jawapan secara bertulis?

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Bukan hanya isu ini. Bukan semua isu.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Kalau hendak penjelasan lagi, hendak penjelasan secara *detail* saya akan...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, ini bukan semua jawab secara bertulis. Kita perlu bahas.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sekejap. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri ini. Yang Berhormat Sepang duduk sekejap. Sekejap Yang Berhormat Puchong.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Kalau hendak *detail*, panjang lagi boleh saya bagi secara bertulis.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Menteri, buat apa kita bahas?

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** *[Mencelah]*

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Menteri, kita perlukan penjelasan.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Tuan Yang di-Pertua ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Menteri, mana satu ini benarkan? Yang Berhormat Kapar, Yang Berhormat Pasir Puteh. Mana satu?

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Saya hendak bantu Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Mana satu Yang Berhormat Menteri?

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Ini Yang Berhormat Pasir Puteh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Pasir Puteh, sila.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Saya ingin mencadangkan kita akan cuba bukan hanya dua tetapi tiga. Kalau boleh Pegawai Sains Kimia, *Biochem* dan juga *Forensic Chemistry* tigalah yang diiktiraf. Itu yang dimaksudkan dengan Pegawai Sains di situ.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Menteri...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Menteri...

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Pegawai Sains Kimia memang...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sekejaplah, satu-satu apabila Yang Berhormat Pasir Puteh mencelah ingin penjelasan dengarlah Yang Berhormat Menteri menjawab.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Dia tidak jawab soalan. Dia tidak memahami apa yang kita maksudkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Sepang berilah Yang Berhormat Menteri menjawab.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tadi sudah jawab, dia jawab tidak betul.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ini jawapan kepada Yang Berhormat Pasir Puteh ini.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Samalah kalau yang itu tidak selesai, buat apa hendak selesai ini. Selesai isu pertama dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Sepang tidak hormat langsung Tuan Yang di-Pertua ini.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya bukan tidak hormat Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak nyatakan kita tidak menghormati Parlimen ini dan kita letak Yang Berhormat Menteri yang tidak tahu undang-undang bercakap tentang undang-undang. Itu sebab apabila kita tanya, dia tidak faham soalan, sains komputerlah, apa maksudnya. *We are going no way, you know.* Parlimen ini bukan tempat main-main.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila. Yang Berhormat Kapar, duduk Yang Berhormat Kapar.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Yang Berhormat Pasir Puteh, memang Pegawai Sains Kimia sudah ada dan sudah memang dalam Perlembagaan sudah ada dalam undang-undang. Tambah lagi dualah. Jadi Sains Hayat dan Sains Forensik. Jadi tambah.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Menteri, boleh?

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: [Bangun]**

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Saya dapat tahu betullah di mana tambahannya. Kita akan luluskan satu rang undang-undang tetapi adalah tanggungjawab kita hendak tahu tambahannya di mana sebab apabila dibicarakan dalam mahkamah, hakim tidak akan terima dengan undang-undang yang tidak disenaraikan apa ditafsirkan sebagai *Science Officer* sebab *Science Officer* itu kalau kita ikut hendak cari *dictionary Science Officer is anyone to have scientific knowledge* dan ia pun tidak *specify Science Officer* yang bertaraf universitikah atau bertaraf kolejkah. *Science Officer* yang dalam apa bidang. Itu disebut tadi disebut oleh menteri tiga bidang atau empat bidang tetapi tidak ada dalam undang-undang ini. Kita kata kalau kita hendak luluskan memang ada kelemahan dalam undang-undang ini. Terima kasih.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh...

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Saya jawab tadi kepada Yang Berhormat Pasir Puteh tentang pegawai-pegawai yang dibolehkan untuk menjalankan analisis sampel ini Tuan Yang di-Pertua. Pegawai-pegawai yang bertauliahlah, yang ditauliahkan yang disebut tadi Pegawai Sains Kimia, Pegawai Kimia Hayat, Pegawai Kimia Forensik dan mana-mana Pegawai Sains yang diberi kelulusan untuk menjalankan tugas.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh saya hanya – isu yang sama. Minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, sebenarnya saya minta maaf tetapi jawapan soalan yang Yang Berhormat Menteri bagi tersebut itu tidak betul kerana kalau kita lihat kepada – boleh Yang Berhormat Timbalan Menteri? Sorry tetapi jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri beri itu tidak betul kerana kalau kita lihat kepada apa yang tersebut dalam fasal 2 di huraian nombor 3 itu jelas disebut bahawa apa yang dikatakan sebagai *Science Officer*, kalau kita lihat *Science Officer* itu terhurai dalam seksyen 399(2) of *The Criminal Procedure Code*.

So saya rasa mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak mungkin – *not your fault, it's different. That's the reasons we say ini undang-undang.* Seksyen 399 ada dihuraikan enam jenis orang *officer the of MIR, government medical officer chemist, document examiner, inspector of weight and measures and other person who are classified and notifications gazette.* So saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri kena lihat kepada seksyen 399. Tidak boleh Yang Berhormat Timbalan Menteri datang ke sini dan sebut senarai seperti mana yang disebut tadi. Ini kena dilihat dari segi seksyen 399 dan ia perlu diwartakan. So *let's be very careful there.* Jawapan yang diberikan tadi itu memang tidak boleh diterima untuk bahagian ini kerana diikat dengan seksyen 399(2) Yang Berhormat Timbalan Menteri. Itu menjadi sebab Tuan Yang di-Pertua dengan segala hormatnya kita sebut bahawa bahagian ini seharusnya dibawa oleh Bahagian Jabatan Peguam Negara, Jabatan Perdana Menteri. Boleh Yang Berhormat Timbalan Menteri? You have section 399 with you, ada? Tidak ada? Saya boleh bagi kalau...

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tadi tentang Yang Berhormat Sepang tadi saya dengan macam sains komputer, *Science Officer* yang disebut tadi ya?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Science Officer.**

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Baru saya faham. Saya ingatkan sains komputer sebab saya deras saya cakap. Saya pun hari ini pasal selesema jadi kurang dengar. Jadi *Science Officer* yang disebut tadi adalah mereka yang diberi tauliahlah. Selain daripada yang saya sebut tadi mereka yang lain pegawai yang ditauliahkan supaya ini lagi jelas. Pegawai dalam hal ini disebut sebagai *Science Officer* disebut dalam Kanun Tatacara Jenayah akan mengisyiharkan senarai Pegawai Sains Kimia Hayat dan Pegawai Sains Forensik yang mana rang undang-undang ini adalah satu pemberitahuan, pengisyiharan di bawah seksyen 399 Kanun Tatacara Jenayah yang akan mengisyiharkan senarai Pegawai Sains Kimia Hayat dan Pegawai Sains Forensik. Bermakna pegawai yang disebutlah.

## ■2200

Tuan Yang di-Pertua, tadi tentang anggapan, *presumption*. Kalau kita lihat dari keseluruhan gambaran yang lebih luas di seluruh Malaysia ini memang Malaysia sudah jadi satu pusat yang popular, satu negara yang popular di mana pengedar-pengedar telah membawa masuk pelbagai-bagi jenis dadah. Banyak tangkapan telah dibuat dan hari ini dadah juga berbagai-bagi.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: [Bangun]**

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Nantilah, saya cakap dahulu.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Sila, sila minta maaf.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Hari ini dadah bermacam-macam. Baik yang lama, yang baru iaitu syabu, yang *ice* dan sebagainya yang dibawa masuk. Jadi, peraturan yang dibuat ini adalah kerana *presumption* antara seksyen 37(d) dan seksyen 37(da) tadi kerana ada *loophole* di situ dan ada kes yang terlepas kerana *loophole* itu. Sebab itu hari ini disatukan supaya tidak timbul masalah *double presumption*.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Minta penjelasan. Saya tidak faham Yang Berhormat Timbalan Menteri, bagaimana Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh kata tidak timbul *double presumption* di mana seksyen ini mengatakan *that you can use a presumption of presumption*. Ini adalah *double presumption*. Apa yang dibentangkan di hadapan Dewan hari ini adalah *double presumption*. Itu satu.

Nombor dua, Yang Berhormat Timbalan Menteri kata ada *loop hole*. Apa *loop hole* itu? You kata ada *loophole* tadi bukan? *Loophole*. Ini Yang Berhormat Timbalan Menteri sebutkan tadi, bukan saya yang sebut, betul? Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu, mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak dengar kerana ada selesema apa yang dia cakap itu. *Crack loophole*. Apakah *loop hole* itu? Ini kerana...

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Ya, terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Dalam keadaan sebelum ini, sebelum dia pinda undang-undang ini memang ada *loophole*, ada kes yang terlepas kerana kes yang disebutkan dalam

ucapan saya tadi bahawa bila hakim tidak membenarkan *double presumption*, dua kali *presumption*, maka kes terlepas.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tidak, tidak, bukan, bukan...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri itu masalah dia.

Bukan kerana *loophole*. Ini kerana di situ hakim membuat keputusan bahawa sebenarnya aspek itu boleh dibuktikan dengan keterangan yang ada. So, tidak perlu ada anggapan digunakan di atas anggapan. Itu menjadi... Adoi!

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, sebenarnya apabila mahkamah...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Sepang, sekejap.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Boleh? Sebab saya rasa ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Dengan Yang Berhormat Puchong pun belum selesai lagi.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Saya lihat Yang Berhormat Menteri sedang...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kapar duduk dahulu Yang Berhormat Kapar dan Yang Berhormat Sepang. Beri masa sekejap pada Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Kita kasihan kepada Yang Berhormat Menteri, dia tidak boleh menjawab.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Saya faham Yang Berhormat Timbalan Menteri, *I understand*. Saya juga hendak bawa petikan daripada - kalau boleh kes tersebut. Bukan dua atau tiga muka surat, hanya tiga baris. Daripada kes Muhammad bin Hassan. Apa yang disebutkan di sini untuk meyakinkan Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa tidak ada *loophole*. *This is what*, dengan izin, dikatakan oleh mahkamah tersebut *and we would further add* Tuan Yang di-Pertua, *"that in so 'construing' as we do, we see no injustice to the persecution. In the proper case, whether is the evident, the evident so warrants, and the amount of drugs reaches or exceed the quantity specified. There is nothing to prevent a trial court from coming to a factual finding of procession as understood in criminal law and thereby attracting the other presumption."*

So, mahkamah membuat keputusan bahawa kalau kita ikut undang-undang yang sedia ada, tidak ada masalah. Masih boleh kita ada sabitan di bawah akta ini. Tidak perlu untuk *double presumption*. Seperti mana saya sebut tadi, kita lihat mahkamah yang menyatakan *double presumption* menyalimi tertuduh kerana *as I said earlier, this is you are promoting in competent on part of investigation* kerana kita ini bawa cara yang senang. So *that is why the court said*, tidak boleh. Dia dalam reman, sepatutnya kita yang buat siasatan untuk cari kebenaran, *establish*, kepastian. So, *where is the loophole* Yang Berhormat Timbalan Menteri?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, sekali imbas memanglah nampak pindaan ini akan meringankan tugas polis. Itu nampaknya begitulah. Hari ini *the owners is on the defends* untuk hendak membuktikan dia tidak berasalah. Betul? Ha, betullah. Jadi, ...

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Ya, so mana *loophole* dengan itu? Saya balik kepada...

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tadi, yang tadi, kes tadi, kes yang mula-mula saya sebut, kes Muhammad Hassan dengan...

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Ya, tetapi tidak ada *loo hole* di situ Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Apa yang saya faham ada *loophole*. Akan tetapi kalau Yang Berhormat kata tidak ada, *never mind*.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tidak. *I feel sorry for you*, Timbalan Menteri. Saya faham, saya faham. Saya minta maaf, *I really fell sorry that you cannot assisted. This is...*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, soalan lain.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *Totally ridiculous*.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, nanti sekejap.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Soalan lain, soalan lain.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Nanti sekejap.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okey.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Jadi, dengan pindaan ini nampaknya kerja polis ringan dan kerja hendak *defend* itu lebih berat lagilah. Itu nampaknya begitu.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Ya tetapi kerajaan kita ini sekarang kata ada banyak jenayah. Sepatutnya kita hendak ada satu sistem di mana kita boleh angkat sistem kepolisan, kecerdikan pihak polis. *This is what we want*. Bukan untuk meringankan tugas mereka, tahap siasatan pun semua turun. *It is going the reverse, the other way around*.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Sebenarnya nampaknya begitu.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Ya, kalau tidak nampak apa lagi. Kalau nampak samalah, kalau nampak kita lihat. Itu keadaan dia. Apa...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Okey, nanti. Saya bercakap janganlah bangun. Saya bercakap janganlah bangun.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** So, nampak tidak sama seperti apa yang berlaku?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Menteri sudah habis jawapan?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tidak, maksud nampak itu apa?

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** No, saya rasa Yang Berhormat Menteri...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sudah ada jawapan?

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *It is death penalty*, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya rasa benda ini kena tarik balik.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, Tuan Yang di-Pertua, *death penalty*. Kita hendak hukum orang gantung sampai mati.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Dia tidak boleh diluluskan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Ini keadaan dia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Menteri, saya hendak bantu Yang Berhormat Menteri ini. Yang Berhormat Menteri beri pencelahan atau tidak? Sudah habis jawapankah atau tidak?

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Puchong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila. Yang Berhormat lain duduk.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Terima kasih, terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Ya.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Oh, hendak jawab. Okey, sila jawab. Saya hendak dengar itu.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puchong beranggapan bahawa mahkamah ini, hakim ini memang satu tidak ada perasaan. Saya kira bila ada kes, bila dalam pengurusan mahkamah, bila kes-kes yang *loophole*, dia siasat *background* kes ini. Kalau dia memang ...

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Mencelah sedikit...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** *[Bangun]*

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tidak, bukan hakim tidak ada perasaan...

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Nanti, nanti belum lagi.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Akan tetapi undang-udang tidak benarkan hakim menggunakan...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Menteri...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** You are talking about a law does not allowed.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, kalau macam ini tidak selesai. Sebab itu saya beri peluang Yang Berhormat Menteri menjawab persoalan daripada Yang Berhormat Puchong. Beri Yang Berhormat Menteri jawab dahulu.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** I think kita dalam point of order...

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Dalam hal ini Tuan Yang di-Pertua, bila kita dibicarakan, bila kes *hardcore drug addict* dibicarakan - maksud saya, hakim persepsi dia lain. Akan tetapi kalau kes yang memang macam *drug* .... contohnya, kita ada *record* pun. Jadi, ada boleh peraturan yang boleh meringankan hukuman.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tidak ada. Mandatori, mandatori *death sentence*. Tidak ada.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya betul-betul simpati dengan Yang Berhormat Menterilah.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, you are wrong. Tidak ada, dia tidak ada peruntukan untuk dia hendak beri hukuman.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, makin Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab, makin mengelirukan.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Boleh merayu, boleh merayu.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Boleh rayu?

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Tuan Yang di-Pertua, tadi point of order ...

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tidak. Maksud saya, nanti dia tengok *background*.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Boleh rayu?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Macam mana saya hendak dengar. Mana satu saya hendak dengar.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Tadi ketika Yang Berhormat Subang membangkitkan...

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sekejap, sekejap.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Mandatori. *Death penalty* Yang Berhormat Timbalan Menteri. Bukan ada *discretion*. Tidak boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Saya faham. Yang Berhormat Kapar hendak bercakap, Yang Berhormat Batu hendak bercakap, Yang Berhormat Sepang hendak bercakap, Yang Berhormat Ampang hendak bercakap, Yang Berhormat Puchong

hendak bercakap. Mana satu saya hendak dengar? Yang Berhormat Menteri hendak jawab yang mana satu?

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Ya, saya dahululah.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Jawapan dia mengelirukan betul.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Dia begini, duduk. Yang Berhormat-Yang Berhormat, sila duduk. Sila duduk, terima kasih.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Saya bawa tengok *point of order* yang telah dibawa oleh...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tadi sudah diputuskan oleh Tuan Yang di-Pertua sebelum ini.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Akan tetapi jelas Yang Berhormat Menteri tidak faham bagaimana untuk membahaskan usul ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sudah, sudah Yang Berhormat Batu, sudah diputuskan.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Ya, sudah diputuskan tetapi kita boleh saksikan Yang Berhormat Menteri telah mengelirukan Dewan dengan mengatakan...

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Boleh saya sambung lagi?

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tidak apa, tidak apa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tidak payah panjang-panjang.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** *Inclusivity charge* dengan isu peraturan.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tidak. Yang Berhormat Timbalan Menteri, kalau saya boleh...

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Memberitahu atau meyakinkan Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa sebenarnya tidak ada *discretion* dan Yang Berhormat Timbalan Menteri adalah silap.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sekarang sedia untuk tarik balik undang-undang ini kerana salah. Semua jawapan, pembentangan - Minta maaflah Yang Berhormat Timbalan Menteri *but the whole you do not understand*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Okey, Yang Berhormat Puchong duduklah.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *The whole thing is wrong.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Kita ada banyak...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Menteri, mengakulah.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Mahkamah tinggi, mahkamah lain-lain...

■2210

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Puchong tanya, Menteri jawab, lepas itu Yang Berhormat Sepang tanya lagi.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tadi dah cakap, jawapan dia semua salah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Puchong yang berdegil-degil dengan saya ini kenapa?... *[Ketawa]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Bukan.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Bukan Yang Berhormat Puchong. Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Sepang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Jawapan dia semua salah.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Pertama, bila mahkamah buat keputusan...

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Hendak buat rayuan sedikit Tuan Yang di-Pertua, boleh?

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Nantilah dahulu.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Rayuan sahaja sedikit. Sebelum Menteri *go on*, saya rasa *we are talking cats and dogs* dengan izin. So, I think we withdraw and then make sure we talk to the right personlah. I think otherwise, perbahasan pada hari ini tidak akan ke mana. Jadi...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Jadi saya minta Tuan Yang di-Pertua membuat satu *ruling*. Satu cakap kucing satu cakap anjing, *it would not go anywhere*. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Menteri ya.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Mahkamah ini dia banyak tingkat. Mahkamah Tinggi, Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Agong, Mahkamah Rayuan, pelbagai.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tidak. Yang Berhormat mungkin...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Mungkin...

*[Dewan riuh]*

**Tuan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, bagilah peluang Menteri jawab. Saya dengar. Kita bagi...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Minta maaf.

**Tuan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tidak apa, duduk Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya kesian pada Menteri. Mengakulah bahawa Menteri tidak boleh jawab dekat sini.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Boleh saya berucap?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Tuan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Menteri, sudah habis jawapan?

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Apa dia?

**Tuan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sudah habis jawapan ke belum?

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Yang mana?

**Tuan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Jawapan perbahasan sudah habiskah belum? Sudah? Itu sahaja?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Eh, mana boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Okey. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]*

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua hendak kita hormat Dewan tetapi... *[Dewan riuh]*

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Tuan Yang di-Pertua, ada *point of order*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Peraturan mana?

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Saya hendak minta untuk satu kuorum...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ada 15?

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Saya minta rakamkan kuorum untuk Parlimen ini supaya kita memastikan sama ada kita cukup kuorum untuk meluluskan undang-undang ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Cukup, cukup. Bukan 15, cukup. Dia tanya kuorum kita cukupkah tidak, cukup.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Tuan Yang di-Pertua, *you have to count*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Batu, Yang Berhormat Batu minta kuorum? Okey.

*[Loceng dibunyikan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Kuorum kita cukup, melebihi 26. Kita ada 37. Sila Yang Berhormat duduk.

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

**[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]**

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempengerusikan Jawatankuasa]*

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

*[Fasal-fasal 1 hingga 4 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

**[Majlis mesyuarat bersidang semula]**

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Khamis, 5 Disember 2013.

**[Dewan ditangguhkan pada pukul 10.19 malam]**